

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENGGANTIAN PAIP SYABAS JENIS AC**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Paip Syabas jenis AC yang telah usang menyebabkan berlakunya paip pecah. Apakah status terkini penggantian paip-paip lama di seluruh Selangor dan kosnya?
  - b) Di kawasan mana di Semenyih yang terlibat dalam penggantian paip tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk tahun 2016, RM125 juta telah diluluskan dan penggantian paip sedang dilaksanakan, manakala bagi tempoh 2017 sehingga 2019, RM248 juta akan dicadangkan untuk pelaksanaan dalam Pelan Perniagaan 2017-2019.
- b) Penggantian paip akan dilaksanakan di Bandar Rinching Seksyen 2 dan 5 pada tahun ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN AWAM**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah Perpustakaan Awam Negeri Selangor?
  - b) Berapakah anggaran perbelanjaan tahunan yang digunakan untuk operasi Perpustakaan Awam di Selangor? Mohon dinyatakan mengikut perpustakaan.
  - c) Apakah kemudahan-kemudahan atau teknologi terkini yang disediakan di Perpustakaan Awam Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29, 2011 (pindaan)

Perkhidmatan perpustakaan di Negeri Selangor bermula pada tahun 1971. Sehingga kini terdapat 95 perpustakaan meliputi satu (1) perpustakaan ibu pejabat, tujuh (7) Perpustakaan Daerah, enam (6) Perpustakaan Cawangan, lapan (8) Perpustakaan Pekan, lima puluh lima (55) Perpustakaan Desa Negeri dan enam belas (16) Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia serta dua (2) unit Perpustakaan Bergerak.

<b>Kategori Perpustakaan</b>	<b>Jumlah</b>
Ibu Pejabat (Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam)	1
Perpustakaan Daerah	7
Perpustakaan Cawangan	4
Perpustakaan Pekan	10
Perpustakaan Desa Negeri	55
Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia	16
Perpustakaan Bergerak	2

<b>JUMLAH</b>	<b>95</b>
---------------	-----------

Pecahan perpustakaan mengikut daerah adalah sebagaimana berikut:

Daerah	Kategori Perpustakaan						Jumlah
	Pusat	Daerah	Cawangan	Pekan	Desa	Bergerak	
Petaling	1	-	-	1	3	-	5
Klang	-	1	2	-	4	-	7
Kuala Langat	-	1	-	-	9	1	11
Kuala Selangor	-	1	1	1	11	-	14
Sabak Bernam	-	1	-	2	22	1	26
Hulu Langat	-	1	2	2	7	-	12
Hulu Selangor	-	1	-	1	7	-	9
Gombak	-	1	1	-	2	-	4
Sepang	-	-	-	1	6	-	7
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>8</b>	<b>71</b>	<b>2</b>	<b>95</b>

- b) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menerima peruntukan mengurus dan operasi setiap tahun dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan mengurus dan operasi tahunan. Perpustakaan juga akan mengemukakan permohonan bajet tambahan mengikut keperluan semasa sekiranya peruntukan yang diterima tidak mencukupi.

Berikut adalah jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengurus/operasi di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor perbandingan bagi tempoh tahun:

Bil	Caruman	Tahun 2012 (RM)	Tahun 2013 (RM)	Tahun 2014 (RM)	Tahun 2015 (RM)	Hingga Sept 2016 (RM)
1.	Kerajaan Negeri	9,499,075.00	10,200,00.00	11,600,000.00	11,600,000.00	11,665,600.00
2.	Persekutuan	7,462,073.00	7,333,492.00	7,700,166.60	8,470,183.26	5,278,560.80
Jumlah Peruntukan Diterima		16,961,148.00	17,533,492.00	19,300,166.60	20,070,183.26	16,944,160.80
Jumlah Perbelanjaan Tahunan		20,882,547.00	22,173,661.00	19,188,368.00	19,366,869.00	14,533,153.00

Butiran perbelanjaan mengurus/operasi mengikut kategori atau kod perbelanjaan sebagaimana berikut:

<b>Bil</b>	<b>Butiran Perbelanjaan</b>	<b>Tahun 2012 (RM)</b>	<b>Tahun 2013 (RM)</b>	<b>Tahun 2014 (RM)</b>	<b>Tahun 2015 (RM)</b>	<b>Jan-Sept 2016 (RM)</b>
1.	<b>Perbelanjaan Kakitangan (Emolumen)</b>	7,062,805.00	8,273,925.00	8,107,978.00	8,301,272.00	8,044,045.00
2.	<b>Buku-Buku</b>	4,610,723.00	3,724,857.00	2,716,481.00	2,616,379.00	1,168,721.00
3.	<b>Perbelanjaan Mengurus</b>					
3.1	Utiliti	2,107,400.00	2,610,414.00	2,653,714.00	2,312,680.00	1,532,591.00
3.2	Penyelenggaraan	2,746,978.00	2,724,135.00	1,961,537.00	1,831,161.00	1,082,919.00
3.3	Majalah, surat khabar dan bahan bercetak	438,115.00	383,942.00	305,134.00	323,585.00	210,580.00
3.4	Kempen, program dan aktiviti perpustakaan	1,091,084.00	1,140,689.00	660,156.00	923,004.00	368,055.00
3.5	Lain-lain perbelanjaan mengurus dan perkhidmatan	2,680,380.00	3,170,645.00	2,519,393.00	2,895,210.00	1,937,280.00
4.	<b>Komputer</b>	85,462.00	145,054.00	56,182.00	60,467.00	15,166.00
5.	<b>Kenderaan</b>	59,600.00	-	209,793.00	103,111.00	173,793.00
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>20,882,547.00</b>	<b>22,173,661.00</b>	<b>19,188,368.00</b>	<b>19,366,869.00</b>	<b>14,533,153.00</b>



Anggaran perbelanjaan **setahun** mengikut perpustakaan adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Kategori Perpustakaan	Jumlah Perpustakaan	ANGGARAN KOS PERBELANJAAN UNTUK SATU (1) PERPUSTAKAAN SETAHUN								Anggaran Kos Setahun
			Kakitangan		Utiliti (RM)	Penyelenggaraan (RM)	Kawalan Keselamatan (RM)	Koleksi (RM)	Pembaikan (RM)	Program / Aktiviti (RM)	
			Jumlah	Kos (RM)							
1.	Ibu Pejabat	1	85	2,178,815	1,800,000	480,000	345,000	400,000	350,000	100,000	5,653,815
2	Perpustakaan Daerah	7	5	126,884	120,000	120,000	86,400	100,000	100,000	10,000	663,284
3	Perpustakaan Cawangan	4	4	99,216	84,000	66,000	43,200	70,000	70,000	7,000	439,416
4	Perpustakaan Pekan	10	2	49,608	60,000	48,000	43,200	50,000	50,000	5,000	305,808
5	Perpustakaan Desa Negeri	55	1	24,804	12,000	24,000	-	30,000	25,000	3,000	118,804
6	Perpustakaan Bergerak	2	2	49,608	-	27,500	-	20,000	10,000	2,000	109,108

Anggaran perbelanjaan **keseluruhan setahun** mengikut perpustakaan adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Kategori Perpustakaan	Jumlah Perpustakaan	Anggaran Kos Setahun (RM)	Anggaran Keseluruhan Kos Setahun (RM)
1.	Ibu Pejabat	1	5,653,815	5,653,815
2	Perpustakaan Daerah	7	663,284	4,642,988
3	Perpustakaan Cawangan	4	439,416	1,757,664
4	Perpustakaan Pekan	10	305,808	3,058,080
5	Perpustakaan Desa Negeri	55	118,804	6,534,220
6	Perpustakaan Bergerak	2	109,108	218,216
<b>JUMLAH</b>				<b>21,864,983</b>

- c) Perpustakaan juga sentiasa memperkenalkan ciri-ciri yang berbeza dan sentiasa relevan kepada kehendak masyarakat. Justeru itu, selain daripada koleksi bahan yang terkini bagi memenuhi kehendak masyarakat pelbagai kemudahan dan teknologi maklumat juga disediakan. Penyediaan kemudahan ini adalah bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung dengan konsep Perpustakaan Sebagai Rumah Keduaku (*Library My Second Home*).

Di antara kemudahan yang tersedia di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam adalah:

- i. **INTERNET DAN WiFi** - PPAS menyediakan kemudahan internet dan WiFi secara percuma dengan kelajuan 100 mbps (unifi).
- ii. Bagi menjadikan perpustakaan sebagai pusat komuniti, PPAS turut menyediakan auditorium (200 orang), dewan serbaguna (150 orang), bilik-bilik seminar, taklimat dan perbincangan.
- iii. **BOOK WALL** - Rak *Book Wall* boleh memuatkan kira-kira 1,500 naskhah buku secara susunan menghadap depan. Manakala jika buku disusun secara biasa (tetulang buku di sebelah hadapan), sekitar 10-12 ribu naskhah buku boleh dimuatkan. *Book wall* ini dibahagikan kepada

empat tema di empat tingkat: Anatomi Manusia di Tingkat 1, Lautan di Tingkat 2, Bumi di Tingkat 3 dan Angkasa Lepas di Tingkat 4.

- iv. **ZON KREATIF** - Zon kreatif terletak diruang kanak-kanak, meliputi *reading tree*, pentas dan bilik aktiviti kanak-kanak. Di Zon Siber Bahagian Kanak-Kanak telah disediakan 8 komputer peribadi HP Windows 7 dan 8 komputer iMac untuk pengguna kanak-kanak melayari Internet. Sudut Interaktif pula merupakan sudut di mana terdapat permainan interaktif untuk kanak-kanak seperti *Nintendo Wii*, *i-Step*, *ubiq-window* dan *On Location Reporter*.
- v. **GIMNASIUM** - Perpustakaan mempunyai 3 gimnasium iaitu gimnasium utama di tingkat terbawah dan 2 gimnasium mini yang dikhususkan untuk lelaki dan wanita. Penyediaan kemudahan ini adalah berkonsepkan '*healthy body and healthy mind*'.
- vi. **TEATER 6D & 3D** - Teater XD mempunyai 8 unit kerusi berteknologi 6D *Motion Ride* iaitu gabungan kesan khas pencahayaan, gegaran, angin, visual 3D dan bunyi. Manakala bilik mini 3D yang berkapasiti 30 orang, merupakan ruang aktiviti bagi tayangan filem-filem yang berteknologi 3 dimensi.
- vii. **KOMPUTER DAN MULTIMEDIA & WI-FI** - Terdapat 100 unit komputer yang terdiri daripada 38 iMac dan 62 HP Windows 7 untuk pilihan pengguna di setiap tingkat.
- viii. **DEWAN & BILIK SEMINAR** - Perpustakaan juga mempunyai auditorium yang boleh memuatkan 200 orang. Terdapat juga dewan dan bilik seminar yang boleh digunakan untuk tujuan seminar, bengkel dan ceramah
- ix. **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN** - seperti kafetaria, surau, laman ilmu, bilik muzik, kedai buku, bilik-bilik mesyuarat dan perbincangan.
- x. **WIFI SELANGORKU** - Ia merupakan kerjasama dengan Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi memasang WIFI Selangorku di Perpustakaan Daerah, Cawangan, pekan dan Desa bagi memberi kan perkhidmatan internet percuma kepada penduduk sekitar.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan ini dinyatakan melalui data pengunjung perpustakaan sebagaimana berikut:

PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN



	<b>PENGUNJUNG RAJA TUN UDA</b>	<b>PENGUNJUNG DAERAH</b>	<b>PENGUNJUNG KESELURUHAN</b>
2008	120,481	648,382	768,863
2009	151,397	689,301	840,698
2010	146,924	710,309	857,233
2011	176,505	682,682	859,187
2012	619,452	683,535	1,302,987
2013	754,478	713,222	1,467,700
2014	814,848	760,514	1,575,362
2015	696,083	761,367	1,457,450

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : RUMAH PKNS**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Mohon statistik pembinaan rumah PKNS yang telah siap dan dalam pembinaan atau perancangan mulai 2008 mengikut daerah Negeri Selangor.
  - b) Berapa luaskah tanah kerajaan negeri yang digunakan oleh PKNS untuk membina rumah tersebut?
  - c) Berapa luas pula tanah-tanah swasta yang dibeli untuk tujuan itu jika ada?

**JAWAPAN:**

- a) Sila rujuk Lampiran 1.
- b) Tiada. Kesemua tanah yang dimajukan adalah milik PKNS.
- c) Bagi projek pembinaan rumah di daerah Sepang (seperti di Lampiran 1) seluas 96 ekar tanah telah dibeli oleh PKNS daripada pihak swasta bagi tujuan itu.

## Lampiran 1

- (i) Berikut merupakan **statistik** projek pembinaan rumah PKNS yang telah siap mulai tahun 2008 sehingga 2015 mengikut daerah di Negeri Selangor.

Bil.	Daerah	Bilangan (Unit)							
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1.	Petaling	100	809	72	811		536	60	34
2.	Hulu Langat	178	62				236		43
3.	Gombak	350	185	494		704	1,467	81	54
4.	Kuala Selangor			533		75			
5.	Hulu Selangor	173		386		149	174	243	76
6.	Sepang								356
<b>Jumlah (Unit)</b>		<b>801</b>	<b>1,056</b>	<b>1,485</b>	<b>811</b>	<b>928</b>	<b>2,413</b>	<b>384</b>	<b>563</b>

- (ii) Berikut merupakan **statistik** projek pembinaan rumah PKNS dalam pembinaan pada tahun 2016 mengikut daerah di Negeri Selangor.

Bil.	Daerah	Bilangan (Unit)
		2016
1.	Petaling	421
2.	Gombak	516
3.	Kuala Selangor	104
4.	Hulu Selangor	1,187
5.	Sepang	236
<b>Jumlah (Unit)</b>		<b>2,464</b>

- (iii) Berikut merupakan **statistik** projek pembinaan rumah PKNS dalam perancangan pada tahun 2015-2019 mengikut daerah di Negeri Selangor.

Bil.	Daerah	Bilangan (Unit)					Jumlah (Unit)
		2015	2016	2017	2018	2019	
1.	Petaling	531	946	322	474	70	2,343
2.	Hulu Langat	268	255	-	-	-	523
3.	Klang	200	320	440	256	-	1,216
4.	Gombak	725	58	118	245	303	1,449
5.	Sepang	751	848	-	-	-	1,599
6.	Hulu Selangor	510	1,087	503	336	887	3,323
<b>Jumlah (Unit)</b>		<b>2,985</b>	<b>3,514</b>	<b>1,383</b>	<b>1,311</b>	<b>1,260</b>	<b>10,453</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : ISU GANGGUAN AIR MELIBATKAN LEBIH 300 RIBU PENGGUNA  
RUMAH TERJEJAS**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah punca-punca berlakunya gangguan bekalan air di empat daerah Negeri Selangor (Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang)?
  - b) Apakah tindakan penguatkuasaan selaras dengan Undang-undang / Peraturan-peraturan yang telah diambil untuk pesalah yang telah dikenalpasti sebagai punca kejadian ini?
  - c) Adakah Kerajaan Negeri akan memberikan rebat dalam bil air kepada semua akaun pengguna SYABAS yang terlibat?

**JAWAPAN:**

- a) Daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat & Sepang mengalami gangguan bekalan air kerana loji rawatan air (LRA) Sg. Semenyih terpaksa ditutup sebanyak 4 kali pada 22, 23 dan 24 September 2016 serta 4 Oktober 2016 akibat pencemaran bau air mentah di Sungai Semenyih.

Daerah Kuala Lumpur, sebahagian Hulu Langat dan Petaling juga telah mengalami gangguan bekalan air kerana LRA Sg. Langat dan Cheras terpaksa ditutup pada 7 Oktober 2016 akibat pencemaran bau di Sg. Semantan, Pahang.

- b) Jabatan Alam Sekitar akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, di mana, jika disabit kesalahan, pesalah akan dikenakan denda maksimum RM100,000 dan/atau 5 tahun penjara.

Pihak berkuasa tempatan pula akan membatalkan semua lesen perniagaan dan menamatkan operasi perniagaan.

- c) Kerajaan Negeri tidak akan memberi rebat kepada pelanggan di kawasan yang mengalami gangguan bekalan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PROJEK BERCAMPUR DI TEPI PAYA INDAH  
WETLAND DENGKIL**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila menyatakan butir dan makluman lengkap mengenai pembangunan sebuah projek bercampur di tepi lot tanah Paya Indah Wetland, Dengkil, Daerah Kuala Langat, Selangor.
  - b) Sila berikan nama pemaju syarikat, nombor lot tanah, nama projek, jumlah dan bilangan pembangunan perdagangan atau kediaman.
  - c) Sila menyatakan tarikh pemaju syarikat mendapatkan kelulusan tukar syarat penggunaan tanah daripada pertanian kepada perdagangan atau kediaman.

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Untuk makluman, projek pembangunan dimaksudkan adalah di atas Lot 68054 Mukim Tanjung 12, Daerah Kuala Langat. Lot berkenaan adalah berstatus kategori bangunan dan mempunyai syarat nyata bangunan kediaman. Dari sudut pemilikan, tanah tersebut didaftarkan di atas nama Gamuda Land (T12) Sdn. Bhd. (310424-M) sepertimana direkodkan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

Permohonan pembangunan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sensitif Alam Sekitar (JKSAS) yang telah diadakan pada 5 Oktober 2016 dan perlu diangkat untuk pertimbangan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (SPC). Seterusnya, SPC akan membuat keputusan sama ada permohonan ini akan dipanjangkan ke Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) atau pun sebaliknya.

Permohonan untuk mengubah kategori kegunaan tanah dan meminda syarat nyata tanah di bawah Seksyen 124(1)(a) dan (c) Kanun Tanah Negara di atas Lot 68054, telah dipertimbang dan diluluskan secara bersyarat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 7/2015 yang diadakan pada 17 Februari 2015 kepada Salak Land Development Sdn Bhd (yang kini dikenali sebagai Gamuda Land (T12) Sdn Bhd).



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : KUOTA AHLI LEMBAGA PENASIHAT DEWAN BANDARAYA KUALA  
LUMPUR**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila menyatakan syarat atau kelayakan penamaan calon untuk mengisi jawatan Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mewakili Kerajaan Negeri Selangor.
  - b) Sila memberikan nama-nama yang sedang, atau telah menyandang jawatan tersebut sejak tahun 2008 sehingga sekarang.
  - c) Sila menyatakan jumlah kuota yang diperolehi oleh setiap parti komponen di antara PKR, DAP, PAS atau AMANAH.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : SISTEM PENTADBIRAN PEMAJU**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bilakah Sistem Pentadbiran Pemaju dilaksanakan dan bagaimana ianya memantau prestasi pemaju di Selangor termasuk aspek keselamatan pekerja?
  - b) Apakah tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat pembinaan dan kontraktor yang melanggar undang-undang keselamatan pekerja berikutan kematian orang awam di Bukit Bintang baru-baru ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor hanya memperkenalkan Sistem Pendaftaran Pemaju (SPEM) pada tahun 2005 berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 16 September 2004 yang mengarahkan semua pemajuan dan pembangunan yang dijalankan di Negeri Selangor hendaklah berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Pelaksanaan pendaftaran pemaju dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) UPEN: SPBT Bil. 6/2007 bertarikh 02 Ogos 2007.

Setiap pemaju diwajibkan untuk menghantar laporan kemajuan kerja setiap enam (6) bulan selepas pendaftaran dibuat kepada LPHS bagi memantau perkembangan kemajuan projek bagi memastikan projek siap mengikut jadual dan tempoh masa yang ditetapkan serta mengenal pasti projek yang lewat serta berpotensi untuk terbengkalai.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebarang aspek keselamatan syarikat-syarikat pembinaan dan kontraktor yang melanggar undang-undang keselamatan pekerja adalah di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan juga pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kedua-dua pihak tersebut bertanggungjawab dalam memastikan setiap syarikat-syarikat pembinaan dan kontraktor mematuhi semua garis panduan yang telah ditetapkan dan akan mengambil tindakan undang-undang mengikut akta sedia ada bagi mana-mana syarikat pembinaan dan kontraktor yang tidak mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PROJEK HARTANAH DI DAERAH KUALA SELANGOR OLEH GLC**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan kesemua projek usahasama projek hartanah di Daerah Kuala Selangor antara Kerajaan Selangor melalui GLC dengan pemaju swasta. Berikan maklumat tentang saiz tanah, GDV, tempoh usahasama dan maklumat-maklumat lain termasuk pulangan kepada kerajaan.

**JAWAPAN:**

- a) *Government Linked Companies* (GLC) adalah merujuk kepada **Anak Syarikat Kerajaan Negeri (Anak Syarikat) dan Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri.**

Anak Syarikat Kerajaan Negeri (Anak Syarikat) didefinisikan sebagai **syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dengan pegangan saham sebanyak 50 peratus (50%) atau lebih**, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kedudukan terkini **senarai Anak Syarikat** adalah seperti berikut:

- (i) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB);
- (ii) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB);
- (iii) Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC);
- (iv) Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB);
- (v) Invest Selangor Berhad (Invest Selangor);
- (vi) Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB);
- (vii) Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (MSNS Holding Sdn. Bhd.);
- (viii) Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB);
- (ix) Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB);
- (x) Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB);
- (xi) Yayasan Dar Al-Qard Al-Hasan Selangor (YAQAD);
- (xii) Yayasan Selangor (YS); dan
- (xiii) Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

Manakala Badan Berkanun pula adalah mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang **diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang Persekutuan atau Negeri** dan yang menjadi Pihak Berkuasa Awam atau agensi Kerajaan Malaysia/Kerajaan

Negeri tetapi tidak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980). Kedudukan terkini **senarai Badan Berkanun Negeri** adalah seperti berikut:

- (i) Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS);
- (ii) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS);
- (iii) Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT);
- (iv) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS);
- (v) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS); dan
- (vi) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS).

Secara keseluruhannya, **projek usahasama projek hartanah di Daerah Kuala Selangor antara Kerajaan Negeri Selangor melalui GLC (Anak Syarikat dan Badan Berkanun Negeri) dengan pemaju swasta** adalah seperti jadual berikut:

<b>Bilangan Projek</b>	<b>Bilangan Syarikat Usahasama</b>	<b>Keseluruhan Saiz Tanah</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	<b>Bentuk/ Nilai Pulangan Kepada Kerajaan Negeri (RM)</b>	<b>Gross Development Value (GDV) (RM)</b>
<b>6 projek</b>	<b>6 syarikat</b>	<b>502.983 ekar</b>	<b>130,480,000.00</b>	<b>11,040,296.00</b>	<b>64,705,000.00</b>

Perincian ke atas **senarai projek usahasama projek hartanah di Daerah Kuala Selangor antara Kerajaan Negeri Selangor melalui GLC dengan pemaju swasta** berdasarkan maklumat tentang saiz tanah, GDV, tempoh usahasama dan maklumat-maklumat lain termasuk pulangan kepada kerajaan adalah seperti jadual di **LAMPIRAN A**.

**STATUS**  
**PROJEK USAHASAMA PROJEK HARTANAH DI DAERAH KUALA SELANGOR  
 DI ANTARA KERAJAAN NEGERI MELALUI GLC DENGAN PEMAJU SWASTA  
 SEPERTI PADA 30 SEPTEMBER 2016**

**ANAK SYARIKAT:**

Bil.	Anak Syarikat	Jenis Projek	Syarikat Usahasama	Saiz Tanah	Kos Projek (RM)	Tempoh Usahasama	Peratus Siap	Bentuk/ Nilai Pulangan Kepada Kerajaan Negeri (RM)	Gross Development Value (GDV) (RM)	Lain-lain
1.	<b>KDEB</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
2.	<b>PNSB</b>	Program Khas Perumahan Kos Rendah (SSI)	Serambi Padu Sdn. Bhd.	32.2 ekar	58,880,000	19 Jun 2014 hingga 18 Jun 2019 (Perjanjian Tambahan)	43%	<i>Akan ditentukan apabila komposisi melalui Kebenaran Merancang Akhir diluluskan sepenuhnya kelak.</i>	64,705,000	-
3.	<b>BBGC</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
4.	<b>CCSB</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
5.	<b>Invest Selangor</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-

**LAMPIRAN A**

<b>Bil.</b>	<b>Anak Syarikat</b>	<b>Jenis Projek</b>	<b>Syarikat Usahasama</b>	<b>Saiz Tanah</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	<b>Tempoh Usahasama</b>	<b>Peratus Siap</b>	<b>Bentuk/ Nilai Pulangan Kepada Kerajaan Negeri (RM)</b>	<b>Gross Development Value (GDV) (RM)</b>	<b>Lain-lain</b>
6.	<b>KSSB</b>	Lombong Pasir Persendirian H.S.(D) 274160 PT5628, Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor	Goldgraf Sdn. Bhd.	91.39 ekar	-	Ogos 2010 hingga Sept 2016	Masih Beroperasi	Royalti 4,854,029	-	-
		Lombong Pasir Persendirian PT5627 H.S.(D) 274159, Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor	Jarom Angkut Sdn. Bhd.	138 ekar	-	Nov 2012 hingga Sept 2016	Masih Beroperasi	Royalti 5,835,100	-	-
		Lombong Pasir Persendirian PT5630 H.S.(D) 274162, Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor	Malaysian Rock Products Sdn. Bhd.	173.46 ekar	-	Julai 2016 hingga Sept 2016	Masih Beroperasi	Royalti 238,940	-	-
		Lombong Tanah Liat Persendirian PN22313, Lot	Edaran Timur Jaya Ent. Sdn. Bhd.	49.933 ekar	-	Julai 2016 hingga Sept 2016	Masih Beroperasi	Royalti 112,227	-	-

**LAMPIRAN A**

<b>Bil.</b>	<b>Anak Syarikat</b>	<b>Jenis Projek</b>	<b>Syarikat Usahasama</b>	<b>Saiz Tanah</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	<b>Tempoh Usahasama</b>	<b>Peratus Siap</b>	<b>Bentuk/ Nilai Pulangan Kepada Kerajaan Negeri (RM)</b>	<b>Gross Development Value (GDV) (RM)</b>	<b>Lain-lain</b>
		2501, Ulu Tinggi, Daerah Kuala Selangor								
7.	<b>MSNS Holdings</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
8.	<b>PIYSB</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
9.	<b>RMSB</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
10.	<b>TSSB</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
11.	<b>YAQAD</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
12.	<b>YS</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
13.	<b>YAWAS</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-

**BADAN BERKANUN:**

<b>Bil.</b>	<b>Badan Berkanun</b>	<b>Jenis Projek</b>	<b>Syarikat Usahasama</b>	<b>Saiz Tanah</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	<b>Tempoh Usahasama</b>	<b>Peratus Siap</b>	<b>Bentuk/ Nilai Pulangan Kepada Kerajaan Negeri (RM)</b>	<b>Gross Development Value (GDV) (RM)</b>	<b>Lain-lain</b>
1.	<b>LPHS</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
2.	<b>LUAS</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
3.	<b>PADAT</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
4.	<b>PKNS</b>	Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas PT73 H.S.(D) 283107 Di Jalan Keramat, Seksyen 11, Bandar Kuala Selangor	Bina Variamas Development Sdn. Bhd.	18 Ekar	71,600,000	5 Tahun	-	-	-	-
5.	<b>PKPS</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-
6.	<b>PPAS</b>	Tiada	-	-	-	-	-	-	-	-



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KONTRAKTOR SISA PEPEJAL MBPJ**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan nama dan nombor syarikat kesemua 17 kontraktor yang dilantik untuk mengurus sisa pepejal di MBPJ sejak 1 Ogos 2016.
  - b) Senaraikan juga bilangan NTC yang telah dikeluarkan kepada mana-mana 17 kontraktor sehingga sekarang.

**JAWAPAN:**

- a) Sila rujuk Lampiran C1
- b) Sila rujuk Lampiran C2

LAMPIRAN C1

**SENARAI KONTRAKTOR KUTIPAN BERSERTA NAMA & NO. TELEFON  
SYARIKAT DI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 2016.**

BIL.	KOD KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NAMA OWNER	NO. TELEFON
1.	K1	SHAHAS RESOURCES	MOHD. SHAHRUL NIZAM	03-3323 3272 / 019-3328139
2.	K2	BT EIGHT ENTERPRISE	MOHD. JAIS ZAINAL	03-4260 3148/4257 3148 / 016-2084340
3.	K3	RAZZAQ SOLUTION ENTERPRISE	AIZUDDIN MOHD JAIS	017-623 4002 / 010 2698380
4.	K5	GLOBAL INTERN DREAM (M) SDN. BHD.	DATUK ABD. HALIM	03-5511 5726 /28 / 019-3226881
5.	K6	JITU HARTA SDN. BHD.	MOHD. ARIF B OTHMAN	03-4143 6149 / 012-356 0867
6.	K7	WATAN ANGKASA RESOURCES SDN. BHD.	DATO HJ. ABDUL KARIM B. MOHD YUSOF	03 -4143 5033 / 012 3560448
7.	K8	WANILA RESOURCES	NOOR AZWAN B. CHE MAN	03-3136 3136 / 012 3732676
8.	K9	KEKAL WAJA CONSTRUCTION & SERVICES	AZROL AHMAD RAFIE	019-278 1877 / 019-2781877
9.	K10	WHITE SAND VENTURE	MOHD. SAHRUDDIN B. MUHD KARAMI	019-4755572
10.	K11	SHAZA NETWORK SDN. BHD.	ZAKARIA B. HASHIM	03-7832 6190
11.	K12	ESKAY TECH ENTERPRISE	MOHD. HAZNI KHALID	03-6091 4778 / 019-2386276
12.	K13	DELIMA SEJAGAT SDN. BHD.	NOOR KHAZAKA B. MOHD	012-3083040
13.	K14	AWAMAL SDN. BHD.	SAMAD B. KASSIM	03-5650 1337
14.	K15	MAINIZA MANTAP SDN. BHD.	DATIN HJH . MAINI BT. JALI	03-89399977 / 019-2039977
15.	K16	KUANG TEGUH (M) SDN. BHD.	MUSA B. ISMAIL	03-3290 5564 / 012-3815565
16.	K17	AIMAN PLATINUM SDN. BHD.	AIMAN FIRDAUS TAN	019-2132552
17.	K18	RENTAK KANDIS ENTERPRISE	MOHD. KHAIROL AZLI	017-8736 574

## NTC KONTRAKTOR KUTIPAN 2016

KOD	KONTRAKTOR	KAWASAN	OGOS	SEPT
			BIL NTC	BIL NTC
K1	SHAHAS RESOURCES	PJU 10	1	2
K2	BT EIGHT ENTERPRISE	PJU 9	1	0
K3	RAZZAQ SOLUTION ENTERPRISE	PJU 8, PJU 7, PJU 6, PELANGI DAMANSARA	1	0
K5	GLOBAL INTER-DREAM (M) SDN BHD	PJU 5 : SEK 3 (TISB & TSS 1), SEK 5, SEK 6, SEK 7, SEK 8, SEK 9, SEK 10 & SEK 11 ) PETALING JAYA	3	2
K6	JITU HARTA SDN BHD	PJU 3, PJU 4, PJU 5 : (SEK 1 & SEK 4) PETALING JAYA	1	2
K7	WATAN ANGKASA RESOURCES SDN BHD	PJU 1A & PJU 2	1	0
K8	WANILA RESOURCES	SS 23, SS 24, SS 25, SS 26, PJU 1, & KG.SG KAYU ARA	1	0
K9	KEKAL WAJA CONSTRUCTION & SERVICES	SS 2, SS 20, SS 21,, SS 22, SS 22A	0	0
K10	WHITE SAND VENTURE	SS 3, SS 4, SS 5, SS 6, SS 7, STADIUM KELANA JAYA, PEJABAT LANDSKAP, KOLAM RENANG & DEWAN D'KELANA)	1	3
K11	SHAZA NETWORK SDN BHD	SS 8, SS 9, SS 9A, SEKSYEN 51A, SEKSYEN 20, SEKSYEN 21, SEKSYEN 22, DAN SS 1	1	0
K12	ESKAY TECH ENTERPRISE	SEKSYEN 1, 1A, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 51 & 52	1	0
K13	DELIMA SEJAGAT SDN BHD	SEKSYEN 11, 12, 13, 14, 16, 17, 17A, & 19	0	0
K14	AWAMAL SDN BHD	SEKSYEN 18, PJS 1 & PJS 2	1	0
K15	MAINIZA MANTAP SDN BHD	PJS 3, PJS 4, PJS 5 & PJS 6	3	6

K16	KUANG TEGUH (M) SDN BHD	PJS 8, PJS 10 & SS 10	1	0
K17	AIMAN PLATINUM SDN BHD	PASAR JALAN OTHMAN, TAMAN SELERA JALAN OTHMAN, DEWAN SIVIK, KUARTERS 4/46	0	0
K18	RENTAK KANDIS	PASAR JALAN CEMPAKA, PASAR SUNGAI WAY, PASAR SEKSYEN 14, PASAR TAMAN DATO HARUN, PASAR SEK. 17/1A, PASAR PAGI PJS 2D, KEBUK SAMPAH SS 2/63 & PASAR TAMAN MEGAH	0	0

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : AJARAN AGAMA SESAT DI SELANGOR**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah definisi terhadap ajaran agama Islam yang sesat di Selangor?
- b) Senaraikan semua ajaran agama Islam yang sesat di Selangor serta butiran-butiran terperinci terhadap aktiviti mereka dan cara-cara yang telah diambil oleh pihak berkuasa terhadap mereka.

**JAWAPAN:**

- a) Ajaran Agama Islam yang sesat di Selangor adalah didefinisikan sepertimana definisi ajaran sesat yang diguna pakai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada masa ini iaitu : “Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah”.
- b) Senarai semua ajaran yang sesat di Selangor dan butiran-butiran terperinci terhadap aktiviti mereka adalah sepertimana dilampirkan. Kesemua ajaran ini difatwakan berdasarkan Seksyen 47 [Enakmen Pentadbiran Agama Islam](#) (Negeri Selangor) 2003.

Tujuan pewartaan ini adalah untuk memastikan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dapat dikuatkuasakan dan tindakan dapat diambil terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang melanggar fatwa tersebut.

Bil	Nama dan ringkasan	Tahun Pewartaan
1.	<p><b>Ajaran Ilmu Makrifat dan Mengenal Diri Peninggalan Tok Kenali Kelantan Oleh Shaari Bin Hj. Mohd Yusof –</b> Gelaran Hj. Kasyaf.</p> <p>Beliau berasal daripada Tanah Merah, Kelantan. Beliau merupakan anak kepada Mohd Yusof Cik Wook yang merupakan guru beliau dalam mempelajari ilmu Makrifat Tok Kenali. Bapa beliau adalah satu-satu anak murid Syeikh Daud al-Fatani yang mempelajari ilmu Makrifat daripada al-Marhum Tok Kenali dan Tok Selehong, Kelantan. Kini beliau giat berceramah di masjid dan surau, pejabat-pejabat awam dan swasta di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Negeri-negeri lain.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membawa Fahaman Wahdatul Wujud</li> <li>2. Menafsir Ayat Al-Quran Mengikut ogic Aqal.</li> </ol>	Dalam Proses Pewartaan
2.	<p><b>Kumpulan Militan Islamic State (IS) –</b> Merupakan pecahan dari organisasi al-Qaeda yang berpusat di Afghanistan yang kini diketuai oleh Abu Aiman al-Zawahiri, mantan orang kanan Usamah Ben Laden. Kumpulan ini telah Berjaya menarik anak-anak muda Islam dari seluruh rantau dunia termasuk dari Malaysia yang telah menyertai kumpulan penentang kerajaan dan kumpulan militan di Syiria sejak konflik di Negara itu bermula pada tahun 2011.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Negara-negara umat Islam selain IS adalah Negara kafir dan wajib diperangi.</li> <li>2. Menjadi kafir kerana terlibat di dalam sistem demokrasi, pilihanraya dan kepartian.</li> </ol>	3 Februari 2016
3.	<p><b>Tarikat Naqsyabandiah Khalidiah di bawah Pimpinan Aleh Solihin bin A. Sidiki (A.S.).</b> Ajaran ini beroperasi di sekitar Lembah Klang dan Shah Alam.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Amalan ketika melakukan zikir – sentiasa <b>berikhtiqad kesempurnaan guru</b> dan mengasihinya.</li> <li>2. Keraguan dalam majlis suluk – Mandi taubat ahli wanita akan dipantau oleh Ayah sin(guru A.S.) dan tidur ahli wanita akan dijenguk oleh Ayah Sin bagi</li> </ol>	17 September 2015

	memastikan samada ahli tersebut layak atau tidak membawa zikir.	
4.	<p><b>Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim</b> mempunyai persamaan dengan Kumpulan Negara Islam Indonesia(NII). Kumpulan ini berasal dari Bogor, Indonesia yang diketuai oleh Ahmad Musadeq. Ajaran ini beroperasi dan bergerak aktif di sekitar Lembah Klang, Kuala Selangor dan di Alam Damai, Shah Alam.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa ada rasul selepas Nabi Muhammad SAW.</li> <li>2. Mensyirikkan golongan yang tidak mengikuti Millah Abraham @Ibrahim.</li> </ol>	17 September 2015
5.	<p><b>Hizbut Tahrir</b> – Pergerakan ini didirikan oleh Syeikh Taqiyuddin Nabhani (1909 – 1979 M). Kelahiran Ijzim, sebuah kampung di daerah Haifa, Palestin. Kumpulan ini masuk ke Malaysia di Kuala Lumpur sejak tahun 1996 oleh Dr. Syarifudin, seorang pelajar Malaysia di United Kingdom.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemerintah, ahli parlimen dan para ulama Islam kesemuanya kafir serta harus diperangi kerana menerima sistem kufur.</li> <li>2. Negara-negara Islam semuanya negara kafir kerana berhukum dengan sistem kafir dan haram menyertai kerajaan sekarang.</li> </ol>	17 September 2015
6.	<p><b>Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama</b> - berkembang melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO); Islam dan bukan Islam sama ada di peringkat dalaman mahupun luar negara, parti politik, ahli akademik dan aktivis-aktivis persendirian.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Berpegang kepada Konsep Pluralisme</b> – Konsep ini menjadi pegangan utama dalam aliran pemikiran liberal. Pluralisme agama berpendirian bahawa setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respon yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (<i>Ultimate reality</i>). Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.</li> <li>2. <b>Mempersoalkan Metodologi Pentafsiran Al-Quran dan Al-Hadith</b> – Aliran ini menggunakan pendekatan takwilan sendiri terhadap beberapa</li> </ol>	31 Julai 2014

	ajaran al-Quran yang jauh berbeza dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah.	
7.	<p><b>Pembomohan Ibrahim Mat Zin</b> – adalah dukun atau bomoh yang juga dikenali sebagai Datok Mehaguru Ibrahim Mat Zin atau Raja Bomoh Sedunia Nujum VIP. Beliau telah melibatkan diri dalam beberapa kes atau peristiwa yang telah berlaku di negara ini seperti dalam tragedi Highland Tower di Ulu Kelang, membatalkan Ilmu Hitam Mona Fendy dan yang terbaru tragedi kehilangan pesawat MH 370 di KLIA.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rawatan pembomohan Ibrahim Mat Zin bercanggah dengan akidah Islam kerana Mengandungi unsur-unsur syirik, khurafat dan penipuan.</li> <li>2. Beliau telah mengaitkan upacara ritual pembomohan dengan agama Islam.</li> </ol>	(8 April 2014 & Tidak Warta)
8.	<p><b>Ajaran Syiah</b> berkembang melalui pertubuhan Hauzah Ar-Ridha yang diketuai oleh Mohamad Kamil Zuhairi bin Abd Aziz. Pertubuhan ini beroperasi di 9C, Tingkat 3, Jalan 3/16, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Gombak, Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengkafirkan Sahabat Rasulullah S.A.W.</li> <li>2. Sayyidina Ali K.R.W. disamatarafkan dengan Allah S.W.T.</li> </ol>	17 Oktober 2013
9.	<p><b>Pembedahan Batin</b> yang dikaitkan dengan rawatan Islam dengan cara dibacakan al-Fatihah dan beberapa ayat al-Quran telah mendapat sambutan hangat dari masyarakat Islam. Namun begitu, kaedah dan cara rawatannya setelah diteliti adalah bertentangan dengan Hukum Syarak.</p> <p>Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Amalan Sihir Dan Menyalahi Adat</b> - Pembedahan batin dikaitkan dengan perkara luar biasa dan menyalahi adat kebiasaan seperti melakukan pembedahan perut dan dapat memindahkan organ tanpa dibedah</li> <li>2. <b>Menggunakan Khidmat Jin Atau Syaitan</b></li> <li>3. Terdedah Kepada Unsur-unsur Penipuan</li> </ol>	(10 Oktober 2013 & Tidak Warta)
10.	<p><b>Persatuan Gerakan Warisan Silam</b> diasaskan oleh Salahuddin bin Hassan Jaba'ie. Beliau merupakan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok, Banting dan juga</p>	(23 Oktober 2012 & Tidak Warta)



	<p>sebagai Yang Dipertua persatuan ini. Persatuan ini bergerak aktif di alamat No. 47A, Jalan Emas 8, Bandar Sungai Emas 42700 Banting, Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak Menyebut Kalimah Muhammad Rasulullah Dalam Kalimah Syahadah</li> <li>2. Hanya Al-Quran Sahaja Sebagai Rujukan (Menolak Hadis Rasulullah S.A.W)</li> </ol>	
11.	<p><b>Ajaran Juruzon bin Abdul Latif</b> Ajaran ini beroperasi di Madrasah At-Taqwa, Batu 14, Hulu Langat, Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyalahgunakan konsep zakat.</li> <li>2. Klasifikasi mahram yang bertentangan dengan syarak.</li> </ol>	2 Februari 2012
12.	<p><b>Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia (NII).</b> Ajaran ini bergerak aktif di sekitar Lembah Klang dan cuba mencari dan merekrut ahli baru</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengkafirkan selain pengikut ajaran.</li> <li>2. Memahami Al-Quran mengikut tafsiran sendiri.</li> </ol>	16 Mac 2011
13.	<p><b>Ajaran Persatuan Perguruan Budi Suci Sejati Selangor</b> berkembang melalui Persatuan Budi Suci Sejati Malaysia yang diketuai Haji Hashim bin Mohd Shariff. Ajaran ini beroperasi di 101, Rimba Suci, Tropica Kemensah, 68000 Ampang, Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdamping dengan jin atau dengan kembar (Qarin).</li> <li>2. Mempertikaikan adakah Rasulullah S.A.W. bersilat seperti orang Melayu.</li> </ol>	7 Julai 2011
14.	<p><b>**Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani di Malaysia</b> bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam.</p> <p><b>**Nota :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000</li> <li>2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-85 pada 12 Februari 2009</li> </ol>	(12 Mei 2009 & Tidak Warta)

15.	<p><b>Kumpulan Black Metal</b>; terdiri daripada <i>Heavy Metal, Proto Metal, Doom Metal, Power Metal, Speed Metal, Thrash Metal, Death Metal</i> dan <i>Progressive Metal</i>. Kumpulan ini bersifat global dalam industri muzik tempatan.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memuja Iblis dan Syaitan</li> <li>2. Membakar Al-Quran dan menghina Al-Quran.</li> </ol>	15 Mac 2007
16.	<p><b>Ajaran Al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd.</b> yang diketuai Hj Ashaari Muhammad. Ajaran ini beroperasi di No. 33G, Jalan Desa 9/6, Bandar Country Homes, 48000 Rawang, Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa solat Jumaat tidak wajib.</li> <li>2. Mendakwa Ashaari Muhammad tidak perlu kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmunya datang terus dari Allah S.W.T. dalam bentuk ilham.</li> </ol>	21 Disember 2006
17.	<p><b>Ajaran Azhar bin Wahab</b> berkembang melalui Al-Mansur Holding Sdn. Bhd. di Sungai Petani, Kedah yang diketuai oleh Azhar bin Wahab.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai bala tentera dan kapal terbang ghaib.</li> <li>2. Mengaku mengamalkan Aurad Muhammadiyah.</li> </ol>	7 Oktober 2004
18.	<p><b>Tarikat al-Hasaniah</b> yang diasaskan oleh Tuan Hj Ghulam Hasan Ali al-Bikangi atau Tuan Hj Muda yang lahir pada tahun 1920 di Pakistan. Beliau mengembangkan ajarannya dan mendirikan serta mengisytiharkan Masjid Awal Bandar, Lahad Datu sebagai markas utama.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa mempunyai cahaya yang kuat dari Rasulullah dan cahaya tersebut diberikan kepada muridnya yang kanan. Melalui cahaya tersebut segala hijab akan terbuka dan boleh menembusi alan ghaib.</li> <li>2. Ahli-ahli kanan tarikat mendakwa dibawa oleh guru mereka melawat syurga, neraka dan padang mahsyar.</li> </ol>	28 Ogos 2003
19.	<p><b>Ajaran Zamree Bin Abd. Wahab</b></p> <p>Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa dirinya adalah Rasulullah SAW.</li> <li>2. Mendakwa boleh menunaikan haji hanya</li> </ol>	30 Ogos 2001

	dengan mengerjakannya di Sungai Congkak, Hulu Langat sahaja.	
20.	<p><b>Ajaran Haji Banuar Bin Roslan</b> yang diasaskan oleh Hj Banuar bin Roslan. Berasal dari Senggarang, Batu Pahat Johor. Ajaran ini beroperasi dan berpusat di Kampung Bukit Kapar, Klang Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa tidak perlu solat Jumaat, jika ada urusan penting.</li> <li>2. Perubatan beliau banyak mengandungi unsur-unsur gangguan seksual.</li> </ol>	5 Julai 2001
21.	<p><b>Fahaman Wahdatul Wujud</b> diasaskan oleh Ibn Arabi.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa dalam diri kita ada tuhan dan menterjemahkan (maka hendaklah mereka menyembah tuhan pemilik rumah ini (Kaabah) dengan mengatakan "rumah itu" badan kita dan "رب" itu ruh kita. Ertinya kita menyembah diri kita sendiri.</li> <li>2. Syurga dan neraka seperti yang difaham dalam Islam tidak ada.</li> </ol>	5 Julai 2001
22.	<p><b>Ajaran Ahmadiyah / Qadiani</b> yang diketuai Syed Abdul Rahman Syed Alwi beroperasi di Batu 20 Jeram, Kuala Selangor.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa Ghulam Ahmad sebagai Nabi yang menerima wahyu.</li> <li>2. Mendakwa Ghulam Ahmad sebagai Imam Mahdi.</li> </ol>	17 Ogos 2000
23.	<p><b>Ajaran Islam Jamaah</b></p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Dari sudut akidah</b> - Pengikut dikehendaki berbaiah dengan mengakui Nur Hassan Al-Ubaidah Lubis sahaja Amirul Mukminin</li> <li>2. <b>Dari sudut syariah</b> - Menolak sumber hukum daripada ijmak dan qiyas serta melakukan solat jumaat di rumah.</li> </ol>	24 September 1998
24.	<p><b>Ajaran Tijah @ Khatijah bt. Ali</b></p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berzikir tidak sedarkan diri.</li> <li>2. Mendakwa rahsia manusia di antara huruf Alif dan Ya'</li> </ol>	24 September 1998
25.	<p><b>Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit</b> yang diasaskan oleh Hassan Bin Jonit. Ajaran ini beroperasi di Taman Tasik Tambahan, Ampang</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa bertemu dengan Allah melalui</li> </ol>	24 September 1998

	<p>ilmu hakikat.</p> <p>2. Mendakwa bertemu dengan Rasulullah SAW melalui ilmu hakikat roh.</p>	
26.	<p><b>Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh)</b> yang diasaskan oleh Sulaiman bin Muhammad Said. Ajaran ini beroperasi di Kapar, Klang</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Al-Quran karangan A.Hassan sahaja diterima</li> <li>2. Mendapat ajaran Al-Quran terus dari Allah.</li> </ol>	24 September 1998
27.	<p><b>Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol</b> yang diasaskan oleh Haji Ibrahim Bin Abdullah. Ajaran ini beroperasi di Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nikah boleh dilakukan tanpa wali dan saksi (nikah batin).</li> <li>2. Meninggalkan solat fardhu kerana cukup dengan niat di hati.</li> </ol>	24 September 1998
28.	<p><b>Ajaran Syed Mohd al-Mashyor (Tarikatul Islam Muhamad S.A.W Habibullah Al Hashimi)</b> yang diasaskan oleh Syed Mohd Al Mashyor. Seorang warganegara Singapura. Ajaran ini beroperasi di Kg Umbai Malak pada tahun 1975 dan mula berkembang ke Kuala Lumpur serta bergiat aktif di Cheras dan Petaling jaya hingga berjaya mengumpulkan hampir 2000 orang pengikut.</p> <p>Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengaku sebagai Rasul.</li> <li>2. Mendakwa Rasulullah (Syed Mohd al-Mashyor) bercantum dengan Allah.</li> </ol>	24 September 1998
29.	<p><b>Ajaran Martabat Tujuh Pimpinan Hamzah Bin Embi</b> yang diasaskan oleh Hamzah Bin Embi. Ajaran ini beroperasi di batu 26 Kampung Sungai Betul, Bagan Datoh.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa dapat melihat pahala, syurga, dosa dan neraka.</li> <li>2. Mengubati penyakit dengan menggunakan sihir.</li> </ol>	7 Disember 1995
30.	<p><b>Ajaran Ilmu Tajali Ahmad Laksamana</b></p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru ajaran ini mendakwa diri batin beliau dan pengikutnya adalah tuhan.</li> <li>2. Menafikan kewujudan Allah tanpa Nur</li> </ol>	23 November 1995

	Muhammad.	
31.	<p><b>Aurad Ismailiah Ajaran Mahmud bin Haji Abd Rahman.</b></p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengikut dikehendaki membayangkan wajah guru ketika berzikir dan bersuluk.</li> <li>2. Semasa upacara berzikir, guru akan memukul lantai menggunakan rotan menyempurnakan retak ratib.</li> </ol>	23 November 1995
32.	<p><b>Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau</b> yang diasaskan oleh Arifin Bin Mohamad (ayah Pin) dan Hasan Anak Rimau. Ajaran ini Beroperasi di Besut, Terengganu</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa adalah tuhan dan tuhan adalah manusia.</li> <li>2. Dirinya adalah pemegang anak kunci syurga.</li> </ol>	23 November 1995
33.	<p><b>Ajaran Jahar Bin Dumin (Ilmu Hakikat)</b> yang diasaskan oleh Jahar Bin Dumin. Ajaran ini beroperasi di Pangsun, Hulu Langat.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa bahawa kumpulannya sahaja sebagai kumpulan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</li> <li>2. Sifat riyak adalah sifat wajib bagi kumpulan ini.</li> </ol>	23 November 1995
34.	<p><b>Golongan Anti-Hadith</b> berkembang di Malaysia melalui pemikiran dan tulisan oleh Kassim bin Ahmad, Idris Abdul Rahman, Othman Ali dan Dr. Rashad Khalifa.</p> <p>Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Dari sudut akidah</b> - Menolak hadis secara total sebagai sumber akidah dan perundangan Islam.</li> <li>2. <b>Dari sudut Syariah</b> – Menolak ketetapan hukum fiqh Islam tentang aurat wanita.</li> <li>3. <b>Dari sudut akhlak</b> – Menghina peribadi dan kedudukan Rasulullah.</li> </ol>	23 November 1995
35.	<p><b>Tarikat Mufarridiah Ajaran Syeikh Makmun Bin Yahya</b> yang diasaskan oleh Makmun bin Yahya. Ajaran ini beroperasi di Tanjung Pura, Kalimantan.</p> <p>Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengamalkan zikir-zikir yang bertentangan dengan Amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</li> <li>2. Segala doa dan istighfar kepada Allah mestilah melalui malaikat bernama <i>Karanaz</i>.</li> </ol>	23 November 1995

36.	<p><b>Ajaran Haji Ghazali bin Othman</b>  Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ajaran ini membawa fahaman Wahdatul Wujud dan Martabat Tujuh</li> <li>2. Dosa dan pahala tiada bagi orang hakikat.</li> </ol>	28 September 1995
37.	<p><b>Ajaran Mohamed Nordin Bin Puteh</b> yang diasaskan oleh Mohamed Nordin Bin Puteh. Ajaran ini beroperasi di Lembah Keramat, Hulu Klang.  Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendakwa menerima ijazah dari langit pada tahun 1988</li> <li>2. Mendakwa dapat mengeluarkan cahaya seperti bintang dari tubuhnya.</li> </ol>	28 September 1995
38.	<p><b>Ajaran Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya</b> - diketuai oleh Kadirun bin Yahya. Ajaran ini beroperasi Surau Darul Amin, Batu 17, Jalan Rawang, Hulu Selangor dan Surau Darul Jamil, Kampung Sungai Lang Tengah, Banting, Kuala Langat.  Antara ciri kesalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Salah Tafsir ayat Al-Quran.</li> <li>2. Menggabungkan roh untuk dapat wasilah kepada Rasulullah S.A.W. dan terus kepada Allah S.W.T.</li> </ol>	14 September 1995
39.	<p><b>Fatwa Ilmu Salah</b> yang diasaskan oleh Hj Kahar bin Ahmad. Ajaran ini beroperasi dan dikembangkan berpusat di rumahnya No. 44 Kg Kemesah Hulu Klang.  Antara ciri kesalahan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengaku diri sebagai Rasul atau Utusan Allah.</li> <li>2. Mengaku menerima wahyu daripada Allah yang diturunkan di Bukit Kemensah dan diturunkan dalam keadaan sepertimana dialami oleh Rasulullah s.a.w.</li> </ol>	29 Ogos 1991

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri dibahagi kepada empat kategori penyelenggaraan, iaitu penyelenggaraan rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan. Senaraikan terimaan Kumpulan Wang Amanah ini serta amaun dan peratusan yang dibelanjakan untuk setiap satu kategori di atas pada tahun 2013 hingga 2015.

**JAWAPAN:**

- a) Pada dasarnya terimaan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) kepada Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan tidak dibuat berdasarkan empat (4) kategori penyelenggaraan yang dinyatakan. Sebaliknya, pemberian tersebut disalur mengikut panjang jalan yang didaftarkan dalam Sistem MARRIS *Online*. Namun, Garis Panduan Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) ada menyebut bahawa peruntukan ini boleh dibelanjakan untuk tujuan aktiviti penyelenggaraan jalan yang terangkum dalam empat kategori utama seperti berikut:-

- (i) Penyelenggaraan rutin;
- (ii) Penyelenggaraan berkala;
- (iii) Penyelenggaraan kecemasan; dan
- (iv) Penyelenggaraan pencegahan.

Namun, Kerajaan Negeri juga pada ketika ini tidak merekod perbelanjaan semasa mengikut kategori penyelenggaraan di atas. Sehubungan itu, jumlah perbelanjaan peruntukkan MARRIS bagi tahun 2013 sehingga 2015 ditunjukkan seperti jadual berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>TERIMAAN (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>	<b>PERATUS (%)</b>
2013	498,033,993.22	308,582,900.58	62%

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memperlengkapkan pasukan rondaan kampung bertujuan menjaga keselamatan dan mencegah mungkar dengan sistem yang teratur (berjadual/terlatih), berkebajikan (elaun token) dan ada ciri keselamatan?
- b) Sejak 2008 hingga Jun 2016, berapakah insiden yang tidak diingini yang melibatkan pasukan rondaan kampung?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk kampung di Negeri Selangor. Sehubungan itu, pada tahun 2013 Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pelaksanaan Program Pasukan Kejiranan Kampung (PKK) di Kampung Tradisi, Kampung Baru/Tersusun/Bagan dan Komuniti India dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2,460,000.00.

Pada tahun 2014, program ini telah diteruskan pelaksanaannya di 368 buah Kampung Tradisi yang melibatkan implikasi kos berjumlah RM1,840,000.00. Melalui program ini, setiap kampung telah diberikan peruntukan sebanyak RM5,000.00 bagi melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan kampung dengan lebih efektif dan cekap.

Objektif utama penubuhan PKK di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Selangor. Di samping itu, penubuhan ini akan meningkatkan hubungan kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk kampung sendiri. Namun begitu, adalah menjadi peranan ahli-ahli JKKK sendiri di dalam menjaga keselamatan kampung supaya kehidupan masyarakat kampung diperkukuhkan. Dengan wujudnya PKK di peringkat kampung tradisi, keselamatan dan kesejahteraan kampung telah dapat dipertingkatkan.

- b) Sejak Kerajaan Negeri meluluskan penubuhan PKK pada tahun 2013, banyak aktiviti rondaan dilakukan secara berkala di kampung-kampung. Terdapat beberapa kes yang telah ditemukan oleh PKK secara tidak langsung semasa melakukan rondaan antaranya tangkapan kes khalwat oleh PKK Kampung Rinching Hilir dan penemuan insiden ragut oleh PKK Kampung Batu Belah.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : JALAN BATU BATA SUNGAI PELONG**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dewan pernah diberitahu bahawa jalan tersebut akan diselenggara pada tahun 2016. Mengapakah sehingga Oktober 2016 jalan masih belum berturap dan saluran air masih tidak dibuat ?
- b) Bolehkah jalan tersebut di wartakan sebagai jalan PBT ?

**JAWAPAN:**

- a) Pejabat Daerah/Tanah Petaling telah mengemukakan permohonan kepada UPEN bagi menaiktaraf jalan tersebut dengan menurap *premix*. Walau bagaimanapun kelulusan yang diterima daripada UPEN pada 21 Februari 2016 adalah kerja-kerja bagi tujuan penyelenggaraan dengan menggunakan *crusher run* sahaja. Kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan pada 18 Mei 2016 hingga 31 Mei 2016 dengan kos RM70,119.00.
- b) Pejabat Daerah/Tanah Petaling tiada halangan sekiranya jalan tersebut didaftarkan di dalam sistem MARRIS di bawah MBSA tertakluk kepada persetujuan MBSA.

(Sumber Jawapan daripada Pejabat Daerah / Tanah Petaling)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : JALAN KELUAR ALTERNATIF KAMPUNG SRI INDAH A**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dewan pernah diberitahu bahawa jalan keluar alternatif tersebut akan dibina di bawah RMK-11. Apakah status projek tersebut?
- b) Bilakah jangkaan projek tersebut akan dimulakan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR Selangor dalam peringkat rekabentuk konsep oleh perunding yang dilantik.
- b) Projek tersebut dijangka tender pada Mei 2017 dan proses pembinaan dijangka bermula pada September 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MENAIKTARAF JALAN NEGERI B131**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dewan pernah diberitahu bahawa pembesaran jalan ini akan dimasukkan di bawah RMK11. Apakah projek menaiktaraf simpang B131 dan FT54 telah dimasukkan di bawah RMK-11 dan bilakah akan bermula?
- b) Bolehkah Pejabat Daerah Petaling membesarkan simpang 3 di Dewan JKJK Paya Jaras Hilir dengan mengubah pagar tembok dewan yang sedia ada?

**JAWAPAN:**

- a) Projek menaiktaraf persimpangan B131 dan FT54 telah dimasukkan di bawah RMKe-11 namun peruntukan yang di luluskan hanya mencukupi untuk kerja-kerja awalan sahaja. (contoh: kerja ukur)
- b) Pihak JKR Selangor akan memohon projek tersebut untuk dimasukkan dalam RMKe-11.

**PEJABAT DAERAH/TANAH PETALING**

- b) Persimpangan tersebut melibatkan Jalan Kubu Gajah dan Persiaran Delima yang merupakan jalan-jalan di bawah penyelenggaraan JKR Daerah Petaling. Pembesaran persimpangan tersebut perlu melibatkan perbincangan susulan di antara JKR Daerah Petaling selaku pentadbir jalan-jalan tersebut dengan mengambil kira rizab jalan dan PDT Petaling selaku pentadbir Balai JKJK Paya Jaras Hilir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah program Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dihentikan?
- b) Apakah ia akan disambung semula pada tahun 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin dan menghargai setiap warganya. Kepedulian Kerajaan Negeri ini dizahirkan melalui pelbagai skim yang diwujudkan di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Ia termasuklah program Jom Shopping untuk ahli-ahli Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program ini tidak pernah dihentikan. Namun, oleh kerana program ini merupakan satu program yang bersifat '*One Off*', ia hanya dapat dilaksanakan berdasarkan jumlah peruntukan yang telah dipersetujui untuk jumlah peserta yang telah ditentukan. Apabila peruntukan tersebut telah dibelanjakan keseluruhannya, persetujuan baru perlu diperolehi sebelum ianya dapat disambung kembali.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah mengkaji semula keberkesanan pelaksanaannya di samping melihat sekiranya terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan seterusnya.

- b) Program Jom Shopping yang telah dilaksanakan sebelum ini telah memberikan pelbagai kebaikan kepada pesertanya. Secara langsung atau tidak langsung program ini telah berjaya mencapai matlamat tujuan ia diwujudkan, antara lain:
  - i. Membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat secara keseluruhannya.
  - ii. Warga emas dapat dibawa keluar daripada sindrom '*bird nest*' di mana mereka hanya tinggal di rumah dan urusan seharian dilakukan oleh anak-anak.
  - iii. Warga emas berkenaan bebas untuk berbelanja dan membuat pilihan barangan yang diperlukan hatta kepada siapa mereka mahu belanjakan.

- iv. Menikmati kemeriahan suasana berbelanja secara berkumpulan bersama-sama rakan sebaya daripada pelbagai kaum dan status dalam masyarakat.
- v. Memberi keceriaan kepada kalangan warga emas yang diraikan. Mereka dapat berinteraksi sesama mereka, malahan boleh pula mengenali sahabat-sahabat baru yang seusia di kalangan mereka.

Memandangkan program Jom Shopping untuk ahli-ahli SMUE ini merupakan satu program yang popular dan banyak memberikan manfaat kepada rakyat khususnya warga emas di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskannya selewat-lewatnya pada 1 Januari 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROGRAM HIJRAH PAYA JARAS**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima bantuan perniagaan Hijrah bagi DUN Paya Jaras sehingga hari ini?
- b) Siapakah nama-nama, nombor kad pengenalan, alamat dan apakah nombor telefon penerima bagi DUN Paya Jaras?
- c) Bolehkah senarai tersebut dihantar ke pejabat ADUN dalam bentuk "softcopy"?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima bantuan perniagaan Hijrah Selangor bagi DUN Paya Jaras adalah seperti jadual di bawah:

<b>BILANGAN PESERTA</b>	<b>BILANGAN PINJAMAN</b>	<b>JUMLAH PINJAMAN</b>
662	753	RM 4,479,000.00

- b) Pihak Hijrah Selangor akan edarkan nama-nama, nombor kad pengenalan, alamat dan nombor telefon penerima bagi DUN Paya Jaras dalam bentuk CD "softcopy" dan akan diserahkan kepada Pejabat ADUN.
- c) Pihak Hijrah Selangor akan edarkan CD ke pejabat ADUN.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : KAMPUNG MELAYU TRADISI**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat yang diperlukan untuk menjadikan Kampung Sri Indah B sebagai Kampung Melayu tradisi?
- b) Apakah enakmen yang melibatkan kewujudan Kampung Melayu ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri pada masa kini sedang di dalam proses untuk mengiktiraf kampung-kampung tradisi yang memenuhi ciri-ciri sebagai kampung tradisi tetapi belum diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Merujuk kepada Buku Manual Panduan Kerja JKKK Negeri Selangor Darul Ehsan (September, 2001), definisi kampung adalah kampung-kampung yang mempunyai salah satu atau kombinasi dari kriteria seperti berikut:
  - i. Kawasan yang aktivitinya 60% pertanian;
  - ii. Jumlah penduduk yang kurang daripada 10,000 orang;
  - iii. Kurang kemudahan infrastruktur;
  - iv. Terletak di luar kawasan Majlis Daerah/ Kerajaan Tempatan;
  - v. Termasuk lingkungan kawasan kampung tradisi; atau
  - vi. Mengamalkan budaya desa dalam urusan harian di sesuatu kampung.

Sehubungan itu, untuk menjadikan Kampung Sri Indah B sebagai kampung tradisi yang diiktiraf, kriteria-kriteria seperti yang dimaklumkan perlu dipenuhi.

- b) Buat masa ini, kewujudan kampung Melayu adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berdasarkan kriteria-kriteria yang diberikan seperti di dalam Buku Manual Panduan Kerja JKKK Negeri Selangor Darul Ehsan (September, 2001).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS DUN PAYA JARAS**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat beberapa kes di mana kerja-kerja di bawah peruntukan MARRIS bagi PBT MPS dan MBSA hanya bermula di dalam bulan September & Oktober 2016. Mengapakah berlaku kelewatan melaksanakan kerja tersebut?

**JAWAPAN:**

**MAJLIS BANDAR RAYA SHAH ALAM**

- a) Pihak Majlis telah mengiklankan MARRIS peruntukan DUN Paya Jaras pada 29 Mac 2016 setelah mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan negeri. Pemborong-pemborong telah mula membuat perancangan dan kerja-kerja menurap setelah surat tawaran daripada Majlis pada 17 Mei 2016.

Sehingga 31 Julai 2016 kerja-kerja penurapan telah siap sepenuhnya di kawasan peruntuk MARRIS DUN Paya Jaras bagi tahun 2016.

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

- a) Terdapat 8 projek di bawah peruntukan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 12 projek di bawah peruntukan panjang jalan yang dilaksanakan pada bulan September 2016. Untuk makluman, projek ini dilaksanakan hasil daripada baki penjimatan peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) setelah 3 kali pusingan Sebutharga dan Tender yang telah dilaksanakan di Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Penggunaan baki penjimatan ini adalah bagi memastikan peruntukan yang diberikan digunakan sepenuhnya. Peratusan penggunaan peruntukan di Majlis Perbandaran Selayang telah mencapai sebanyak 99.2% daripada peruntukan yang telah diluluskan kepada Majlis Perbandaran Selayang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PUSAT PEMBUANGAN SAMPAH JALAN TEMPINIS SUNGAI PELONG**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penduduk di Jalan Tempinis menghadapi masalah tempat membuang sampah sehingga terpaksa menjadikan kawasan tepi jalan sebagai tempat sampah. Bolehkah MBSA jadikan tempat yang ada sekarang ini sebagai tempat yang sah pembuangan sampah?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis telah menjalankan pemantauan di tapak dan mendapati penduduk di kawasan Jalan Tempinis Sungai Pelong, Seksyen U18 menjadikan kawasan tepi jalan sebagai tempat pembuangan sampah. Terdapat tong sampah yang disediakan di tepi jalan untuk kemudahan penduduk membuang sampah. Sebahagian tong tersebut disediakan oleh pihak Majlis dan sebahagian lagi disediakan sendiri oleh penduduk.

Bagi memastikan sistem pengumpulan dan kutipan sampah domestik di Jalan Tempinis Sungai Pelong, Seksyen U18 lebih teratur dan kemas, pihak Majlis bercadang menempatkan tong berpusat di tepi jalan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti untuk kemudahan penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : INSENTIF DAN PROGRAM BARU PeBT**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program baru yang boleh menarik seramai mungkin belia untuk membangunkan diri di bawah PeBT?
- b) Adakah peruntukan untuk PeBT akan bertambah bagi merancakkan jaringan dengan belia?
- c) Adakah Kerajaan Negeri boleh menjamin keperluan sukan yang berkualiti untuk belia sekurang-kurangnya setiap DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan sentiasa mencari pembaharuan dan amat menitikberatkan aspek pembangunan generasi muda dan sukan dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa berdaya saing, bersatu-padu, bekerjasama, berwawasan, aktif dan sihat sejajar dengan arus pembangunan pada masa kini.

Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan akan memulakan satu inisiatif baru iaitu Sahabat Gen-S. Sahabat Gen-S yang akan diperkenalkan bertujuan untuk menarik penglibatan Generasi Muda terutamanya di Selangor dalam bentuk kesukarelawanan dan aktiviti kemasyarakatan selaras dengan Dasar Belia Selangor. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk mendidik dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan generasi muda untuk sentiasa memberi khidmat kepada rakyat Selangor secara sukarela.

Di samping itu, pemeraksanaan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) juga akan diperkukuhkan menerusi program dan latihan selaras dengan kehendak Generasi Muda Selangor. Antara program dan latihan yang akan dianjurkan adalah Program Latihan Pemantapan Organisasi dan Kepimpinan dalam usaha untuk melahirkan PeBT yang sentiasa berkaliber, komited dan mempunyai pemikiran yang luas ke arah pembangunan generasi muda sebagai penggerak kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

Seterusnya, Program Le Tour De Selangor akan dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mampu menarik lebih ramai penglibatan golongan generasi muda dalam aktiviti berbasikal yang semakin diminati dalam usaha untuk melahirkan golongan generasi muda yang aktif dan sihat.

Selain itu, Program Liga Sukan Selangor Plus akan turut dilaksanakan dengan pembaharuan di mana penglibatan adalah di peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Inisiatif ini adalah selaras dengan pelantikan PeBT yang baru di kalangan generasi muda yang berumur 30 tahun ke bawah yang mampu menarik lebih ramai golongan belia untuk menyertai 5 acara sukan yang akan dipertandingkan iaitu tarik tali, futsal, bola jaring 3 on 3, bola keranjang 3 on 3 dan sepak takraw antara regu. Dengan adanya program sukan sebegini, ia mampu untuk menarik minat golongan belia untuk bergiat dalam aktiviti sukan dan seterusnya dapat melahirkan generasi yang aktif dan sihat.

- b) Pada tahun 2016, peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih dikekalkan seperti tahun 2015 di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan keseluruhan adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancang. Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancang.

Di samping itu, peruntukan elaun Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih dikekalkan iaitu sebanyak RM500.00 sebulan untuk elaun Pengerusi Induk PeBT dan sebanyak RM400.00 sebulan untuk elaun Pengerusi PeBT yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM1,324,800.00.

- c) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti riadah. Sehubungan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6,680,000.00 untuk projek membaikpulih kemudahan sukan di Negeri Selangor termasuk peruntukan untuk membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang telah dinaikkan daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 kepada setiap DUN untuk tujuan ini yang mana projek ini akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pemilihan bagi kelulusan projek ini adalah mengikut tahap projek

kemudahan tersebut. Berikutan, pihak DUN boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak PBT untuk kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk mendapatkan data dan status semasa kemudahan sukan di Selangor dalam usaha untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat dinaiktaraf dan seterusnya digunakan untuk tujuan aktiviti sukan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, projek-projek pembangunan infrastruktur sukan akan diutamakan kepada kemudahan-kemudahan sukan yang kritikal dan perlu dinaiktaraf segera.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membina sebanyak 33 buah dataran anak muda atau dataran serbaguna di 33 DUN. Kemudahan-kemudahan sukan ini disediakan untuk kegunaan aktiviti sukan dan kemasyarakatan seperti futsal, bola jaring, bola keranjang dan badminton untuk menjamin keperluan sukan yang berkualiti dan memupuk semangat bersukan dan seterusnya menggalakkan penglibatan golongan generasi muda dalam aktiviti sukan yang mampu melahirkan golongan belia yang sihat, cergas dan aktif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : KILANG HARAM DI KAMPUNG TRADISI**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tatacara menyelesaikan masalah wujudnya kilang dalam kawasan kampung tradisi seperti kilang cat, kayu dan sebagainya?
- b) Berapa lamakah proses penyelesaian?
- c) Siapakah agensi yang akan mengurus kes sehingga selesai?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) telah tamat pada 31 Disember 2015. Bagi mana-mana permohonan selepas tarikh tersebut akan melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) yang berkaitan sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan.
- b) PPKTK telah tamat pada 31 Disember 2015.
- c) Permohonan tukar syarat tanah hendaklah dikemukakan melalui PTD yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan S.O.P. penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak di bawah PBT.
- b) Nyatakan jadual sebenar penyelenggaraan di bawah MPK untuk taman permainan di DUN Selat Klang.

**JAWAPAN:**

- a) Semua taman permainan kanak-kanak yang telah diserahkan kepada PBT akan diselenggara setiap bulan secara kontrak. Penyelenggaraan yang dilaksanakan melibatkan skop berikut:
  - i. Pembersihan peralatan permainan daripada sebarang kekotoran seperti lumut, pasir, tanah dan sebagainya.
  - ii. Membaikpulih kerosakan kecil seperti menggantikan tali buai yang putus, menggantikan 'skru' hilang, mengecat alatan berkarat dan sebagainya.

Peralatan yang mengalami kerosakan besar yang memerlukan kos yang tinggi akan dibaikpulih / diganti secara 'one-off'. Tindakan penggantian atau baikpulih dibuat berdasarkan aduan penduduk, laporan kontraktor kawasan atau berdasarkan pemantauan tapak kakitangan teknikal jabatan. Taman permainan kanak-kanak yang belum diserahkan kepada PBT perlu diselenggara sendiri oleh pemaju sehingga pengambilalihan diluluskan. Tempoh pemaju menyelenggara adalah selama 12 bulan tarikh CCC dikeluarkan.

- b) Jadual penyelenggaraan padang permainan kanak-kanak adalah seperti yang dinyatakan di bawah. Namun begitu jika didapati mana-mana syarikat gagal mematuhi jadual tersebut maka denda atau potongan bayaran dan NTC akan dikenakan pada syarikat tersebut.



Bil.	Keterangan Kerja	Kekerapan
1	Sapuan dan Pembersihan Kawasan Padang	Setiap masa
2	Pemotongan Rumput dan Pembersihan Sisa Potongan Rumput -	2 kali sebulan
3	Kutipan Sampah	setiap masa
4	Pembersihan Longkang Keliling Padang	2 minggu sekali
5	Kerja-kerja Membaja	4 bulan sekali
6	Kerja-kerja Penyelenggaraan Pokok Landskap	2 kali sebulan

Jadual 1 : Jadual penyelenggaraan padang permainan kanak-kanak di MPK

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN FT54**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jalan FT54 Kuala Lumpur - Kuala Selangor telah menjadi jalan utama yang sangat sesak kerana pembangunan perumahan yang pesat. Bilakah Pusat Kebudayaan India (berhampiran Petron Sungai Buloh) dapat dialihkan dan bilakah pembesaran simpang tersebut dapat dilakukan oleh JKR?
- b) Bagi mengelakkan banyak kemalangan jiwa, apakah JKR dapat membina jejantas melintas di hentian bas di hadapan Stesen Petron Bandar Baru Sungai Buloh?
- c) Apakah JKR dapat mewujudkan laluan *u-turn* bagi kenderaan dari arah Kuala Selangor, di hadapan Bandar TSB, Bandar Baru Sungai Buloh?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT 54 di bawah penyeliaan pihak JKR Malaysia. Pihak JKR Malaysia tiada perancangan untuk mengalihkan Pusat Kebudayaan India berhampiran stesen minyak Petron Sungai Buloh, membina jejantas di hentian bas di hadapan stesen minyak Petron Bandar Baru Sungai Buloh, dan juga mewujudkan U-turn di hadapan Bandar TSB, Bandar Baru Sungai Buloh.

Walau bagaimanapun, pihak JKR Malaysia mempunyai perancangan untuk menaiktaraf persimpangan Puncak Alam dari "*signalised junction*" kepada persimpangan bertingkat yang akan dapat digunakan secara "*free flow*". Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan juga peruntukan yang mencukupi diterima dari pihak Agensi Pusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KOLAM RENANG DI KOMPLEKS SUKAN PANDAMARAN**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kolam renang di Kompleks Sukan Pandamaran telah ditutup tanpa menentukan masa disebabkan paip di bawah kolam bocor dan pam telah rosak dan Majlis Perbandaran Klang tiada bajet untuk memperbaikinya. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan perkara tersebut?
- b) Berapakah perbelanjaan yang diperlukan untuk memperbaiki kolam renang tersebut?
- c) Bila kolam renang tersebut dijangka dibuka semula untuk kegunaan orang awam?

**JAWAPAN:**

- a) Mulai tahun 2014 sehingga bulan Jun 2016 pihak Majlis Perbandaran Klang telah memperuntukkan sebanyak RM1,941,687.68 bagi memastikan kolam renang ini terus beroperasi kepada penduduk sekitar Pandamaran dan Klang. Pihak Majlis mengenakan bayaran tiket kepada pengunjung yang berjumlah RM432,921.50 sepanjang tempoh di atas. Oleh itu, pihak Majlis perlu menanggung lebih kos sebanyak RM1,508,766.18 dan ini amat memberi kesan ke atas kewangan Majlis.
- b) Berdasarkan laporan dari Jabatan Kejuruteraan, perbelanjaan yang diperlukan untuk memperbaiki kolam renang dengan anggaran RM500,00.00 meliputi kerja-kerja pembaikan, penggantian dan penyelenggaraan rumah pam, motor dan paip serta tandas yang telah rosak dan bocor.
- c) Kolam renang dijangka akan dibuka semula selepas semua kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dibuat ke atas kolam renang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : MASALAH KELEWATAN PEMBAYARAN INSENTIF PERKAHWINAN BELIA**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kini permohonan Insentif Perkahwinan Belia telah mengambil masa selama 10 bulan untuk diluluskan dan membuat bayaran yang mana adalah terlampau lama. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tersebut dan mempercepatkan prosesnya?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumah tangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumah tangga. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2013, ianya semakin mendapat perhatian daripada pasangan muda yang baru mendirikan rumah tangga dengan peningkatan jumlah permohonan setiap tahun. Sehubungan itu, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu sistem bagi memudahkan pemohon untuk membuat permohonan.

Justeru itu, pemohon hendaklah membuat permohonan melalui sistem *online* yang disediakan dan mengemukakan permohonan bersekali dengan dokumen yang lengkap seperti salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Nikah ( Beragama Islam) atau Sijil Pendaftaran Perkahwinan (Bukan Beragama Islam), salinan muka hadapan buku simpanan akaun Tabung Haji (pemohon beragama Islam) dan salinan Sijil Berhenti Sekolah rendah dan menengah di dalam Negeri Selangor. Seterusnya, semakan akan dibuat ke atas permohonan-permohonan tersebut melalui sistem *online* bagi menentukan sama ada permohonan tersebut diluluskan atau ditolak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan serta dokumen-dokumen lengkap yang dikemukakan bersama borang permohonan untuk proses kelulusan. Walau bagaimanapun, majoriti pemohon lewat mengemukakan dokumen tersebut yang mengakibatkan berlakunya

kelewatan kepada proses kelulusan yang mengambil tempoh lebih kurang 2 bulan.

Seterusnya, jumlah keperluan peruntukan yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri akan dipanjangkan kepada Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk tujuan penyaluran insentif tersebut. Proses penyaluran di Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan mengambil masa dalam tempoh sebulan untuk disalurkan kepada pemegang akaun Tabung Haji dan penyediaan Sijil Bank Simpanan Nasional (BSN).

Walau bagaimanapun, sekiranya Tabung Haji mendapati dokumen atau akaun pemohon tidak lengkap maka perkara ini akan mengambil tempoh lebih kurang 2 bulan bagi menyelesaikan masalah tersebut dan seterusnya penyaluran insentif kepada akaun pemohon.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menambahbaik pengurusan sedia ada di mana tempoh enam (6) bulan yang diperlukan untuk kelulusan telah dipercepatkan kepada tiga (3) hingga empat (4) bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : TAMAN CERGAS**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah projek Taman Cergas masih dilaksanakan dalam Negeri Selangor?
- b) Tiada projek telah dilaksanakan di Pandamaran pada tahun 2016 walaupun permohonan telah pun dibuat pada tahun 2015. Apakah alasan kelewatan tersebut dan bilakah projek-projek tersebut akan dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Projek Padang Cergas masih dilaksanakan di semua PBT Selangor selaras dengan Pelan Tindakan Lima (5) Tahun (2013-2017) di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan.
- b) Di Majlis Perbandaran Klang, lokasi dan permohonan 'Padang Cergas' dicadangkan oleh Ahli Majlis dan Persatuan Penduduk. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa peralatan tersebut benar-benar diperlukan oleh penduduk tersebut. Rekod di Jabatan Taman dan Rekreasi mendapati tiada permohonan yang diterima bagi kawasan Pandamaran pada tahun 2015 dan 2016. Walau bagaimanapun, pihak Majlis telah membekalkan peralatan-peralatan senaman bagi projek naiktaraf Kompleks Sukan Pandamaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERMOHONAN RUMAH SELANGORKU**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik permohonan Rumah Selangorku sehingga kini mengikut daerah.
- b) Berapakah peratusan permohonan Rumah Selangorku yang telah berjaya, tidak layak dan menunggu?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan Rumah Selangorku dari tahun 2014 sehingga kini adalah seramai 49,423 pemohon. Pecahan permohonan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	PETALING	15,173
2	KLANG	7,572
3	HULU LANGAT	9,823
4	SEPANG	6,372
5	GOMBAK	4,793
6	KUALA LANGAT	2,513
7	KUALA SELANGOR	2,453
8	SABAK BERNAM	249
9	HULU SELANGOR	475
<b>JUMLAH</b>		<b>49,423</b>

- b) Pecahan permohonan Rumah Selangorku yang telah berjaya, tidak layak dan menunggu adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Berjaya Ditawarkan	12,644
2	Tidak Layak	6,102
3	Menunggu	21,834
4	Tamat Tempoh Pendaftaran 2 tahun	8,843
<b>JUMLAH</b>		<b>49,423</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : AGENSI YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA SUMBER AIR**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab kepada pengurusan dan pemantauan sungai serta sumber air di Selangor serta jumlah kakitangan yang terlibat.
- b) Apakah akta atau undang-undang yang digunakan oleh agensi berkenaan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing?
- c) Sekerap mana pemeriksaan atau pemantauan secara berkala yang dilakukan oleh agensi berkenaan berkaitan pemantauan sungai serta statistik pemeriksaan, tindakan undang-undang atau pendakwaan di mahkamah sejak lima (5) tahun yang lalu.

**JAWAPAN:**

- a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah bertanggungjawab sebagai agensi sehenti dengan pendekatan pengurusan bersepadu bersama agensi-agensi lain yang berkaitan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Perhutanan, Jabatan Veterinar, Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) serta agensi-agensi yang terlibat berdasarkan kedudukan dan isu sesuatu sumber air tersebut.

Sehingga 25 Oktober 2016, LUAS mempunyai kekuatan anggota kakitangan seramai 104 orang yang terdiri daripada 72 orang pegawai/kakitangan lantikan bertaraf tetap dan 32 orang pegawai/kakitangan lantikan bertaraf kontrak. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 14 orang pegawai/kakitangan terdiri daripada anggota penguatkuasa yang diperincikan seperti berikut:

1. Pegawai Penguatkuasa Gred N41 (1 orang),
2. Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29 (2 orang), dan
3. Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 (11 orang).

Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS Bil 2/2016 pada 20 September 2016 seterusnya telah meluluskan pengambilan 45 orang pegawai/kakitangan lantikan bertaraf kontrak baharu yang mana merangkumi 13 orang pegawai/kakitangan anggota penguatkuasa tambahan seperti berikut;

1. Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29 (1 orang), dan
2. Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 (12 orang).

Lantikan pegawai/kakitangan baharu ini akan dilakukan secara berperingkat bermula pada bulan Januari 2017 yang mana akan melibatkan 4 orang Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 untuk permulaan. Langkah berperingkat ini adalah untuk memastikan ketersediaan ruangan kerja bagi pegawai/kakitangan baharu yang akan dilantik.

- b) LUAS melaksanakan fungsi serta penguatkuasaannya berdasarkan kepada Enakmen LUAS 1999. Manakala agensi-agensi lain yang terlibat adalah berdasarkan kepada bidang kuasa dan perundangan masing-masing mengikut seksyen/klausa yang berkaitan dengan sumber air seperti Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang dikuatkuasakan oleh JAS, Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang dikuatkuasakan oleh PBT, dan Kanun Tanah Negara 1965 yang digunapakai oleh PDT.
- c) Pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management, IRBM*) yang dilaksanakan LUAS dalam menguruskan sumber air di Negeri Selangor adalah dengan kerjasama Jabatan kerajaan dan pihak berkepentingan. Pemantauan isu-isu melibatkan sumber air dilaksanakan melalui Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor dengan jumlah 12 kali mesyuarat/tahun. Ia turut dibincangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor setiap 4 kali/tahun. Tindakan penguatkuasaan bersepadu dijalankan mengikut bidang kuasa masing-masing dengan kerjasama Jabatan kerajaan berkaitan. Pemantauan secara berkala dan mengejut/*ad hoc* dijalankan melibatkan pelbagai isu pencemaran sumber air bagi memastikan sumber air di Negeri Selangor terpelihara.

Pemantauan berkala sumber air di negeri Selangor dibuat dengan cara menyediakan jadual perancangan tugas dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan sekiranya terdapat kesalahan berlaku semasa pemantauan dijalankan. Pemantauan dan pemeriksaan tersebut merangkumi sungai-sungai,

zon perlindungan yang diwartakan, kolam-kolam alternatif dan penyelesaian aduan yang diterima oleh Lembaga. Operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi juga turut dilaksanakan dalam memastikan penguatkuasaan terhadap sumber air di negeri Selangor dijalankan.

Statistik tindakan penguatkuasaan dan perundangan yang telah dijalankan LUAS dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti berikut ;

TAHUN	JUMLAH SIASATAN/ PEMERIKSAAN	JUMLAH NOTIS	JUMLAH KOMPAUN	RAMPASAN DAN SITAAN	JUMLAH KERTAS SIASATAN YANG DISEDIAKAN	TINDAKAN PENDAKWAAN	TUNTUTAN KOS PEMBERSIHAN
2012	460	292	17	13	8	Tiada	Tiada
2013	434	332	8	13	2	1	Tiada
2014	611	304	14	6	2	Tiada	Tiada
2015	491	380	10	5	1	Tiada	3
2016 (sehingga Ogos 2016)	314	281	13	2	2	1	3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : RUMAH URUT**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah rumah urut dari tahun 2010-2015 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah cukai yang diambil dari rumah urut dari tahun 2010-2015 mengikut PBT.

**JAWAPAN:**

- a) Statistik jumlah rumah urut dari tahun 2010-2015 di PBT Negeri Selangor adalah sebanyak 1171. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1:

PBT	Jumlah rumah urut					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
MBSA	5	9	7	3	9	8
MBPJ	38	39	40	40	40	40
MPK	27	27	27	27	27	27
MPAJ	39	38	38	33	35	32
MPSJ	35	32	32	27	26	25
MPS	11	12	14	19	20	35
MPKJ	13	12	13	7	9	7
MPSp	1	1	1	1	1	1
MDKL	11	11	13	14	12	13
MDHS	0	0	2	5	0	0
MDKS	0	0	0	0	0	0
MDSB	11	11	13	14	15	16
<b>JUMLAH</b>	<b>191</b>	<b>192</b>	<b>200</b>	<b>190</b>	<b>194</b>	<b>204</b>

Jadual 1: Jumlah rumah urut (pusat kecantikan dan kesihatan) di PBT Negeri Selangor

- b) Jumlah fi lesen yang diambil daripada rumah urut dari tahun 2010-2015 di PBT Negeri Selangor adalah sebanyak RM4,324,914.55. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 2:

PBT	Jumlah fi lesen yang diambil dari rumah urut (RM)					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
MBSA	5,467.00	8,526.00	11,306.00	3,390.00	8,094.00	11,500.00
MBPJ	65,340.00	66,740.00	68,540.00	68,540.00	68,540.00	68,540.00
MPK	18,930.00	18,930.00	18,930.00	18,930.00	18,930.00	18,930.00
MPAJ	66,140.00	64,528.00	64,528.00	43,444.00	71,945.00	67,715.00
MPSJ	384,312.95	508,853.60	437,051.40	563,757.20	597,431.00	535,151.00
MPS	13,200.00	14,400.00	16,800.00	22,800.00	24,000.00	42,000.00
MPKJ	16,900.00	15,600.00	16,900.00	9,100.00	11,700.00	9,100.00
MPSp	1,300.00	1,300.00	1,300.00	1,300.00	1,300.00	1,300.00
MDKL	12,030.00	12,030.00	15,830.00	17,688.00	13,230.00	15,166.40
MDHS	0	0	200.00	3,000.00	0	0
MDKS	0	0	0	0	0	0
MDSB	6,240.00	6,240.00	6,960.00	7,320.00	7,680.00	8,040.00
<b>JUMLAH</b>	<b>589,859.95</b>	<b>717,147.60</b>	<b>658,345.40</b>	<b>759,269.20</b>	<b>822,850.00</b>	<b>777,442.40</b>

Jadual 2: Jumlah fi lesen yang diambil daripada rumah urut (pusat kecantikan dan kesihatan) di PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : GURU KAFA**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini guru KAFA di Selangor mengikut daerah.
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menambahbaik mutu guru KAFA pada tahun 2017?

**JAWAPAN:**

a) Jumlah Guru KAFA di Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Guru</b>
Sabak Bernam	398
Klang	1046
Petaling	1358
Kuala Selangor	668
Gombak	849
Kuala Langat	536
Hulu Langat	1147
Hulu Selangor	401
Sepang	462
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>6865</b>

- b) Kerajaan Negeri akan menambahbaik mutu Guru KAFA pada 2017 seperti berikut:
- i. Memberi latihan yang holistik di ILDAS, PKG Negeri dan Daerah
  - ii. Memperkenalkan Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran (RPP) yang sesuai dan praktikal
  - iii. Memberi dan mengadakan kelas-kelas Tafakuh mengikut setiap mata pelajaran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERBELANJAAN WANG RIZAB NEGERI**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci perbelanjaan yang menggunakan rizab simpanan negeri pada tahun 2010 hingga 2015.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal perbelanjaan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 hingga 2012 serta 2015 telah mencatatkan lebihan di mana perbelanjaan tahun semasa adalah menggunakan terimaan hasil tahun semasa. Manakala prestasi kewangan pada tahun 2013 dan 2014 berakhir dengan kurangan. Kurangan yang direkodkan ini dibiayai oleh rizab simpanan negeri bagi membiayai sebahagian perbelanjaan pembangunan.

	2010	2011	2012	2013	2014	2015
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Lebihan / (Kurangan)	124.24	180.62	251.72	(122.00)	(4.37)	232.79
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>						
Emolumen				347.35	362.20	
Perkhidmatan dan Bekalan				365.41	400.82	
Aset				8.56	8.77	
Pemberian dan Kenaan Tetap				911.56	653.26	
Perbelanjaan Lain				8.25	22.71	
Jumlah				1,641.13	1,447.76	
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>						
				630.84	781.69	

Nota:- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- b) Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri dikendalikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Tidak kesemua rizab Negeri boleh dibelanjakan atas sebab-sebab seperti berikut:-
- i) ia adalah sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah; dan
  - ii) rizab negeri akan dijadikan sebagai simpanan masa hadapan sekiranya kutipan hasil serta pertumbuhan hasil semasa tidak dapat menampung perbelanjaan dalam sesuatu tahun

Mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan ke atas penggunaan Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah terbahagi kepada tiga (3) iaitu:-

- i) Kawalan Dewan Negeri Selangor contohnya pewujudan Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Awam;
- ii) Kawalan Perbendaharaan – penguatkuasaan Akta Tatacara Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan Sistem Perakaunan Berkomputer dengan Kawalan dan Sekuriti bagi kelulusan sesuatu perbelanjaan dan perolehan; dan
- iii) Kawalan Jabatan – contohnya tanggungjawab Pegawai Pengawal dari segi penurunan kuasa, pusingan tugas dan pengasingan tugas.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : LESEN PUSAT HIBURAN KELUARGA (PHK)**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan untuk membuka PHK pada tahun 2016?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengekang pertambahan PHK di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2016 ialah sebanyak 101 dan permohonan yang diluluskan ialah sebanyak 55. Jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan oleh setiap PBT di Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Jumlah Permohonan PHK Tahun 2016 Bagi PBT Di Negeri Selangor

PBT	JUMLAH PERMOHONAN PHK TAHUN 2016	
	DITERIMA	DILULUSKAN
MBSA	5	4
MBPJ	15	8
MPK	21	1
MPAJ	18	13
MPSJ	9	5
MPS	3	2
MPKJ	3	3
MPSP	0	0
MDKL	3	3
MDKS	7	3
MDHS	7	7
MDSB	10	6
<b>JUMLAH</b>	<b>101</b>	<b>55</b>

Nota : Sumber dari PBT

- b) Kerajaan Negeri melalui PBT telah mensyaratkan agar permohonan yang diterima perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu Garis Panduan Pemberian Lesen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Di Kawasan Pentadbiran Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Selangor – Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT KT Bil. 3/2001 dan Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga (PHK): Pindaan – Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan JKT : JM/D/Bil. 3/2005 sebagai langkah untuk mengekang pertumbuhan PHK.

Berdasarkan garis panduan tersebut, lokasi PHK yang dibenarkan adalah di kompleks perdagangan (membeli belah) dan Taman Tema (Theme Park). Walau bagaimanapun, pemakaian syarat ini bergantung kepada kesesuaian PBT seperti mana yang diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis masing-masing selagi permohonan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : INSENTIF UNTUK ATLET SUKAN NEGERI**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan insentif-insentif yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk semua atlet Sukan Negeri Selangor yang bertanding di sukan antarabangsa untuk mengharumi nama Malaysia dan Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Antara insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) yang bertanding di Sukan Antarabangsa untuk mengharumi nama Malaysia dan negeri adalah seperti berikut:-

<b>KELAYAKAN/ PINGAT</b>	<b>SUKAN OLIMPIK</b>	<b>SUKAN KOMANWEL/ SUKAN ASIA</b>	<b>SUKAN SEA</b>
<b>INDIVIDU</b>			
Emas	25,000.00	10,000.00	5,000.00
Perak	20,000.00	7,000.00	3,000.00
Gangsa	15,000.00	5,000.00	1,500.00
<b>PASUKAN KURANG (&lt;) 5 ORG</b>			
Emas/Pasukan	10,000.00	6,000.00	3,000.00
Perak/Pasukan	8,000.00	4,000.00	2,000.00
Gangsa/Pasukan	5,000.00	2,000.00	1,000.00
<b>PASUKAN LEBIH (&gt;) 5 ORG</b>			
Emas/Individu	8,000.00	3,000.00	1,500.00
Perak/Individu	5,000.00	2,000.00	1,000.00
Gangsa/Individu	2,000.00	1,000.00	800.00
<b>SAGUHATI PENYERTAAN</b>			
Individu	1,000.00	800.00	500.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBINAAN BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN DI SETIAP PBT**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah pembinaan bantuan rumah kerajaan prihatin mengikut susunan setiap daerah pada tahun 2015 hingga kini.
- b) Apakah kemudahan yang telah disediakan di dalam rekabentuk rumah tersebut?
- c) Kos pembinaan setiap rumah prihatin.

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan Bantuan Rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin adalah terbuka kepada semua rakyat di Negeri Selangor mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Senarai pemohon yang telah menerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2015 sehingga kini adalah seperti di **JADUAL 1**.

b) dan c)

Kerajaan Negeri melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, menyediakan dua jenis bantuan rumah iaitu bina baru rumah 3 bilik dengan kos RM35,000.00 bagi sebuah rumah dan baikpulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bergantung kepada kerosakan yang dialami. Bagi bantuan bina baru rumah 3 bilik, rumah tersebut adalah dilengkapi dengan kemudahan bilik tidur, dapur, dan bilik air. Dengan keluasan rumah seluas 660 kaki persegi ini cukup untuk menampung sebuah keluarga kecil dan agak selesa untuk didiami. Manakala bagi bantuan baikpulih rumah, kerosakan yang dialami oleh pemohon akan dikenalpasti dan disahkan oleh Bahagian Teknikal Pejabat Daerah yang berkenaan dengan mengemukakan *Bill of Quantity* (BQ) untuk dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah diadakan.

**JADUAL 1****JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI TAHUN  
2015 – 2016**

DAERAH \ TAHUN	2015		2016		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	9	5			14
PETALING	4	3			7
KUALA LANGAT	9	11		3	23
HULU LANGAT	3	4	1	4	12
SABAK BERNAM	-	-		5	5
KUALA SELANGOR	-	8		3	11
GOMBAK	5	5		2	12
HULU SELANGOR	3	7	1	9	20
SEPANG	-	-		8	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>33</b>	<b>43</b>	<b>2</b>	<b>34</b>	<b>112</b>

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	35
BP - Baikpulih	77
Jumlah keseluruhan	112

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PENCEMARAN BAU KILANG TOKSIK DI BAGAN SEKINCHAN**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah status terkini kilang melebur timah tersebut?
- b) Sila nyatakan apakah kesan akibat menghidu bau tersebut terhadap kesihatan penduduk?
- c) Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk mencegah masalah pencemaran bau tersebut daripada berulang kembali?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Kilang yang melakukan aktiviti peleburan timah tersebut adalah premis yang tidak bernama yang beroperasi di No. 163, Jalan JPT, Bagan Sekinchan, 45400 Sekinchan. Aktiviti yang dilakukan oleh premis tersebut adalah aktiviti melebur timah bagi menghasilkan batu ladung. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, premis tersebut tidak mempunyai kelulusan Penilaian Awal Tapak dan apa-apa kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

Berdasarkan siasatan terakhir yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor iaitu pada 06 Oktober 2016 didapati premis tersebut telah ditutup dan tiada sebarang aktiviti yang dijalankan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dimaklumkan oleh pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bahawa pihak MDSB telah menjalankan siasatan pada 29 September 2016 dan mendapati premis tersebut adalah tidak dilisenkan dan beroperasi secara haram. Oleh itu, pihak MDSB telah menawarkan kompaun kerana menjalankan aktiviti tanpa kebenaran dan mengarahkan premis untuk memberhentikan operasinya dengan serta merta.

Susulan daripada penutupan kilang tersebut masalah pencemaran bau tersebut tidak berlaku lagi dan tidak akan memberikan kesan pencemaran bau kepada penduduk yang berhampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : DASAR PENILAIAN PEROLEHAN**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan secara terperinci keberkesanan Dasar Penilaian Perolehan Secara *Cut-Off*.
- b) Sila kemukakan perbandingan kelebihan dan kelemahan Dasar Perolehan Secara *Cut-Off* dengan harga terendah.
- c) Apakah langkah pencegahan bagi membendung kemungkinan berlaku monopoli dalam proses secara *cut-off*?

**JAWAPAN:**

- a) Dasar Penilaian Perolehan Secara *Cut-Off* ialah satu proses tanda aras sebut harga dan tender yang diperolehi daripada pasaran melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah. Sistem ini digunapakai untuk setiap perolehan Kerajaan secara sebut harga dan tender yang disertai oleh lebih sepuluh (10) pembida kerana keberkesanannya dalam aspek-aspek berikut:
  - a. Proses penandaarasan secara statistik telah dapat membantu jabatan/agensi dalam memastikan kemunasabahan harga bidaan yang hendak diperakukan agar setiap ringgit yang dibelanjakan Kerajaan akhirnya berjaya memperoleh nilai yang terbaik dan menguntungkan (*Value for Money*);
  - b. Mengelakkan aktiviti melobi projek-projek Kerajaan memandangkan penilaian perolehan sebut harga dan tender diurus secara kaedah statistik yang telah dibuktikan berintegriti dan sistematik. Di dalam konteks Negeri Selangor, harga yang diperakukan mestilah harga yang berada dalam lingkungan julat *Cut-Off* iaitu harga yang tidak lebih rendah dari -20.00% *Builders Work Adjusted Mean* (BWAM);
  - c. Berfungsi sebagai alat atau *tools* kepada jabatan/agensi untuk menyenarai pendek pembida-pembida yang mana harganya munasabah susulan hanya sepuluh (10) harga terbaik yang berada di dalam lingkungan atau julat *Cut-Off* dan tidak lebih rendah dari - 20.00% BWAM sahaja yang akan dibawa ke

penilaian teknikal. Kaedah ini membantu jabatan/agensi mempercepatkan proses penilaian kerana harga-harga yang terlalu rendah dan terlalu tinggi telah disisihkan di peringkat awal.

- b) Kelebihan dan kelemahan Dasar Perolehan secara *cut-off* dan dasar harga terendah dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti berikut:-

Dasar Penilaian Perolehan **Secara *Cut-Off***

Bil	Kelebihan	Kelemahan
<b>Penilaian yang berintegriti dan sistematik</b>		
1	Kaedah ini adalah telus kerana penentuan kemunasabahan harga bergantung penuh dari harga pasaran semasa dan ia ditentukan berdasarkan kaedah statistik setelah tender ditutup	Pegawai yang terlibat dalam proses penilaian perlu mahir dan menguasai kaedah mengisi maklumat dan data petender ke dalam <i>Template Penilaian Cut-Off</i> yang disediakan dalam format <i>Microsoft Excel</i> .
<b>Value for money</b>		
2	Memperakukan harga yang terendah dalam lingkungan julat <i>Cut-Off</i> yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu harga terendah yang lulus penilaian teknikal yang tidak lebih rendah dari -20.00 BWAM.	Anggaran Jabatan (AJ) merupakan komponen penting. Terdapat keadaan di mana harga yang diperakukan berada dalam lingkungan <i>Cut-Off</i> iaitu mendapat peratusan <i>Builders Work Adjusted Mean</i> (BWAM) tidak lebih rendah dari - 20.00% tetapi peratusan <i>Builders Work</i> Anggaran Jabatan (BWAJ) harga-harga tersebut melebihi 30%. Perkara ini kerap berlaku kepada perolehan bekalan dan perkhidmatan kerana Anggaran Jabatan (AJ) disediakan menggunakan harga lampau / kontrak terdahulu.
<b>Alat / tools untuk mempercepatkan proses penilaian</b>		
3	Mempercepatkan proses penilaian perolehan kerana berfungsi sebagai alat atau <i>tools</i> untuk menyenarai pendek dan	Hanya boleh digunapakai kepada perolehan yang disertai oleh lebih sepuluh (10) petender.



	menilai harga bidaan yang munasabah sahaja.	
--	---	--

### Dasar Perolehan Harga Terendah

Bil	Kelebihan	Kelemahan
<b>Penjimatan Besar Kepada Kerajaan Negeri</b>		
1	Harga yang diperakukan adalah harga yang terendah yang lulus penilaian teknikal tanpa sebarang had ditetapkan terhadap beza harga yang berjaya dengan Anggaran Jabatan (AJ). Sistem ini memberi penjimatan yang besar kepada Kerajaan Negeri.	Wujud penjejasan terhadap kualiti kerja, bekalan dan perkhidmatan yang diterima akibat harga kontrak yang terlalu rendah.
<b>Mengelakkan Aktiviti Melobi Projek Kerajaan Negeri</b>		
2.	Mengelakkan aktiviti melobi projek-projek Kerajaan Negeri kerana hanya harga terendah dan lulus penilaian teknikal yang akan diperakukan.	Kurangnya kawalan terhadap kemunasabahan harga menyebabkan tiada jaminan terhadap margin keuntungan kontraktor. Situasi ini kadangkala dilihat sebagai <i>win-loose situation</i> .
<b>Menggalakkan penyertaan <i>Owner Operator</i></b>		
3.	Menggalakkan penyertaan <i>owner operator</i> dan mengelakkan projek Kerajaan Negeri terjejas akibat aktiviti <i>ali baba</i> atau pelantikan sub-kontraktor berulang kali.	Terlalu bergantung kepada nilai Anggaran Jabatan (AJ). Kontraktor yang tidak mampu atau berhasrat menguji sistem juga mungkin diperakukan jika pihak kontraktor mengetahui nilai AJ.

- c) Aktiviti monopoli dapat dibendung dalam pelaksanaan proses penilaian secara Sistem *Cut-Off* menerusi mekanisme berikut:-
- i) Template Penilaian *Cut-Off* dalam format Microsoft *Excel* yang digunakan ini telah ditambahbaik oleh pihak JKR Malaysia di mana penilaian adalah berdasarkan beza kesemua harga dengan *Adjusted Mean* (AM) berbanding sistem *Cut-Off* klasik yang menggunakan beza kesemua harga dengan *Mean*. *Adjusted Mean* adalah purata di antara *Mean* dengan Anggaran

Jabatan (AJ). Penambahbaikan ini dapat mengelak pihak syarikat/kontraktor memanipulasi bidaan atau dalam kata lain menentukan pembida yang berjaya menerusi pakatan di kalangan mereka;

- ii) Maklumat berkaitan Anggaran Jabatan (AJ) hendaklah dirahsiakan oleh agensi/jabatan;
- iii) Kesemua harga yang disenarai pendek perlu lulus penilaian teknikal untuk layak diperakukan walaupun ianya telah berada di dalam lingkungan julat *Cut-Off*. Aspek-aspek penilaian teknikal merangkumi pematuhan kepada spesifikasi yang ditetapkan oleh jabatan/agensi, memiliki kecukupan modal dan mematuhi apa jua syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh jabatan/agensi di dalam dokumen sebut harga atau tender.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK KEBUN KERANG**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah nama peserta dan keluasan kebun kerang di Selangor.
- b) Sila huraikan berapakah hasil keluaran terkini daripada Projek Kebun Kerang?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah kaedah yang dilakukan bagi mencegah sindiket mencuri benih kerang yang semakin berleluasa?

**JAWAPAN:**

- a) Di bawah Akta Perikanan 1985, semua penternak kerang perlu mempunyai Lesen Sistem Kultur Laut (SKL). Sehingga September 2016, terdapat 79 penternak kerang berlesen di Negeri Selangor yang meliputi kawasan seluas 3,912 hektar.
- b) Pengeluaran Kerang Dewasa

<b>TAHUN</b>	<b>PENGELUARAN (mt)</b>
2012	11,842.66
2013	5,407.00
2014	10,035.15
2015	3, 327.45
2016 (sehingga Sept )	1,649.50

- c) Ternakan kerang di perairan kelautan Malaysia dikawal sepenuhnya di bawah Akta Perikanan 1985 seksyen 61, di mana Peraturan-peraturan Perikanan (Sistem Kultur Laut) 1990 dan Peraturan-peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002 dikuatkuasakan. Projek Kebun Kerang Selangor tidak terkecuali, mana-mana orang yang menjalankan ternakan kerang di perairan Selangor wajib mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Berikut adalah antara kaedah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Selangor (DoF) untuk mencegah kecurian benih kerang:
  - i. DoF menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dan mempraktikkan prosedur dalam Buku Dasar Dan Prosedur (Pelesenan Vesel, Peralatan Menangkap

Ikan & Pendaftaran Nelayan), ini termasuk apa-apa yang berkaitan dengan ternakan kerang:

- a. Lesen Vesel Sistem Kultur Laut (SKL)
  - b. Lesen Sistem Kultur Laut (SKL)
  - c. Lesen Mengambil Benih Kerang
  - d. Lesen Mengambil Kerang Dewasa
  - e. Lesen Membeli Benih Kerang
- ii. Selain dari DoF, Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merupakan agensi yang boleh menguatkuasakan Akta Perikanan 1985. Mesyuarat dan perbincangan penyelarasan dibuat bagi membantu memantapkan penguatkuasaan termasuk kes kecurian benih kerang.
  - iii. DoF juga memaklumkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti polis dan Jabatan Imigresen supaya semua pihak dapat bersama-sama membanteras kes kecurian benih kerang ini.
  - iv. Mengumpul dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap maklumat dan aduan yang disalurkan oleh orang awam/nelayan.
  - v. Mempraktikkan Manual Prosedur Pengeluaran Lesen Mengambil Benih Kerang atau Kerang Dewasa dan Lesen Membeli Benih Kerang:
    - a. DoF akan membuat persampelan kawasan dijangka kedapatan benih kerang. Sekiranya saiz benih kerang mencukupi iaitu antara 4mm-24.5mm, Jabatan akan mengeluarkan Surat Pengisytiharan Pembukaan Kawasan Benih dan pengambil benih kerang yang memenuhi syarat boleh memohon Lesen Mengambil Benih Kerang yang dikeluarkan oleh DoF.
    - b. penguatkuasaan semasa tempoh pembukaan kawasan adakan dipertingkatkan bagi mengelakkan berlaku sebarang kecurian benih kerang tersebut.
  - vi. Mempraktikkan Buku Panduan Lengkap Kod Amalan Akuakultur Ternakan Kerang:

- a. Kawasan benih kerang semulajadi adalah kawasan larangan ternakan kerang
  - b. Lot-lot ternakan yang diluluskan di bawah Lesen SKL oleh DoF adalah di luar dari kawasan benih kerang semulajadi
- vii. DoF juga melaksanakan Program Pemantauan Pancang Haram. Aktiviti ini dibuat dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain serta nelayan setempat. Pemantauan berterusan akan dibuat bagi mencegah pemasangan pancang haram di kawasan benih kerang semulajadi dan lot-lot kerang.
- viii. DoF juga sedang merangka program-program baru bagi mencegah kes kecurian benih kerang, antaranya ialah:
- a. Taklimat berkala dengan masyarakat setempat, ini termasuk nelayan dan penternak kerang
  - b. Mengadakan Program Percubaan Konservasi Benih Kerang berasaskan komuniti setempat
  - c. Bekerjasama dengan Sukarelawan Perikanan (SUPER) untuk memantau benih kerang.

Berikut adalah rekod kes Jabatan Perikanan Negeri Selangor melalui aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan khusus bagi membanteras kecurian benih kerang:

<b>TAHUN</b>	<b>RAMPASAN BENIH KERANG</b>	<b>SITA/MUSNAH TONGKAH</b>	<b>SITA/MUSNAH TANGGUK TANGAN</b>	<b>LAIN-LAIN</b>
2014	180 kg RM22,500	26	28	5
2015	200 kg RM25,000	327	83	9
2016 (Sehingga April)	355 kg RM44,375	334	90	-
<b>JUMLAH</b>	<b>735 kg RM94,375</b>	<b>888</b>	<b>201</b>	<b>14</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : RUMAH BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah peserta rumah bantuan Kerajaan Prihatin sejak 3 tahun yang lepas mengikut pecahan daerah.
- b) Sila kemukakan secara terperinci jumlah dana dan senarai penaja utama.
- c) Apakah perancangan yang holistik bagi membantu rakyat memiliki rumah sendiri?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan Bantuan Rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Senarai permohonan yang telah menerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2014 sehingga kini mengikut pecahan daerah adalah seperti di **JADUAL 1**.
- b) Peruntukan Pembangunan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin telah ditetapkan sebanyak RM1 juta bagi tempoh setahun. Peruntukan ini akan digunakan untuk membiayai kos bina baru dan baik pulih rumah yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Pemilihan Bantuan Rumah Program Kerajaan Prihatin. Selain daripada itu, peruntukan ini juga digunakan untuk melaksanakan apa jua program di bawah Jawatankuasa seperti Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Kerajaan Prihatin, pembelian barangan program dan melaksanakan program-program turun padang YB EXCO ke daerah-daerah di Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin juga menerima sumbangan secara 'one off' dari Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang disalur terus ke dalam akaun Amanah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang juga merupakan akaun tumpangan di bawah program ini. Antara Anak syarikat Kerajaan Negeri yang memberi sumbangan kepada Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>ANAK SYARIKAT</b>	<b>JUMLAH SUMBANGAN (RM)</b>
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	1,000,000.00
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	100,000.00
3	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	2,000,000.00
4	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	1,000,000.00
5	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.	1,000,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5,100,000.00</b>

- c) Secara umumnya, Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin di atas keperluan dan kepentingan rakyat di Negeri ini dalam memiliki rumah sendiri. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu rakyat di Negeri Selangor untuk memiliki rumah sendiri mengikut kelayakan yang dimiliki.

Sejajar dengan Dasar Perumahan Negeri Selangor iaitu untuk merealisasikan matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna', Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan perumahan mampu milik di bawah Program Rumah Selangorku di bawah Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Projek perumahan ini bertujuan untuk memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu konsep perumahan yang baru iaitu Perumahan Mampu Milik atau "*Affordable Homes*" yang memberi lebih keselesaan sama ada dari segi saiz, rekabentuk mahupun komunitinya. Program perumahan ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar yang dipengerusikan oleh Y.B Dato Iskandar Bin Abdul Samad.

Di bawah program ini, pemohon khususnya rakyat Negeri Selangor berpeluang untuk memiliki perumahan sendiri dengan harga serendah RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bagi sebuah rumah mengikut kelayakan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Permohonan boleh dibuat secara *online* dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sepertimana yang dipaparkan di laman web LPHS. Walau bagaimanapun, pihak LPHS akan membuat saringan kepada

permohonan yang layak untuk menentukan kawasan perumahan yang tersedia untuk tujuan tersebut.



**JADUAL 1****JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI TAHUN  
2014 – 2016**

TAHUN DAERAH	2014		2015		2016		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	1	1	9	5			16
PETALING	-	-	4	3			7
KUALA LANGAT	1	-	9	11		3	21
HULU LANGAT	7	3	3	4	1	4	22
SABAK BERNAM	13	39	-	-		5	57
KUALA SELANGOR	12	22	-	8		3	45
GOMBAK	2	7	5	5		2	21
HULU SELANGOR	-	-	3	7	1	9	20
SEPANG	12	10	-	-		8	30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>48</b>	<b>82</b>	<b>33</b>	<b>43</b>	<b>2</b>	<b>34</b>	<b>242</b>

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	83
BP - Baikpulih	159
Jumlah keseluruhan	242

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PINJAMAN RM432 JUTA OLEH KDEB**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pinjaman tersebut?
- b) Sila perelaskan bilakah jumlah keseluruhan pinjaman tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri seperti apa yang dijanjikan?
- c) Sila huraikan sehingga kini berapakah jumlah faedah yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri ?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya, pinjaman Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) daripada Kerajaan Negeri bagi tujuan **pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) adalah berjumlah RM413.20 juta.**

Setakat 30 September 2016, Kerajaan Negeri **telah menerima bayaran balik pinjaman berkenaan berjumlah RM5.0 juta**, manakala **baki bayaran balik pinjaman yang masih belum diterima adalah berjumlah RM424,728,000.00** seperti jadual berikut:

<b>Jumlah Pinjaman Pokok (RM)</b>	<b>Jumlah Faedah (RM)</b>	<b>Jumlah Bayaran Balik Diterima (RM)</b>	<b>Baki Keseluruhan Pinjaman (RM)</b>
413,200,000.00	16,528,000.00	5,000,000.00	<b>424,728,000.00</b>

- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Mesyuarat MMKN) Ke-13/2016 yang diadakan pada 13 April 2016 dan telah disahkan oleh Mesyuarat MMKN Ke-14/2016 pada 20 April 2016 **telah menimbang dan meluluskan cadangan kaedah penyelesaian pinjaman Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)** bagi tujuan pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) berjumlah RM413.20 juta antaranya seperti berikut:

- (i) Bersetuju dengan **kelulusan bagi menyerahkan kuasa pengurusan aset KHSB melalui Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) daripada KHSB kepada MBI** bagi mengurus semua aset KHSB. Ini bertujuan bagi membolehkan pembayaran balik hutang kepada Kerajaan Negeri dapat berjalan lancar;
- (ii) Mencadangkan agar **PKNS mengadakan perbincangan dan urus niaga secara terus dengan KDEB selaku pemilik penuh KHSB** berhubung cadangan PKNS untuk mengambil alih keseluruhan saham milik KHSB dalam Central Spektrum Sdn. Bhd. (CSSB) menggunakan kaedah *Realized Net Asset Value* (NAV) kerana kaedah penilaian tersebut mengambil kira penilaian aset dan liabiliti; dan
- (iii) Mencadangkan agar **KHSB memuktamadkan secara telus keputusan tender yang telah dibuat** untuk melupuskan tanah seluas 9.66 ekar tanah di Seksyen 14, Petaling Jaya.

Seterusnya, PKNS melalui surat bertarikh 31 Mei 2016 telah mengemukakan **permohonan lanjutan tempoh masa ke atas tawaran penjualan bersyarat KHSB kepada PKNS untuk mengambilalih 76.67% saham ekuiti milik KHSB di dalam CSSB** menggunakan kaedah *Realized Net Asset Value* (NAV), berikutan **keputusan muktamad ke atas tawaran tersebut adalah tertakluk kepada faktor-faktor berikut:**

- (i) laporan penilaian ke atas kesemua aset-aset hartanah milik CSSB yang sedang dimuktamadkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Cawangan Klang;
- (ii) laporan lengkap kerja-kerja penilaian dan *due diligence exercise* ke atas cadangan pengambilalihan tersebut;
- (iii) kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan PKNS dan Mesyuarat Ahli-ahli Perbadanan PKNS ke atas cadangan pengambilalihan tersebut; dan
- (iv) kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk cadangan pengambilalihan ini.

- c) Sehingga 30 September 2016, jumlah faedah yang belum dibayar oleh KDEB kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM16,528,000.00** berdasarkan perincian seperti jadual berikut:

<b>Jumlah Pinjaman Pokok (RM)</b>	<b>Jumlah Faedah (RM)</b>	<b>Jumlah Bayaran Balik Diterima (RM)</b>	<b>Baki Keseluruhan Pinjaman (RM)</b>
413,200,000.00	<b>16,528,000.00</b>	5,000,000.00	424,728,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : YAYASAN SELANGOR (YS)**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan sumber pendapatan utama yang diperolehi oleh YS.
- b) Sila kemukakan jumlah perbelanjaan dan pelajar yang menerima pinjaman serta biasiswa sejak 3 tahun yang lepas.
- c) Apakah pelan perancangan bagi 5 tahun akan datang dan bagaimanakah untuk menjana pendapatan tambahan?

**JAWAPAN:**

a) Sumber pendapatan utama YS adalah sewaan hartanah/kem, projek usahasama perladangan dan sewa pajak tanah.

b)

Perkara	TAHUN		
	2015	2014	2013
Jumlah Perbelanjaan Biasiswa/Pinjaman	RM2.90 juta	RM3.66 juta	RM4.47 juta
Jumlah pelajar (biasiswa/pinjaman)	4,646 orang	4,585 orang	3,492 orang

\* Bermula 2012, YS tidak lagi memberikan pinjaman pelajaran, sebaliknya memberi fokus kepada pemberian Biasiswa pelajar peringkat menengah sahaja. Pemberian pinjaman hanya kepada peminjam sedia ada yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah. Walau bagaimanapun, YS telah membuka semula tawaran pinjaman pelajaran mulai 2016.

c) **PERANCANGAN PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR (2017 – 2021)**

1. Penambahan bilangan pelajar yang mendapat perkhidmatan pendidikan Yayasan Selangor melalui program HIPERS di setiap daerah negeri Selangor.

2. Meningkatkan pencapaian akademik pelajar dengan memberi aktiviti/program akademik melalui program E-Tuition E- tuition, Literasi 'coding', Bengkel Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), *Psychological Enhancement*, Kem Kecemerlangan UPSR, PT3 dan SPM dan Bengkel Berkala Teknik Menjawab Soalan.
3. Melaksanakan Program Pembangunan Sahsiah & Jati Diri melalui Kem Kepimpinan Pelajar dan *English Camp*
4. Memperkasa perkhidmatan pendidikan dengan mengadakan 'Smart Partnership' dengan ibubapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas melalui JV Yayasan Selangor – Comnet Unisel bagi program *Interactive English, Science & Maths Summer Camp* serta Program Generasi Berkemahiran (YS – NAZA)
5. Meneruskan pembiayaan Pinjaman Pelajaran pelajar di peringkat Sijil, Diploma & Ijazah Pertama bagi anak negeri Selangor di semua IPTA dan IPTS (terpilih)
6. Memperkenalkan pembiayaan peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran melalui program Selangor Brainbank.
7. Melancarkan tabung endowmen sebagai satu sumber untuk pembiayaan pendidikan.

#### **PERANCANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH:**

Pelan perancangan pendapatan untuk 5 tahun (2017 - 2021) akan datang adalah berdasarkan kepada bidang dan strategi pelaksanaan berikut;

- a) Melaksanakan projek usahasama ke atas tanah/bangunan milik YS melalui kaedah 'Request for Proposal (RFP)'. YS telah pun melaksanakan proses ini ke atas 6 hartanah pada akhir tahun 2016 dan 3 bidang tanah lagi yang akan dijalankan pada awal tahun 2017.
- b) Mengurus dan memantau secara berkesan terhadap perjanjian usahasama/pajakan sedia ada.
- c) Menguruskan penyewaan tanah untuk aktiviti-aktiviti Agro (projek tanaman dan akua-kultur yang memberi pulangan dalam masa singkat dan berdaya saing).
- d) Menjana pendapatan melalui penyewaan ruang/premis pejabat, lot kedai dan kediaman.
- e) Melaksanakan penyewaan tempat letak kereta.

- f) Menaiktaraf kemudahan prasarana dan modul baharu Kem Bina Semangat & Kem The Woods Yayasan Selangor untuk menarik lebih ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan di Kem.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan status kewangan terkini KDEB.
- b) Sila senaraikan aktiviti dan pelaburan yang menjana keuntungan dan kerugian sejak 3 tahun yang lepas.
- c) Sila senaraikan nama ahli lembaga pengarah terkini dan gaji, elaun, bonus tahunan serta lain-lain kemudahan yang diterima.

**JAWAPAN:**

- a) Status kewangan KDEB yang telah diaudit sehingga 31 Disember 2015.

<b>Status</b>	<b>Peringkat Kumpulan (RM'000)</b>	<b>Peringkat Syarikat (RM'000)</b>
(Kerugian)/ Keuntungan Selepas Cukai	(6,229,468)	14,687
Dana Pemegang Saham	(7,973,603)	177,031

- b) Aktiviti dan pelaburan yang menjana keuntungan dan kerugian sejak 3 tahun yang lepas seperti berikut:-

<b>Aktiviti</b>	<b>2015 (RM'000)</b>	<b>2014 (RM'000)</b>	<b>2013 (RM'000)</b>
Pegangan Pelaburan	(28,000)	(48,763)	(101,110)
Pembangunan dan Pengurusan Hartanah	284,988	(238,896)	6,228
Infrastruktur dan Utiliti	(6,455,807)	160,137	102,096
Lain-lain	(1,338)	(3,737)	633
<b>Jumlah (kerugian)/keuntungan</b>	<b>(6,200,157)</b>	<b>(131,259)</b>	<b>7,847</b>



- c) Nama Ahli Lembaga Pengarah terkini dan gaji, elaun, bonus tahunan serta kemudahan lain adalah seperti berikut:-

**YURAN PENGARAH, “LEAVE PASSAGE,” ELAUN MESYUARAT & KEMUDAHAN PERUBATAN**

---

**KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD**

Pegawai	Yuran Pengarah (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)		“Leave Passage” (RM)	Elaun Bulanan Pengerusi (RM)	Kemudahan Perubatan	
		Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit			Insuran Hospital & Pembedahan (jumlah insurans tahunan)	Pesakit luar (had kelayakan tahunan)
YAB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali	100,000.00	5,000.00	-	100,000.00	10,000.00	75,000.00	6,000.00
YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya	70,000.00	3,000.00	1,500.00	70,000.00	-	75,000.00	6,000.00
YB Dato' Noordin bin Sulaiman	70,000.00	3,000.00	1,500.00	70,000.00	-	75,000.00	6,000.00
YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin	70,000.00	3,000.00	1,500.00	70,000.00	-	75,000.00	6,000.00
Encik Suhaimi bin Kamaralzaman	-	-	-	-	-	75,000.00	6,000.00
YM Raja Shahreen bin Raja Othman	70,000.00	3,000.00	1,500.00	70,000.00	-	75,000.00	6,000.00
Encik Soffan Affendi bin Aminudin	70,000.00	3,000.00	-	70,000.00	-	75,000.00	6,000.00

*\*Elaun mesyuarat dibayar pada setiap mesyuarat yang dihadiri*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : CADANGAN PEMBINAAN KUNCI AIR BARU PARIT 5 SEKINCHAN**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah status terkini cadangan tersebut.
- b) Sila nyatakan bilakah ianya akan dibina dan berapakah anggaran kos?
- c) Sila nyatakan kenapa kunci air Parit 5 yang sedia ada tidak dapat berfungsi dan jumlah kos pembinaannya?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini, pembinaan pintu kawalan air pasang surut adalah dalam proses pelantikan perunding termasuk kerja-kerja ukur serta kerja-kerja penyiasatan tapak (*soil investigation*) di Parit 5 Sekinchan.
- b) Projek ini dijangkakan akan bermula pada tahun 2017. Anggaran kos projek termasuk pelantikan perunding adalah berjumlah RM7 juta.
- c) Kunci air parit 5 sedia ada dibina oleh IADA Barat Laut Selangor dan sehingga kini tiada penyerahan kepada JPS untuk pemantauan *gate* tersebut. Projek tersebut telah dibina sekitar tahun 1982 – 1983 oleh Agensi IADA Darat Laut Selangor. Pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) jenis roller aluminium *gate* tersebut dibina tujuan untuk mengalirkan air daripada sawah dan kawasan Pekan Sekinchan ke laut. selain itu, pintu air tersebut menggantikan pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) lama iaitu daripada jenis *screw down gate*. Punca pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) jenis *Aluminium Roller Gate* tidak berfungsi adalah akibat daripada timbunan pasir laut di hadapan pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) yang terjadi akibat air laut pasang besar. Susulan itu, Pihak IADA Barat Laut telah membina sebuah pintu air TCG jenis *screw down gate* di Parit 4 Sungai Burong bagi menampung pengeluaran kuantiti air dari kawasan Sekinchan termasuk pintu air TCG sedia ada iaitu Parit 6 dan Parit 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : JETI PENDARATAN IKAN DI BAGAN SEKINCHAN**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan jeti tersebut?
- b) Sila nyatakan berapakah anggaran kos pembinaan jeti pendaratan ikan?
- c) Sila nyatakan kapan jeti pendaratan ikan tersebut akan dibina bagi menyelesaikan masalah rutin harian nelayan dan pengusaha ikan?

**JAWAPAN:**

a) **JAWAPAN OLEH MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)**

Pihak UPEN, Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) sedang di dalam kajian semula berikutan tapak yang dicadangkan terlibat dengan struktur bangunan individu. Pihak persatuan semasa dalam program lawatan Y.A.B. Dato' Menteri Besar ke Bagan Sekinchan memohon pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan tapak baru yang perlu ditambah. Pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dipohon untuk menjalankan kajian kesesuaian tapak untuk penambakan kawasan pantai yang terhakis berikutan cadangan yang terbaru merupakan kawasan yang telah terhakis.

**JAWAPAN OLEH LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

Cadangan pelaksanaan Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Dan Kawalan Hakisan Pantai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan oleh LUAS akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.

b) **JAWAPAN OLEH MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)**

Peruntukan untuk membina pusat pengumpulan ikan tersebut menelan belanja RM1.2 juta.

### **JAWAPAN OLEH LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

Anggaran kos pelaksanaan Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Dan Kawalan Hakisan Pantai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan ialah RM800,000.00.

### c) **JAWAPAN OLEH LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

Cadangan pembinaan jeti pendaratan ikan tersebut adalah tertakluk kepada hasil Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Dan Kawalan Hakisan Pantai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam, di mana akan memperincikan cadangan berkenaan kelak.

### **JAWAPAN OLEH MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)**

Jika penambakan dipersetujui dan pembinaan Pusat Pengumpulan Ikan dibenarkan di atas tambakan tanah, tempoh masa yang diperlukan adalah 2 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PUSAT TEATER SHAH ALAM**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah status terkini pusat teater tersebut.
- b) Sila nyatakan bagaimanakah sumbangan Pusat Teater Shah Alam kepada pembangunan seni dan kebudayaan Selangor?
- c) Sila kemukakan jumlah kos penyelenggaraan tahunan pusat teater tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Bangunan Teater ini dibina dengan menggunakan peruntukkan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Manakala pihak MBSA dilantik sebagai Pengurus Projek dan Pengurus Bangunan sehingga diputuskan siapa/jabatan yang sepatutnya menguruskan serta mentadbir bangunan tersebut.

Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis mesyuarat kerajaan Negeri (MMKN 4/12/2016) telah bersetuju untuk menyerahkan Bangunan Teater Shah Alam ini kepada pihak PADAT. Walau bagaimanapun peruntukan untuk mengendali dan mengurus bangunan ini tidak dapat disediakan oleh pihak PADAT. Oleh yang demikian pihak MBSA diminta oleh pihak PADAT untuk menguruskan bangunan Teater ini sehingga Disember 2016. Pihak PADAT perlu bersedia untuk mengambil alih dan mengurus Bangunan Teater ini pada Januari 2017.

- b) Berdasarkan status pemilikan/pengurusan Bangunan Teater Shah Alam MBSA adalah sebagai Pegawai Penyelia, maka MBSA tidak membuat sebarang promosi kecuali menyemak mana-mana permohonan yang diterima untuk menyewa Teater Shah Alam seperti berikut :

BIL	PENYEWA	TEMPOH PENGGUNAAN	PENDAPATAN (RM)
1.	ASTRO Production Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"><li>• 1 Nov 2015 - 22 Jan 2016</li><li>• 23 Jan 2016 - 22 April 2016</li></ul>	253,212.80 541,956.80

2.	Jabatan Agama Islam Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 12 - 14 Mei 2016 (3 Hari)</li> </ul>	7,937.30 (Bayaran - Untuk Kos Elektrik Sahaja)
3.	Selangor Symphony Orchestra	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 19 - 22 Mei 2016 (4 Hari)</li> <li>• 28 - 31 Julai 2016 (4 Hari)</li> </ul>	35,610.70 30,832.75
4.	Institut Darul Ehsan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 27 - 28 Mei 2016 (2 Hari)</li> </ul>	24,168.00
5.	Junior Chamber International	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 - 6 Ogos 2016 (2 Hari)</li> </ul>	14,298.55

c) Kos penyelenggaraan tahunan Pusat Teater ialah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>JENIS PENYELENGGARAAN</b>	<b>KOS BAYARAN SETAHUN (RM)</b>
1.	Water Services Charges (TNEC)	166,575.00
2.	Utiliti Air (SYABAS)	17,380.00
3.	Utiliti Elektrik	144,000.00
4.	Penyelenggaraan Bangunan	540,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>867,955.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MUZIUM DIRAJA SELANGOR**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan ada rancangan untuk mewujudkan Muzium DiRaja Selangor?
- b) Apakah aspek pegangan agama, warisan dan adat, kepimpinan, pemerintahan yang akan menjadi tunjang muzium tersebut?
- c) Berapakah peruntukan kewangan yang disediakan untuk projek tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini, Negeri Selangor telah pun mempunyai sebuah galeri iaitu Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di bawah pengurusan Istana Selangor yang mempamerkan mengenai sejarah dan warisan Kesultanan Selangor.
- b) Perkara tersebut hanya dapat ditentukan sekiranya terdapat perancangan ke arah pembinaan muzium tersebut.
- c) PADAT tiada menyediakan sebarang peruntukan kewangan untuk projek ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : TEATER PUTERA LA GALIGO**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk bantuan dan sokongan Kerajaan terhadap penyediaan dan persembahan Teater Putera La Galigo?
- b) Bagaimanakah peradaban Bugis yang ditampilkan melalui teater ini boleh mengukuhkan etika dan budaya rakyat Selangor?
- c) Adakah Kerajaan sedia menaja tiket bagi pelajar-pelajar sekolah seluruh Selangor untuk menonton teater ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan pementasan Teater Perdana Putera La Galigo melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke-12/2016 yang diadakan pada 6 April 2016 dan telah disahkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke-12/2016 pada 13 April 2016.

Semenjak itu, Kerajaan Negeri telah memberikan beberapa bentuk sokongan dan bantuan dalam penyediaan dan persembahan Teater Perdana Putera La Galigo ini. Antara bantuan dan sokongan yang telah dan akan diberikan adalah seperti berikut:

- i. Penyaluran peruntukan pertama RM250,000 pada bulan Julai 2016;
- ii. Penyaluran peruntukan kedua RM100,000.00 (terakhir) pada bulan Oktober 2016;
- iii. Sesi perbincangan dan khidmat nasihat secara langsung yang berterusan di antara pihak UPEN dan wakil pejabat YB Tuan Exco Kebudayaan dengan pihak Keno Production;
- iv. Mesyuarat penyelarasan Jawatankuasa Induk Pementasan Teater Perdana Putera La Galigo yang dipengerusikan oleh YB Tuan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor;



- v. Membawa dan mengangkat cadangan pementasan ini untuk dipersembahkan kepada DYMM Sultan Selangor sempena bulan sambutan Hari Keputeraan Baginda;
  - vi. Sokongan dan bantuan kepada Keno Production berkaitan birokrasi dan surat sokongan untuk mendapatkan tajaan; dan
  - vii. Sebarang bentuk bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh pihak Keno Production di bawah lingkungan had bidang kuasa dan pentadbiran Kerajaan Negeri.
- b) Tujuan untuk pementasan teater ini diadakan adalah untuk menyorot kembali sejarah Kesultanan Selangor yang telah mencecah usia 250 tahun pada tahun ini. Skrip teater ini juga mengambil inspirasi daripada hikayat epik Bugis, La Galigo yang telah menjadi sumber etika dan kebudayaan masyarakat Bugis sejak sekian lama. Nasihat-nasihat yang baik melalui kata pepatah dan peribahasa Bugis merupakan salah satu unsur penting yang akan ditonjolkan. Diharapkan pementasan teater ini akan memberikan kesedaran terhadap sejarah dan kebudayaan yang akan menjadi kompas etika dalam masyarakat yang hidup di zaman moden ini. Penerapan unsur-unsur budaya dan tatasusila Melayu Bugis yang baik turut ditonjolkan untuk memberikan pendedahan kepada rakyat Negeri Selangor keindahan dan kelembutan budaya yang perlu diamalkan dan dipelihara.
- c) Buat masa ini, sememangnya hasrat Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor untuk membuat tajaan tiket kepada pelajar di peringkat sekolah dan pengajian tinggi di dalam negeri. Tajaan tiket ini bukan sekadar bermaksud untuk meramaikan penonton yang hadir tetapi perhatian untuk memberikan pendedahan dalam menonton teater dari naskhah terpanjang di dunia ini di kalangan pelajar adalah tujuan utama.

Walau bagaimanapun, buat masa ini tiada peruntukan khusus disediakan. Namun Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri akan berusaha bagi memastikan golongan pelajar daripada peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi berpeluang menonton pementasan teater ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KELENGKAPAN VELODROM BAGI SUKAN LUMBA BASIKAL**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan ada rancangan untuk membina sebuah velodrom bagi sukan lumba basikal di Selangor?
- b) Senaraikan pelumba-pelumba basikal dari Selangor yang berjaya memenangi pingat emas, perak ataupun gangsa di peringkat antarabangsa.
- c) Bagaimanakah kelengkapan velodrom dapat melonjakkan prestasi pelumba basikal di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sedang menilai dan merancang untuk dipertimbangkan bagi membina sebuah veledrom bagi sukan lumba basikal di Selangor kerana keperluan penyediaan veledrom ini sangat diperlukan oleh atlet-atlet negeri ini memandangkan Negeri Selangor telah berjaya menggilap atlet dalam acara ini ke peringkat antarabangsa.
- b) Antara senarai pelumba-pelumba basikal dari Selangor yang berjaya memenangi pingat emas, perak atau gangsa di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Tahun</b>	<b>Penyertaan</b>
1.	Shaharuddin Jaafar	1960 - 1970	Sukan Sea
2.	Yahya Ahmad	1970 - 1980	Sukan Sea
3.	Ng Joo Gan	1970 - 1980	Sukan Sea
4.	Mohd Mahazir Hamad	1980 - 1990	Sukan Sea
5.	Shahrulneeza Razali	1990 - 2000	Sukan Sea

6.	Rizal Tisin	2002 - 2014	Sukan Sea
7.	Mohd Firdaus Zonis	2012 – 2014	Asian Cycling Championship
8.	Mohd Fadil Zonis	2014 - 2016	Asian Cycling Championship
9.	Mohd Sharis Effendi	2014 - 2016	Asian Cycling Championship
10.	Farina Shawati Mohd Adnan	2014 - 2016	Asian Cycling Championship
11.	Muhammad Rauf Nur Misbah	2012 - 2016	Sukan Paralimpik

Senarai-senarai nama seperti di atas telah memenangi pingat di kejohanan-kejohanan antarabangsa sebagai karier sebagai atlet Selangor yang mewakili negara.

- c) Sukan lumba basikal khasnya bagi acara di veledrom ini merupakan acara yang digemari di kalangan rakyat dan peminat lumba basikal. Untuk makluman, sehingga kini kerajaan Negeri Selangor telah berjaya melahirkan seramai 5 orang atlet di bawah pemantauan program Majlis Sukan Negara dan atlet-atlet ini menjalani latihan secara sepenuh masa di Australia. Ini berikutan ketiadaan veledrom yang bersesuaian untuk atlet-atlet ini menjalani latihan secara profesional dan seterusnya melahirkan atlet negeri bertaraf dunia.

Dengan adanya kemudahan veledrom ini, program pembangunan sukan basikal dapat dirancarkan lagi dan ramai atlet-atlet berpotensi dapat digilap ke peringkat tertinggi. Selain daripada itu juga, program yang akan dijalankan lebih tersusun dan teratur kerana adanya kelengkapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU SG TELAGA**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kriteria yang digunapakai ketika menukar status Tanah Rizab Melayu Sg Telaga yang telah diusahakan selama 30 tahun oleh 50 penduduk Kg Kemensah menjadi Hutan Simpan Ulu Gombak Tambahan?
- b) Apakah faktor-faktor yang diambilkira oleh Kerajaan bersetuju dengan tindakan Jabatan Perhutanan Selangor menukar status kawasan kebun buah-buahan menjadi Hutan Simpan Kekal dengan kurang mengambil kira kesesuaian tindakan tersebut dan nasib penduduk yang mengusahakan?
- c) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membela nasib 50 penduduk yang mengusahakan tanah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod pentadbiran ini, tanah rizab Melayu Sungai Telaga (GN8287-28) dan Sungai Telaga Tambahan (GN 7884-32) masih berstatus tanah rizab Melayu dan tiada pembatalan pernah dibuat. Bagi kriteria bertukar dari Hutan Simpan Hulu Gombak perlulah dirujuk ke Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan sekiranya penukaran status tanah rizab Melayu ke Hutan Simpan Ulu Gombak dilakukan maka perlulah digantikan tanah rizab Melayu tersebut dengan keluasan yang setara dengan pengambilan tanah rizab Melayu sebagai hutan simpan.
- b) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
- c) Pentadbir Tanah Gombak akan membuat siasatan / bancian bagi mengetahui status sebenar 50 orang pengusaha tersebut di atas tapak tanah rizab Melayu Sg Telaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MENYEDIAKAN ATLET SELANGOR UNTUK MEMENANGI PINGAT EMAS  
PERTAMA DALAM OLIMPIK TOKYO 2020**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan mensasarkan Olimpik Tokyo 2020, sejauh manakah Kerajaan Negeri boleh mengambil langkah proaktif mewujudkan penyelarasan antara Majlis-majlis Sukan Negeri dengan Majlis Sukan Negara?
- b) Adakah terdapat halangan untuk Kerajaan Negeri diberikan bidang kuasa eksklusif untuk membangunkan potensi atlet sehingga berjaya memenangi pingat emas pertama daripada Olimpik Tokyo 2020?
- c) Senaraikan acara-acara sukan yang berpotensi besar untuk memenangi pingat Olimpik.

**JAWAPAN:**

- a) Peranan Majlis Sukan Negeri Selangor adalah bertanggungjawab menjalankan program pembangunan sukan iaitu ketika atlet berkenaan di peringkat sekolah dan mendedahkan mereka ke peringkat demi peringkat dan fasa demi fasa sebelum mereka berjaya di peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili Negara di peringkat antarabangsa.

Manakala peranan Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara bertanggungjawab untuk menggilap atlet-atlet yang berjaya di peringkat kebangsaan ke peringkat antarabangsa.

- b) Program Olimpik Tokyo 2020 adalah merupakan program Negara dan Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara telah merangka program persediaan ke arah mendapatkan pingat pada Sukan Olimpik Tokyo 2020. Kerajaan Negeri tiada kuasa eksklusif untuk membangunkan potensi atlet yang telah terpilih mewakili Negara kerana mereka adalah di bawah pengurusan pihak Majlis Sukan Negara. Peranan pihak Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara yang akan mengembangkan dan meningkatkan lagi potensi atlet sasaran untuk mendapatkan pingat di Olimpik Tokyo 2020 kelak.

- c) Antara sukan yang berpotensi besar untuk memenangi pingat Olimpik adalah sukan badminton, skuasy, tenpin bowling dan berbasikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN MELAYU, CINA DAN INDIA**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan terkini Kerajaan dalam mewujudkan pusat-pusat di atas?
- b) Daripada sudut mana pengukuhan kefahaman terhadap pelbagai adat dan budaya bakal melahirkan rakyat yang pentingkan tatakelola pentadbiran negara yang saleh dan muhsin?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India yang dipengerusikan secara bersama YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Pengangkutan, YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin Dan Pekerja Ladang dan YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan yang mewakili ketiga-tiga kaum iaitu Melayu, cina dan india.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih lagi meneliti kesesuaian lokasi dan implikasi kewangan bagi pelaksanaan projek berkenaan. Pada masa yang sama, Pejabat Daerah dan Tanah Klang sedang menyediakan kertas cadangan berserta implikasi kewangan yang bakal ditanggung oleh kerajaan negeri.

Sebarang syor dan cadangan yang akan dikemukakan akan diambil kira dan diteliti dengan penuh berhati-hati memandangkan kawasan cadangan melibatkan tanah komersial bernilai tinggi di samping kesan-kesan yang lain melibatkan faktor ekonomi, dan sosial yang perlu diperhalusi.

- b)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGUMPULAN KHAZANAH KITAB JAWI DI SELANGOR**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan ada rancangan untuk mengumpulkan kitab-kitab Jawi karya Raja-Raja Melayu dan alim-ulama Selangor?
- b) Senaraikan judul kitab-kitab Jawi berusia lebih dari 75 tahun yang telah berjaya dikumpulkan di Selangor.
- c) Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi menjayakan projek tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) PADAT belum mempunyai perancangan untuk mengumpulkan kitab-kitab Jawi karya Raja-Raja Melayu dan alim ulama di Selangor.
- b) Di dalam koleksi PADAT kini, manuskrip yang dimiliki adalah seperti Al-Quran tulisan tangan, kitab-kitab feqah, kitab-kitab tulisan tangan Sulaiman Zhong dan kitab-kitab tauhid.
- c) Kesemua koleksi kitab yang di dalam koleksi PADAT adalah bernilai sebanyak RM18,270.00.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENDOKUMENTASIAN RIWAYAT HIDUP ULAMA RAKYAT YANG  
BERKHIDMAT DENGAN SULTAN DI SELANGOR**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan ada rancangan untuk mendokumentasikan riwayat hidup ulama yang berkhidmat sebagai penasihat Raja-Raja dan kerabat Sultan di Selangor?
- b) Senaraikan bahan-bahan dalam bentuk catatan sahih aktiviti ulama di dalam istana.
- c) Senaraikan ulama dan guru-guru yang mengajar Al-Quran dan kitab-kitab kuning di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) PADAT tiada perancangan bagi perkara tersebut.
- b) PADAT tidak mempunyai bahan-bahan dalam bentuk catatan sahih aktiviti ulama di dalam istana.
- c) Senarai ulama dan guru-guru yang mengajar al-Quran dan kitab-kitab kuning boleh dilihat melalui laman web JAIS di [www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my) yang berjumlah 2071. Di antara ulama dan guru-guru yang mengajar al-Quran dan kitab-kitab kuning ialah:
  - i. Saibudin bin Ahmad
  - ii. Mohd Nor bin Yusoff
  - iii. Haji Abd Rahim bin Ellah
  - iv. Muhammad bin Deraman
  - v. Tolos bin Ab. Halim
  - vi. Wahab @ Abdul Wahab bin Ayob
  - vii. Yusoff bin Mohamed
  - viii. Yahya bin Mohd Razi
  - ix. Zaini binti Harun
  - x. Jamaludin bin Hj. Ahmad

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR (LRA)**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan loji-loji rawatan air (LRA) yang terdapat di Negeri Selangor termasuk LRA Langat 2, cadangan LRA di Labohan Dagang dan juga di LRA Semenyih 2.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah loji rawatan air (LRA) di Negeri Selangor yang beroperasi pada masa ini adalah sebanyak 32 buah iaitu sebanyak 29 buah di bawah Air Selangor manakala 3 di bawah SPLASH. Selain itu, terdapat 3 LRA baru dalam proses pembinaan iaitu Langat 2 oleh Kerajaan Persekutuan, dan Semenyih 2 dan Labohan Dagang oleh Kerajaan Negeri. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

No	LOJI RAWATAN AIR	Operator	Kapasiti	Sumber Air Mentah
			Rekabentuk (JLH)	
1	SSP2	Air Selangor	950.0	Sg. Selangor
2	BRH	Air Selangor	65.5	Sg. Bernam
3	Batang Kali	Air Selangor	20.3	Sg. Batang Kali
4	Sg Dusun	Air Selangor	1.3	Sg. Dusun
5	Sg Selisek	Air Selangor	1.3	Sg. Bernam
6	Sg Tenggi	Air Selangor	1.3	Sg. Tenggi
7	Kalumpang	Air Selangor	6.7	Sg. Inki
8	Kuala Kubu Bharu	Air Selangor	6.7	Sg. Geraci
9	Sg Buaya	Air Selangor	0.9	Sg. Darah
10	North Hummock	Air Selangor	22.5	Empangan Tasik Subang
11	Sg. Sireh	Air Selangor	27.0	Terusan Besar ( Sg. Tenggi)
12	Rantau Panjang	Air Selangor	31.5	Sg.Selangor
13	Bukit Nanas	Air Selangor	145.0	Empangan Klang Gates

No	LOJI RAWATAN AIR	Operator	Kapasiti	Sumber Air Mentah
			Rekabentuk (JLH)	
14	Sg Batu	Air Selangor	113.7	Empangan Sg Batu
15	Ampang Intake	Air Selangor	18.0	Sg. Ampang
16	Sg Rangkap	Air Selangor	9.0	Sg. Rangkap
17	Gombak	Air Selangor	22.5	Sg. Gombak
18	Kepong	Air Selangor	4.5	Sg. Kepong
19	Sg Rumput	Air Selangor	2.3	Sg. Rumput
20	Wangsa Maju	Air Selangor	45.0	Sg. Gombak & Empangan Klang Gates
21	Sg Semenyih	Air Selangor	545.0	Sg. Semenyih
22	Sg Langat	Air Selangor	386.0	Sg. Langat
23	Cheras Batu 11	Air Selangor	27.0	Sg. Langat
24	Sg Serai	Air Selangor	0.9	Sg. Serai
25	Sg Lolo	Air Selangor	2.9	Sg. Lolo
26	Sg Pangsoon	Air Selangor	1.8	Sg. Pangsoon & Empangan Sungai Langat
27	Bukit Tampoi	Air Selangor	31.5	Sg. Langat
28	Salak Tinggi	Air Selangor	10.8	Sg. Labu
29	Sg. Labu	Air Selangor	105.0	Sg. Labu
30	SSP1	Splash	950.0	Sg. Selangor
31	SSP3	Splash	800.0	Sg. Selangor
32	RASA	Splash	250.0	Sg. Selangor
	<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>4,606</b>	
33	Semenyih 2	Air Selangor	100	Sg. Semenyih
34	Langat 2	Air Selangor	1130	Sg. Semantan (Pahang)
35	Labohan Dagang	Air Selangor	200	Sg. Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PROGRAM SKIM KHAS PEMBIAYAAN PEMBELIAN RUMAH**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan peneroka bandar yang telah menerima bantuan perumahan di bawah skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah konsep sewa dan milik mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor sehingga kini.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek perintis bagi Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (DANA-SEL) hanya melibatkan 2 projek iaitu Rumah Kos Rendah (RKR) Rimba Jaya, Shah Alam di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan RKR Sg. Sering, Ampang di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Setakat ini, seramai 96 orang peneroka bandar telah dipanggil untuk hadir temuduga Bagi projek RKR Rimba Jaya. Namun, hanya 71 orang sahaja yang hadir dan daripada jumlah tersebut 51 orang didapati layak untuk ditawarkan menyertai skim ini.

Manakala bagi projek RKR Sg. Sering pula pelaksanaan skim ini terpaksa ditangguhkan sehingga kes saman yang dikemukakan oleh pemaju Triump City Sdn. Bhd. terhadap Kerajaan Negeri selesai. Ini adalah kerana pemaju berkenaan telah bertindak membekukan penjualan unit-unit mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KE KERAJAAN NEGERI**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan pada tahun 2016 dan jumlahnya.

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang diterima melalui jabatan dan agensi terlibat dan jumlah terimaannya pada tahun 2016 adalah seperti berikut :

- (i) Pemberian yang diterima dan diperakaunkan ke Akaun Amanah Negeri adalah :

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan Kerajaan Persekutuan</b>	<b>Jabatan/ Agensi yang terlibat</b>	<b>Terimaan Tahun 2016 (RM)</b>
1.	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Diperakaunkan ke dalam Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri. Jabatan yang terlibat perlu mendaftar dan mengemaskini jalan-jalan negeri di dalam Sistem MARRIS Online. Jabatan yang terlibat : (i) Jabatan Kerja Raya (ii) Pihak Berkuasa Tempatan (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iv) Pejabat Daerah dan Tanah	412,521,584.09 (Januari - Oktober 2016)
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur	Pemberian ini bertujuan membantu negeri-negeri yang tahap pembangunannya masih	15,959,000.00

	<p>dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)</p>	<p>rendah.</p> <p>Terimaan TAHAP adalah berdasarkan tuntutan perbelanjaan Kerajaan Negeri pada tahun sebelumnya dengan nilai siling sebanyak RM15,959,000.00 setiap tahun.</p> <p>Diperakaunkan ke dalam Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Negeri.</p> <p>Jabatan yang terlibat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Jabatan Agama Islam Selangor</li> <li>(ii) Jabatan Pertanian</li> <li>(iii) Jabatan Kerja Raya</li> <li>(iv) Jabatan Pengairan dan Saliran</li> <li>(v) Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>(vi) UPEN (Pembangunan)</li> </ul>	
--	--	--	--

(ii) Pemberian yang diterima dan diperakaunkan ke Akaun Hasil Negeri adalah:

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan Kerajaan Persekutuan</b>	<b>Jabatan/ Agensi yang terlibat</b>	<b>Terimaan Tahun 2016 (RM)</b>
1.	<p>Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)</p>	<p>Kerajaan Persekutuan akan membiayai 50% dari kos perbelanjaan di bawah Senarai III - Senarai Bersama, Jadual Kesembilan.</p> <p>Jabatan yang terlibat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>(ii) Jabatan Perkhidmatan Haiwan</li> <li>(iii) Jabatan Pengairan dan Saliran</li> <li>(iv) Majlis Sukan Negeri Selangor</li> <li>(v) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa</li> </ul>	61,853,627.00

2.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	Kerajaan Negeri dibenarkan menuntut sejumlah bayaran perkhidmatan bagi projek Persekutuan yang dilaksanakan oleh kakitangan kerajaan negeri.  Jabatan yang terlibat: (i) Jabatan Kerja Raya (ii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iii) Jabatan Pertanian (iv) Pihak Berkuasa Tempatan (v) Pejabat Daerah dan Tanah (vi) UPEN (Pembangunan)	3,923,576.00
----	---	--	--------------

(iii) Pemberian Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan adalah:

Bil.	Peruntukan Kerajaan Persekutuan	Jabatan/ Agensi yang terlibat	Terimaan Tahun 2016 (RM)
1.	Bantuan 50% daripada Kerajaan Persekutuan bagi membayar Bil Elektrik (lampu jalan dan lampu isyarat) dan disalurkan terus kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Data diperolehi daripada PBT Negeri Selangor dan diperakui oleh Pegawai Kewangan Negeri sebelum dihantar ke Kementerian Kewangan Malaysia.  Terimaan ini disalurkan terus oleh Kementerian Perumahan, Kerajaan Tempatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.	24,673.944.00

Walau bagaimanapun pada tahun ini, Pemberian Pertambahan Hasil tidak disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kerana penurunan hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak 0.7% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kos projek untuk pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang.
- b) Nyatakan kontraktor yang dilantik, bila kerja-kerja pembinaan mula dilaksanakan dan bilakah tempoh dijangka siap?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

1. Pembangunan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang dengan kapasiti sebanyak 200 juta liter sehari (JLH) merupakan langkah penyelesaian segera (*quick measures*) bagi meningkatkan ketersediaan sumber bekalan air di Negeri Selangor. Pembangunan ini akan melibatkan kerja-kerja:
  - (a) Pembinaan Loji Rawatan Air dengan kapasiti 200JLH berserta dengan kemudahan rawatan *sludge* dan kuarters pekerja;
  - (b) Muka sauk dan rumah pam air mentah dengan kapasiti 200JLH; dan
  - (c) Stesen pam penggalak untuk mengepam air melalui paip sedia ada ke Tangki Simpanan Air Bukit Jugra.
2. Selain dari kerja-kerja pembinaan, pembangunan ini juga turut melibatkan perkhidmatan perunding bagi membuat kajian kemungkinan, reka bentuk dan penyeliaan tapak, kerja-kerja ukur tapak, *utilities mapping* dan penyiasatan tanah. Sebahagian dari kos pembangunan ini akan digunakan juga bagi membiayai pengambilan balik tanah.
3. Pelantikan kontraktor adalah secara tender terbuka dan dianggarkan kos yang akan terlibat adalah sebanyak RM500 juta. Kos sebenar bagaimanapun hanya akan dimuktamadkan selepas projek ini siap sepenuhnya pada tahun 2018.



4. Dari segi pelaksanaan, projek akan dibahagikan kepada empat (4) pakej iaitu:

- (a) Kerja-kerja pembinaan loji rawatan air termasuk kemudahan rawatan *sludge* dan kuarters pekerja;
- (b) Kerja-kerja pembinaan rumah pam dan kolamimbangan;
- (c) Kerja-kerja pemasangan paip agihan; dan
- (d) Kerja-kerja pembinaan kolam takungan

5. Setakat 30 Oktober 2016, sebanyak 2 kontraktor telah dilantik setiap satu bagi pakej berikut:

<b>Bil</b>	<b>Pakej Kerja</b>	<b>Nama Kontraktor</b>	<b>Kos Kontrak (RM)</b>	<b>Tarikh mula</b>	<b>Tarikh Siap</b>
1)	Kerja-kerja pembinaan kolam takungan	FCY Construction Sdn Bhd	38,200,000.00 (tidak termasuk GST RM2,292,000.00)	14 September 2016	13 Mac 2018
2)	Kerja-kerja pembinaan rumah pam dan kolamimbangan	Ikatan Gemajaya Sdn Bhd	32,238,000.00 (tidak termasuk GST RM1,934,280.00)	21 Oktober 2016	20 April 2018

6. Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang ini dijangka mengambil masa selama 18 bulan dan dijadualkan siap dan beroperasi pada Disember 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : HOTEL BAJET**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah hotel bajet dari tahun 2010-2015 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah cukai yang diambil dari hotel bajet dari tahun 2010-2015 mengikut PBT.

**JAWAPAN:**

- a) Statistik jumlah hotel bajet dari tahun 2010-2015 mengikut PBT di Selangor adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Jumlah hotel bajet dari tahun 2010-2015 di PBT Selangor

PBT	JUMLAH HOTEL BAJET					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
MBSA	4	5	3	3	1	2
MBPJ	6	17	5	35	44	57
MPK	4	3	6	3	2	1
MPAJ	18	21	21	24	24	27
MPSJ	TIADA					
MPS	16	21	24	28	30	35
MPKJ	5	2	3	3	3	6
MPSP	1	1	4	3	7	2
MDKL	8	9	12	12	13	13
MDKS	2	-	2	1	-	2
MDHS	TIADA					
MDSB	15	17	17	20	22	26
<b>JUMLAH</b>	<b>79</b>	<b>75</b>	<b>97</b>	<b>132</b>	<b>146</b>	<b>171</b>

Nota : Sumber dari PBT

- b) Jumlah cukai yang diambil dari hotel bajet dari tahun 2010- 2015 mengikut PBT adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Jumlah cukai yang diambil dari hotel bajet dari tahun 2010-2015 di PBT Selangor

PBT	JUMLAH CUKAI YANG DIAMBIL DARI HOTEL BAJET					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
<b>MBSA</b>	12,230.00	17,500.00	13,070.00	27,610.00	27,440.00	36,480.00
<b>MBPJ</b>	8,835.00	34,670.00	8,865.00	3,355.00	17,000.00	22,000.00
<b>MPK</b>	2,500.00	2,000.00	4,000.00	2,000.00	1,000.00	1,500.00
<b>MPAJ</b>	28,091.00	32,717.00	32,717.00	38,406.00	38,406.00	41,115.00
<b>MPSJ</b>	TIADA					
<b>MPS</b>	13,815.60	16,390.68	35,827.08	47,076.36	79,113.96	79,113.96
<b>MPKJ</b>	7,500.00	3,000.00	4,500.00	4,500.00	4,500.00	9,000.00
<b>MPSP</b>	960.00	1,440.00	5,880.00	7,560.00	14,520.00	15,480.00
<b>MDKL</b>	2,190.00	3,150.00	5,240.00	5,240.00	1,080.00	6,340.00
<b>MDKS</b>	2,500.00	-	2,000.00	2,500.00	-	3,000.00
<b>MDHS</b>	TIADA					
<b>MDSB</b>	15,260.00	15,843.00	15,843.00	17,343.00	19,343.00	22,463.00
<b>JUMLAH</b>	<b>93,881.60</b>	<b>126,710.68</b>	<b>127,942.08</b>	<b>155,590.36</b>	<b>202,402.96</b>	<b>236,491.96</b>

Nota : Sumber dari PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PRESTASI PENJAWAT AWAM SELANGOR**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan prestasi penjawat awam berada di tahap terbaik?
- b) Apakah pendekatan yang diambil kepada penjawat awam yang bermasalah?

**JAWAPAN:**

- a) Antara langkah-langkah yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan prestasi Penjawat Awam di Negeri Selangor berada di tahap terbaik adalah seperti berikut:
  - i. memberikan **latihan-latihan peningkatan kemajuan kerjaya** kepada semua Penjawat Awam Negeri Selangor. Ini bertujuan bagi melahirkan Penjawat Awam yang kompeten dan mempunyai nilai tambah agar lebih diterima bagi menyandang jawatan-jawatan yang lebih tinggi demi kemajuan kerjaya di masa akan datang.
  - ii. **menyediakan pinjaman boleh ubah** kepada Penjawat Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana secara sambilan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor;
  - iii. **menaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)** bagi anggota Kumpulan Pelaksana Gred 1-40 selepas 13 tahun berkhidmat di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Inisiatif ini mampu meningkatkan jumlah emolumen bulanan dan motivasi kerja anggota yang berkenaan;
  - iv. menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013, **gaji minimum anggota perkhidmatan awam secara keseluruhannya telah dinaikkan** dengan mengambil kira perkembangan keadaan ekonomi semasa. Selain itu, kelayakan minimum pelantikan anggota perkhidmatan awam juga telah dinaikkan ke Penilaian Menengah Rendah (PMR) daripada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR);

- v. menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, di mana Kerajaan antara lain telah bersetuju **menyeragamkan gred, menambah baik Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) dan memberikan faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** kepada semua Penjawat Awam termasuk lantikan *Contract of Service* (CoS);
  - vi. menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung **Panduan Pengambilan Pegawai Kontrak (Contract Of Service) Untuk Tujuan Pelantikan Tetap** bagi pegawai lantikan *Contract of Service* (CoS) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016. Keputusan ini adalah atas dasar keprihatinan Kerajaan terhadap sumbangan dan khidmat bakti pegawai;
  - vii. **melaksanakan amalan 5S** di semua ruang kerja jabatan dan bahagian di bawah Kerajaan bagi memastikan semua penjawat awam bekerja dalam keadaan kondusif dan produktif;
  - viii. **melaksanakan pensijilan MS ISO** bagi prosedur-prosedur tertentu di setiap jabatan dan bahagian di mana ia akan memudahkan penjawat awam melaksanakan tugas kerana adanya *standard template* dan peraturan yang seragam. Melalui pensijilan tersebut, penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan lebih licin dan teratur;
  - ix. **menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** kepada penjawat awam yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang di mana mereka diberikan insentif dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) sebanyak RM1,000.00 dan sijil penghargaan; dan
  - x. **insentif pemberian komputer tablet dan telefon bimbit** kepada semua pegawai Gred 41 dan ke atas bagi memudahkan urusan kerja sekiranya berada di luar daripada pejabat.
- b) Pengurusan tenaga manusia yang efektif dan holistik adalah aspek penting dalam sesebuah organisasi. Ini kerana pekerja yang cemerlang merupakan aset kepada sesebuah organisasi. Bagi melahirkan penjawat awam yang cemerlang di Negeri Selangor pelbagai mekanisme telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan di Jabatan dan Agensi selaras dengan pelaksanaan Transformasi Perkhidmatan Awam yang bertujuan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Penjawat awam yang bermasalah atau yang berprestasi rendah mempunyai hubung kait atau kolerasi terhadap prestasi kerja yang tidak memuaskan dan rendah. Setelah pihak pengurusan mengenal pasti pegawai yang bermasalah, Ketua Jabatan hendaklah mengambil **tindakan pembedahan dan pembaikan** melalui perbincangan atau perundingan. Sekiranya tiada perubahan pegawai berkenaan hendaklah diberikan amaran lisan dan seterusnya amaran secara pentadbiran.

Tindakan yang berbentuk hukuman iaitu **tindakan tatatertib** boleh dikenakan kepada mana-mana pegawai sekiranya tindakan pembedahan dan pembaikan tidak memberi kesan dan perubahan kepada pegawai selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A) 395/1993]. Tindakan ini dilaksanakan melalui penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam. Penamatan perkhidmatan pegawai dalam kategori ini adalah dibuat setelah mengambil kira prestasi, kelakuan, nilai-nilai kebergunaan pegawai kepada perkhidmatan, dan segala hal keadaan yang ditentukan oleh Kerajaan. Dalam melaksanakan dasar ini, pertimbangan dibuat, sama ada tindakan tatatertib lebih wajar diambil terlebih dahulu ke atas pegawai berdasarkan salah laku yang berbangkit.

Kerajaan telah memperkenalkan **dasar pemisah (*exit policy*)** bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan dasar pemisah ini adalah merujuk kepada pegawai yang penilaian prestasi terkini berada pada tahap kurang daripada 60% atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator – KPI*) di bawah sasaran (*below target*), walaupun prestasi pada tahun-tahun sebelumnya mencapai lebih 60% atau KPI melepasi sasaran. Penilaian prestasi ini adalah berasaskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau instrumen penilaian lain yang dibentuk oleh agensi dan diluluskan termasuk penggunaan KPI.

Pelaksanaan dasar pemisah ini akan dapat mengekalkan pegawai yang komited dan berprestasi tinggi bagi membolehkan Perkhidmatan Awam meningkatkan lagi daya saingnya dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang selaras dengan matlamat mewujudkan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : SELANGOR INTERNATIONAL EXPO TAHUN 2015**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan yang berjaya dicapai melalui ekspo ini.
- b) Senaraikan pelabur dan jenis pelaburan tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Selangor International Expo (SIE) diadakan bertujuan untuk mempromosikan Selangor sebagai Hub perdagangan global. Selain itu, ianya menjadi *platform* bagi syarikat-syarikat tempatan dan asing (*multinational*) dan perusahaan sederhana dan kecil untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka serta memberikan peluang kepada mereka untuk menarik pelabur yang berpotensi untuk bekerjasama. SIE berfungsi sebagai saluran pemasaran, kolaborasi dan kerjasama dengan organisasi lain sama ada dalam dan luar Negara iaitu pengusaha industri, usahawan dan pelabur.

SIE 2015 yang telah diadakan berjaya menarik minat syarikat tempatan dan asing dengan 400 gerai pameran. Dari jumlah ini sebanyak 218 adalah daripada syarikat tempatan dan sebanyak 182 daripada syarikat asing yang terdiri daripada syarikat dari Taiwan, Thailand, China, Vietnam dan United Kingdom.

Pameran yang berlangsung selama tiga (3) hari ini berjaya menarik seramai 4,315 pengunjung yang terdiri daripada 1,906 pelawat untuk tujuan perniagaan, 2,367 orang awam dan 43 daripada syarikat asing. Pameran ini berjaya mewujudkan transaksi perdagangan dengan anggaran nilai sebanyak RM50 juta.

- b) Antara sektor-sektor industri yang terlibat dalam pameran ini adalah seperti;-
  - i. Industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik,
  - ii. Sains hayat,
  - iii. Industri halal,
  - iv. Peralatan pengangkutan, dan pembuatan
  - v. Jentera dan peralatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR SELANGOR**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan loji-loji rawatan air di Selangor dan nyatakan
- i. kapasiti pengeluaran
  - ii. sumber air mentah (dari sungai apa) setiap loji ini.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah loji rawatan air (LRA) di Negeri Selangor yang beroperasi pada masa ini adalah sebanyak 32 buah iaitu sebanyak 29 buah di bawah Air Selangor manakala 3 di bawah SPLASH. Selain itu, terdapat 3 LRA baru dalam proses pembinaan iaitu Langat 2 oleh Kerajaan Persekutuan, dan Semenyih 2 dan Labohan Dagang oleh Kerajaan Negeri. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

No	LOJI RAWATAN AIR	Operator	Kapasiti Rekabentuk	Sumber Air Mentah
			(JLH)	
1	SSP2	Air Selangor	950.0	Sg. Selangor
2	BRH	Air Selangor	65.5	Sg. Bernam
3	Batang Kali	Air Selangor	20.3	Sg. Batang Kali
4	Sg Dusun	Air Selangor	1.3	Sg. Dusun
5	Sg Selisek	Air Selangor	1.3	Sg. Bernam
6	Sg Tenggi	Air Selangor	1.3	Sg. Tenggi
7	Kalumpang	Air Selangor	6.7	Sg. Inki
8	Kuala Kubu Bharu	Air Selangor	6.7	Sg. Geraci
9	Sg Buaya	Air Selangor	0.9	Sg. Darah
10	North Hummock	Air Selangor	22.5	Empangan Tasik Subang
11	Sg. Sireh	Air Selangor	27.0	Terusan Besar ( Sg. Tenggi)
12	Rantau Panjang	Air Selangor	31.5	Sg.Selangor
13	Bukit Nanas	Air Selangor	145.0	Empangan Klang Gates



No	LOJI RAWATAN AIR	Operator	Kapasiti Rekabentuk	Sumber Air Mentah
			(JLH)	
14	Sg Batu	Air Selangor	113.7	Empangan Sg Batu
15	Ampang Intake	Air Selangor	18.0	Sg. Ampang
16	Sg Rangkap	Air Selangor	9.0	Sg. Rangkap
17	Gombak	Air Selangor	22.5	Sg. Gombak
18	Kepong	Air Selangor	4.5	Sg. Kepong
19	Sg Rumput	Air Selangor	2.3	Sg. Rumput
20	Wangsa Maju	Air Selangor	45.0	Sg. Gombak & Empangan Klang Gates
21	Sg Semenyih	Air Selangor	545.0	Sg. Semenyih
22	Sg Langat	Air Selangor	386.0	Sg. Langat
23	Cheras Batu 11	Air Selangor	27.0	Sg. Langat
24	Sg Serai	Air Selangor	0.9	Sg. Serai
25	Sg Lolo	Air Selangor	2.9	Sg. Lolo
26	Sg Pangsoon	Air Selangor	1.8	Sg. Pangsoon & Empangan Sungai Langat
27	Bukit Tampoi	Air Selangor	31.5	Sg. Langat
28	Salak Tinggi	Air Selangor	10.8	Sg. Labu
29	Sg. Labu	Air Selangor	105.0	Sg. Labu
30	SSP1	Splash	950.0	Sg. Selangor
31	SSP3	Splash	800.0	Sg. Selangor
32	RASA	Splash	250.0	Sg. Selangor
	<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>4,606</b>	
33	Semenyih 2	Air Selangor	100	Sg. Semenyih
34	Langat 2	Air Selangor	1130	Sg. Semantan (Pahang)
35	Labohan Dagang	Air Selangor	200	Sg. Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : LABOUR PRODUCTIVITY**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah *labour productivity* Negeri Selangor? Bandingkan dengan negeri-negeri lain.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan *labour productivity* di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya tiada kajian khusus di peringkat negeri yang dilakukan untuk menilai tahap *labour productivity* di Negeri Selangor untuk dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Namun begitu, berdasarkan *23rd Productivity Report 2015/2016* yang dikeluarkan oleh pihak MPC, merekodkan pertumbuhan kadar produktiviti pekerja di Malaysia pada kadar 3.3% dengan nilai RM75,538.00 berbanding RM73,091.00 pada tahun 2014. Bagi tempoh 2010 hingga 2015, kadar produktiviti tahunan tumbuh secara purata pada kadar 2%. Berdasarkan laporan tersebut, Malaysia menduduki tangga ke 47 berbanding Negara-negara lain.

- b) Dalam merangka langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan *labour productivity* di Selangor, pihak Kerajaan Negeri perlu membuat kajian secara terperinci bagi mengenal pasti tahap produktiviti serta kekuatan dan kelemahan yang ada yang perlu diambil kira.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : KAWASAN INDUSTRI DI SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kawasan-kawasan industri utama di Negeri Selangor.
- b) Nyatakan tiga syarikat yang terbesar di setiap kawasan industri di senarai (a) dengan jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan.
- c) Apakah usaha kerajaan untuk memastikan infrastruktur kawasan industri diselenggara dengan baik?

**JAWAPAN:**

- a) Antara kawasan-kawasan industri utama di Negeri Selangor yang mencatatkan pelaburan tertinggi adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Kawasan Perindustrian
1.	Klang	1. Pulau Indah Industrial Park 2. Port Klang 3. Kapar
2.	Petaling	1. Shah Alam 2. Subang 3. Puchong
3.	Kuala Langat	1. Telok Panglima Garang 2. Banting
4.	Gombak	1. Rawang
5.	Hulu Selangor	1. Bukit Beruntung
6.	Hulu Langat	1. Bangi Industrial Estate 2. Cheras Jaya Industrial Estate 3. Kajang

- b) Tiga syarikat yang terbesar di setiap kawasan industri disenarai (a) dengan seperti berikut:-

Kawasan	Nama Syarikat	Alamat	Produk	Peluang Pekerjaan
Pulau Indah Industrial Park	Mewah Dairies Sdn. Bhd.	Lot 89,90,94 & 95, Sec.4, Fasa 2c, Pulau, Indah Ind. Park, 42920 Pulau Indah, Selangor	Chocolate Compound and Couverture	39
	Cosmo Scientex (M) Sdn. Bhd.	Lot 74A, Jalan Sungai Pinang 4/3, Fasa 2B, P.Indah I.Park, 42000 Port Klang, Selangor	Urethane Prepolymer	17
	Kart Food Industries Sdn. Bhd.	No.2, J.Perigi Nenas, 6/1/KS 11, Tmn Prian, Pulau Indah, 42900 Port Klang, Selangor	Frozen Convenience Food	40
Port Klang	Felda Iffco Sdn. Bhd.	Lot 596, Lebuhraja, Lumu, Pandamaran Ind, Estate, 42009 Port Klang, Selangor	Fatty Acid distillate – Soya bean, Corn, Canola Etc, Rbd Interesterified / Rbd Hydrogenated	35
	Mah Sing Plastics Industries Sdn. Bhd.	Lot 9, Lingkaran Sultan Mohamed 1, Kawasan Perindustrian Bandar Sultan Suleiman, 42000 Port Klang, Selangor	Plastic Moulded Products	400
	Saint-Gobain Construction Products (Malaysia) Sdn. Bhd.	No.1, Jalan Sultan Mohamad 4, Kawasan Perindustrian Bandar Sultan Sulaiman, 42000 Port Klang, Selangor	Plasterboard (Construction Industry)	73
Kapar	GX Corporation Sdn. Bhd.	Lot 6497-A, Lrg Haji, Abd Manan, Bt.5 3/4, Sementa, Jln Kapar, 42100 Klang, Selangor	Clean Room Gloves & Medical Gloves & Occupational Protective Gloves & Heavy	605
	NS Bluescope Malaysia Sdn. Bhd.	Lot 1551, Jalan Bukit Kapar, 42200 Kapar, Klang, Selangor.	Zincalume Steel Sheet/Coil & Organic Coated Steel / Coil and Aluminium	0
	Kossan Industries Sdn. Bhd.	Lot PT46601, (Lot 754, & 782), Jln Sg Putus, Off Bt 3 3/4, Jln. Kapar, 42100 Klang, Selangor	1) Rubber Extruded articles, Rubber moulded Products. 2) EVA	323

<b>Shah Alam</b>	CH Rebar Sdn. Bhd.	Lot 10464, Jln.Kebun Nenas, Off Jln. Bukit, Kemuning, 41000 Klang, Selangor	Cutting & Bending Of steel Bars And Steellinks	32
	Nippon Electric Glass (Malaysia) S/B	Lot 1-7, Lion Ind. Park, Psiarn Jubli Perak, Sek 22, 40300 Shah Alam, Selangor	Glass Tubing	30
	Iris Koto (M) Sdn. Bhd.	Lot 3781 ,Jln 3D, Kg Baru Subang, Seksyen U6, 40150 Shah Alam, Selangor.	Integrated Building System And Materials	42
<b>Subang</b>	Subang Safety Glass Sdn. Bhd.	Lot 10244, Jln. Subang, 6, Tmn.Perindustrian Subang, 47600 Subang Jaya, Selangor	Tempered Glass And Laminated Glass	59
	Rovski Industries Sdn. Bhd.	Lot 561,Jln Subang 3, Subang Jaya Ind.Park, 47610 Subang Jaya, Selangor.	Sealants, Adhesives, Automotive Undercoatand Sealers	78
	Boilermech Oretch Sdn. Bhd.	Lot 875, Jln Subang 8, Tmn P'trian Subang, 47620 Subang Jaya, Selangor	Megasonic Oil recovery System For palm Oil Industry	22
<b>Puchong</b>	Tachem Technology Sdn. Bhd.	24, Jln. TPP 6/2, P'industrian Puchong, 47100 Puchong, Selangor	Tungsten Carbidemicro Tools	8
	Q & Z Cosmetics Manufacturing S/B	No.1, Jln PPU 1A,Tmn, P'trian Puchong, Utama, 47150 Puchong, Selangor.	Skin Care & Beauty Products	43
	Gamron Industries Sdn. Bhd.	No.2, Jln TPP 1/7A, Tmn P'trian Puchong, Seksyen 1, 47100 Puchong, Selangor.	Thermoplastic Roadmarking Paint	22
<b>Telok Panglima Garang</b>	Elentec Malaysia Sdn. Bhd.	2247, Jln Tajawali,, Mukim Telok Panglima Garang, 42500 Kuala Langat, Selangor.	Internet Modem And Accessories	115
	Golden Pharos Glass Sdn. Bhd.	Lot 7, Jalan Perak, Kawasan Perusahaan 42500 Telok Panglima Garang, Selangor.	Laminated Safety glass & Edge Worked glass	0
	Chao Yuan Industrial Sdn. Bhd.	Lot 6164,Lrg Tiung, Off Jln Kasawari, Kg Bt 9, Kebun Baru,Tlk. Pglima Grg, Selangor.	Metal Stamping Parts For Automobile	86

<b>Banting</b>	Taiko Resources Sdn. Bhd.	Mahkota Industrial, Park, Selangor	Sodium Hydroxide, Sodium Hypochloride, Liquid Chlorineand	100
	Flexitech Sdn. Bhd.	Lot 128, Jalan 8, Kompleks Olak Lempit, 42700 Banting, Selangor.	Natural Rubber /Synthetic Rubber Examination Gloves	317
	HUBNER Malaysia Sdn. Bhd.	No.9, Jalan 1/1, K.P. Olak Lempit, 42700 Banting, Selangor	Moulded & Extruded Rubber Products / Components;	106
<b>Rawang</b>	Elite Stationery (M) Sdn. Bhd.	Lot 34,Jalan RP 2, Rawang Pdana Ind Est, 48000 Rawang, Selangor.	Moulded & Extruded	131
	Scomi Rail Berhad	Lot 795, Jln Monorel, Sungai Choh, 48000 Rawang, Selangor	Energy Storage Primary Power System (ESPPS), And On Board Monorail Sub-Systemand Traction	9
	WSA Capital Corporation Sdn. Bhd.	Lot 1, Jalan Perusahaan 1, Batu 17, Kaw Per. PKNS,48000 Rawang, Selangor.	Assembly Of Electric Vehicle Of Two wheeler, Three Wheeler	46
<b>Bukit Beruntung</b>	APM Plastics Sdn. Bhd.	No 8, Jalan Jasmine 3, Section Bb10, Bandar Bukit Beruntung, 48300 Rawang, Selangor	Plastic Parts For Automotive	607
	L&C Cosmetics & Toiletries (M) Sdn. Bhd.	No 6 & 8, Jalan Jasmin 5, Bukit Beruntung Industrial Park, 48300 Bukit Beruntung, Rawang, Selangor	Personel Care Product, Hair Care Products, Skin Care Products, Wet Tissue & Aromas therapy Essential Oil.	200
	GIVI Asia Sdn. Bhd.	No 11 & 13 Jalan Jasmine, Seksyen BB10, Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung, 48300 Rawang, Selangor	Motorcycle Storage Box, Heavy Duty Monoracks, Motorcycle Helmets	150
<b>Bangi</b>	PAP Cashnet (M) Sdn. Bhd.	No.16 & 18, Jalan, P10/13, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Processed Meat Products.	13
	Daya OCI Sdn. Bhd.	No.9 & 11,Jalan P/8, Kaw P'trian Bangi, Sek.13, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Air Handling Unit (AHU) And Air Treatment Unit (ATU) For Marine Application	87
	Bina Integrated Industries Sdn. Bhd.	No.10,Jalan 9/7, Taman IKS, Seksyen 9, 43650 Bdr Baru Bangi, Selangor.	Paints	22

<b>Cheras</b>	Zeito Plastic Components Sdn. Bhd.	Lot 9, Jln CJ 1/7, Kaw P'sahaan Cheras, Jaya, 43200 Cheras, Selangor.	Corrective Spectacles	59
	Ilham Delta Sdn. Bhd.	Lot 15, Jalan Satu, Cheras Jaya Ind Est, 43200 Balakong, Selangor	Wooden & Metal furniture	117
	Benns Chocolate & Candy Manufacture S/B	Lot 1, Jln CJ 1/6C, Kaw P'trian Cheras, Jaya, Batu 11, 43200 Balakong, Selangor.	Chocolate And chocolate Products	63
<b>Kajang</b>	Plashouse Sdn. Bhd.	Lot 5, Jalan BA/2, Kaw Per Bukit Angket, Sg Chua, 43000 Kajang, Selangor,	Injection And Blow Moulded Plastic Products	54
	Nutri Diet Manufacturing S.B.	Bandar Teknologi, Kajang, Selangor,	Animal Feed From agricultural Waste	14
	Avery Dennison Materials Sdn. Bhd.	37 & 38, Jln P4/6,, Sec.4, Bdr Teknologi, Kajang, 43500 Semenyih, Selangor.	Gummed Paper Tape, Callophone Tape, Pvctape, Masking Tape, Kraft	39

- Sumber : MIDA
- *Nota : Maklumat nilai pelaburan tidak dapat dinyatakan tanpa kebenaran pihak syarikat.*

c) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu penyelenggaraan di kawasan perindustrian, Kerajaan Negeri membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara jalan di kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengarahkan agar Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.

Bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif di masa hadapan, Kerajaan Negeri dalam proses mengkaji berkenaan cadangan penetapan peratusan peruntukkan penyelenggaraan kawasan perindustrian yang perlu disediakan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan khusus untuk menyelenggara kawasan perindustrian yang sedia ada.

Kerajaan Negeri juga menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang berkonsepkan *Managed Industrial Park*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PROGRAM HIJRAH**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan semua sumber kewangan program Hijrah.
- b) Sila bekalkan statistik jumlah peminjam mengikut kadar pinjaman (1000, 2000, 3000 hingga 50,0000).
- c) Apakah peratus pembayaran balik?

**JAWAPAN:**

- a) Sumber kewangan Program Hijrah Selangor

BIL.	PENERIMAAN	PROGRAM HIJRAH SELANGOR	PROGRAM PENGEMBANGAN USAHAWAN	PROGRAM KHAS IBU TUNGGAL DAN OKU	JUMLAH
A.	DANA KERAJAAN NEGERI				
	- UPEN			RM5,000,000.00	RM5,000,000.00
	- MBI	RM100,000,000.00	RM20,000,000.00		RM120,000,000.00
	<b>JUMLAH DANA KERAJAAN NEGERI</b>	<b>RM100,000,000.00</b>	<b>RM20,000,000.00</b>	<b>RM5,000,000.00</b>	<b>RM125,000,000.00</b>

- b) Berikut merupakan jumlah pinjaman mengikut kadar pinjaman skim Hijrah Selangor:



<b>Nilai Skim</b>	<b>Bil Pinjaman</b>	<b>Jumlah Pinjaman (RM)</b>
RM 1,000.00	82	82,000.00
RM 2,000.00	882	1,764,000.00
RM 3,000.00	9,910	29,730,000.00
RM 4,000.00	2,716	10,864,000.00
RM 5,000.00	9,062	45,310,000.00
RM 6,000.00	637	3,822,000.00
RM 7,000.00	470	3,290,000.00
RM 8,000.00	718	5,744,000.00
RM 9,000.00	135	1,215,000.00
RM 10,000.00	2,406	24,060,000.00
RM 15,000.00	585	8,775,000.00
RM 20,000.00	310	6,200,000.00
RM 30,000.00	112	3,360,000.00
RM 40,000.00	2	80,000.00
RM 50,000.00	9	450,000.00
<b>Jumlah Pinjaman Hijrah Selangor</b>	<b>28,036</b>	<b>144,746,000.00</b>

- c) Peratusan bayaran balik bagi Program Hijrah Selangor sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak 83.58%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pertubuhan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) dan penstrukturan semula anak-anak syarikat Menteri Besar Incorporated (MBI)?
- b) Sila senaraikan ahli-ahli lembaga pengarah DEIG dan MBI.

**JAWAPAN:**

- a) Darul Ehsan Investment Group Berhad ("DEIG") masih di peringkat pengukuhan sistem tadbir urus korporat dan belum menjalankan apa-apa aktiviti atau transaksi sama ada dari segi perniagaan atau pelaburan.

Di peringkat kumpulan syarikat MBI pula, langkah penstrukturan semula sedang dijalankan bagi meningkatkan keberkesanan operasi dan penjimatan kos.

- b) Ahli Lembaga Pengarah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI")
  - 1. Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali;
  - 2. Y.B. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya;
  - 3. Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman.

*\*Setakat 30 Jun 2016*

Ahli Lembaga Pengarah Darul Ehsan Investment Group ("DEIG")

- 1. Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali;
  - 2. Y.B. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya;
  - 3. Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman;
  - 4. Y.M. Raja Shahreen Bin Raja Othman;
  - 5. En. Soffan Affendi Bin Aminudin.
- \*Setakat 30 Jun 2016*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : MENINGKATKAN KEWANGAN NEGERI**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan jumlah kewangan negeri?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sumber baharu sebagai alternatif meningkatkan kewangan negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkat jumlah kewangan negeri adalah dengan sentiasa melaksanakan usaha-usaha berterusan bagi memastikan pertumbuhan hasil Kerajaan Negeri Selangor, di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah terbaik. Adalah menjadi keutamaan bagi Kerajaan Negeri untuk menguruskan kewangan dengan cekap dan teratur di samping mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Antara perkara-perkara yang dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah kewangan Negeri adalah:-

- i) pengiraan premium tanah berdasarkan nilai pasaran semasa;
- ii) kenaikan Kadar Royalti Kuari berkuat kuasa 1 November 2014;
- iii) kenaikan kadar baru Caruman Parit berkuat kuasa 1 Julai 2015;
- iv) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien, di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
- v) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Bahagian

Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK) sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-

- a) menjejaki pemilik tanah yang berkewaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
  - b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
  - c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
  - d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.
- vi) Kerajaan Negeri terutamanya melalui PDT sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-
- a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
  - b) membuka kaunter kutipan luar dengan menambah saluran kutipan cukai tanah melalui van kaunter hasil bergerak;
  - c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
  - d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.
- vii) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua PDT;
- viii) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) PDT iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah;
- ix) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna;

- x) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan;
  - xi) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki;
  - xii) Pejabat Pemungut Hasil Negeri Selangor juga, dari masa ke masa, akan membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan hasil sedia ada. Sebagai contoh, PTGS kini sedang mengkaji untuk menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi mengelakkan ketirisan hasil; dan
  - xiii) Perbendaharaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri dari masa ke masa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.
- b) Sumber hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Di antara elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan adalah:
- (a) Hasil tanah;
  - (b) Hasil lombong;
  - (c) Hasil hutan;
  - (d) Duti hiburan;
  - (e) Terimaan mengenai bekalan dan perkhidmatan air;
  - (f) Sewa dan jualan harta Negeri;
  - (g) Bayaran fi, denda dan pelucuthakkan mahkamah selain daripada mahkamah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan;
  - (h) Faedah atas baki wang negeri;
  - (i) Bayaran mengenai perkhidmatan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri; dan

(j) Harta karun.

Di antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mencari hasil baru adalah:

- 1) Mendapatkan bayaran premium yang belum diterima daripada Kerajaan Persekutuan ke atas tanah yang dibangunkan oleh syarikat konsesi lebuhraya sebagai tapak komersial seperti stesen minyak, restoran, hotel, kedai dan gerai. Kertas cadangan telah dibawa oleh Negeri Selangor ke peringkat Majlis Kewangan Negara pada 14 Jun 2016. Perkara ini sedang dalam tindakan Kementerian Kerja Raya;
- 2) Pada masa kini Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor sedang melaksanakan Pindaan Cukai Tanah (PCT) 2017 yang akan mula dikuatkuasakan menjelang 01 Januari 2017. Pindaan Cukai Tanah ini adalah selaras dengan Seksyen 101(5) (b) Kanun Tanah Negara (KTN) yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak semula kadar cukai tanah setiap 10 tahun sekali. Pindaan Cukai Tanah yang dilaksanakan ini telah mendapat kelulusan MMKN Ke 5/2015 pada 04 Februari 2015. Dianggarkan bahawa Kerajaan Negeri akan memperolehi pendapatan hasil cukai tanah sebanyak RM21 juta setahun selepas pelaksanaan Pindaan Cukai Tanah terbaru ini.
- 3) Proses menaiktaraf tanah melalui pemukiman dan persempadanan semula juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kali terakhir proses menaik taraf tanah dilaksanakan ialah pada tahun 1995. Kesemua PDT akan memuktamadkan kawasan yang akan dinaiktaraf sebagai bandar atau pekan untuk diangkat ke pertimbangan MMKN dan seterusnya diwartakan mengikut Seksyen 11 (c) (a) dan Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara 1965. Dijangkakan hasil Kerajaan Negeri akan meningkat kerana sebahagian besar kawasan yang terlibat di dalam menaiktaraf tanah ini adalah merupakan kawasan industri dan bangunan di mana cukai yang dikenakan ketika ini adalah pada kadar tanah luar bandar;
- 4) Kertas cadangan pelaksanaan kadar cukai petak dan penganan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor dijangka diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada

penghujung tahun 2016. Ia dijangka berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 bagi memberi ruang kepada Negeri Selangor membuat persediaan pungutan data. Melalui pelaksanaan cukai petak ini, hasil kerajaan akan meningkat kerana;

- (i) Pemilik petak hakmilik strata boleh membayar cukai bagi petak individu sahaja;
  - (ii) Kutipan tunggakan cukai bagi tanah di mana bangunan didirikan boleh diagihkan berkadaran dengan unit syer petak;
  - (iii) Memperuntukkan prosedur tuntutan kutipan melalui penggubalan kaedah-kaedah hakmilik strata Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri;
  - (iv) Melantik Pihak Berkuasa Statutori (PBS) sekiranya wujud kegagalan pemilik petak membayar cukai petak serta pelanggaran syarat pada petak.
  - (v) Dapat memperuntukkan kuasa kepada PBN untuk membuat kaedah berkenaan pengenaan, perebetan, pembayaran secara ansuran, penangguhan atau apa-apa perkara sampingan melibatkan cukai petak.
- 5) Menguatkuasakan duti hiburan ke atas taman-taman tema di Selangor selepas pengecualian berkenaan dimansuhkan oleh Kementerian Kewangan bermula pada Februari 2014;
- 6) Cadangan pengenaan caj khusus bagi penginapan di hotel-hotel seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan Pulau Pinang. Di Negeri Melaka caj khusus tersebut dikenali sebagai Caj Fi Warisan, manakala di Pulau Pinang dikenali sebagai Fi Pihak Berkuasa Tempatan. Kertas cadangan telah dibawa oleh Negeri Melaka ke peringkat Majlis Kewangan Negara pada 14 Jun 2016 untuk dilaksanakan oleh kesemua Negeri di Malaysia. Cadangan ini boleh dilaksanakan selepas mendapat keputusan Majlis Kewangan Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : DIVIDEN ANAK-ANAK SYARIKAT MENTERI BESAR INCORPORATED  
(MBI) DAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan keuntungan/kerugian tahunan semua anak-anak syarikat Menteri Besar Incorporated (MBI) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk tahun 2015.
- b) Berapakah dividen yang telah dibayar oleh anak-anak syarikat ini kepada Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

**MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)**

- a) Senarai keuntungan / (kerugian) tahunan semua anak-anak syarikat Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi tahun berakhir 31 Disember 2015

Bil	Nama Syarikat	Keuntungan / (Kerugian) bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 RM'000
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	193,393
2	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	(6,229)
3	Permodalan Negeri Selangor Berhad	(2,254)
4	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	15,597
5	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	490
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	(18,938)
7	Inpen ( Selangor ) Sdn Bhd	591
8	Tourism Selangor Sdn Bhd	(329)
9	Communication Corporation Sdn Bhd	(723)
10	Invest Selangor Berhad	2,135
11	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	(20)
12	Yayasan Warisan Anak Selangor	(16)
13	Bukit Beruntung Golf and Country Resort	(548)
14	Yayasan Hijrah Selangor	(3,796)
15	SRM Setia Sdn Bhd	Ditubuhkan pada tahun 2016



- b) Untuk makluman, dividen yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri bukan sahaja berbentuk kewangan tetapi juga menerusi penyaluran dana bagi melaksanakan program-program kebajikan rakyat termasuk inisiatif Kerajaan Negeri seperti Skim Hijrah, Skim Pemberian Air Percuma, YAWAS, UNISEL dan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Dividen kewangan yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 pula adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Syarikat	Dividen dibayar RM'000
1.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	55
2.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	3,300

#### **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

- a) Jumlah Keuntungan Sebelum Cukai PKNS bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM148,197,000.00. Manakala jumlah Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai bagi anak-anak syarikat PKNS bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Bil.	Anak Syarikat PKNS	Jumlah Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai Tahun 2015 (RM)
1.	PKNS Engineering & Construction Bhd (PECB)	1,545,000.00
2.	De Palma Management Services Sdn Bhd	723,979.00
3.	Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd (SIC)	7,377,000.00
4.	SACC Convention Centre	(1,413,063.00)
5.	Selgate Corporation Sdn Bhd	107,407,870.00
6.	Akademi PKNS Sdn Bhd	186,727.00
7.	DatumCorp International	(7,146,963.00)
8.	PKNS Real Estate (PREC)	3,613,353.00
9.	PKNS Infra Berhad (PIB)	91,447.00
10.	Selaman Sdn Bhd	2,941,447.00
11.	Kelana Property Development Sdn Bhd	43,248.00

- b) Tiada dividen yang dibayar kepada Kerajaan Negeri, sebaliknya PKNS menyumbang 2% daripada keuntungan bersih Kumpulan kepada Tabung Warisan Negeri Selangor. Jumlah sumbangan tersebut dibayar secara tunai di atas nama Tabung Warisan Negeri Selangor dan jumlah yang telah disumbangkan oleh Kumpulan PKNS pada tahun 2015 adalah sebanyak RM13,773,680.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PELABURAN DALAM NEGERI**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pelaburan dalam negeri. Nyatakan statistik jumlah pelaburan masuk ke Selangor dari tahun 2010-2015.
- b) Nyatakan jumlah sasaran pelaburan masuk yang ditetapkan Kerajaan Negeri pada tahun 2016.

**JAWAPAN:**

- a) Statistik jumlah pelaburan masuk ke Selangor dari tahun 2010 – 2015 seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Projek</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Tempatan (RM)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM)</b>	<b>Jumlah Modal Pelaburan (RM)</b>
<b>2010</b>	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	<b>10,641,835,401</b>
<b>2011</b>	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	<b>8,741,999,611</b>
<b>2012</b>	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	<b>11,734,817,935</b>
<b>2013</b>	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	<b>9,833,006,852</b>
<b>2014</b>	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	<b>7,042,259,985</b>
<b>2015</b>	222	14,139	4,182,475,179	3,781,323,681	<b>7,963,798,860</b>
<b>Jumlah</b>	<b>1,519</b>	<b>124,110</b>	<b>31,532,392,806</b>	<b>24,425,325,838</b>	<b>55,957,718,644</b>

- b) Bagi tahun 2016 jumlah sasaran pelaburan adalah sebanyak RM6 bilion.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci jumlah hutang yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.
- b) Nyatakan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan hutang tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri mempunyai **tiga (3) jenis pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan** bagi tujuan membiayai projek-projek seperti berikut:
  - (i) Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR);
  - (ii) Projek Bekalan Air; dan
  - (iii) Projek Pelbagai.

Secara keseluruhannya, **butiran jumlah pinjaman** berkenaan adalah seperti jadual berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perihal Pinjaman</b>	<b>Jumlah Pinjaman (RM)</b>
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	4,261,175.62
2.	Projek Bekalan Air: <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Projek Mitigasi I, II dan III [akan ditanggung oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)]</li><li>(ii) Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor [akan ditanggung oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)]</li></ul>	330,346,659.00  694,757,197.45

Bil.	Perihal Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)
3.	Projek Pelbagai:	
	(i) Membiayai Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungei Way, Petaling Jaya Selangor	28,471,963.10
	(ii) Skim Amanah Saham Selangor	12,747,640.88
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b><u>1,070,584,636.05</u></b>

Perincian ke atas status jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

b) Kerajaan Negeri amat komited dan tidak pernah gagal dalam menyelesaikan hutang-hutang yang ditanggung melalui beberapa pinjaman yang telah dilakukan. Justeru itu, **tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan hutang-hutang berkenaan** adalah seperti berikut:

- (i) pembayaran balik pinjaman akan **dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan** oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (ii) tanggungan pembayaran balik pinjaman berkenaan **telah diperuntukkan melalui belanjawan tahunan** Kerajaan Negeri berdasarkan jadual yang telah ditetapkan.

Berdasarkan rekod status pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan seperti pada 30 September 2016, **tiada sebarang faedah tertunggak dan faedah lewat (*default interest*) yang telah dicatatkan**. Seterusnya, sehingga kini Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan **pembayaran balik sebanyak RM214,296,156.58** daripada keseluruhan pinjaman berjumlah RM1,284,880,792.63.

**STATUS**  
**PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**SEPERTI PADA 30 SEPTEMBER 2016**

Bil.	Nama Projek	Status Pinjaman (RM)					
		Pokok	Faedah Dipermodal	Baki Pokok Belum Selesai	Faedah Tertunggak	Faedah Lewat ( <i>Default Interest</i> )	Baki Pinjaman Belum Selesai
<b>PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR)</b>							
1.	Penjadualan Semula PAKR	4,076,290.44	184,885.18	4,261,175.62	-	-	4,261,175.62
<b><u>Jumlah</u></b>		<b><u>4,076,290.44</u></b>	<b><u>184,885.18</u></b>	<b><u>4,261,175.62</u></b>	<b><u>=</u></b>	<b><u>=</u></b>	<b><u>4,261,175.62</u></b>
<b>BEKALAN AIR</b>							
1.	Membiayai Projek Menaiktaraf Stesen Mengepam Air Mentah Ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	46,281,994.00	-	46,281,994.00			46,281,994.00
2.	Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor	694,757,197.45	-	694,757,197.45			694,757,197.45
3.	Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih	29,999,999.00	-	29,999,999.00			29,999,999.00
4.	Membiayai Projek Pemindahan Pukal Rasa	37,777,058.00	-	37,777,058.00			37,777,058.00

**LAMPIRAN A**

Bil.	Nama Projek	Status Pinjaman (RM)					
		Pokok	Faedah Dipermodal	Baki Pokok Belum Selesai	Faedah Tertunggak	Faedah Lewat ( <i>Default Interest</i> )	Baki Pinjaman Belum Selesai
5.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3	81,000,000.00	-	81,000,000.00			81,000,000.00
6.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naiktaraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	66,935,045.00	-	66,935,045.00			66,935,045.00
7.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Rekabentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	17,017,826.00	-	17,017,826.00			17,017,826.00
8.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti Rekabentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 Bukit Badong	51,334,737.00	-	51,334,737.00			51,334,737.00
<b>Jumlah</b>		<b>1,025,103,856.45</b>	<b>=</b>	<b>1,025,103,856.45</b>	<b>=</b>	<b>=</b>	<b>1,025,103,856.45</b>
<b>PELBAGAI</b>							
1.	Membiayai Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungei Way, Petaling Jaya Selangor	28,471,963.10	-	28,471,963.10	-	-	28,471,963.10

**LAMPIRAN A**

Bil.	Nama Projek	Status Pinjaman (RM)					
		Pokok	Faedah Dipermodal	Baki Pokok Belum Selesai	Faedah Tertunggak	Faedah Lewat ( <i>Default Interest</i> )	Baki Pinjaman Belum Selesai
2.	Skim Amanah Saham Selangor	12,747,640.88	-	12,747,640.88	-	-	12,747,640.88
<b><u>Jumlah</u></b>		<b><u>41,219,603.98</u></b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>41,219,603.98</u></b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>41,219,603.98</u></b>

Bil.	Nama Projek	Status Pinjaman (RM)					
		Pokok	Faedah Dipermodal	Baki Pokok Belum Selesai	Faedah Tertunggak	Faedah Lewat ( <i>Default Interest</i> )	Baki Pinjaman Belum Selesai
1.	<b>Jumlah PAKR</b>	4,076,290.44	184,885.18	4,261,175.62	-	-	<b>4,261,175.62</b>
2.	<b>Jumlah Bekalan Air</b>	1,025,103,856.45	-	1,025,103,856.45	-	-	<b>1,025,103,856.45</b>
3.	<b>Jumlah Pelbagai</b>	41,219,603.98	-	41,219,603.98	-	-	<b>41,219,603.98</b>
<b><u>JUMLAH KESELURUHAN</u></b>		<b><u>1,070,399,750.87</u></b>	<b><u>184,885.18</u></b>	<b><u>1,070,584,636.05</u></b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>1,070,584,636.05</u></b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : HASIL LAWATAN LUAR NEGARA**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua kejayaan yang diperoleh Kerajaan Negeri hasil lawatan luar negara.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan lawatan ke luar negara pada masa akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha penggalakan pelaburan ke luar negara sememangnya telah meningkatkan minat pelabur asing untuk menerokai peluang-peluang yang ada di Negeri Selangor. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri lebih memberi tumpuan kepada sektor aero angkasa, sains hayat, teknologi bio, e-Dagang dan halal. Sektor-sektor ini semakin mendapat tempat selari dengan perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan atas talian, sains dan teknologi bio serta pengangkutan.

Namun begitu, para pelabur ini mengambil masa di antara enam (6) bulan hingga ke satu (1) tahun atau malah dua (2) tahun dalam membuat keputusan untuk melabur di negara asing. Hal ini kerana para pelabur mengambil kira pelbagai aspek terutamanya kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara, disamping implikasi kewangan syarikat dalam mendapatkan lokasi yang strategik, keperluan pekerja, logistik untuk pengedaran bahan mentah dan barang siap serta kemudahan infrastruktur di satu-satu lokasi.

Selain daripada itu, misi penggalakan pelaburan ke luar negara ini juga turut memberikan penekanan di dalam usaha untuk mempromosikan Selangor International Expo 2016 di mana sektor yang terlibat di dalam expo tersebut telah diberi penekanan di dalam misi promosi di luar negara. Hasilnya hanya akan dapat dilihat semasa Expo yang akan diadakan pada Oktober ini.

Untuk menjadikan Selangor terkenal di kalangan negara-negara ASEAN, Kerajaan Negeri perlu mempelajari bagaimana sesuatu industri di negara luar negara berkembang pesat dan bagaimana industri berkenaan bermula. Pengalaman-



pengalaman dari agensi-agensi luar negara juga diambil kira bagi memajukan sesuatu industri di Selangor. Sebagai contoh, Selangor Bio Bay diilhamkan hasil daripada lawatan kerja ke San Francisco pada tahun lalu dan ianya kini sedang dalam proses pembangunan. Ini adalah antara hasil yang diperolehi daripada lawatan ke luar negara.

Antara sektor-sektor yang banyak menerima maklumbalas/pertanyaan ketika lawatan penggalakan pelaburan diadakan di luar negara:

Negara	Sektor
Singapura	Aeroangkasa
Australia	Bioteknologi
Korea Selatan	Teknologi Bio, Sains Hayat, Bio Medik, Farmaseutikal, Kosmetik  Lawatan sambil belajar ke Technology Park
Vietnam	Halal (Pembuatan Makanan)  Lawatan sambil belajar ke Industrial Park
Thailand	Halal (Pembuatan Makanan)
USA	Bio-Teknologi, <i>Start Up Company</i>
UAE	Halal (Pembuatan Makanan), Peruncitan & Francais, Logistik
Jepun	Halal, Bio-Teknologi
China	E-dagang, <i>Start Up Company</i> , halal
Taiwan	E-dagang, <i>Start Up Company</i> , Halal (Pembuatan Makanan), Farmaseutikal, Kosmetik
United Kingdom	Aeroangkasa

Lawatan ke Jepun yang telah diadakan ini telah berjaya menarik minat syarikat Jepun untuk membuat penambahan pelaburan bernilai RM2 bilion dalam industri automotif. Selain itu, terdapat juga lawatan susulan dari syarikat Jepun yang berminat untuk terlibat di dalam industri Aero Angkasa di Negeri Selangor.

Menerusi misi pelaburan ke Australia juga, sebuah syarikat telah membuka kilang menghasilkan pakaian khas untuk penyelam-penyelam laut dalam.

Manakala misi pelaburan ke Taiwan dan China telah banyak memberi kesan di mana beberapa pihak di Taiwan telah menandatangani beberapa perjanjian persefahaman dengan Central Spektrum (M) Sdn Bhd untuk bekerjasama dalam industri halal.

- b) Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakan pelaburan akan meneruskan program-program lawatan ke luar negara pada masa akan datang bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan kepada pihak pelabur yang berpotensi di luar Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK DAN TADIKA**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila bekalkan jumlah pusat penjagaan kanak-kanak di tempat bekerja (*workplace childcare*) di Negeri Selangor mengikut daerah.
- b) Sila senaraikan semua pusat penjagaan kanak-kanak atau tadika di bangunan Kerajaan Negeri Selangor dan nyatakan bilangan kanak-kanak serta yuran yang dikenakan.

**JAWAPAN:**

- a) Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) adalah mana-mana premis yang menerima masuk empat (4) orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah.

TASKA terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:

1. TASKA di Rumah
2. TASKA Institusi
3. TASKA Di Tempat Kerja
4. TASKA Komuniti

Setiap TASKA adalah dikehendaki berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 4, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

Sehingga September 2016, terdapat 47 buah TASKA Di Tempat Kerja di Negeri Selangor. Senarai TASKA Di Tempat Kerja mengikut daerah adalah seperti berikut:

**JUMLAH TASKA DI TEMPAT KERJA DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT  
DAERAH SEHINGGA SEPTEMBER 2016**

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL. TASKA DI TEMPAT KERJA (AWAM)</b>	<b>BIL. TASKA DI TEMPAT KERJA (SWASTA)</b>	<b>BIL. TASKA DI TEMPAT KERJA (AWAM &amp; SWASTA)</b>
1.	Petaling	14	5	19
2.	Sepang	10	4	14
3.	Gombak	3	2	5
4.	Hulu Langat	3	2	5
5.	Hulu Selangor	1	0	1
6.	Kuala Langat	1	0	1
7.	Kuala Selangor	1	0	1
8.	Sabak Bernam	1	0	1
9.	Klang	0	0	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>34</b>	<b>13</b>	<b>47</b>

**SENARAI TASKA DI TEMPAT KERJA DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT  
DAERAH SEHINGGA SEPTEMBER 2016**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA TASKA</b>	<b>TASKA DI TEMPAT KERJA</b>	<b>DAERAH</b>
1.	Taska Majlis Peperiksaan Malaysia	Taska Tempat Kerja Awam	Gombak
2.	Genius Kiddos Childcare Centre	Taska Tempat Kerja Awam	Gombak
3.	Taska Petzl Development	Taska Tempat Kerja Swasta	Gombak
4.	Taska Murni	Taska Tempat Kerja Awam	Gombak
5.	Taska Kanak-Kanak Manja	Taska Tempat Kerja Swasta	Gombak
6.	Taska Inspen	Taska Tempat Kerja Awam	Hulu Langat
7.	Comel Child Care Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Hulu Langat
8.	Taska Pok Amai- Amai Hasil (APM)	Taska Tempat Kerja Awam	Hulu Langat
9.	UNMC Childcare Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Hulu Langat
10.	Taska Vonad	Taska Tempat Kerja Awam	Hulu Langat

<b>BIL.</b>	<b>NAMA TASKA</b>	<b>TASKA DI TEMPAT KERJA</b>	<b>DAERAH</b>
11.	Taska Balqis	Taska Tempat Kerja Awam	Hulu Selangor
12.	Taska Adhwaa	Taska Tempat Kerja Awam	Kuala Langat
13.	Taska Tunas Intelek	Taska Tempat Kerja Awam	Kuala Selangor
14.	Sime Darby Plantations Child Care Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Petaling
15.	Taska Cahaya Mata Angkasa	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
16.	Sime Darby Plantations Childcare Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Petaling
17.	Taska Rimba	Taska Tempat Kerja Swasta	Petaling
18.	Taska SUK Negeri Selangor	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
19.	Taska Impian Cemerlang	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
20.	Taska Haslinda	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
21.	Taska Si Comel Cerdik	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling

<b>BIL.</b>	<b>NAMA TASKA</b>	<b>TASKA DI TEMPAT KERJA</b>	<b>DAERAH</b>
22.	Taska Permata Sirim Berhad	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
23.	Taska Permata Bonda SKMS	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
24.	Taska Si Comel Cerdik	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
25.	TASKA Permata PKPS	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
26.	Taska Cahaya Mata (TCM) Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
27.	Taska MPSJ USJ 3	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
28.	Taska Keluarga Harmoni dan Indah	Taska Tempat Kerja Swasta	Petaling
29.	Taska MPSJ Permata Sari	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
30.	Taska Ceria Cerdas	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling
31.	Taska Early Learning Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Petaling
32.	Taska MBPJ	Taska Tempat Kerja Awam	Petaling

<b>BIL.</b>	<b>NAMA TASKA</b>	<b>TASKA DI TEMPAT KERJA</b>	<b>DAERAH</b>
33.	Taska Ummu Selamah	Taska Tempat Kerja Awam	Sabak Bernam
34.	Taska Tiga D Hati	Taska Tempat Kerja Swasta	Selangor
35.	Taska Inspen	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
36.	Taska Pok Amai- Amai Hasil	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
37.	AADK Kids Child Care Centre	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
38.	Kidsville MP Selangor Child Care Centre	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
39.	Taska Kasih Cahaya Permata MPOB	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
40.	Cyberview Childcare Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Selangor
41.	Taska Impian Erysha	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
42.	Taska Warga Infra	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
43.	Taska De Sayang	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor



BIL.	NAMA TASKA	TASKA DI TEMPAT KERJA	DAERAH
44.	Taska Cahaya Permata Dengkil	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
45.	Taska UNITEN	Taska Tempat Kerja Awam	Selangor
46.	Aerotots Chicare Centre	Taska Tempat Kerja Swasta	Selangor
47.	Taska TNB Research	Tempat Kerja Swasta	Selangor

b) Senarai Taska/Pusat Jagaan di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor sehingga September 2016

BIL.	NAMA TASKA/PUSAT JAGAAN	KATEGORI	JABATAN/ AGENSI	DAERAH	BIL. KANAK-KANAK	YURAN (RM)
1.	Kidsville MP Sepang Child Care Centre	Taska Tempat Kerja Awam	Majlis Perbandaran Sepang	Selangor	26	300-350
2.	Taska SUK Negeri Selangor	Taska Tempat Kerja Awam	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Petaling	105	100-150
3.	Taska Si Comel Cerdik (MBSA)	Taska Tempat Kerja Awam	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Petaling	60	250

BIL.	NAMA TASKA/PUSAT JAGAAN	KATEGORI	JABATAN/ AGENSI	DAERAH	BIL. KANAK-KANAK	YURAN (RM)
4.	Taska Permata PKPS	Taska Tempat Kerja Awam	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Petaling	60	300
5.	Taska MPSJ USJ 3	Taska Tempat Kerja Awam	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Petaling	82	180-300
6.	Taska MBPJ	Taska Tempat Kerja Awam	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Petaling	80	Tiada yuran dikenakan kerana ditang-gung majikan
7.	Taska MPSJ Permata Sari	Taska Tempat Kerja Awam	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Petaling	30	180-300
8.	Taska Vonad	Taska Tempat Kerja Awam	Majlis Perbandaran Kajang	Hulu Langat	40	340
9.	Taska Permata Penyayang Klang	Taska Komuniti	Komuniti	Klang	42	100-450
10.	Pusat Jagaan Kanak-Kanak MPK	Pusat Jagaan	Majlis Perbandaran Klang	Klang	40	50-70
11.	Taska Permata Bunga Tanjung MPAJ	Belum daftar	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Hulu Langat	40	200-350
12.	Taska MPS	Belum daftar	Majlis Perbandaran Selayang	Gombak	25	200-300

<b>BIL.</b>	<b>NAMA TASKA/PUSAT JAGAAN</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>JABATAN/ AGENSI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL. KANAK- KANAK</b>	<b>YURAN (RM)</b>
13.	Taska Si Kancil	Belum daftar	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	Hulu Selangor	25	300
14.	Taska Mutiara PKNS	Belum daftar	PKNS	Petaling	45	250

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kes denggi di Selangor dari tahun 2010-2015 mengikut daerah.
- b) Nyatakan jumlah kematian akibat denggi dari tahun 2010-2015 mengikut daerah.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Berikut adalah statistik kes denggi (a) serta kes kematian (b) yang dilaporkan untuk Selangor bagi tempoh 2010-2015

PKD	2010		2011		2012		2013		2014		2015	
	Kes Denggi	Kematian Denggi	Kes Denggi	Kematian Denggi	Kes Denggi	Kematian Denggi	Kes Denggi	Kematian Denggi	Kes Denggi	Kematian Denggi	Kes Denggi	Kematian Denggi
Gombak	3107	4	1458	0	971	1	3326	2	7266	17	7915	23
H.Langat	4852	14	1995	5	2242	3	6371	5	11748	18	14919	32
H.Selangor	300	3	261	0	261	0	480	1	1301	2	1204	2
Klang	1788	3	1371	1	2293	4	2645	2	7443	15	8404	16
K.Langat	524	2	167	0	189	1	288	2	861	0	1294	4
K.Selangor	310	1	258	0	272	3	304	0	799	2	905	3
Petaling	511	20	2066	6	2551	0	9600	10	24094	21	25477	39
S.Bernam	146	0	93	1	120	0	175	0	250	0	323	0
Sepang	229	0	89	0	214	0	663	2	527	2	2757	8
Jumlah Keseluruhan	16367	47	7758	13	9113	12	23852	24	54289	77	63198	127

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PENDIDIKAN TINGGI DI SELANGOR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan semua institusi pendidikan tinggi di Selangor dan jumlah pelajar.

**JAWAPAN:**

a) Institusi Pengajian Tinggi di bawah bidang kuasa Negeri Selangor adalah Universiti Selangor, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor (INPENS). Di bawah adalah institusi serta jumlah pelajar :-

<b>Bil</b>	<b>Nama Institusi</b>	<b>Bilangan Pelajar (Orang)</b>
1.	Universiti Selangor	10,084
2.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	9,089
3.	Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor (INPENS)	558

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK DI SELANGOR**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua projek rumah mampu milik di Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dari 2008 sehingga sekarang. Nyatakan jumlah unit setiap projek ini.
- b) Sila senaraikan semua projek rumah mampu milik di Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dari 2008 sehingga sekarang. Nyatakan jumlah unit setiap projek ini.

**JAWAPAN:**

- a) Dasar Perumahan Negeri Selangor iaitu untuk merealisasikan matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna'. Ini adalah bagi memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor mensasarkan pembinaan 15,000 unit Rumah Selangorku akan dibina sehingga tahun 2018.

Berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dari tahun 2010 sehingga kini serta projek-projek yang telah mendapat kelulusan Kebenaran merancang (KM), terdapat sebanyak 1,782 unit rumah telah siap dibina, sebanyak 511 unit rumah sedang dibina dan sebanyak 5,091 unit rumah belum dibina. Perinciannya adalah seperti berikut :-

- i. Projek Rumah Mampu Milik yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Pemaju / Pemaju Usahasama</b>	<b>Projek</b>	<b>Bil. Unit</b>
1.	MPKj	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat.	124 (Jenis B)

2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak.	1,422 (Jenis B)
3.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	236 (Jenis B)
<b>JUMLAH</b>				<b>1,782</b>

- ii. Projek Rumah Selangorku yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)	Dis 2016
2.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	Dis 2016
3.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di PT 1 Blok 1, Di Seksyen 1, Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	80 (Jenis D)	2017
<b>PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015</b>					
4.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 5, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	198 (Jenis C)	Dis 2016
<b>JUMLAH</b>				<b>511</b>	



- iii. Projek Rumah Selangorku yang belum dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad )	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91 (Jenis D)	2019
2.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Ke Atas Hakmilik PN 104069 Lot 18977, Taman Keruing Rasa, Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	65 (Jenis D)	2019
3.	MBSA	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Taman Bukit Impian Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	46 (Jenis D)	2019
<b>PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015</b>					
4.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	4,471	2018
5.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (RMM)	2018
<b>JUMLAH</b>				<b>5,091</b>	

- b) Berdasarkan semakan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), masih tiada projek Rumah Mampu Milik di Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dari 2008 sehingga kini. Namun terdapat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 berjumlah 1580 unit. Senarai nama telah dikeluarkan oleh LPHS pada tahun 2011 manakala penawarannya di bawah pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : USAHAWAN MUDA**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan muda berniaga?
- b) Senaraikan program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor senantiasa meletakkan pembangunan usahawan sebagai agenda utama dalam halatuju pembangunan Negeri Selangor bagi memartabatkan usahawan-usahawan di negeri ini. Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan kewangan, insentif perniagaan dan program keusahawanan melalui HIJRAH Selangor dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Negeri Selangor. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan sebagai agenda utama telah merancang insentif dan program-program yang boleh melonjakkan pembangunan usahawan-usahawan mikro. Sehingga kini, sebanyak RM3.4 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Sebanyak RM1.7 juta telah dibelanjakan bagi bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS). Manakala sebanyak RM200,000.00 telah dibelanjakan untuk latihan keusahawanan dan RM1.07 juta telah dibelanjakan bagi tujuan mempromosikan produk-produk usahawan melalui penganjuran karnival usahawan serta penglibatan di dalam ekspo tempatan dan bertaraf antarabangsa. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri melalui HIJRAH Selangor, telah memperuntukkan RM100 juta bagi tujuan pinjaman modal perniagaan untuk usahawan-usahawan kecil. Sehingga kini, HIJRAH Selangor telah memperolehi lebihan pulangan sebanyak RM44 juta yang dijadikan pusingan semula pinjaman kewangan dan 25,562 orang telah menerima manfaat ini. Kerajaan Negeri telah merangka bajet sebanyak RM23 juta dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) bagi pelan jangkamasa 5 tahun bagi memampankan lagi industri usahawan mikro. Bajet ini adalah untuk menjalankan program keusahawanan bagi menggalakkan serta melahirkan usahawan-usahawan yang berkaliber dan berdaya saing di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor juga mengambil inisiatif menyediakan tapak/platform perniagaan untuk para usahawan

seperti premis perniagaan di Uptown Shah Alam, Pasar Seri Seksyen 13 dan 16. Caj sewa yang dikenakan amat berpatutan berbanding premis perniagaan lain. Ini bagi memastikan peniaga mendapat margin keuntungan yang maksimum serta dapat menawarkan harga yang terendah kepada pelanggan. Seterusnya, program-program 2016 yang dijalankan bagi menyokong dan membantu usahawan di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

i. **DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR**

Kerajaan Negeri melalui Unit Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada industri mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor untuk membantu usahawan-usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan yang diberikan melalui Dana Usahawan Mikro Selangor adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf);
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

ii. **PAMERAN/EKSPO**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di Negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menerima jemputan untuk menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkecayaan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah pada pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016, produk kerepek *seaweed* jenama *Teego* daripada syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd telah memperolehi kontrak pembekalan ke tiga buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun yang bernilai RM790,000.00.

iii. **KARNIVAL/FESTIVAL USAHAWAN**

Seterusnya, 9 siri karnival *Mini Mega Sale* di peringkat PBT telah dirancang untuk tahun 2016. Setakat ini program ini telah diadakan di 2 PBT iaitu di Hulu Selangor dan Kuala Langat. Selebihnya akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Karnival ini bukan sahaja fokus kepada peniaga, bahkan penduduk tempatan juga turut mendapat faedah dengan mendapatkan pilihan barangan dengan harga yang rendah dan berpatutan. Dalam pada itu, terdapat karnival usahawan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bagi mempergiatkan lagi ekonomi Negeri Selangor dan para usahawan khususnya. Antara karnival yang telah berlangsung adalah Selangor *Food Mega Festival* yang telah mencatatkan jualan sebanyak RM2.3 juta, Festival Ramadhan (FESTIRA) 2016 telah mencatat kutipan anggaran melebihi RM3 juta yang telah berlangsung di 4 lokasi iaitu Stadium Sungai Besar (Sabak Bernam), Stadium Malawati (Shah Alam), Majlis Perbandaran Ampang Jaya, SACC Mall (Shah Alam) dan Kompleks PKNS (Shah Alam).

iv. **KURSUS/LATIHAN**

Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang

bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangkan untuk menembusi pasaraya tempatan.

v. **PROGRAM PENINGKATAN KEUPAYAAN REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN PRODUK USAHAWAN NEGERI SELANGOR (4P)**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

vi. **PROGRAM HIJRAH SELANGOR**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu. Sehingga kini sebanyak 25,562 peminjam yang telah menerima manfaat daripada program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : SKIM MIKROKREDIT WANITA LADANG (WALA)**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini WALA?
- b) Apakah peranan WALA untuk meningkatkan kualiti hidup wanita ladang di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Program Wanita Ladang (WALA) telah ditambahbaik dan dijenamakan semula kepada Program Hijrah Selangor. Peserta WALA hanya menerima elaun kerja dan bukan berbentuk pinjaman. Oleh kerana itu, program WALA tidak dapat diukur kejayaan dan keberkesanannya.
- b) Program Hijrah Selangor menawarkan dua kaedah kepada peserta WALA bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Kaedah berikut adalah :
  - i. Bagi peserta yang telah menjalankan peniaga pinjaman tambahan modal ditawarkan kepada mereka.
  - ii. Bagi peserta yang ingin memohon tetapi masih belum menjalankan perniagaan Hijrah Selangor akan menawarkan Skim Perkembangan iaitu Skim Mentor dan Menti. Mereka akan diberikan latihan oleh mentor-mentor mengikut jenis peniagaan yang ingin diceburi. Justeru itu pinjaman akan ditawarkan setelah tamat latihan dan mempunyai tempat berniaga. Perniagaan mereka akan dipantau oleh mentor dan Hijrah Selangor selama 6 bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PUSAT JUDI**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah pusat judi dari tahun 2010-2015 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah cukai yang diambil dari pusat judi dari tahun 2010-2015 mengikut PBT.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

PBT tidak melesenkan sebarang pusat perjudian. Namun, PBT hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan terhadap premis yang mempunyai Lesen Mesin Perjudian daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia, contohnya seperti rumah kelab dan kedai nombor ramalan. Walau bagaimanapun, sekiranya aktiviti perjudian secara haram dapat dikesan di mana-mana premis perniagaan, PBT akan mengambil tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Tred Dan Perniagaan 2007. Sehubungan itu, statistik bilangan pusat judi yang dibenarkan dan kutipan fi lesen perniagaan di kawasan PBT terlibat adalah seperti **Jadual 1**.

**Jadual 1: Statistik Bilangan Pusat Judi Yang Dibenarkan Oleh PBT dan Kutipan Fi Lesen Perniagaan :-**

Bil.	PBT	Bilangan Pusat Judi Berlesen & Jumlah Fi Lesen Premis Perniagaan Perjudian Bagi Tahun 2010 – 2015					
		2010	2011	2012	2013	2014	2015
1.	MBSA	2	2	2	2	2	2
	Fi Lesen (RM)	5,200.00	5,200.00	5,200.00	5,200.00	5,200.00	5,950.00
2.	MBPJ	Tiada					
	Fi Lesen (RM)	Tiada					
3.	MPSJ	5	5	5	5	5	5
	Fi Lesen (RM)	20,740.00	20,740.00	28,910.00	28,910.00	28,910.00	33,030.00
4.	MPS	1	2	-	1	-	-
	Fi Lesen (RM)	1,362.00	2,604.00	-	1,362.00	-	-



<b>5.</b>	<b>MPKj</b>	Tiada					
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	Tiada					
<b>6.</b>	<b>MPK</b>	1	2	-	1	-	1
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	300.00	600.00	-	300.00		300.00
<b>7.</b>	<b>MPAJ</b>	Tiada					
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	Tiada					
<b>8.</b>	<b>MPSp</b>	Tiada					
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	Tiada					
<b>9.</b>	<b>MDKS</b>	Tiada					
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	Tiada					
<b>11.</b>	<b>MDKL</b>	9	9	11	11	12	12
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	4,500.00	4,500.00	5,500.00	5,500.00	12,000.00	12,000.00
<b>11.</b>	<b>MDSB</b>	8	8	8	8	8	7
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	9,600.00	9,600.00	9,600.00	9,600.00	9,600.00	8,400.00
<b>12.</b>	<b>MDHS</b>	Tiada					
	<b>Fi Lesen (RM)</b>	Tiada					
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>26</b>	<b>28</b>	<b>26</b>	<b>28</b>	<b>27</b>	<b>27</b>
<b>Jumlah (RM)</b>		<b>41,702.00</b>	<b>43,244.00</b>	<b>49,210.00</b>	<b>50,872.00</b>	<b>55,710.00</b>	<b>59,680.00</b>

\*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kejayaan Majlis Sukan Negeri Selangor pada tahun 2016?
- b) Apakah perancangan pelan jangka masa panjang Majlis Sukan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kontinjen Negeri Selangor berjaya menjadi memperolehi sebanyak 195 pingat keseluruhannya iaitu 59 pingat emas, 73 pingat perak dan 63 pingat gangsa. Dengan pungutan pingat ini, sekaligus membawa kontinjen Selangor menjadi juara keseluruhan kejohanan SUKMA edisi kali ini.
- b) Bagi memastikan Negeri Selangor maju dalam sukan dan sekaligus menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri peneraju kecemerlangan sukan, pihak Majlis telah mengambil langkah-langkah positif ke arah visi tersebut dengan memperkenalkan struktur pembangunan baru bagi tempoh 2016 – 2020. Model baru struktur pembangunan sukan di Selangor ini telah dibentangkan bagi tempoh 2016 – 2020 dengan memperkenalkan konsep 2i iaitu *incorporate* iaitu menggabungkan organisasi seperti dengan pihak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor (MSSS), Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri Selangor (USPTNS) di bawah kendalian Majlis Sukan Negara, Persatuan Sukan Negeri (PSN) yang bergabung, Institut Sukan Negara (ISN) cawangan Selangor dan agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Manakala *intergrate* dalam struktur ini adalah berkenaan dengan penyatuan program yang sedia ada dan sedang dijalankan di peringkat agensi masing-masing. Dengan konsep 2i ini, ianya sejajar dengan saranan Y.A.B Menteri Besar untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai *Smart State* dalam pelbagai aspek.

Majlis Sukan Negeri Selangor juga berusaha untuk membangunkan seberapa banyak sukan di peringkat daerah-daerah dengan menubuhkan pusat latihan di daerah-daerah di Selangor. Di dalam struktur baru ini, ianya melibatkan beberapa agensi dan jabatan lain iaitu pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Persatuan Sukan Negeri, Majlis Sukan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri dari Majlis Sukan Negara.

Selain itu juga, bagi memastikan mutu dan pencapaian setiap sukan di Selangor ini dalam keadaan terancang dan baik, pihak Majlis bersama-sama dengan Persatuan Sukan Negeri sentiasa mengadakan perbincangan untuk mengenalpasti kaedah-kaedah yang wajar untuk membangunkan sesuatu sukan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : SAMPAH DOMESTIK**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan sampah domestik setiap bulan pada tahun 2016 mengikut PBT.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memberikan kesedaran kepada rakyat tentang kitar semula?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah purata kutipan sampah domestik di seluruh Negeri Selangor adalah sebanyak 8,797 tan metrik/sebulan. Jumlah kutipan sampah domestik setiap bulan setiap PBT adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Jumlah kutipan sampah domestik setiap bulan di PBT Negeri Selangor**

PBT	Kutipan Sampah Domestik Tahun 2016 (Tan Metrik)								
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT
<b>MBSA</b>	16,085.45	15,588.12	16,335.19	14,475.36	15,235.69	14,958.87	13,847.58	15,057.74	14,204.73
<b>MBPJ</b>	2,334.00	2,081.33	2,397.44	2,274.80	2,697.16	2,585.24	1,390.49	1,942.75	-
<b>MPSJ</b>	13,489.59	12,305.29	13,080.66	13,741.66	15,089.43	14,852.79	14,026.94	14,358.25	6,905.53
<b>MPS</b>	11,837.34	11,664.55	11,727.75	11,394.73	11,786.09	12,236.28	11,919.94	12,561.1	471.69
<b>MPKj</b>	14,688.94	14,224.50	14,739.61	14,457.69	15,348.15	15,398.56	14,793.37	17,341.13	16,407.24
<b>MPK</b>	15,592.51	14,661.38	15,058.41	15,032.03	16,013.09	15,260.63	16,917.88	19,371.41	17,548.19
<b>MPAJ</b>	9,747.41	9,218.85	9,958.86	9,312.27	9,090.09	9,635.04	8,758.03	10,175.35	9,395.72
<b>MPSp</b>	6,867.99	6,520.79	7,143.79	6,836.40	7,405.58	7,337.38	6,659.26	5,815.66	5,115.79
<b>MDKS</b>	2,982.67	2,879.29	2,859.12	2,884.36	3,258.65	3,182.61	2,978.44	3,249.70	3,067.15
<b>MDKL</b>	3,881.82	3,839.94	3,628.97	3,558.07	3,689.96	3,670.74	3,970.51	4,494.34	4,235.19
<b>MDSB</b>	2,020.00	2,005.00	2,161.19	1,636.04	1,806.70	1,827.87	1,854.18	1,790.38	1,666.43
<b>MDHS</b>	7,750.00	7,250.00	7,800.00	7,500.00	9,300.00	10,500.00	11,000.00	7700.00	7500.00
<b>Jumlah</b>	<b>107,277.72</b>	<b>102,239.04</b>	<b>106,890.99</b>	<b>103,103.41</b>	<b>110,720.59</b>	<b>111,446.01</b>	<b>108,116.62</b>	<b>113,857.81</b>	<b>86,517.66</b>
<b>Purata</b>	<b>8,939.81</b>	<b>8,519.92</b>	<b>8,907.58</b>	<b>8,591.95</b>	<b>9,226.72</b>	<b>9,287.17</b>	<b>9,009.72</b>	<b>9,488.15</b>	<b>7,209.81</b>

\*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Jelajah Pengguna bermula pada tahun 2016 dengan kerjasama dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor di mana setiap PBT diperuntukkan sebanyak RM20,000 untuk melaksanakan program ini. Pengisian program melibatkan pelbagai kempen-kempen kepenggunaan termasuk **kempen 3R (Reduce, Re use & Recycle)**, Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Kempen Kitar Semula Minyak Masak, kempen ini turut dilaksanakan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sekali pada setiap bulan.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Perintis Kitar Semula di empat (4) buah PBT (MBPJ / MPKj / MPAJ / MDHS) melibatkan kawasan kediaman *landed*, kos rendah bertingkat dan kawasan komersial pada tahun 2015 bagi mengkaji elemen penting dalam melaksanakan kitar semula yang berjaya, seterusnya pada tahun 2016 melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah menyusun plan tindakan (*action plan*) dalam pengurusan pengasingan sisa dalam skala yang kecil melibatkan dua (2) PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan usahasama syarikat perunding iaitu PE Research Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : KESENIAN DAN KEBUDAYAAN**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosikan kebudayaan dan kesenian Selangor?
- b) Senaraikan program kesenian dan kebudayaan yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.62 juta bagi tujuan program pembangunan dan aktiviti kebudayaan negeri termasuk RM1 juta untuk Projek Peta Kebudayaan Negeri yang dilaksanakan oleh Pusat Budaya Pusaka Sdn. Bhd. (PUSAKA) serta geran sebanyak RM120,000.00 diberikan kepada Sasterawan Negara Anwar Ridhwan bagi menghasilkan koleksi naskah sastera berserta program (mentor) melahirkan penulis muda yang berkualiti tinggi oleh beliau.

Sepanjang tahun 2016, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai bentuk program aktiviti kebudayaan sama ada secara langsung atau pun dengan kerjasama dengan pelbagai pihak di peringkat agensi kerajaan yang lain seperti di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pejabat daerah, persatuan-persatuan kebudayaan, badan bukan kerajaan (NGO), anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS dan PREC dan syarikat swasta serta produksi pementasan teater dan perfileman. Pada masa yang sama, beberapa program berbentuk akademik dan ilmiah seperti bengkel dan ceramah kebudayaan telah turut dilaksanakan. Senarai program-program kesenian dan kebudayaan yang telah dianjurkan adalah seperti di Lampiran.

Bagi tujuan khusus dalam mempromosikan kebudayaan dan kesenian Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri telah merancang untuk mengadakan program bersama media pada bulan November 2016. Program berkonsep jelajah ini akan membawa media tempatan dan luar

negara untuk menelusuri kegiatan kebudayaan asli masyarakat di seluruh pelosok negeri. Antara unsur kebudayaan yang coba diketengahkan dalam program kali ini adalah kebudayaan muzik tradisional seperti cempuling, keronchong dan kompang jawa berserta tarian seperti tarian poja sekali gus memperkenalkan dan menyelami keunikan dan keindahan seni jahitan dan tenun masyarakat negeri Selangor terdahulu. Bukan sekadar itu, beberapa tempat lokasi aktiviti kebudayaan dan kesenian moden akan turut ditonjolkan. Program media seumpama ini disasarkan akan mendapat perhatian dari pelbagai pihak di mana ia akan mempromosikan keunikan dan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian Negeri Selangor kepada orang ramai sama ada dari dalam atau luar negara mahupun rakyat Selangor sendiri khususnya.



<b>LAMPIRAN</b>
-----------------

**SENARAI PROGRAM & AKTIVITI KEBUDAYAAN YANG DILAKSANAKAN  
SEPANJANG TAHUN 2016**

- 1) Orkestra '*Shakespeare In Paris*' & '*Arias & Love Songs*'
- 2) Pementasan Teater Perdana Putera '*La Galigo*'.
- 3) Karnival Sukan Sikh "Gurdwara Cup" Peringkat Kebangsaan 2016 Keli Ke 65 Di Negeri Sembilan.
- 4) Program '*Pritinggam*' Intervarsity Debate Competition 2016.
- 5) Konsert Ella 2016.
- 6) Program Jelajah Exco Kebudayaan Negeri Selangor Tahun 2016 (MDKL).
- 7) Program Jelajah Exco Kebudayaan Negeri Selangor Tahun 2016 (MPSP).
- 8) Program Malam Kebudayaan & Kesenian Bugis Dan Jawa 2016.
- 9) Pertandingan Etnik Kreatif.
- 10) Festival Seni Jalanan.
- 11) Program Karnival Adat & Budaya Masyarakat Daerah Hulu Selangor.
- 12) Program *Freedom Film Festival* 2016.
- 13) Program Festival Ramadhan Selangor (FESTIRA) 2016.
- 14) Syarahan Kebudayaan : *The Development Of Malay Theater – An Outsider's View*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : JUMLAH RUMAH PENDUDUK DAN PREMIS PERNIAGAAN DI BANDAR  
PUNCAK ALAM**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah rumah dan premis perniagaan yang sedia ada mengikut fasa di kawasan bandar Puncak Alam termasuk di Sinar Alam dan Alam Suria sehingga Oktober 2016.

**JAWAPAN:**

a)

<b>BIL</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PENDUDUK</b>	<b>RUMAH</b>	<b>KEDAI</b>
1	Bandar Puncak Alam	110,630	22,126	1,101
2	Fasa 2A	665	133	-
3	Residensi Warnasari Fasa 3 B	2,250	450	-
4	Shah Alam 2 Fasa 5A & 5B	26,485	5297	153

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : JUMLAH PASAR MALAM DALAM KAWASAN DUN JERAM**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pasar malam yang sedia ada mengikut hari di kawasan DUN Jeram sehingga Oktober 2016.
- b) Berapakah jumlah peniaga di setiap pasar malam dan cukai yang dikenakan kepada mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pasar malam/pagi di kawasan DUN Jeram seperti di bawah.

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Waktu Operasi</b>	<b>Jumlah Petak</b>	<b>Jumlah Peniaga</b>
1	Pasar Malam Jeram (Hadapan Pasar Basah Jeram)	4.00 petang – 7.00 malam (Hari Selasa)	15	1
2	Pasar Pagi Sungai Buloh	8.00 pagi – 12.00 tengahari (Hari Ahad)	327	113

- b) Jumlah peniaga di setiap pasar malam seperti di Lampiran 1. Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengenakan kadar bayaran seperti di bawah:
  - i. Kadar sewaan petak - RM16.00 sepetak/sebulan.
  - ii. Lesen perniagaan - RM50.00 setahun
  - iii. Tambahan pasar - RM5.00 setahun

*\* Untuk tahun 2016 bayaran lesen perniagaan bagi peniaga kecil seperti penjaja dan peniaga pasar malam telah dimansuhkan.*

## LAMPIRAN 1

**Kawasan Pasar Malam Dan Pasar Pagi Majlis Daerah Kuala Selangor**

<b>Bil</b>	<b>Hari</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jum. Peniaga</b>	<b>Jum. Petak</b>	<b>Masa</b>	<b>Waktu</b>
1	Isnin	Tanjung Karang	131	400	8.00 Pg - 12.00 Tgh Hari	Pagi
		Alam Jaya	33	108	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
		Desa Coalfields	66	115	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
		Pasir Penambang	52	134	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
2	Selasa	Jeram	1	15	4.00 Ptg - 7.00 Mlm	Malam
		Bandar Baru	131	220	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
3	Rabu	Tiram Buruk	26	138	4.00 Ptg - 8.00 Mlm	Malam
		Bukit Rotan	18	46	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
		Puncak Alam	159	279	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
		Saujana Utama	175	300	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
4	Khamis	Kampung Kuantan	1	26	4.00 Ptg - 8.00 Mlm	Malam
5	Jumaat	Bestari Jaya	128	295	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
		Taman Alam Jaya	67	134	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
6	Sabtu	Kuala Selangor	170	220	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam
		Pasarina Saujana Utama	52	115	8.00 Pg - 12.00 Tgh Hari	Pagi
		Puncak Alam	180	279	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam

<b>Bil</b>	<b>Hari</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jum. Peniaga</b>	<b>Jum. Petak</b>	<b>Masa</b>	<b>Waktu</b>
7	Ahad	Sungai Buloh	113	327	8.00 Pg - 12.00 Tgh Hari	Pagi
		Ijok	105	233	4.00 Ptg - 8.00 Mlm	Malam
		Tanjung Karang	118	400	5.00 Ptg - 10.00 Mlm	Malam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : SENARAI MAAHAD TAHFIZ & SEKOLAH AGAMA SWASTA YANG  
TERDAPAT DI DUN JERAM**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan senarai Maahad Tahfiz dan sekolah agama swasta yang terdapat dalam DUN Jeram sehingga Oktober 2016.
- b) Nyatakan bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada dua sekolah berkenaan.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai Maahad Tahfiz dan sekolah agama swasta yang terdapat dalam DUN Jeram sehingga Oktober 2016 adalah seperti berikut:

Bil	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Alamat Sekolah	Poskod
1	BZH3001	Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat	Pusat Dakwah Islamiah Batu 18 1/2 Jeram,	45800
2	BZH3002	Maahad An-Nur Al-Islami	Masjid Baroh Kg Sg Tenggi Kanan, Tanjung Karang,	45500
3	BZH3003	Darul Quran Nurul Hasanah	Masjid Nurul Hasanah, Kg Bukit Belimbing	45000
4	BZH3004	Markaz Dakwah Wat Tarbiah Islamiah Al-Ansar	Batu 6 1/2 Asahan, Bestari Jaya,	45600
5	BZH3005	Maahad Tahfiz Al-Quran Sabil Ar-Rasyad (Puncak Alam)	Persiaran Puncak Alam3, D/A Surau Fasa 1, Bandar Puncak Alam	42300
6	BZH3007	Maahad Tahfiz Al-Quran Sabil Ar-Rasyad (Jeram)	Surau Aminah, Batu 18 3/4 Jeram, Jln Klang Lama	45800
7	BZH3008	Maahad Tahfiz Al-Husni	Lot 1123, Jln Pawang Jalil, Batu 20 1/2, Jeram	45800
8	BZH3009	Maahad Tahfiz Ar-Ruqaiyah	Lot 3682, Jln Rizab Tomi, Kg Bukit Cherakah, Jeram	45800
9	BZH3010	Maahad Habibullah Al-Hafiz	No. 34-2, Lorong Az-Zahrah A10/A, Sinar Alam, Bandar Puncak Alam	42300

Bil	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Alamat Sekolah	Poskod
10	BZH3011	Maahad Hafiz Jeram (Banat)	Lot 783, Pekan Jeram	45800
11	BZH3012	Maahad Tahfiz Al-Quran Hira'	Lot 1331, Batu 18, Jeram	45800
12	BZH3013	Akademi Syahadah Tahfiz Al-Faizin (Astaf)	Pt 758, Jln Melati 3/23, Bandar Melawati	42300
13	BZH3015	Madrasah Ad-Dinniah	Lot 105, Bt 9, Kg Sg Gulang-Gulang, Tanjung Karang	45500
14	BZH3016	Maahad Tahfiz Darul Uloom (M.A.D.U)	D/A Masjid Jame' At-Tuqa, Parit Satu, Sg. Sireh, Tanjung Karang	45500
15	BZH3017	Maahad Tahfiz Ulumul Huda	Lot 5242, Batu 5 1/2, Jalan Sg Tunggul, Tanjung Karang	45500
16	BZH3018	Pondok Motivasi Hamlatul Quran	Surau Al- Irsyad, Vista Pinggiran Putra, Seksyen 1, Tmn Pinggiran Putra,	43300
17	BZH3019	Al Bayan School Of Quran & Hadith	No. 23, Jalan Cengal 2, Saujana Utama 2, Sungai Buloh Country Resort	47000
18	BZH3020	Madrasah Tahfiz Pekan Sungai Buloh	Lot 2305 Lorong Daud, Jalan Raja Abdullah, Jeram Kuala Selangor	45800
19	BZH3021	Ma'ahad Tahfiz Ismail	Masjid Puncak Alam, Persiaran Puncak Alam 1,	42300
20	BZH3022	Madrasatul Quran Kampung Permatang	Lot 100, Kampung Permatang, 45000 Kuala Selangor	45000
21	BZH3023	Maahad Tahfiz El-Khawarizmy	No. 2-2 Jalan Bidara 6/3, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan	47000

b) Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah berkenaan adalah seperti berikut:

- i. Bantuan Dermasiswa Huffaz berjumlah RM150 sebulan per pelajar.
- ii. Bantuan baikpulih bangunan yang kritikal seperti bumbung bocor, pendawaian elektrik dan tandas.
- iii. Kursus-kursus kepada guru-guru di sekolah-berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PROGRAM HIJRAH**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Setakat ini apakah status Program Hijrah di Negeri Selangor ?

**JAWAPAN:**

a) Hijrah Selangor adalah program Mikrokredit Bersepadu gagasan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Haji Mohamed Azmin Ali, bagi menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor semenjak tahun 2010. Program ini telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 24 Mac 2015. Ianya merupakan Projek Penyelidikan Tindakan (*Action Research Project*) dengan tujuan utamanya, untuk melebarkan golongan kelas menengah di Negeri Selangor, sepertimana yang divisikan oleh YAB Dato' Menteri Besar dalam ucapan belanjawan beliau pada 24 November 2014. Hasrat ini diharapkan boleh tercapai melalui pendekatan pelaksanaan sistem penyaluran modal tambahan yang efisien kepada peniaga-peniaga kecil di negeri Selangor.

Sehingga ke hari ini Program Hijrah Selangor bergerak aktif di seluruh Negeri Selangor. Sehingga Oktober 2016, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan dan kelulusan pinjaman sehingga Oktober 2016 adalah seramai 25,562 orang peserta dengan jumlah pinjaman RM144,746,000.00



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bilangan Skim Pinjaman Pendidikan yang sedia ada di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini, terdapat satu skim pinjaman pendidikan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) iaitu Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor dengan peruntukan tahunan sebanyak **RM16.3 juta** setahun. Seramai 1,500 pelajar baru ditaja setiap tahun dengan pengambilan sebanyak dua kali setahun.

Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah. Penerima Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan serta mencapai GCPA/PNGK 3.20 dan ke atas adalah layak untuk memohon pengurangan bayaran balik pinjaman di bawah program Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MEMANDANGKAN KEHADIRAN WAKIL RAKYAT KAWASAN DI  
MESYUARAT PENUH DI PBT SEBAGAI PEMERHATI**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor memberi kuasa kepada wakil rakyat memberi pandangan dalam mesyuarat tersebut?
- b) Apakah cara-cara Kerajaan Negeri Selangor menambah baik mutu perkhidmatan PBT di seluruh Negeri Selangor ?

**JAWAPAN:**

- a) Wakil Rakyat boleh memberikan pandangan dalam sesuatu mesyuarat penuh PBT tertakluk kepada budi bicara dan keputusan pengerusi mesyuarat pada ketika mesyuarat dijalankan.
- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan PBT. Antara usaha-usaha penambahbaikan mutu dan perkhidmatan PBT adalah dengan penyelarasan dan penyeragaman SOP, Garis Panduan serta Undang-Undang Kecil PBT. Selain itu juga, mesyuarat-mesyuarat penyelarasan dan pemantau diadakan seperti Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan lain-lain Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap di samping Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah / Daerah Dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : LAWATAN YAB MENTERI BESAR KE LUAR NEGARA**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lawatan-lawatan Y.A.B. Menteri Besar ke luar negara serta tujuannya pada tahun 2016.
- b) Nyatakan kos lawatan dan hasil yang peroleh.

**JAWAPAN:**

- a) Lawatan YAB Dato' Menteri Besar ke luar Negara yang diuruskan oleh Invest Selangor adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Misi</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Ahli Delegasi</b>	<b>Tujuan Lawatan</b>	<b>Kos Lawatan (RM)</b>
1	MISI PERDAGANGAN & PELABURAN JEPUN - Tokyo, - Nagoya - Kobe	15 - 21 Mei 2016	i. Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor  ii. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan)  iii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad,  iv. En. Syahid Othman, Pegawai, Invest Selangor Berhad	Tujuan lawatan ini adalah bagi mempromosi peluang-peluang pelaburan di negeri Selangor dan Selangor International Expo 2016.	RM 294,636.84

			v. En. Mohd Zharif Sulam, Invest Selangor Berhad  vi. Mahmud Abas, CEO Central Spectrum Berhad  vii. Farah Waheda Zain, Central Spectrum Berhad  viii. Mohd Razif Abdul Wahab, Central Spectrum Berhad  ix. Ms. Ooi Haw Voon		
--	--	--	--	--	--

b) Kos lawatan ini adalah sebanyak RM294,636.84.

Usaha penggalakan pelaburan ke luar negara sememangnya telah meningkatkan minat pelabur asing untuk menerokai peluang-peluang yang ada di Negeri Selangor. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri lebih memberi tumpuan kepada sektor aero angkasa, sains hayat, teknologi bio, e-Dagang dan halal. Sektor-sektor ini semakin mendapat tempat selari dengan perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan atas talian, sains dan teknologi bio serta pengangkutan.

Namun begitu, para pelabur ini mengambil masa di antara enam (6) bulan hingga ke satu (1) tahun atau malah dua (2) tahun dalam membuat keputusan untuk melabur di negara asing. Hal ini kerana para pelabur mengambil kira pelbagai aspek terutamanya kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara, di samping implikasi kewangan syarikat dalam mendapatkan lokasi yang strategik, keperluan pekerja, logistik untuk pengedaran bahan mentah dan barang siap serta kemudahan infrastruktur di satu-satu lokasi.

Selain daripada itu, misi penggalakan pelaburan ke luar negara ini juga turut memberikan penekanan di dalam usaha untuk mempromosikan Selangor International Expo 2016 di mana sektor yang terlibat di dalam expo tersebut telah diberi penekanan di dalam misi promosi di luar negara. Hasilnya hanya akan dapat dilihat semasa Expo yang akan diadakan pada Oktober ini.

Untuk menjadikan Selangor terkenal di kalangan negara-negara ASEAN, Kerajaan negeri perlu mempelajari bagaimana sesuatu industri di negara luar negara berkembang pesat dan bagaimana industri berkenaan bermula. Pengalaman-pengalaman dari agensi-agensi luar negara juga diambil kira bagi memajukan sesuatu industri di Selangor. Sebagai contoh, Selangor Bio Bay diilhamkan hasil daripada lawatan kerja ke San Francisco pada tahun lalu dan ianya kini sedang dalam proses pembangunan. Ini adalah antara hasil yang diperolehi daripada lawatan ke luar negara.

Antara sektor-sektor yang banyak menerima maklumbalas/pertanyaan ketika lawatan penggalakan pelaburan diadakan di luar negara:

Negara	Sektor
Singapura	Aeroangkasa
Australia	Bioteknologi
Korea Selatan	Teknologi Bio, Sains Hayat, Bio Medik, Farmaseutikal, Kosmetik  Lawatan sambil belajar ke Technology Park
Vietnam	Halal (Pembuatan Makanan)  Lawatan sambil belajar ke Industrial Park
Thailand	Halal (Pembuatan Makanan)
USA	Bio-Teknologi, <i>Start Up Company</i>
UAE	Halal (Pembuatan Makanan), Peruncitan & Francais, Logistik
Jepun	Halal, Bio-Teknologi

China	E-dagang, <i>Start Up Company</i> , halal
Taiwan	E-dagang, <i>Start Up Company</i> , Halal (Pembuatan Makanan), Farmaseutikal, Kosmetik
United Kingdom	Aeroangkasa

Lawatan ke Jepun yang telah diadakan ini telah berjaya menarik minat syarikat Jepun untuk membuat penambahan pelaburan bernilai RM2 bilion dalam industri automotif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KEWANGAN AGAMA SELAIN ISLAM**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri kepada agama selain Islam dari 2010 hingga 2015 mengikut agama.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM25,036,990 bagi rumah ibadat selain Islam sejak tahun 2010 hingga 2015. Berikut adalah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri kepada Rumah Ibadat Selain Islam mengikut agama dari tahun 2010 hingga 2015 seperti Jadual 1.

<b>TAHUN</b>	<b>TOKONG (RM)</b>	<b>KUIL/GUDWARA (RM)</b>	<b>GEREJA (RM)</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
2010	999,500.00	2,174,000.00	302,000.00	<b>3,475,500.00</b>
2011	1,432,490.00	1,836,500.00	653,000.00	<b>3,921,990.00</b>
2012	2,240,000.00	2,870,000.00	382,500.00	<b>5,492,500.00</b>
2013	1,445,000.00	1,332,500.00	369,500.00	<b>3,147,000.00</b>
2014	1,500,000.00	1,050,000.00	450,000.00	<b>3,000,000.00</b>
2015	3,678,600.00	1,748,380.00	572,750.00	<b>5,999,730.00</b>
<b>JUMLAH</b>				<b>25,036,990.00</b>

Jadual 1: Peruntukan rumah ibadat selain Islam mengikut agama

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KEDAULATAN INSTITUSI RAJA-RAJA**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri memastikan kedaulatan institusi raja-raja terpelihara daripada sebarang bentuk penghinaan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada individu yang tidak menghormati institusi ini?

**JAWAPAN:**

- a) Institusi Diraja di Malaysia dan khususnya di Negeri Selangor merupakan suatu simbol perpaduan rakyat berbilang kaum di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Selangor yang bertuah ini. Segala kuasa Baginda Tuanku Sultan telah dimaktubkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan ia menjadi kewajipan bukan sahaja ke atas Kerajaan Negeri, malah seluruh rakyat Negeri Selangor untuk memelihara dan menghormati kedaulatan Baginda Tuanku Sultan dan Institusi Diraja Selangor secara holistik.

“Raja dan Rakyat berpisah tiada  
Ibarat isi dengan kuku  
Bagaikan aur dengan tebing  
Bak badan dengan nyawa  
Begitulah hubungan Raja dan Rakyat selamanya”

- b) Kerajaan Negeri sememangnya peka dan mengambil kira tentang apa-apa kenyataan yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap kedaulatan Institusi Diraja Selangor sama ada dalam media cetak atau media elektronik. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan berdasarkan jenis kesalahan dan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta-Akta yang lain yang memperuntukkan kesalahan bagi mereka yang sewenang-wenangnya tidak menghormati atau menghina Institusi Diraja Selangor.



Sebagai contoh, pada 20 September 2016 yang lalu, Mahkamah Seksyen Shah Alam telah menjatuhkan hukuman ke atas Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik atas komen yang bersifat jelik terhadap Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, dalam akaun Facebook miliknya tahun lepas. Ini secara langsung menunjukkan keseriusan Kerajaan Negeri dalam mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba untuk menghina atau tidak menghormati Institusi Diraja Selangor supaya sentiasa terpelihara mengikut lunas undang-undang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BHD (KPSB)**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan KPSB pada tahun 2017?
- b) Nyatakan kedudukan kewangan terkini KPSB.

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai sebuah syarikat pelaburan, strategi kami adalah untuk mengambilalih pegangan majoriti di dalam syarikat yang mempunyai prestasi kewangan yang kukuh, merupakan peneraju atau *market leader* di dalam industrinya dan mempunyai prospek untuk berkembang. Selepas pengambilalihan sesebuah syarikat, secara umumnya kami tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan harian syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, sebagai pemegang saham majoriti, Perangsang Selangor dapat mempengaruhi hala tuju syarikat tersebut pada peringkat strategik dan juga melalui wakil kami yang terlantik di kalangan individu yang berpengalaman dalam bidang berkaitan.

Pada tahun 2016, Perangsang Selangor telah mengambilalih pegangan majoriti di dalam tiga buah syarikat iaitu Smartpipe Technology Sdn Bhd, Kaisercorp Corporation Sdn Bhd dan Aqua-Flo Sdn Bhd yang masing-masingnya terlibat di dalam industri yang berlainan. Pada masa yang sama, Perangsang Selangor juga sedang dalam proses pengambilalihan Century Bond Bhd yang dijangka akan dimuktamadkan pada suku tahun keempat 2016.

Pada tahun 2017, Perangsang Selangor berhasrat untuk menumpukan usaha dalam melaksanakan dan merealisasikan *value creation plan* yang telah dirancang untuk setiap pelaburan tersebut. Pertumbuhan perniagaan syarikat-syarikat ini akan secara langsung mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Perangsang Selangor dan seterusnya meningkatkan nilai pemegang-pemegang saham, termasuk anak-anak syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan sebagainya.

Smartpipe Technology Sdn. Bhd. menawarkan penyelesaian menyeluruh untuk menangani isu *non-revenue water* di negara ini.

Kaiserkorp Corporation Sdn. Bhd. terlibat dalam bisnes perlesenan bagi jenama tilam terkemuka King Koil di 80 buah negara melalui 31 pemegang lesen yang menjanakan pendapatan royalti kepada syarikat.

Aqua-Flo Sdn. Bhd. adalah syarikat yang terlibat dalam membekalkan bahan kimia kepada industri perkhidmatan air.

Century Bond. Bhd. adalah sebuah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang mana aktiviti utamanya adalah pengeluaran beg kertas untuk pembungkusan simen.

- b) Prestasi kewangan KPSB yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tempoh berakhir 30 Jun 2016 sebelum audit adalah seperti berikut:-

<b>Peringkat Kumpulan</b>	<b>30 June 2016 RM'000</b>
<b><u>Penyata Pendapatan</u></b>	
Perolehan	175,923
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	156,882
Keuntungan selepas cukai dan zakat	153,121
<b><u>Penyata Ekuiti Pemilik</u></b>	
Modal Berbayar	499,004
Ekuiti Pemegang Saham	1,377,735
Jumlah Pinjaman	56,431
<b><u>Penyata Aliran Tunai</u></b>	
Baki bank dan tunai	55,955

*\*Dilampirkan bersama laporan kewangan prestasi syarikat sebelum diaudit bagi tempoh berakhir 30 Jun 2016 yang diumumkan di Bursa Malaysia pada 25 Ogos 2016.*



# **KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**

*(Company No. 23737-K)  
(Incorporated in Malaysia)*

**UNAUDITED CONDENSED CONSOLIDATED FINANCIAL STATEMENTS  
FOR THE QUARTER ENDED 30 JUNE 2016**

**KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**  
**Company No. 23737 K**

**A1 Unaudited Condensed Consolidated Income Statement**  
**For the quarter ended 30 June 2016**

PARTICULARS	INDIVIDUAL QUARTER		CUMULATIVE QUARTER	
	CURRENT YEAR QUARTER 30/06/2016 RM'000	PRECEDING YEAR CORRESPONDING QUARTER 30/06/2015 RM'000	CURRENT YEAR TO DATE 30/06/2016 RM'000	PRECEDING YEAR CORRESPONDING PERIOD 30/06/2015 RM'000
<b>Continuing operations</b>				
Revenue	26,907	18,094	44,479	37,056
Cost of sales	(18,722)	(13,424)	(32,173)	(27,098)
Gross profit	8,185	4,670	12,306	9,958
Other income	1,083	690	92,824	1,416
Other expenses	(9,782)	(5,045)	(18,487)	(11,713)
Operating (loss)/profit	(514)	315	86,643	(339)
Finance costs	(406)	(2,777)	(554)	(5,590)
Share of profit of associates	37,975	38,766	70,793	66,819
Profit before tax	37,055	36,304	156,882	60,890
Income tax and zakat	(1,085)	(373)	(3,328)	(903)
Profit from continuing operations	35,970	35,931	153,554	59,987
<b>Discontinued operations</b>				
Loss from discontinued operations, net of tax	-	(6,643)	(433)	(9,580)
<b>Profit for the period</b>	<b>35,970</b>	<b>29,288</b>	<b>153,121</b>	<b>50,407</b>
Profit/(loss) attributable to owners of the parent:				
- Continuing operations	34,482	36,424	151,340	58,264
- Discontinued operations	-	(7,556)	(433)	(9,128)
	34,482	28,868	150,907	49,136
- Non-controlling interests	1,488	420	2,214	1,271
	<b>35,970</b>	<b>29,288</b>	<b>153,121</b>	<b>50,407</b>
Earnings/(loss) per share ("EPS") attributable to owners of the parent:				
Basic EPS (sen)				
- Continuing operations	6.9	7.3	30.3	11.7
- Discontinued operations	-	(1.5)	(0.1)	(1.8)
Diluted EPS (sen)				
- Continuing operations	6.9	7.3	30.3	11.7
- Discontinued operations	-	(1.5)	(0.1)	(1.8)

(The Unaudited Condensed Consolidated Income Statement should be read in conjunction with the Annual Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2015 and the accompanying explanatory notes attached to the interim financial statements)

**KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**  
**Company No. 23737 K**

**A2 Unaudited Condensed Consolidated Statement of Comprehensive Income**  
**For the quarter ended 30 June 2016**

PARTICULARS	INDIVIDUAL	QUARTER	CUMULATIVE	
	CURRENT YEAR QUARTER 30/06/2016 RM'000	PRECEDING YEAR CORRESPONDING QUARTER 30/06/2015 RM'000	CURRENT YEAR TO DATE 30/06/2016 RM'000	PRECEDING YEAR CORRESPONDING PERIOD 30/06/2015 RM'000
<b>Profit for the period</b>	<b>35,970</b>	<b>29,288</b>	<b>153,121</b>	<b>50,407</b>
Other comprehensive income:				
Loss on foreign currency translation reserve	(675)	-	(675)	-
Total other comprehensive income/(loss), net of tax	(675)	-	(675)	-
<b>Total comprehensive income for the period</b>	<b>35,295</b>	<b>29,288</b>	<b>152,446</b>	<b>50,407</b>
Attributable to owners of the parent:				
- Continuing operations	34,077	36,424	150,935	58,264
- Discontinued operations	-	(7,556)	(433)	(9,128)
	34,077	28,868	150,502	49,136
- Non-controlling interests	1,218	420	1,944	1,271
	<b>35,295</b>	<b>29,288</b>	<b>152,446</b>	<b>50,407</b>

(The Unaudited Condensed Consolidated Statement of Comprehensive Income should be read in conjunction with the Annual Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2015 and the accompanying explanatory notes attached to the interim financial statements)

**KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**

Company No. 23737 K

**Unaudited Condensed Consolidated Statement of Financial Position  
As at 30 June 2016**

	30-Jun-16 RM'000	Audited 31-Dec-15 RM'000
<b>ASSETS</b>		
<b>Non-current assets</b>		
Property, plant and equipment	129,646	130,619
Investment properties	6,467	6,510
Investments in associates	1,108,683	1,037,889
Club membership	523	523
Intangible asset	3,947	-
Goodwill on consolidation	99,834	2,020
Other receivables	33,658	-
	<u>1,382,758</u>	<u>1,177,561</u>
<b>Current assets</b>		
Inventories	2,243	1,186
Receivables	71,106	47,888
Tax recoverable	13	265
Cash and bank balances	55,955	92,558
	<u>129,317</u>	<u>141,897</u>
Assets of disposal group classified as held for sale	-	42,530
	<u>1,512,075</u>	<u>1,361,988</u>
<b>TOTAL ASSETS</b>		
<b>EQUITY AND LIABILITIES</b>		
<b>Equity attributable to owners of the parent</b>		
Share capital	499,004	499,004
Share premium	39,088	39,088
Other reserves	7,595	8,000
Retained earnings	832,048	691,123
<b>Shareholders' equity</b>	<u>1,377,735</u>	<u>1,237,215</u>
<b>Non-controlling interests</b>	26,081	17,432
<b>TOTAL EQUITY</b>	<u>1,403,816</u>	<u>1,254,647</u>
<b>Non-current liabilities</b>		
Borrowings (interest bearing)	88	88
Other long term liabilities	1,609	-
Deferred tax	31	31
	<u>1,728</u>	<u>119</u>
<b>Current liabilities</b>		
Payables	47,432	76,716
Borrowings	56,343	30,042
Taxation	2,756	464
	<u>106,531</u>	<u>107,222</u>
	<u>108,259</u>	<u>107,341</u>
<b>TOTAL LIABILITIES</b>	<u>108,259</u>	<u>107,341</u>
<b>TOTAL EQUITY AND LIABILITIES</b>	<u>1,512,075</u>	<u>1,361,988</u>
Net assets per ordinary share attributable to owners of the parent (RM)	2.76	2.48

(The Unaudited Condensed Consolidated Statement of Financial Position should be read in conjunction with the Annual Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2015 and the accompanying explanatory notes attached to the interim financial statements)

**KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**  
Company No. 23737 K

**Unaudited Condensed Consolidated Statement of Changes in Equity**  
**For the period ended 30 June 2016**

	Attributable to Owners of the Parent								
	Equity attributable to owners of the parent				Non Distributable			Distributable	
	Equity, total RM'000	Share capital RM'000	Share premium RM'000	Other reserves, total RM'000	Revaluation reserve RM'000	Foreign currency translation reserve RM'000	General reserve RM'000	Retained Earnings RM'000	Non-controlling Interests RM'000
At 1 January 2016	1,254,844	499,004	39,088	8,000	-	-	8,000	691,121	17,431
Total comprehensive income	152,448	-	-	(405)	-	(405)	-	150,907	1,944
Transactions with owners:									
Dividend for the financial year ended 31 December 2015	(9,980)	-	-	-	-	-	-	(9,980)	-
Dilution of interest in a subsidiary	(4,086)	-	-	-	-	-	-	-	(4,086)
Acquisition of subsidiaries	11,200	-	-	-	-	-	-	-	11,200
Dividend of subsidiaries	(408)	-	-	-	-	-	-	-	(408)
	(3,274)	-	-	-	-	-	-	(9,980)	6,706
<b>At 30 June 2016</b>	<b>1,403,816</b>	<b>499,004</b>	<b>39,088</b>	<b>7,595</b>	<b>-</b>	<b>(405)</b>	<b>8,000</b>	<b>832,048</b>	<b>26,081</b>
At 1 January 2015	1,223,141	1,200,354	499,004	110,080	102,080	-	8,000	552,182	22,787
Total comprehensive income	50,408	49,138	-	-	-	-	-	49,138	1,270
Transactions with owners:									
Dividend for the financial year ended 31 December 2014	(9,980)	-	-	-	-	-	-	(9,980)	-
Dividend for the financial year ended 31 December 2015	(9,980)	-	-	-	-	-	-	(9,980)	-
	(19,960)	-	-	-	-	-	-	(19,960)	-
<b>At 30 June 2015</b>	<b>1,253,589</b>	<b>1,229,532</b>	<b>499,004</b>	<b>110,080</b>	<b>102,080</b>	<b>-</b>	<b>8,000</b>	<b>581,360</b>	<b>24,057</b>

(The Unaudited Condensed Consolidated Statement of Changes in Equity should be read in conjunction with the Annual Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2015 and the accompanying explanatory notes attached to the interim financial statements)



**KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD**  
**Company No. 23737 K**

**Unaudited Condensed Consolidated Statement of Cash Flows**  
**For the period ended 30 June 2016**

	6 months ended <u>30-Jun-16</u> RM'000	6 months ended <u>30-Jun-15</u> RM'000
<b>Cash Flows From Operating Activities</b>		
Profit/(loss) before tax and zakat		
- Continuing operations	156,882	60,890
- Discontinued operations	(414)	(806)
Adjustment for non-cash items	(156,987)	(39,099)
Adjustment for non-operating items	69	38,093
Operating (loss)/profit before working capital changes	(450)	59,078
(Increase)/decrease in working capital:		
Net change in current assets	(17,584)	(38,488)
Net change in current liabilities	750	(1,817)
Cash (used in)/generated from operating activities	(17,284)	18,773
Tax and zakat paid, net of refunds received	(540)	(3,176)
<b>Net cash (used in)/generated from operating activities</b>	<u>(17,824)</u>	<u>15,597</u>
<b>Cash Flows From Investing Activities</b>		
Dividends received	-	600
Interest received	267	205
Profit from Islamic short term placement	79	698
Purchase of property, plant and equipment	(302)	(1,513)
Acquisition of subsidiaries	(101,251)	-
Additional investment in subsidiaries	(3,403)	-
Proceeds from assets held for disposal	60,000	91
Net movements in money market deposits	54,125	38,771
Investment in associates	-	(5,400)
<b>Net cash generated from investing activities</b>	<u>9,515</u>	<u>33,452</u>
<b>Cash Flows From Financing Activities</b>		
Dividend paid	-	(9,980)
Interest paid	(148)	(45,872)
Proceeds from government soft loan	-	1,741
Repayment of borrowings	(30,021)	(26)
Drawdown of borrowings	56,000	-
Net movements in deposits with licensed banks	7,217	-
<b>Net cash generated/(used in) financing activities</b>	<u>33,048</u>	<u>(54,137)</u>
Net increase/(decrease) in cash and cash equivalents	24,739	(5,088)
Cash and cash equivalents at 1 January	19,657	69,809
Cash and cash equivalents at 30 June	<u>44,396</u>	<u>64,721</u>
Cash and cash equivalents included in the statement cash flows comprise:		
	As at <u>30-Jun-16</u>	As at <u>30-Jun-15</u>
Cash and bank balances	55,955	120,615
Less:		
Deposits with licensed banks with maturity period of more than 3 months	(4,872)	(4,958)
Money market deposits	(6,687)	(50,936)
	<u>44,396</u>	<u>64,721</u>

(The Unaudited Condensed Consolidated Statement of Cash Flows should be read in conjunction with the Annual Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2015 and the accompanying explanatory notes attached to the interim financial statements)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KEAGAMAAN**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbandingan peruntukan di antara agama Islam dan bukan Islam dari tahun 2011 hingga 2016.
- b) Berapakah jumlah masjid dan surau yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dari 2011 hingga 2016?
- c) Apakah program-program Kerajaan Negeri untuk menarik minat generasi muda ke masjid?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor telah menyediakan peruntukan Pembangunan berjumlah RM643,100,000.00 bagi tahun 2011 sehingga tahun 2016 bagi tujuan pembinaan/baikpulih masjid, sekolah agama, pejabat agama Islam dan surau. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan peruntukan bagi Hal Ehwal Selain Islam (HESI) berjumlah RM27,576,000.00 bagi tujuan baikpulih rumah ibadat dan pelaksanaan program keagamaan. Perincian peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JAIS</b>	<b>HESI</b>
2011	110,600,000.00	4,000,000.00
2012	106,000,000.00	5,576,000.00
2013	120,000,000.00	3,000,000.00
2014	120,000,000.00	3,000,000.00
2015	95,500,000.00	6,000,000.00
2016	91,000,000.00	6,000,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>643,100,000.00</b>	<b>27,576,000.00</b>

- b) Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mendirikan 16 buah masjid yang telah siap dibina, 15 buah masjid sedang dalam pembinaan dan sebuah surau sedang dalam pembinaan dalam tempoh enam (6) tahun bagi tempoh dari tahun 2011 sehingga 2016.

- c) Program-program Kerajaan Negeri untuk menarik minat generasi muda ke Masjid adalah:
- i. Program Karnival Kampungku Kesayanganku
  - ii. Program Karnival Mesra Masjid setiap daerah
  - iii. Program Karnival Hijrah Mesra Masjid
  - iv. Karnival Sukan Masjid Peringkat Daerah
  - v. Karnival Sukan Masjid Peringkat Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PASUKAN BOLA SEPAK SELANGOR**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan mengurus Pasukan Bola Sepak Selangor 2011-2016?
- b) Senaraikan nama penaja Pasukan Bola Sepak Selangor 2011-2016.
- c) Senaraikan nama jurulatih dan bayaran kepada mereka dari tahun 2011-2016.

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah perbelanjaan mengurus Pasukan Bolasepak Selangor dari tahun 2011-2016 :-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
2011	8,601,925.00
2012	12,636,637.00
2013	15,030,460.00
2014	18,825,637.00
2015	26,132,777.00
2016	15,744,134.00

- b) Berikut adalah senarai nama penaja Pasukan Bolasepak Selangor dari 2011-2016

<b>Tahun</b>	<b>Penaja</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
2011	Menteri Besar Incorporated (MBI)	6.5 juta
2012	Menteri Besar Incorporated (MBI)	8.5 juta
2013	Menteri Besar Incorporated (MBI)	8.5 juta
2014	Menteri Besar Incorporated (MBI)	10.5 juta
2015	Perbendaharaan Negeri Selangor	21.1 juta
	Menteri Besar Incorporated (MBI)	

2016	Perbendaharaan Negeri Selangor	13.87 juta
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	
	Permodalan Negeri Selangor Berhad	
	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	

- c) Berikut adalah senarai nama jurulatih dan bayaran kepada mereka dari tahun 2011-2016.

Tahun	Nama Jurulatih	Jumlah Bayaran
2011	Encik K. Devan	RM 15,000 sebulan
2012	Encik Irfan Bakti	RM 23,700 sebulan
2013	Encik Irfan Bakti	RM 23,700 sebulan
2014	Encik Mehmed Durakovic	RM 60,000 sebulan
2015	Encik Mehmed Durakovic	RM 60,000 sebulan
2016	Encik Zainal Abidin Hassan	RM 70,000 sebulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : HAL EHWAL TANAH**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak tahun 2013, berapakah keluasan pelupusan tanah telah dibuat di Pejabat Daerah Kuala Langat? Sila berikan maklumat terperinci
- b) Sejak 2013, berapakah keluasan tanah telah diberikan untuk pemilikan sementara (TOL)? Sila berikan maklumat terperinci.

**JAWAPAN:**

- a) Keluasan tanah yang telah dilupuskan di Daerah Kuala Langat sejak tahun 2013 hingga kini adalah seperti di Lampiran A.
- b) Keluasan tanah yang telah dilupuskan secara Lesen Pendudukan Sementara sejak tahun 2013 adalah seperti di Lampiran B.

**LAMPIRAN A****KELUASAN TANAH DAN JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN  
PEMBERIMILIKAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KTN SEJAK TAHUN 2013 SEHINGGA SEPTEMBER 2016**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN</b>	<b>PERTANIAN</b>	<b>KEDIAMAN</b>	<b>PERNIAGAAN</b>	<b>TAPAK SEKOLAH</b>	<b>KLINIK</b>	<b>KELUASAN TANAH (EKAR)</b>
2013	2	-	-	-	2	-	5.07
2014	72	1	71	-	-	-	485.25
2015	2	1	-	-	-	1	7.23
2016 (sehingga sept.16)	56	1	39	11	4	1	62.82
<b>JUMLAH</b>	<b>132</b>	<b>3</b>	<b>110</b>	<b>11</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>560.37</b>

**LAMPIRAN B****KELUASAN TANAH DAN JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN  
LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) SEJAK TAHUN 2013 HINGGA 2016**

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN	PERTANIAN	BANGUNAN KEDIAMAN	JETI	BILLBOARD	LAIN	KELUASAN TANAH (EKAR)
2013	115	-	80	3	30	2	22.24
2014	-	-	-	-	-	-	-
2015	1	-	-	-	-	1	2.14
2016 (sehingga Sept.2016)	17	10	4	-	-	3	12.23
JUMLAH	133	10	84	3	30	6	36.61

Nota untuk lain-lain :

- 1 Tapak Rumah Pam : Syrkt. Hartalega - 2013
- 2 Laluan Paip Air Berkembar dan Kabel TNB : Syrkt. Hartalega- 2013
- 3 Tapak 'Stock pile' - 2015
- 4 Tapak Cucigali Sungai - 2016
- 5 Tapak Rumah Pam : Syrkt GS Paper - 2016
- 6 Saluran Paip Air : Syrkt. GS Paper -2016



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU DAERAH SABAK BERNAM**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa luas Tanah Rizab Melayu yang ditukar status kepada kaum lain?
- b) Nyatakan lot-lot Tanah Rizab Melayu yang ditukar status dan nyatakan gantinya.
- c) Nyatakan lot-lot Tanah Rizab Melayu yang tidak diganti setelah ditukar status.

**JAWAPAN:**

- a) Bagi daerah Sabak Bernam, selepas merdeka keluasan Tanah Rizab Melayu yang ditukar status kepada kaum lain adalah sebanyak 193.151 ekar.
- b) Berdasarkan rekod pada Pejabat Tanah Sabak Bernam, berikut adalah lot-lot Tanah Rizab Melayu (TRM) yang telah ditukar status (iaitu berlaku selepas merdeka) serta butir-butir tanah gantinya:-

Bil	Nama TRM	Mukim	Jenis Transaksi	No. Warta	Lot Terlibat
1.	Raja Hitam Tambahan	Sabak	Batal Sebahagian	631-1990	5291, 783, 782, 5615, 5616, 780
2.	Sungai Lang	Sabak & Bagan Nakhoda Omar	Batal Sebahagian	925-1990	3118, 1296, 1297, 1298, 1299, 2845
3.	Bedena	Panchang Bedena	Batal Sebahagian	516-1960	5206, 5207
			Batal Sebahagian	597-1967	9967
			Batal Sebahagian	938-1981	10881
			Batal Sebahagian	630-1990	12616, 824, 26495
			Batal Sebahagian	884-2004	716
			Batal Sebahagian	746-2005	Lot tidak dapat dikenal pasti , masih dalam tindakan semakan dengan pihak JUPEM

Bil	Nama TRM	Mukim	Jenis Transaksi	No. Warta	Lot Terlibat
4.	Tanjong Karang	Panchang Bedena & Pasir Panjang	Batal Sebahagian	1933-2015	1584, 1587, sebahagian 1588
5.	Sabak	Sabak	Penggantian	746-2005	Lot tidak dapat dikenal pasti , masih dalam tindakan semakan dengan pihak JUPEM
6.	Sungai Lang Tambahan	Sabak	Penggantian	1009-2002	5034, sebahagian 5035, 5031, 5030, 5028, 5025, 5024, 5023, 5022
7.	Bedena	Panchang Bedena	Penggantian	939-1981	153
8.	Air Manis	Panchang Bedena	Penggantian	629-1990	13573, sebahagian 13575
9.	Sungai Besar	Panchang Bedena	Penggantian	986-1990	11572, 11573, 11574, 11575, 11576, 11577, 11578, 11579, 11580, 11581, 11582, 11583, 11584, 11598, 11599, 11600, 11601, 11602, 11603, 11604, 11605, 11606, 11607, 11608, 11609
10.	Panchang Bedena	Panchang Bedena	Penggantian	884-2004	563
11.	Sungai Tenggar Utara	Sabak	Penggantian	1932-2015	Tiada no lot

c) Berikut adalah lot-lot Tanah Rizab Melayu (TRM) yang belum diganti setelah ditukar status iaitu:-

Bil	Nama TRM	Mukim	Jenis Transaksi	No. Warta	Lot Terlibat
1.	Bedena	Panchang Bedena	Batal Sebahagian	516-1960	5206, 5207
			Batal Sebahagian	597-1967	9967

Keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang belum diganti adalah sebanyak 5.76 ekar sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : JABATAN KERJA RAYA SELANGOR (JKR)**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah jalan utama Kampung Sungai Tengar yang sempit tidak dibesarkan?
- b) Berapa banyakkah kemalangan yang dilaporkan di jalan utama tersebut?
- c) Bilakah jalan ini akan diperbesarkan atau dilebarkan?

**JAWAPAN:**

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Negeri B46. Projek tersebut dimasukkan di bawah RMKe-11 namun peruntukan yang di luluskan hanya mencukupi untuk kerja-kerja awalan sahaja. (contoh: kerja ukur)
- b) Berdasarkan kepada data kemalangan bagi tahun 2016 bermula bulan Januari, terdapat 1 kemalangan yang dilaporkan iaitu pada bulan September.
- c) Projek menaiktaraf jalan ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PAYA INDAH WETLANDS**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perancangan membentangkan satu kertas putih tentang status terkini merangkumi semua aspek berkaitan tanah dan rancangan pembangunan di Paya Indah Wetlands dan kawasan sekitar berdekatan termasuk yang dimiliki secara persendirian.

**JAWAPAN:**

- a) **KRONOLOGI PROSES PENGUBAHAN ZON GUNATANAH MERUJUK KEPADA PAYA INDAH WETLANDS DAN TANAH PERSENDIRIAN LOT 60854.**

- 1.1 Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 telah disediakan bersama pihak MDKL dan juga JPBD **bermula pada 23.4.2007** selaras dengan keperluan Seksyen 12 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172). Berdasarkan kepada Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 yang disediakan merujuk kepada lot 60854 adalah dizonkan sebagai gunatanah pertanian.
- 1.2 Setelah mendapat kelulusan untuk mengadakan program publisiti daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bilangan 3/2009 bertarikh 16.6.2009. Pihak MDKL telah mengadakan **program Publisiti Dan Penyertaan Awam bermula pada 3.11.2009 sehingga 31.1.2010** untuk mematuhi Seksyen 13 Akta 172.
- 1.3 Pada masa program ini dijalankan pihak MDKL **telah menerima borang bantahan daripada Syarikat PPNS-Salak Park JV Sdn. Bhd. pemilik lot 68054** untuk menukar zon gunatanah daripada pertanian kepada perumahan dan perniagaan. Pihak MDKL telah merekodkan borang bantahan dengan **Borang Nombor 27**.
- 1.4 **Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam merujuk kepada Seksyen 14 Akta 172 yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar Bin Abdul Samad telah diadakan pada 6.12.2010 dan 13.12.2010** di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning MDKL. Mesyuarat tersebut **telah bersetuju** dengan cadangan oleh Syarikat PPNS-Salak Park JV Sdn. Bhd (Borang 27) untuk mengubah zon gunatanah daripada

**pertanian kepada perumahan.** Keputusan ini diambil kerana **telah terdapat kelulusan tukar syarat tanah di atas tapak tersebut daripada pertanian kepada pembangunan bercampur** merujuk kepada surat daripada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat seperti **surat berujukan: Bil (34) dlm. PTK.LGT.1/13/995 bertarikh 29.10.2004.**

- 1.5 **Keputusan** Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam tersebut telah **dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor bil.1/2011 bertarikh 8.2.2011** untuk mendapatkan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri berhubung keputusan yang telah diambil selaras dengan keperluan Subseksyen 15(1) Akta 172.
- 1.6 Dalam mesyuarat tersebut permohonan daripada Syarikat PPNS-Salak Park JV Sdn. Bhd (Borang 27) untuk menukar zon pertanian kepada perumahan **telah ditolak dan perlu dikekalkan sebagai zon pertanian** kerana pihak syarikat didapati masih **tidak menjelaskan bayaran premium** seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat seperti **surat berujukan: Bil (34) dlm. PTK.LGT.1/13/995 bertarikh 29.10.2004.**
- 1.7 Mesyuarat Pindaan Laporan Dan Pelan Gunatanah telah diadakan sebanyak 5 kali untuk menyediakan laporan dan pelan zon gunatanah akhir sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) selaras dengan Subseksyen 15 (1C) Akta 172 dan laporan serta pelan zon gunatanah tersebut telah mendapat **persetujuan dalam MMKN bertarikh 12.4.2011.**
- 1.8 Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 telah **diwartakan pada 26.5.2011 dengan No. Warta 1520.**Merujuk kepada pelan gunatanah bagi lot 60854 adalah dizonkan sebagai gunatanah pertanian.
- 1.9 Setelah Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 diwartakan pihak MDKL juga telah membuat perubahan Rancangan Tempatan sebanyak 2 kali seperti berikut:
  - i. Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 1) 2020
    - a. Melibatkan pindaan sebahagian zoning gunatanah bagi blok perancangan kecil BPK: 2.10 Sijangkang dan Kampung Medan.
    - b. Telah diluluskan oleh MMKN Selangor Darul Ehsan kali ke 7/2013 pada 20.2.2013
    - c. Telah diwartakan pada 23.5.2013 dengan No. Warta 1914

- ii. Rancangan Tempatan Kuala Langat Langat (Pengubahan 2) 2020
  - a. Melibatkan pindaan sebahagian zoning gunatanah bagi blok perancangan kecil BPK: 1.10 Kg. Sg Lang Baru, Sebahagian Kg. Sg. Lang Tengah dan Sg. Kelambu serta Ladang .Brooklands dan BPK: 1.13 Kawasan Pinggiran KLIA, RTB Bukit Changgang dan Bandar Seri Ehsan.
  - b. Telah diluluskan oleh MMKN Selangor Darul Ehsan kali ke 1/2014 pada 8.1.2014
  - c. Telah diwartakan pada 5.6.2014 dengan No. Warta 2253
  
- 1.10 Pada 5.10.2012 pihak MDKL telah menerima permohonan daripada Syarikat Salak Land Development Sdn. Bhd. untuk menukar zon gunatanah daripada zon pertanian kepada zon pembangunan. Pihak MDKL telah memasukkan permohonan tersebut dalam senarai permohonan bagi cadangan pengubahan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 yang akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor untuk mendapatkan kelulusan.
  
- 1.11 Pada masa yang sama juga **pihak Syarikat Syarikat Salak Land Development Sdn. Bhd. juga telah mengemukakan permohonan tukar syarat semula kepada Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Langat dan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 8/2014 bertarikh 26.2.2014 telah menolak** permohonan daripada Salak Land Development Sdn. Bhd. untuk mengubah jenis kegunaan serta meminda syarat nyata tanah di bawah Seksyen 124(1)(a) dan(c) Kanun Tanah Negara seluas 619 hektar (1,529.58 ekar) ke atas hakmilik PN 98056 Lot 68054 Mukim Tanjung Duabelas Daerah Kuala Langat daripada pertanian kepada bangunan kediaman **selaras dengan ulasan MDKL dan JPBD kerana berdasarkan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 tapak tersebut terletak dalam Blok Perancangan Kecil (BPK) 1.15 : Paya Indah Wetland Dan Hutan Simpan Kuala Langat Utara di mana zon gunatanah adalah untuk kegunaan pertanian . Kelas kegunaan tanah yang dibenarkan adalah untuk pertanian komoditi utama, pertanian komersil, Homestead, bangunan untuk asas tani dan inap desa. Walau bagaimanapun, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) diminta untuk “mengkaji semula” Pengubahan Guna Tanah Rancangan Tempatan tersebut untuk tempoh 20 tahun akan datang;**
  
- 1.12 Pihak MDKL telah menerima sebanyak **148 permohonan yang melibatkan 210 lot** bagi menukar zon guna tanah termasuk permohonan daripada Syarikat Salak Land Development Sdn. Bhd. Bagi lot 68054. Kertas **cadangan bagi pengubahan Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 3) 2020 yang telah dibentangkan dalam**

**Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil. 2/2014 bertarikh 25.3.2014.**

- 1.13 Bagi cadangan **penukaran zon gunatanah** daripada pertanian kepada pembangunan oleh Syarikat Salak Land Development Sdn. Bhd. Pihak **MDKL berpendapat cadangan tersebut boleh dipertimbangkan** untuk ditukar kepada zon perumahan di atas sebab berikut:

**i. Kelulusan Tukar Syarat Tanah**

Telah mendapat kelulusan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada pembangunan bercampur daripada Pihak Berkuasa Negeri pada 3.7.1996 dan kelulusan terbatal kerana premium tambahan tidak dijelaskan. Kelulusan semula untuk tukar syarat tanah pada 30.10.2004 dan kelulusan ini juga terbatal kerana bayaran premium secara ansuran tidak diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.

**ii. Permohonan tukar zon gunatanah**

Permohonan telah dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam semasa penyediaan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 untuk ditukar kepada zon perumahan dan telah ditolak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor disebabkan tidak menjelaskan bayaran premium.

**iii. Ulasan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)**

Pihak MDKL telah mendapatkan surat ulasan berujukan JPHL&TN(IP):90-4/20 Jld.6 (77) bertarikh 17.5.2013 daripada Jabatan Perhilitan berhubung cadangan pembangunan perumahan di sekitar Paya Indah Wetland. Pembangunan yang hendaklah dijalankan perlu mengambilkira perkara berikut:

- a. Mewujudkan zon penampungan sekurang-kurangnya 100 meter dari sempadan Paya Indah Wetland
- b. Menyediakan sistem kumbahan yang sistematik
- c. Menyediakan system perparitan yang baik dan tidak disalurkan ke dalam kawasan Paya Indah Wetland
- d. Pengurusan sisa pepejal diuruskan dengan baik

- e. Memasang pagar sempadan di luar zon penampungan untuk mengelakkan pencerobohan.

iv. **Kebakaran Terbuka**

Merujuk kepada Laporan Bantuan Bencana Kebakaran Terbuka Daerah Kuala Langat Tahun 2013 telah berlakunya 5 kali kebakaran di kawasan berhampiran tapak tersebut iaitu pada tarikh dan lokasi seperti berikut:

- a. 12 hingga 20 .2.2013 iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (Pulau Kempas)
- b. 15 hingga 19 .6.2013 iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Utara di KM 20.4.
- c. 12 hingga 24 .8.2013 iaitu di Pulau Kempas
- d. 12.8.2013 hingga 3.9.2013 iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Utara
- e. 15.10.2013 iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (Pulau Kempas)

Jumlah kos yang telah dikeluarkan untuk mengendalikan dan pemadaman kebakaran adalah sebanyak RM 183,350.00

Pada tahun 2014 telah berlakunya 2 kali kebakaran di kawasan tapak tersebut melibatkan keluasan 140 ekar. Sehubungan dengan itu pemantauan perlu selalu dilakukan di kawasan ini.

v. **Potensi pembangunan di Sekitar Paya Indah Wetland**

Terdapat pembangunan sediaada di sekitar Paya Indah Wetland iaitu Taman Arked, Lebuhraya ELITE , Putrajaya dan Cyberjaya.

- 1.14 Permohonan **Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 3) 2020** telah dibentangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.2/2014 bertarih 5 Mei 2014 dan mesyuarat telah bersetuju** dengan cadangan pengubahan sebahagian RTKL 2020 mengikut peruntukan subseksyen 16(1), Akta 172 dan seterusnya Majlis Daerah Kuala Langat perlu mematuhi keperluan Subseksyen 12, 12(8) dan (9) serta Seksyen 13, 14 dan 15 berhubung dengan pengubahan tersebut.
- 1.15 Selaras dengan peruntukkan Subseksyen 12A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), **Program Publisiti Awal Draf Rancangan**



**Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 3) 2020 telah diadakan pada 15.5.2014 hingga 21.5.2014 dan pihak MDKL tiada menerima sebarang bantahan berhubung zon gunatanah perumahan yang dicadangkan tapak tersebut.**

- 1.16 **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor bersidang pada 10.11.2014, telah memperakukan dan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam DRTKL (Pengubahan 3) 2020 dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal DRTKL (Pengubahan 3) 2020 dan bersetuju untuk Jawatankuasa mengemukakan DRTKL (Pengubahan 3) 2020 kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk persetujuan pewartaan.**
- 1.17 Pihak Berkuasa Negeri melalui **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 2/2014** bertarikh **14.1.2015** telah **bersetuju** dengan Cadangan Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 3) 2020 - Pindaan Sebahagian Zoning Gunatanah Dalam Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 melalui kertas ringkasan **MMK. No. 36/2/2015** yang telah **disahkan** oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 3/2014** bertarikh **24.1.2015**.
- 1.18 Permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada bangunan kediaman telah diluluskan dalam **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 7/2015** bertarikh **17.1.2015** dengan syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh **Jawatankuasa Sensitif Alam** sekitar.
- 1.19 **Rancangan Tempatan Kuala Langat (Pengubahan 3) 2020** telah diwartakan pada **30.4.2015** dengan **No. Warta 1462**. Merujuk kepada pelan gunatanah bagi lot 60854 adalah dizonkan sebagai gunatanah perumahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KEPUTUSAN KES RAYUAN TANAH LBCN DEVELOPMENT SDN BHD  
DAN MUJUR ZAMAN SDN BHD**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan keputusan "*consent judgment*" dalam kes rayuan di Mahkamah Persekutuan oleh LBCN Development Sdn. Bhd. dan Mujur Zaman Sdn. Bhd. terhadap tindakan Kerajaan Negeri merampas tanah mereka kerana gagal membayar hutang premium sedangkan keputusan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah memihak kepada Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Keputusan "*consent judgment*" yang direkodkan di antara Kerajaan Negeri dengan LBCN dan Mujur Zaman di peringkat Mahkamah Persekutuan adalah langkah terakhir yang diambil dengan persetujuan semua pihak iaitu MBI, LPHS, peneroka-peneroka dan pihak syarikat iaitu LBCN dan Mujur Zaman yang melibatkan 3 kawasan yang dikenali sebagai Alam Perdana, Alam Mutiara dan Alam Utama. "*Consent judgment*" ini dibuat bagi menyelesaikan pelbagai tindakan dan prosiding di pelbagai peringkat Mahkamah iaitu di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang melibatkan isu-isu pengambilan tanah termasuk pampasan bagi pengambilan tanah dan salah laku dalam perjawatan awam (*misfeasance in public office*) yang telah berlanjutan sejak tahun 2011. Demi memastikan kesemua pihak dapat pembangunan bagi ketiga-tiga kawasan terbabit dan atas desakan dan persetujuan peneroka untuk menjamin kepentingan mereka dipelihara maka kesemua pihak telah bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian di mahkamah melalui "*consent judgment*".

Bagi maklumat bahawa keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan memihak kepada Kerajaan Negeri bagi kes rampasan tanah kerana kegagalan membayar premium adalah tidak tepat. Sebenarnya kes tindakan mahkamah bagi rampasan tanah adalah tidak memihak kerajaan Negeri disebabkan kegagalan pihak Pentadbir Tanah mematuhi keperluan memberi notis di bawah seksyen 128 Kanun Tanah Negara dan terdapat kecacatan berkaitan notis rampasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : SKIM CERIA**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua projek Skim Ceria yang telah dilaksanakan di DUN Kinrara mengikut nama pangsapuri, jumlah kos serta jenis pemuliharaan sejak tahun 2013.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai pangsapuri-pangsapuri di DUN Kinrara yang telah menerima Skim CERIA serta jenis kerja baik pulih sejak tahun 2013 adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PEMAJU	NAMA PBT	PERIHAL KERJA BAIKPULIH		STATUS KEMAJUAN KERJA	KOS SEBENAR/HARGA KONTRAK (RM)
1	Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16, Subang Jaya	MPSJ	Membina tempat letak kenderaan	-	100 % Tahun : 2013	317,998.86
2	Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16, Subang Jaya	MPSJ	Lif	8 Unit	100 % Tahun : 2015	1,014,928.80
3	Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Mawar Puchong Blok D&E	MPSJ	Mengecat	2 Blok	100 % Tahun : 2016	167,003.30
4	Kinrara Court Apartment, Taman Kinrara	MPSJ	Bumbung	-	Perolehan Tahun : 2016	645,000.00
<b>JUMLAH</b>						<b>2,144,930.90</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAK BERNAM (JPS)**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukkan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk projek menambak ban sungai dan benting laut?
- b) Apakah tindakan JPS terhadap ban sungai dan benting laut yang rebak dan berapakah kos nya?
- c) Berapakah peruntukkan tahun 2016 yang telah dibelanjakan dan bilakah perlaksanaannya?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk Projek Menambak Ban Sungai dan Benteng Laut adalah seperti berikut:
  - i. RM1,700,000.00 dari peruntukan Negeri Selangor bagi kerja-kerja kecemasan untuk Fenomena Air Pasang Besar di bawah peruntukan negeri
  - ii. RM800,000.00 dari peruntukan Persekutuan digunakan untuk menaiktaraf benteng pantai.
  - iii. RM120,000.00 dari peruntukan Mengurus negeri untuk menyelenggara benteng-benteng pantai
- b) Bagi pelan Jangka Panjang, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS) telah mengeluarkan tender di Pantai Blok 1, Blok 2 dan Coastal Belt.

Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Blok 1, Blok 2 dan Coastal Belt Daerah Sabak bernaam – Fasa 1 – (Kos Siling RMK 11 RM3.5 juta)

- i. Kos Siling : RM 3,500,000.00 untuk RMK 11
- ii. Tarikh Tutup Iklan : 30 September 2016
- iii. Tarikh Mula Projek : November 2016
- iv. Kos Sebenar : RM 14,000,000.00 untuk 5km benteng pantai Sg. Lang dan benteng Sg. Apong

- v. Skop Projek :
  - i. Benteng Pantai akan ditinggikan
  - ii. Menahan hakisan ombak dengan membina rock revetment
- vi. Rekabentuk dibuat oleh perunding

Rancangan Tebatan Banjir Sabak Bernam – (Kos Siling RMK 11 RM12 juta)

Sedang dalam peringkat kajian perunding dan dijangka siap pada akhir tahun

- c) Peruntukan 2016 keseluruhan bagi Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Sabak Bernam adalah RM6,270,000.00

#### **Peruntukan Mengurus**

Tanggungjawab : RM321,590.00

Perbelanjaan : RM4,345,271.65

#### **Peruntukan Pembangunan**

Peruntukan Pembangunan Negeri : RM2,280,554.00

Peruntukan Pembangunan Persekutuan : RM2,321,983.60

Peruntukan ini digunakan di antara Januari 2016 hingga Oktober 2016

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lokasi bagi semua tapak menara telekomunikasi oleh syarikat Stealth Solution Sdn. Bhd. di kawasan MPSJ.
- b) Senaraikan secara terperinci kronologi pemberian Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada syarikat tersebut.
- c) Nyatakan tempoh LPS terhadap syarikat tersebut serta jumlah bayaran yang dibayar oleh syarikat tersebut kepada Kerajaan Negeri dan MPSJ.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai tapak menara telekomunikasi Stealth Solutions Sdn. Bhd. di kawasan MPSJ adalah seperti berikut :

<b>KINRARA</b>	
1.	Jalan Tpp 5/8, Taman Perindustrian Puchong, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
2.	Jalan Kinrara 2, Bandar Kinrara, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
3.	Jalan Bk 3/2, Bandar Kinrara, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
<b>PUCHONG</b>	
1.	Persiaran Puteri, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

<b>PUTRA PERMAI</b>	
1.	Jalan Lp 7/5, Taman Lestari Perdana, Bandar Putra Permai
2.	Persiaran Lestari Perdana, Bandar Putra Permai
3.	Persiaran Puncak Jalil, Bandar Putra Permai
<b>SUBANG JAYA</b>	
1.	Persiaran Subang Damai, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
2.	Persiaran Setia, USJ 12, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
3.	Jalan USJ 13/2, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
4.	Jalan Usaha, USJ 17, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
5.	USJ 20/7, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
6.	Jalan SS 18/6, SS 18, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
7.	Persiaran Subang Damai, USJ 21, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
8.	Persiaran Setia, USJ 3a, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
9.	Jalan Putra Permai, Putra Heights, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
10.	Persiaran Harmoni, USJ 27, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.
11.	Persiaran Putra Megah, Putra Heights, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

- b) Rujuk kronologi di Lampiran A
- c) Tempoh Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan menara telekomunikasi oleh Stealth Solutions Sdn. Bhd. yang telah diluluskan adalah 1+3 tahun pembaharuan bermula pada tahun 2016 hingga dan berakhir pada 31 Disember 2019. Jumlah bayaran LPS yang dikenakan adalah berdasarkan nilai sewaan oleh JPPH berjumlah RM960.00 manakala jumlah wang cagaran adalah RM1,920.00 untuk satu tapak.

Pihak Stealth Solutions Sdn. Bhd. telah membuat bayaran LPS dan wang cagaran untuk kesemua 18 tapak dengan jumlah bayaran keseluruhan LPS adalah sebanyak RM17,280.00 manakala jumlah wang cagaran adalah sebanyak RM34,560.00.



## KRONOLOGI

**PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) DI ATAS TANAH  
KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 65 KANUN TANAH NEGARA UNTUK TUJUAN  
PENDIRIAN MENARA ESTETIK DWI FUNGSI (MENARA TELEKOMUNIKASI) DAN  
LAMPU LIMPAN OLEH STEALTH SOLUTIONS SDN. BHD.**

TARIKH	CATATAN
27 Mei 2014	Menerima permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sebanyak 18 tapak secara rasmi dari Stealth Solution Sdn. Bhd.
22 Disember 2014	PTDP mengeluarkan surat untuk mendapatkan ulasan dari jabatan-jabatan teknikal berkaitan.
12 Januari 2015	Menerima ulasan teknikal daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa -Tiada halangan tertakluk kepada syarat-syarat
13 Januari 2015	Menerima ulasan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya -Tiada halangan dengan syarat hendaklah patuh kepada syarat PBT.
28 Feb 2015	Menerima ulasan daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya - Perlu dapatkan TOL dan kemukakan Kebenaran Merancang serta mematuhi syarat-syarat lain.
30 April 2015	Terima ulasan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia - Tiada Halangan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat
13 Januari 2016	MMKN 2/2016 yang telah diadakan pada 13 Januari 2016 telah menimbang dan meluluskan permohonan LPS di bawah Seksyen 65 KTN bagi keseluruhan 18 tapak bagi tujuan mendirikan Menara Estetik Dwifungsi (Menara Telekomunikasi) dan lampu limpah kepada Tetuan Stealth Solution
6 April 2016	Surat kelulusan LPS dikeluarkan setelah mendapat nilai sewaan oleh JPPH dengan nilai RM 960 setahun untuk 1 tapak dan sekali ganda wang cagaran
6 Mei 2016	Pihak Stealth Solutions Sdn. Bhd. membuat bayaran keseluruhan berjumlah RM17,280.00 bagi bayaran LPS dan RM34,560.00 bagi wang cagaran untuk 18 tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : HASIL PREMIUM DARIPADA PEMBANGUNAN TANAH RRI, SUNGAI  
BULOH**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hasil premium dan bayaran lain, jika ada, yang diterima Kerajaan Negeri daripada anak syarikat KWSP iaitu Kwasa Land Sdn. Bhd. yang sedang giat membangunkan 93.2 hektar (2,330 ekar) tanah Institut Penyelidikan Getah (RRI) di Sungai Buloh.

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan permohonan pembangunan tanah Kwasa Land Sdn. Bhd. seluas 496.35 ekar di dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam melalui permohonan Penyerahan Balik Tanah dan Pemberimilikan Semula di bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara dengan dikenakan bayaran melalui Borang 5A bertarikh 30 Disember 2015 seperti berikut:

i. Cukai Tahun Pertama	: RM	2,210,194.00
ii. Premium	: RM	487,639,635.00
iii. Penyediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal	: RM	2,300.00
iv. Penyediaan Pelan bagi Hakmilik Kekal	: RM	230.00
v. Notis	: RM	20.00
<b>JUMLAH</b>	<b>: RM</b>	<b>489,852,379.00</b>

Bayaran-bayaran tersebut telah dijelaskan oleh Kwasa Land Sdn. Bhd. pada 30 Mac 2016. Baki keluasan tanah Kwasa Land Sdn. Bhd. sebanyak lebih kurang 1,794.86 ekar di dalam kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya masih belum dibangunkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : STATISTIK PELAJAR UNISEL**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah kemasukan pelajar baru ke UNISEL dari tahun 2010-2015.
- b) Nyatakan statistik jumlah keseluruhan pelajar UNISEL dari tahun 2010-2015.

**JAWAPAN:**

- a) Statistik kemasukan pelajar baru : tahun 2010 – 2015

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PELAJAR BARU</b>
2010	3,788
2011	5,067
2012	3,530
2013	4,413
2014	4,040
2015	4,020

- b) Statistik jumlah keseluruhan pelajar UNISEL dari 2010-2015

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR</b>
2010	15,180
2011	12,869
2012	12,079
2013	13,721
2014	13,469
2015	13,266

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : LEBUHRAYA SKIP DAN PJD LINK**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang Lebuhraya SKIP?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah menerima permohonan PJD Link?
- c) Nyatakan jajaran PJD Link yang dicadangkan.

**JAWAPAN:**

- a) Lebuhraya Serdang-Kinrara Putrajaya (SKIP) telah ditolak permohonan penggunaan tanah milik Kerajaan Negeri sejak 2013 dan status tersebut masih kekal sehingga ke hari ini.
- b) Pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ada menghubungi pihak Kerajaan Negeri Selangor berkaitan PJD Link namun Kerajaan Negeri masih belum meneliti kewajaran perkara tersebut.
- c) Rekod menunjukkan bahawa jajaran PJD Link yang dicadangkan adalah bermula di Tol Damansara (Lebuhraya NKVE) dan berakhir di Bandar Kinrara, Puchong. Laluan jajaran adalah seperti berikut:

Tol Damansara (NKVE) - Seksyen 17 (PJ) - SS2 - Seksyen 14 - Taman Dato' Harun - Taman Medan Baru - Bandar Kinrara 2 - Bandar Kinrara 3 pergi balik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk pendidikan anak pekerja ladang pada tahun 2016.
- b) Senaraikan bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan di bawah Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1 juta bagi tahun 2016. Peruntukan tersebut adalah dikhususkan untuk melaksanakan program-program di bawah Portfolio. Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM960,262.00 sehingga Oktober 2016 merangkumi kesemua program melibatkan pendidikan anak-anak pekerja ladang. Baki peruntukan sebanyak RM39,738.00 telah ditambah berdasarkan penyaluran dari Peruntukan Pembangunan Program Kerajaan Prihatin dan Pembangunan Pekerja Ladang sebanyak RM102,000.00 yang menjadikan baki terkini berjumlah RM141,738.00. Baki tersebut akan digunapakai dalam masa terdekat memandangkan terdapat beberapa lagi program yang telah mendapat kelulusan akan dilaksanakan sehingga hujung tahun ini.
- b) Portfolio Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini terbuka kepada seluruh anak-anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Program-program yang dianjurkan adalah khusus untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dalam meringankan bebanan yang ditanggung dalam kehidupan seharian.

Antara program-program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun khusus bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

**i. Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bus Sekolah**

Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga.

- ii. **Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**  
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak-anak kepada ibu bapa.
  
- iii. **Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**  
Penyampaian anugerah adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak-anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang.
  
- iv. **Program – program Motivasi UPSR untuk anak pekerja ladang**  
Program ini dianjurkan adalah sebagai satu langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak di Negeri Selangor khususnya anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna. Program berbentuk seminar ini dilaksanakan khusus untuk membantu anak pekerja ladang yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan teknik menjawab peperiksaan.

Di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan bantuan-bantuan sedia ada yang dilaksanakan dan akan menambahbaik program-program tersebut dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN DUN**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senarai peruntukan Kerajaan Negeri kepada setiap ADUN dan Penyelaras DUN bagi 2015 dan 2016 serta perincian perbelanjaan dan aktiviti yang telah dibuat dalam setiap DUN.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : GELANGGANG SUKAN DAN REKREASI UNTUK OKU**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan gelanggang sukan dan kemudahan rekreasi khas untuk OKU di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan untuk menyediakan kemudahan kepada OKU pada tahun 2016.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mengamalkan konsep gunapakai bersama kerana kebanyakan sukan OKU tidak memerlukan sebuah venue yang berlainan dari aspek spesifikasi teknikal. Contohnya seperti gelanggang tenis, lapangan memanah, balapan olahraga dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, ianya hanya perlu diselaraskan penggunaannya.
- b) Memandangkan ianya menggunakan bersama dengan kemudahan yang sedia ada, tiada peruntukan yang disediakan untuk tahun 2016 ini.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN SELANGOR**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai salah satu hub sukan negara?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai kilang atlet negara?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah merangka dan menjalankan program sukan berprestasi tinggi bukan sahaja berjaya melahirkan ramai atlet-atlet yang cemerlang di SUKMA malah mereka juga cemerlang mewakili negara di peringkat antarabangsa. Dengan mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang sejak SUKMA diwujudkan, Negeri Selangor telah menjadi sebuah negeri yang mempunyai kuasa besar dalam bidang sukan bermula pada era 90-an lagi. Negeri Selangor menjadi contoh dan rujukan dari negeri-negeri lain dalam pembangunan sukan.

Antara langkah-langkah Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai salah satu hub sukan negara adalah dengan mempraktikkan konsep 2i iaitu *incorporate* dan *intergrate* dengan semua agensi dan jabatan yang menjalankan program pembangunan sukan secara langsung dan tidak langsung di Negeri Selangor ini.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan juga bukan hanya memberi tumpuan membangunkan sukan di Selangor dalam aspek prestasi tinggi sahaja, malah sukan untuk komuniti juga sedang rancak dijalankan dan antara produk utamanya adalah Sukan Selangor Plus. Selain daripada itu juga, langkah-langkah lain untuk menjadikan Selangor sebagai salah satu hub sukan negara dengan menjadi tuan rumah kepada kejohanan-kejohanan sukan di peringkat antarabangsa. Negeri Selangor berpotensi menjadi tuan rumah kerana Negeri Selangor mempunyai kemudahan dan strategik dengan kedudukannya di Lembah Klang. Dengan penganjuran kejohanan-kejohanan antarabangsa ini, secara tidak langsung ianya memberi impak kepada ekonomi negeri terutamanya dalam aspek pelancongan di mana di era masa kini sukan juga dijadikan sebagai '*sports tourism*'. Dengan

pengurusan sukan yang strategik, Negeri Selangor mampu menjadi satu hub sukan negara pada masa akan datang.

- b) Kerajaan Negeri telah menjalankan program pembangunan sukan sejak Majlis ini ditubuhkan. Pelbagai perancangan dan kaedah yang diterapkan untuk menjadikan Selangor sebagai penyumbang utama atlet yang berkualiti mewakili negara.

Selain itu, Majlis Sukan Negeri Selangor sedang menyelaraskan program pembangunan sukan iaitu Pusat Latihan Daerah (PLD) dengan kerjasama Majlis Sukan Daerah, Persatuan Sukan Negeri dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) bagi memastikan sukan-sukan di setiap daerah berjalan dengan lancar.

Pusat Latihan Daerah (PLD) diwujudkan untuk merencanakan lagi pembangunan sukan di daerah. Selain itu, dapat membantu Majlis Sukan Negeri Selangor untuk mencari bakat-bakat baru bagi mewakili Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : BIDANG PENGAJIAN DI KUIS**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan semua bidang pengajian yang ditawarkan di KUIS bersama jumlah pelajar dan tenaga pengajar bagi tahun 2016.
- b) Nyatakan sekiranya ada bidang yang dibatalkan dan faktornya.

**JAWAPAN:**

- a) KUIS telah menawarkan sebanyak 48 Kursus iaitu 44 kursus telah menerima akreditasi penuh dan 4 kursus di peringkat provisional. Jumlah keseluruhan pelajar KUIS seramai 9312 pelajar dan pensyarah 373 orang.

( Sila rujuk Lampiran A)

- b) Bidang Pengajian yang tidak ditawarkan :

1. DN01- Diploma Sains Kesihatan Dan Kejururawatan
2. MS40 - Diploma Keusahawanan
3. MS42 - Diploma Perancangan Kewangan Islam
4. MS38 - Diploma Teknologi E- Dagang

Faktor tidak ditawarkan :

1. Tidak mendapat sambutan pelajar dan mencapai jumlah yang ditetapkan oleh pihak Fakulti.
2. Memberikan tumpuan kepada program Ijazah Sarjana Muda ke arah menuju sebuah Universiti dengan kuota 70% Ijazah dan 30% Diploma.
3. Menawarkan program pengajian yang lebih berdaya saing, '*employability*' dan '*marketability*' bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025.

LAMPIRAN A

<b>PUSAT ASASI</b>			
<b>Nama Program</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Akreditasi</b>	<b>Jumlah Pensyarah</b>
FA01 - FOUNDATION IN ISLAMIC STUDIES	219	PENUH	
FA02 - FOUNDATION IN MANAGEMENT STUDIES	230	PENUH	
FA03 - FOUNDATION IN INFORMATION TECHNOLOGY	62	PENUH	
FA04 - FOUNDATION IN ARABIC LANGUAGE	79	PENUH	
FA05 - FOUNDATION IN COMMUNICATION	86	PENUH	
<b>Jumlah :</b>	<b>676</b>		<b>33</b>
<b>PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH</b>			
<b>Nama Program</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Akreditasi</b>	<b>Jumlah Pensyarah</b>
PI01 - DOCTOR OF PHILOSOPHY IN ISLAMIYYAT (PhD ISLAMIYYAT)	4	PROVISIONAL	
PI01* - DOCTOR OF PHILOSOPHY IN ISLAMIYYAT (PhD ISLAMIYYAT)	35	PROVISIONAL	
<b>Jumlah :</b>	<b>39</b>		
<b>FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH</b>			
<b>Nama Program</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Akreditasi</b>	<b>Jumlah Pensyarah</b>
BB01- BACHELOR OF BUSINESS ADMINISTRATION WITH ECOMMERCE(HONS)	160	PENUH	
BB02 - BACHELOR OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT (HONOURS)	345	PENUH	
BB03 - BACHELOR IN ECONOMICS AND FINANCE (HONS)	91	PENUH	
BB04 - BACHELOR OF ACCOUNTING (HONOURS)	161	PENUH	
BB05 - BACHELOR IN ISLAMIC FINANCE (BANKING) (HONS)	364	PENUH	
BB06 - BACHELOR OF ISLAMIC FINANCE (CAPITAL MARKET) (HONS)	8	PENUH	
BB07 - BACHELOR OF ISLAMIC FINANCE (TAKAFUL) (HONS)	13	PENUH	
BC02 - BACHELOR OF COMMUNICATION (BROADCASTING) (HONS)	196	PENUH	
CS41 - DIPLOMA IN COMMUNICATION	177	PENUH	
LS43 - DIPLOMA IN ENGLISH LANGUAGE STUDIES	191	PENUH	

MG01* - MASTER OF BUSINESS ADMINISTRATION (MUAMALAH)	13	PENUH	
MS31 - DIPLOMA IN ACCOUNTANCY	192	PENUH	
MS32- DIPLOMA IN BUSINESSMANAGEMENT	237	PENUH	
MS33 - DIPLOMA IN ISLAMIC BANKING	436	PENUH	
MS34 - DIPLOMA IN HUMAN RESOURCE MANAGEMENT	457	PENUH	
MS35 - DIPLOMA IN ECONOMICS	50	PENUH	
<b>Jumlah :</b>	<b>3092</b>		<b>96</b>
<b>FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM</b>			
<b>Nama Program</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Akreditasi</b>	<b>Jumlah Pensyarah</b>
BC01 - BACHELOR IN ARABIC AS A SECOND LANGUAGE (HONS)	249	PENUH	
BC03 - BACHELOR IN ARABIC LANGUAGE (TRANSLATION) (HONS)	120	PENUH	
BI01 - BACHELOR IN SYARIAH WITH LAW (HONOURS)	744	PENUH	
BI02 - BACHELOR OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH WITH COMMUNICATION (HONS)	525	PENUH	
BI03 - BACHELOR OF USULUDDIN WITH MULTIMEDIA (HONS)	284	PENUH	
BI04 - BACHELOR OF AL-QURAN AND AL-QIRAAT (HONS)	172	PENUH	
BI05 - BACHELOR OF DAKWAH WITH HUMAN RESOURCE MANAGEMENT (HONS)	293	PENUH	
IS11 - DIPLOMA IN ISLAMIC STUDIES (ARABIC LANGUAGE)	56	PENUH	
IS12 - DIPLOMA IN ISLAMIC STUDIES (SYARIAH)	356	PENUH	
IS14 - DIPLOMA IN ISLAMIC STUDIES (AL-QURAN AND AS-SUNNAH)	410	PENUH	
IS15 - DIPLOMA IN ISLAMIC STUDIES (DAKWAH)	118	PENUH	
IS16 - DIPLOMA IN TAHFIZ AL-QUR'AN AND AL-QIRAAT	375	PENUH	
IS18 - DIPLOMA IN ISLAMIC LAW AND SYARIAH	294	PENUH	
MG02 - MASTER OF SYARIAH (MANAGEMENT)	7	PENUH	
MG02* - MASTER OF SYARIAH (MANAGEMENT)	10	PENUH	
<b>Jumlah :</b>	<b>4113</b>		<b>127</b>

<b>FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>			
<b>Nama Program</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Akreditasi</b>	<b>Jumlah Pensyarah</b>
BT01 - BACHELOR IN INFORMATION TECHNOLOGY (MULTIMEDIA) (HONS)	113	PENUH	
BT02 - BACHELOR IN INFORMATION TECHNOLOGY (HONS) (NETWORK TECHNOLOGY)	52	PENUH	
BT03 - BACHELOR OF SOFTWARE ENGINEERING WITH HONS	4	PENUH	
MS36 - DIPLOMA IN INFORMATION TECHNOLOGY (MULTIMEDIA)	357	PENUH	
MS39 - DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCE	72	PENUH	
<b>Jumlah :</b>	<b>598</b>		<b>31</b>
<b>FAKULTI PENDIDIKAN</b>			
<b>Nama Program</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Akreditasi</b>	<b>Jumlah Pensyarah</b>
BE01 - BACHELOR OF EDUCATION (HONS) TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE (TESL) WITH MULTIMEDIA	53	PROVISIONAL	
BE02 - BACHELOR OF EDUCATION (HONS) ISLAMIC EDUCATION WITH MULTIMEDIA	75	PROVISIONAL	
ES51 - DIPLOMA IN TEACHING (TASL)	9	PENUH	
ES51* - DIPLOMA IN TEACHING (TASL)	14	PENUH	
ES52 - DIPLOMA IN TEACHING (TESL)	191	PENUH	
ES53 - DIPLOMA IN TEACHING (ISLAMIC EDUCATION)	378	PENUH	
ES53* - DIPLOMA IN TEACHING (ISLAMIC EDUCATION)	73	PENUH	
<b>Jumlah :</b>	<b>794</b>		<b>24</b>
<b>PUSAT PENGAJIAN TERAS</b>			<b>62</b>
<b>Jumlah Keseluruhan:</b>	<b>9312</b>	<b>44</b>	<b>373</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kekerapan serta lokasi yang terlibat dalam gangguan bekalan air berjadual dan tidak berjadual di daerah Petaling bagi tahun 2016.
- b) Nyatakan butiran mengenai projek penggantian paip air yang telah dilaksanakan di daerah Petaling sejak tahun 2013.

**JAWAPAN:**

- a) Gangguan berjadual sebanyak 72 kali dan gangguan tidak berjadual melibatkan paip pecah sebanyak 617 kali, penurunan paras air kolam, isu teknikal di rumah pam & pencemaran loji sebanyak 37 kali.

Kawasan yang kerap mengalami gangguan bekalan air adalah Petaling Jaya, Sg. Buloh, Kelang Lama dan Puchong.

- b) Senarai kawasan penggantian paip dalam daerah Petaling sejak tahun 2013 adalah seperti berikut:

<b>Nama Kawasan</b>	<b>Panjang Paip (km)</b>	<b>Tahun Siap Projek</b>
Kg. Tengah	6.3	2015
Jalan Templer / Jalan 222	1.3	2014
SS 9A	2.1	2014
Kg Sg Kayu Ara (Zone 1)	2.7	2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : YAYASAN QARDHUL HASSAN**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian terkini sejak penubuhan mengenai ahli lembaga dan barisan pengurusan tertinggi Yayasan Qardhul HaSSan (YQS), pemberian geran oleh Kerajaan Negeri serta senarai penerima bantuan daripada YQS mengikut DUN dari segi bilangan dan nilai.

**JAWAPAN:**

- a) Perincian terkini sejak penubuhan mengenai ahli lembaga dan barisan pengurusan tertinggi Yayasan Qardhul Hasan

<b>BIL.</b>	<b>NAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH</b>	<b>TEMPOH LANTIKAN</b>	<b>NOTA</b>
1.	YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Kahlid Bin Ibrahim	16/6/2010 - 23/9/2014	Meletak Jawatan
2.	YB Dato' Ramli Bin Mahmud	16/6/2010 - 21/3/2011	Bersara
3.	YB Dato' Mohd Arif Bin Ab Rahman	17/9/2010 - 30/10/2012	Meletak Jawatan- Berpindah
4.	YB Dato' Dr Hasan Bin Mohamed Ali	17/9/2010 - 7/5/2012	Meletak Jawatan
5.	YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	17/9/2010 - SEHINGGA KINI	
6.	YB Hajah Rodziah Binti Ismail	5/5/2011 - 26/9/2014	Meletak Jawatan
7.	YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Munawi	5/5/2011 - 12/4/2016	Bersara
8.	YB Dr Abd Rani Bin Osman	7/5/2012 - Sehingga Kini	
9.	YBHG Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman	20/8/2013 - 16/10/2015	Bersara
10	YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali	10/2/2016 - Sehingga Kini	
11	YB Dr Daroyah Binti Alwi	10/2/2015 - Sehingga Kini	



12	YB Dato' Mansor Bin Othman	20/5/2015 - Sehingga Kini	
13	YB Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya	18/8/2016- Sehingga Kini	
14	YBHG Nor Azmie Bin Diron	18/8/2016- Sehingga Kini	

Berikut merupakan barisan tertinggi YQS:

<b>BIL</b>	<b>SENARAI PENGURUSAN TERTINGGI</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>TEMPOH LANTIKAN</b>	<b>NOTA</b>
1.	Azhari Bin Hussein	Pengurus Kanan Operasi SKIMSEL	2010-2012	Meletak Jawatan
2.	Abu Bakar Bin Zeen	Pengurus Pentadbiran SKIMSEL	2010-2012	Meletak Jawatan
3.	Haji Azily Bin Othman	Ketua Pegawai Eksekutif MIMBAR Selangor	2011-2013	Meletak Jawatan
4.	Haji Md Nor Bin Mahmud	Pengurus Kanan Operasi WALA	2011-2014	Meletak Jawatan
5.	Haji Nik Azmi Nik	Pengurus Kanan Kewangan Dan Pentadbiran MIMBAR Selangor	2011-2012	Meletak Jawatan
6.	Syed Putra Bin Syed Akil	Pengurus Kanan Operasi MIMBAR Selangor	2014-2015	Ditamatkan Perkhidmatan
7.	Normaiza Bin Hj Yahya	Pengurus Kanan Operasi SKIMSEL	2012- 2015 2015 - KINI	Dilantik Sebagai Timb Ketua Pengurus Operasi HIJRAH Selangor
8.	Haji Roslim Bin Md Akhir	Ketua Pengurus Operasi HIJRAH Selangor	2015- KINI	

Berikut merupakan pemberian geran oleh Kerajaan Negeri :

BIL.	PENERIMAAN DANA/GERAN	PROGRAM HIJRAH SELANGOR	PROGRAM PENGEMBANGAN USAHAWAN	PROGRAM KHAS IBU TUNGGAL DAN OKU	JUMLAH
A.	DANA KERAJAAN NEGERI				
	- UPEN			RM 5,000,000.00	RM 5,000,000.00
	- MBI	RM 100,000,000.00	RM 20,000,000.00		RM 120,000,000.00
	<b>JUMLAH DANA KERAJAAN NEGERI</b>	<b>RM 100,000,000.00</b>	<b>RM 20,000,000.00</b>	<b>RM 5,000,000.00</b>	<b>RM 125,000,000.00</b>

Sehingga **Oktober 2016**, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan peserta telah diterima daripada setiap DUN (56 DUN) dan sehingga kini Hijrah Selangor telah meluluskan pinjaman kepada seramai 25,562 orang peserta. Berikut adalah data senarai penerima mengikut DUN:

PARLIMEN & DUN	BIL PESERTA	BIL PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
<b>SABAK BERNAM</b>			
SUNGAI AIR TAWAR	687	739	3,558,000.00
SABAK	784	858	3,770,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,471	1,597	7,328,000.00
<b>SUNGAI BESAR</b>			
SUNGAI PANJANG	990	1,033	4,735,000.00
SEKINCHAN	1,008	1,039	5,068,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,998	2,072	9,803,000.00
<b>HULU SELANGOR</b>			
HULU BERNAM	251	289	1,754,000.00
KUALA KUBU BAHARU	170	196	949,000.00
BATANG KALI	1,012	1,191	6,091,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,433	1,676	8,794,000.00
<b>TANJUNG KARANG</b>			

SUNGAI BURONG	761	846	4,408,000.00
PERMATANG	475	532	2,727,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,236	1,378	7,135,000.00
<b>KUALA SELANGOR</b>			
BUKIT MELAWATI	376	421	2,189,000.00
IJOK	297	328	1,608,000.00
JERAM	656	736	3,476,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,329	1,485	7,273,000.00
<b>SELAYANG</b>			
KUANG	251	284	1,331,000.00
RAWANG	436	478	2,331,000.00
TAMAN TEMPLER	370	412	2,082,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,057	1,174	5,744,000.00
<b>GOMBAK</b>			
BATU CAVES	366	379	1,824,000.00
GOMBAK SETIA	331	335	1,466,000.00
HULU KLANG	183	173	811,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	880	887	4,101,000.00
<b>AMPANG</b>			
BUKIT ANTARABANGSA	107	108	519,000.00
LEMBAH JAYA	755	763	4,129,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	862	871	4,648,000.00
<b>PANDAN</b>			
CHEMPAKA	317	351	2,047,000.00
TERATAI	241	259	1,451,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	558	610	3,498,000.00
<b>HULU LANGAT</b>			
DUSUN TUA	243	278	1,684,000.00
SEMENYIH	351	388	2,397,000.00
KAJANG	546	604	3,279,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,140	1,270	7,360,000.00
<b>SERDANG</b>			
BANGI	275	339	1,964,000.00
BALAKONG	244	269	1,683,000.00
SERI KEMBANGAN	244	275	1,833,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	763	883	5,480,000.00
<b>PUCHONG</b>			
SERI SERDANG	583	638	2,787,000.00
KINRARA	241	252	1,075,000.00

JUMLAH PESERTA PARLIMEN	824	890	3,862,000.00
<b>KELANA JAYA</b>			
SUBANG JAYA	217	239	1,135,000.00
SERI SETIA	395	433	1,959,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	612	672	3,094,000.00
<b>PETALING JAYA SELATAN</b>			
TAMAN MEDAN	549	576	2,867,000.00
BUKIT GASING	78	85	503,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	627	661	3,370,000.00
<b>PETALING JAYA UTARA</b>			
KAMPUNG TUNKU	364	412	2,165,000.00
DAMANSARA UTAMA	365	368	1,706,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	729	780	3,871,000.00
<b>SUBANG</b>			
BUKIT LANJAN	66	76	530,000.00
PAYA JARAS	662	753	4,479,000.00
KOTA DAMANSARA	1,197	1,289	8,450,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,925	2,118	13,459,000.00
<b>SHAH ALAM</b>			
KOTA ANGGERIK	627	677	3,728,000.00
BATU TIGA	481	519	2,766,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,108	1,196	6,494,000.00
<b>KAPAR</b>			
MERU	503	544	2,546,000.00
SEMENTA	508	579	2,528,000.00
SUNGAI PINANG	307	354	1,655,000.00
SELAT KLANG	276	312	1,503,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,594	1,789	8,232,000.00
<b>KLANG</b>			
PELABUHAN KLANG	397	471	1,779,000.00
PANDAMARAN	272	342	1,825,000.00
KOTA ALAM SHAH	216	230	958,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	885	1,043	4,562,000.00
<b>KOTA RAJA</b>			
SERI ANDALAS	648	689	2,722,000.00
SRI MUDA	688	800	3,300,000.00
JUMLAH PESERTA PARLIMEN	1,336	1,489	6,022,000.00
<b>KUALA LANGAT</b>			
SIJANGKANG	703	759	4,380,000.00

TELOK DATOK	446	492	2,721,000.00
MORIB	575	604	3,726,000.00
<b>JUMLAH PESERTA PARLIMEN</b>	<b>1,724</b>	<b>1,855</b>	<b>10,827,000.00</b>
<b>SEPANG</b>			
TANJUNG SEPAT	258	272	1,730,000.00
DENGKIL	801	919	5,201,000.00
SUNGAI PELEK	412	449	2,858,000.00
<b>JUMLAH PESERTA PARLIMEN</b>	<b>1,471</b>	<b>1,640</b>	<b>9,789,000.00</b>
<b>JUMLAH PESERTA HIJRAH SELANGOR</b>	<b>25,562</b>	<b>28,036</b>	<b>144,746,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN PPRT**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos penyelenggaraan PPRT dari tahun 2010-2015 mengikut PPRT.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan setiap PPRT berada dalam keadaan selamat dan selesa?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini terdapat 2 projek PPRT yang dikendalikan oleh agensi Negeri iaitu Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) iaitu :

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>BIL. UNIT</b>	<b>PEMILIK</b>	<b>PENGURUSAN</b>
1.	PPR KG. Baru Hicom	980	LPHS	PHSSB
2.	PPR Kota Damansara	1,152	MBPJ	PHSSB
<b>JUMLAH</b>		2,132	-	-

PPRT ini dibina atau dibeli oleh Yayasan Perumahan Untuk Termiskin mulai tahun 2000. Walau bagaimanapun, YPUT telah dibubarkan oleh Persekutuan pada 2011. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang telah membelanjakan kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan PPR/PPRT dari tahun 2003 sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>PERBELANJAAN</b>
1.	PPR Kg. Baru Hicom (03.01.2012 sehingga 30 Sept. 2016)	<b>RM 8,837,830.32</b>
2.	PPR Kota Damansara (01.05.2013 sehingga 30 Sept. 2016)	<b>RM 11,935,264.30</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 20,773,094.62</b>

- b) Kediaman PPRT ini sentiasa dipastikan keadaan selamat dan selesa. Walaupun terdapat kes vandalisme, Kerajaan Negeri telah mengaturkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan terutamanya program kesedaran kepada penghuni seperti program Gotong-royong, Program Adab *Youth Group* (anjuran ABIM) dan

sebagainya. Di samping itu, terdapat juga program bantuan dengan Pejabat Zakat Selangor, program pemeriksaan kesihatan dan sebagainya bagi memastikan penghuni yang tinggal di kawasan ini mendapat manfaat bersama dan kerjasama yang baik di kalangan komuniti. Dari itu, menjadi tanggungjawab penduduk untuk membantu Kerajaan dalam menjaga harta awam dalam keadaan baik, selesa dan selamat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : GRED PREMIS BERSIH**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah premis yang telah digredkan pada tahun 2016 mengikut peringkat gred.
- b) Nyatakan kekerapan pemeriksaan ke atas premis tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah premis mengikut gred A ialah sebanyak 3558 premis, gred B ialah sebanyak 3842 premis, gred C ialah sebanyak 1308 dan gred D ialah sebanyak 147 premis. Jumlah secara terperinci mengikut PBT di Selangor adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1 : Jumlah premis mengikut gred di PBT Selangor

PBT	JUMLAH PREMIS MENGIKUT GRED			
	A	B	C	D
MBSA	388	233	42	14
MBPJ	294	499	24	0
MPK	160	136	206	0
MPAJ	163	452	169	5
MPSJ	1249	641	288	67
MPS	162	537	264	0
MPKJ	76	162	109	31
MPSP	653	615	71	24
MDKL	17	222	26	0
MDKS	52	89	28	6
MDHS	314	174	79	0
MDSB	30	82	2	0
<b>JUMLAH</b>	<b>3558</b>	<b>3842</b>	<b>1308</b>	<b>147</b>

Nota : Sumber dari PBT



- b) Kekerapan pemeriksaan ke atas premis adalah dilaksanakan mengikut Gred Kebersihan. Jadual kekerapan adalah seperti di Jadual 2 :

Jadual 2: Kekerapan pemeriksaan premis mengikut gred

<b>GREED</b>	<b>KEKERAPAN PEMERIKSAAN</b>
<b>Gred A</b>	Pemeriksaan ulangan dijalankan selepas dua (2) tahun ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan.
<b>Gred B</b>	Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas satu (1) tahun ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan.
<b>Gred C</b>	Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas enam (6) bulan ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan.
<b>Gred D</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Pemeriksaan semula akan dijalankan dalam tempoh 14 hari.</li><li>ii. Sekiranya penilaian semula berada pada tahap 50% dan ke bawah semasa pemeriksaan tersebut, <b><u>TINDAKAN PENUTUPAN</u></b> akan dijalankan oleh PBT yang mempunyai kuasa atau dirujuk kepada KKM bagi tujuan tersebut.</li></ul>

Nota : Sumber dari PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SELANGOR HOME MAKER PROGRAM**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah program tersebut dapat membantu golongan wanita profesional?
- b) Nyatakan jumlah peserta yang telah mengikuti program tersebut.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Agenda Pembangunan Wanita Selangor merangkumi segala aspek. Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan wanita di Selangor terbukti apabila Dato' Menteri Besar telah mengumumkan Program Selangor *Homemaker* dalam Pembentangan Belanjawan 2016. Program ini adalah bertujuan memberi peluang kepada wanita profesional untuk memohon waktu bekerja secara anjal atau bekerja dari rumah supaya bakat dan sumber daya wanita tidak wajar disia-siakan. Selain itu, bagi membolehkan golongan wanita profesional mengimbangi keperluan kerjaya dan kebahagiaan keluarga. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi melaksanakan dan menjayakan program tersebut dan memerlukan penelitian lanjut lagi untuk dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN *FOOD STAMP***

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima bantuan *Food Stamp* sehingga September 2016 mengikut DUN?
- b) Bagaimanakah kaedah pemilihan penerima bantuan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 100 buah keluarga dari setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor untuk memperolehi faedah daripada Program 'Smart Selangor Food Stamp'. Sehingga September 2016, sebanyak 5,404 buah keluarga telah menerima manfaat dari program tersebut. Senarai penerima bantuan Program 'Smart Selangor Food Stamp' mengikut pecahan DUN dari bulan Jun hingga Ogos 2016 adalah seperti di Jadual 1.
- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan kriteria-kriteria penerima bantuan program 'Smart Selangor Food Stamp' adalah seperti berikut:-
  - i. Lahir di Selangor atau telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman);
  - ii. Terbuka kepada semua kaum;
  - iii. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
  - iv. Pengundi di DUN tersebut.

Selain daripada itu, senarai calon nama penerima bantuan program ini adalah ditentukan dan dipilih oleh Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dengan jumlah penerima bantuan seramai 100 orang dari setiap DUN dan nama-nama penerima berkenaan perlu disahkan oleh Yang Berhormat ADUN Kawasan berkenaan.

**JADUAL 1 :**  
**JUMLAH PENERIMA BANTUAN 'SMART SELANGOR FOOD STAMP'**  
**DARI JUN HINGGA SEPTEMBER 2016**

BIL	DUN	JUN 2016	JULAI 2016	OGOS 2016	SEPT 2016
1	Sg Air Tawar	93	100	100	100
2	Sabak	100	100	100	100
3	Sg Panjang	100	100	100	100
4	Sekinchan	100	100	100	100
5	Hulu Bernam	100	100	100	100
6	Kuala Kubu Bharu	100	100	100	100
7	Batang Kali	100	100	100	100
8	Sg Burong	100	100	100	100
9	Permatang	100	100	100	100
10	Bkt Melawati	100	100	100	100
11	Ijok	100	100	100	100
12	Jeram	100	50	100	100
13	Kuang	100	100	100	100
14	Rawang	100	100	100	100
15	Tmn Templer	100	100	100	100
16	Batu Caves	55	75	100	100
17	Gombak Setia	100	100	97	100
18	Hulu Kelang	100	100	100	100
19	Bkt Antarabangsa	100	100	89	89
20	Lembah Jaya	100	100	100	100
21	Chempaka	62	100	100	100
22	Teratai	24	43	100	99
23	Dusun Tua	85	100	100	100
24	Semenyih	100	100	100	100
25	Kajang	31	31	81	100
26	Bangi	77	100	100	100
27	Balakong	70	100	100	95
28	Seri Kembangan	100	100	100	100
29	Seri Serdang	98	98	100	100
30	Kinrara	100	100	100	100
31	Subang Jaya	100	100	100	100

BIL	DUN	JUN 2016	JULAI 2016	OGOS 2016	SEPT 2016
32	Seri Setia	40	40	74	100
33	Tmn Medan	100	100	100	100
34	Bkt Gasing	63	50	64	68
35	Kampung Tunku	43	43	50	53
36	Damansara Utama	0	0	0	0
37	Bkt Lanjan	100	100	100	100
38	Paya Jaras	100	100	100	100
39	Kota Damansara	100	100	100	100
40	Kota Anggerik	80	100	100	100
41	Batu Tiga	100	100	100	100
42	Meru	100	70	100	100
43	Sementa	95	85	100	100
44	Sg Pinang	100	72	100	100
45	Selat Klang	100	100	100	100
46	Pelabuhan Klang	66	65	100	100
47	Pandamaran	100	100	100	100
48	Kota Alam Shah	100	100	100	100
49	Seri Andalas	100	100	100	100
50	Sri Muda	70	70	100	100
51	Sijangkang	100	100	100	100
52	Telok Datok	100	100	100	100
53	Morib	15	100	100	100
54	Tg Sepat	100	100	100	100
55	Dengkil	100	60	100	100
56	Sg Pelek	100	69	100	100
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,867</b>	<b>4,921</b>	<b>5355</b>	<b>5404</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : ISU KEGANASAN DOMESTIK**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keganasan domestik yang dilaporkan pada tahun 2016.
- b) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan khidmat kaunseling dan guaman untuk mangsa keganasan domestik tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap kes-kes keganasan domestik yang sering menimpa terutamanya terhadap golongan wanita dan kanak-kanak. Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan tidak pernah berkompromi dengan isu keganasan domestik yang berlaku di Selangor. Berikut adalah jumlah keganasan domestik yang dilaporkan berlaku pada tahun 2016 (Januari - September) di Selangor:-

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes</b>
1.	Petaling Jaya	54
2.	Subang Jaya	42
3.	Kelang Selatan	95
4.	Klang Utara	41
5.	Shah Alam	15
6.	Kajang	52
7.	Ampang Jaya	47
8.	Gombak	101
9.	Kuala Selangor	16
10.	Kuala Langat	55
11.	Hulu Selangor	39
12.	Sabak Bernam	23

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes</b>
13.	Sepang	90
14.	Serdang	39
15.	Sungai Buloh	28
<b>Jumlah</b>		<b>743</b>

**\*\* sumber : Polis DiRaja Malaysia (PDRM) IPK Selangor**

Manakala, menurut laporan yang diterima melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), seramai 258 kes telah dilaporkan melalui *One Stop Crisis Centre* (OSCC) bagi tahun 2016 setakat Jun 2016 mengikut pecahan seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Jumlah Kes</b>
1.	Dewasa	191
2.	Kanak-Kanak	67
<b>Jumlah</b>		<b>258</b>

- b) Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan mangsa-mangsa keganasan domestik. Kebajikan mereka tidak pernah terabai. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri turut menyediakan khidmat kaunseling yang dikenali sebagai Talian Sahabat di bawah kendalian Unit Kaunseling Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelajar PTRS pada tahun 2016?
- b) Berapakah jumlah peruntukan untuk melaksanakan PTRS pada tahun 2016?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelajar PTRS bagi tahun 2016 adalah sebanyak 4,119 orang.
- b) Jumlah peruntukan untuk melaksanakan PTRS bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM3.45 juta.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PELAN MENANGANI MASALAH BEKALAN AIR BERSIH KEPADA  
PENGGUNA**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perancangan, jika ada, untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menangani isu bekalan air bersih kepada pengguna, senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan serta pengumuman rasmi berkala oleh Kerajaan Negeri sebagai komitmen mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Air bagi menangani isu bekalan air bersih kepada pengguna dan Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor, kedua-duanya dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memantau perkara-perkara yang melibatkan sumber air mentah. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa tidak ada sebarang keperluan untuk menubuhkan sebuah jawatan kuasa khas bagi mengatasi isu bekalan air bersih kepada pengguna.

Selain dari jawatankuasa yang telah ditubuhkan itu, sebarang isu berkaitan dengan bekalan air bersih juga akan dimaklumkan secara langsung oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Kaedah semasa ini bagaimanapun tidak sesekali bermaksud bahawa Kerajaan Negeri tidak mengambil sebarang usaha untuk menangani isu bekalan air bersih kepada rakyat Negeri Selangor sebaliknya, selain daripada pemantauan melalui kedua-dua jawatankuasa dan juga MMKN, usaha penambahbaikan bekalan air bersih juga telah dijadikan sebagai sebahagian daripada perancangan tahunan Kerajaan Negeri melalui penukaran paip air lama, pembinaan loji rawatan air baru seperti Semenyih 2 dan Labohan Dagang dan lain-lain lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PELAN TINDAKAN MEMELIHARA KUALITI AIR MENTAH SELANGOR**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pelan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memastikan kualiti air mentah sentiasa terpelihara dalam aspek alam sekitar, kesihatan dan keselamatan supaya bebas dari elemen boleh kawal seperti perbuatan “sabotaj” baru-baru ini hingga menjejaskan bekalan air bersih kepada pengguna.

**JAWAPAN:**

- a) Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 105 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama termasuklah Sungai Semenyih. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : MINIMA 30% PENYERTAAN WANITA**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan inovasi dalam memenuhi objektif 30% kedudukan kepimpinan wanita Selangor?
- b) Nyatakan peratusan pencapaian di setiap peringkat MMKN, Ahli Majlis PBT, Pengarah, CEO Syarikat milik kerajaan, dari 2008 – 2016.
- c) Apakah ada dasar khusus tentang 30% ini digubal oleh Kerajaan Negeri Selangor? Nyatakan.

**JAWAPAN:**

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan sikap terbuka, tidak mengamalkan diskriminasi gender mengambilkira pencapaian prestasi dan pengalaman seseorang individu adalah antara kriteria yang diambil untuk lebih ramai wanita berpeluang untuk dilantik di peringkat pembuat keputusan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha bagi meletakkan dasar 30% melantik wanita di peringkat pembuat keputusan antaranya adalah pelantikan:-

- Timbalan Speaker Dewan Wanita pertama (2008)
  - Speaker Wanita Pertama (2013)
  - Pegawai Daerah Wanita Pertama
  - Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor
  - Datuk Bandar Wanita
  - Yang DiPertua Wanita
  - Ahli Dewan Negeri Wanita
  - Ahli-ahli Majlis Wanita di semua PBT
  - Ketua-ketua Jabatan di peringkat Negeri dan PBT.
- b) Kerajaan Negeri secara aktif melibatkan golongan wanita sebagai pembuat keputusan antaranya dengan melantik mereka sebagai Ketua Jabatan di

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkumi 42 jabatan di Pentadbiran Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.

Sumber dari Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menyatakan bahawa berdasarkan rekod perjawatan tahun semasa sehingga 20 Oktober 2016, terdapat 15 orang atau 25.4% Ketua Jabatan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri terdiri daripada golongan wanita. Jumlah ini adalah meningkat sebanyak 10.3% berbanding pada tahun 2008 iaitu hanya sebanyak 15.0%. Butiran lanjut jumlah Ketua Jabatan Wanita daripada tahun 2008 sehingga 2016 adalah sepertimana dalam **LAMPIRAN A**.

Manakala sumber dari Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menyatakan bahawa peratusan pencapaian kedudukan kepimpinan wanita di dalam perjawatan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan kumpulan anak-anak syarikatnya adalah sebanyak kira-kira 8% peratus bagi kakitangan wanita kategori pengurusan dan ke atas.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat akan perihal wanita di Selangor. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih dalam tindakan penelitian terhadap keperluan untuk menyediakan dasar khusus tentang 30% ini digubal oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh akan Agenda Pembangunan Wanita termasuk dasar 30% penyertaan wanita dalam pembuat dasar.

**LAMPIRAN**

<b>SENARAI KETUA JABATAN WANITA DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR MULAI TAHUN 2008 SEHINGGA 2016</b>				
<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Ketua Jabatan Wanita</b>	<b>Bilangan Ketua Jabatan Keseluruhan</b>	<b>Peratus Pencapaian</b>
<b>1</b>	<b>2008</b>	<b>8</b>	<b>53</b>	<b>15.1%</b>
<b>2</b>	<b>2009</b>	<b>5</b>	<b>53</b>	<b>9.4%</b>
<b>3</b>	<b>2010</b>	<b>6</b>	<b>56</b>	<b>10.7%</b>
<b>4</b>	<b>2011</b>	<b>7</b>	<b>56</b>	<b>12.5%</b>
<b>5</b>	<b>2012</b>	<b>9</b>	<b>57</b>	<b>15.8%</b>
<b>6</b>	<b>2013</b>	<b>10</b>	<b>59</b>	<b>16.9%</b>
<b>7</b>	<b>2014</b>	<b>12</b>	<b>59</b>	<b>20.3%</b>
<b>8</b>	<b>2015</b>	<b>12</b>	<b>59</b>	<b>20.3%</b>
<b>9</b>	<b>2016 (Sehingga 20 Oktober 2016)</b>	<b>15</b>	<b>59</b>	<b>25.4%</b>

\*\* sumber : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : KRISIS AIR SELANGOR**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Kerajaan Selangor / Air Selangor Sdn Bhd tidak membenarkan polis atau Jabatan Penguatkuasa PBT untuk menolong supaya lori-lori air tidak dihalang (*hijacked*) dan dapat sampai ke kawasan perumahan sepertimana yang dijadualkan?
- b) Sila kemukakan pelan perancangan dan pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk menangani krisis air.

**JAWAPAN:**

- a) Dalam pelaksanaan pemulihan bekalan air secara berjadual, iaitu 2 hari ada bekalan air dan 2 hari tiada bekalan air, lori-lori tangki dihantar ke kawasan-kawasan yang berada di tanah tinggi dan di hujung sistem agihan bekalan air yang tiada air bagi tempoh yang lama.

Di samping itu, pengguna juga boleh berhubung dengan SYABAS untuk meminta bekalan air bantuan melalui telefon atau SMS 15300 dan aplikasi telefon pintar "mySYABAS".

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, gangguan bekalan air yang melibatkan DUN Teratai pada tahun ini adalah disebabkan penutupan sementara loji rawatan air (LRA) Sg. Langat pada 7 Oktober 2016 akibat pencemaran bau di lembangan Sungai Semantan, Pahang.

Air Selangor telah mengaktifkan "Pelan Tindakan Kecemasan" (PTK) dan menggerakkan lori tangki air dan tangki statik serta melaksanakan pelan pemulihan secara berjadual ke kawasan yang terjejas terutamanya di DUN Teratai. PTK hanya ditutup pada 14 Oktober 2016 setelah bekalan air pulih sepenuhnya.

Terdapat beberapa pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor yang telah ambil seperti :-

- (i) Menaiktarafkan LRA Sg Langat yang telah lama beroperasi secara maksimum, melebihi kapasiti reka bentuk sebanyak 20%. Pengeluaran air semasa adalah 450 Juta Liter Sehari (JLH) berbanding reka bentuk asal sebanyak 386 JLH. Kerja-kerja menaiktarafkan loji sedang giat dijalankan sejak Oktober 2015 dan dijangka siap pada Mac 2017.
  
- (ii) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar, Pahang untuk menyiasat punca pencemaran bau di Sg. Semantan dan memantau lembangan sungai tersebut supaya kejadian pencemaran tidak berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandang Kerajaan Persekutuan tidak lagi mengeluarkan lesen di pusat transit sampah di Seksyen 21 Shah Alam, apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri bagi menangani isu ini?
  
- b) Apakah Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan menggunakan teknologi terkini bagi memastikan pengurusan sampah di tapak pembuangan sampah lebih efisien dan tambah nilai? Nyatakan teknologi yang di cadangkan.

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PERBELANJAAN MEMBANTERAS DENGGI**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi membanteras wabak denggi di Selangor dari tahun 2010 hingga 2015 mengikut PBT.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan setiap perbelanjaan yang disalurkan menepati kehendak yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah yang telah diperuntukkan bagi membanteras wabak denggi bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan sejak tahun 2010 hingga tahun 2015 adalah sebanyak **RM27,816,968.71**. Jumlah perbelanjaan dari tahun 2010 hingga 2015 mengikut PBT adalah seperti jadual berikut :

PBT	PERBELANJAAN (RM)						
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
<b>MBSA</b>	1,142,951.00	1,178,300.00	1,395,400.00	1,923,392.05	1,906,752.00	1,990,292.00	<b>9,537,087.05</b>
<b>MBPJ</b>	452,358.00	388,159.00	388,727.00	451,605.00	460,743.00	779,753.00	<b>2,921,345.00</b>
<b>MPSJ</b>	778,000.00	870,000.00	1,009,000.00	1,084,000.00	1,304,000.00	1,456,000.00	<b>6,501,000.00</b>
<b>MPAJ</b>	-	-	-	617,172.25	709,198.25	733,363.16	<b>2059733.66</b>
<b>MPKJ</b>	50,000.00	62,000.00	70,000.00	75,320.00	65,600.00	85,310.00	<b>408,230.00</b>
<b>MPSP</b>	14,000.00	14,000.00	14,000.00	30,500.00	33,175.00	72,050.00	<b>177,725.00</b>
<b>MPS</b>	1,247,750.00	833,921.00	704,800.00	679,000.00	614,560.00	568,400.00	<b>4,648,431.00</b>
<b>MPK</b>	-	-	120,000.00	52,000.00	71,600.00	50,000.00	<b>293,600.00</b>
<b>MDKL</b>	73,000.00	70,000.00	87,000.00	103,500.00	93,000.00	100,000.00	<b>526,500.00</b>

PBT	PERBELANJAAN (RM)						
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
<b>MDKS</b>	40,000.00	76,000.00	45,000.00	42,000.00	45,000.00	40,000.00	<b>288,000.00</b>
<b>MDSB</b>	19,999.00	19,378.00	23,390.00	8,300.00	24,860.00	49,390.00	<b>145,317.00</b>
<b>MDHS</b>	-	-	50,000.00	50,000.00	100,000.00	110,000.00	<b>310,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>3,818,058.00</b>	<b>3,511,758.00</b>	<b>3,907,317.00</b>	<b>5,116,789.30</b>	<b>5,428,488.25</b>	<b>6,034,558.16</b>	<b>27,816,968.71</b>

**Jadual : Perbelanjaan membanteras wabak denggi di Selangor dari tahun 2010 hingga 2015 mengikut PBT**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PUSAT PENJAGAAN ANAK-ANAK**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pusat penjagaan anak-anak di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah prosedur yang harus dipatuhi untuk menubuhkan pusat tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan kepada rekod pendaftaran pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, sehingga September 2016 jumlah Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	KATEGORI		JUMLAH
		BERKEDIAMAN	HARIAN	
1	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	9	91	100
2	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	13	25	38
3	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	3	34	37
4	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	5	23	28
5	MAJLIS BANDARAYA PETALING	14	12	26
6	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	6	17	23
7	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	4	10	14
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	2	12	14
9	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	5	5	10
10	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	2	2	4
11	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	1	3	4

12	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	2	1	3
	<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>235</b>	<b>301</b>

- b) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memastikan pengoperasian pusat-pusat jagaan khususnya pusat jagaan kanak-kanak adalah mematuhi garis panduan sepertimana yang ditetapkan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 [P.U. (A) 248/1994].

Setiap permohonan pendaftaran Pusat Jagaan Kanak-Kanak mestilah mematuhi syarat-syarat penubuhan pusat jagaan seperti berikut:

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS);
2. Mendapat sokongan atau kelulusan daripada agensi teknikal iaitu:
  - a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - b. Jabatan Bomba dan Penyelamat;
  - c. Jabatan Kesihatan
3. Memenuhi standard minimum JKM iaitu:-
  - a. Nisbah penjaga dengan penghuni :
    - Kanak-Kanak bawah 4 tahun
    - = 1 penjaga : 5 kanak-kanak
    - Kanak-Kanak 4- bawah 18 tahun
    - = 1 penjaga : 5 kanak-kanak
  - b. Penjaga warganegara atau bukan mestilah berumur 18 tahun ke atas;
  - c. Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu:
    - i. Kanak-kanak bawah 10 tahun adalah 3.5 meter persegi;
    - ii. Kanak-kanak 10 tahun hingga bawah 18 tahun adalah 3.0 meter persegi;
  - d. Menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti mengikut peringkat umur dan keperluan penghuni;
  - e. Pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan penghuni;
  - f. Menyedia dan menyelenggara rekod-rekod di pusat jagaan; dan
  - g. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis Pusat jagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KEMPEN TAK NAK POLISTIRENA**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kejayaan dan keberkesanan kempen tersebut?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk melaksanakan kempen tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kempen Pengurangan Penggunaan Polistirena diadakan bersekali dengan kempen pengurangan penggunaan beg plastik yang baru dikuatkuasakan di bangunan-bangunan kerajaan pada bulan September 2016. Pelaksanaan kempen ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada setiap hari bermula bulan Januari 2017 yang melibatkan seluruh premis perniagaan di Negeri Selangor.

Selain itu, kempen pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena ini juga telah dilaksanakan semasa program Bazar Ramadhan Mampan 2016 di mana penjaja disyaratkan tidak menggunakan polisterin sebagai bekas makanan dan usaha ini disambut baik oleh penjaja dan pengunjung bazar.

- b) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik yang diadakan sejak tahun 2010 telah membelanjakan sebanyak RM198,022.90 termasuklah kempen pengurangan penggunaan polistirena.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : BAS PERCUMA SMART SELANGOR**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk mengenakan *charge* minima RM1 kepada penumpang bukan warganegara Malaysia? Jika tidak, apa rancangan Kerajaan?
- b) Bilakah bas percuma akan di rasai oleh penduduk di DUN Batu Tiga?
- c) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelaksanaan ini tertangguh hampir 4 bulan dari jangkaan awalnya?

**JAWAPAN:**

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang diberikan secara percuma kepada semua lapisan masyarakat di Negeri Selangor adalah di atas keprihatinan Kerajaan Negeri untuk membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Kerajaan Negeri percaya bahawa pemberian perkhidmatan bas secara percuma akan memberi kesan kepada aliran ekonomi dan secara tidak langsung menjana ekonomi setempat.

Pada masa ini, belum ada perancangan untuk mengenakan sebarang caj kepada penumpang bukan warga tempatan kerana golongan ini yang menetap dan bekerja di Negeri Selangor adalah terdiri daripada pekerja-pekerja industri, buruh dan ladang yang turut menyumbang di dalam pelbagai sektor pembangunan ekonomi sesuatu kawasan. Walau bagaimanapun, kajian lebih lanjut boleh dilaksanakan untuk melihat keperluan dan menilai cadangan yang dikemukakan Ahli Yang Berhormat pada masa akan datang.

- b) Perkhidmatan Bas Smart Selangor MBSA dijangka akan menambah dua laluan baru dan dijangka dapat dinikmati oleh penduduk pada bulan November 2016. Butiran laluan baru adalah seperti di bawah:

1. Laluan 2

- Bermula Hentian Pusat Bandar Seksyen 14 Shah Alam ke Komuter Batu Tiga dengan hentian-hentian berikut:

- Hentian Pusat Bandar >> Kompleks PKNS >> Wisma MBSA >> Balai Seksyen 11 >> Masjid Negeri >> Pusat Komersil Seksyen 9 >> Persiaran Kayangan >> Tesco Seksyen 13 / Pusat Akuatik >> Pusat Komersil Seksyen 13 (Worldwide) / Zakat Selangor – Tesco Shah Alam /AEON Mall >> Bazarena / MSU >> Giant Seksyen 13 >> Terminal Sementara Shah Alam >> Politeknik >> Komuter Batu Tiga.

## 2. Laluan 3

5.	JALAN NELAYAN, SEKSYEN 19							
6.	JALAN SINGA, SEKSYEN 20							
7.	JALAN TIMUN 24/B, SEKSYEN 24							
8.	TAMAN SRI MUDA, SEKSYEN 25							
9.	KG. BARU HICOM, SEKSYEN 27							
10.	TAMAN ALAM MEGAH, SEKSYEN 28							
11.	LORONG HAJI YUSOFF, SEKSYEN 29							
12.	LORONG HAJI SAID, SEKSYEN 30							
13.	KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31							
14.	JALAN STERENG, SEKSYEN 34							
15.	SUNGAI KANDIS, SEKSYEN 36							
16.	JALAN SAUJANA INDAH, SEKSYEN U2 TTDI JAYA							
17.	SEKSYEN U3 SUBANG PERDANA							
18.	JALAN U5/18A, SEKSYEN U5 MAH SING							
19.	JALAN APOLLO, SEKSYEN U5							
20.	JALAN U5/BV, SEKSYEN U5 SUBANG 2							
21.	KG.MELAYU SUBANG, SEKSYEN U6							
22.	JALAN SETIA PRIMA A U18/A, SEKSYEN U13 SETIA ALAM							
23.	TAMAN BUKIT SUBANG, SEKSYEN U16							
24.	JALAN WELLFARE, KG. BARU SG. BULOH SEKSYEN U19							
25.	KG. PAYA JARAS, SEKSYEN U19							
26.	BANDAR BARU SG. BULOH, SEKSYEN U20							

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

LOKASI PASAR PAGI DAN HARI OPERASI



HARI

BIL	LOKASI PASAR MALAM	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
1.	KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31							
2.	PEKAN SUBANG, SEKSYEN U6							
3.	KG. KUBU GAJAH, SEKSYEN U17							
4.	KG. PAYA JARAS, SEKSYEN U19							
5.	JALAN WELLFARE, SEKSYEN U19							
6.	BUKIT RAHMAN PUTRA, SEKSYEN U20							

## Lampiran 2 (MBPJ)

<i>PBT</i>	<i>DUN</i>	<i>PASAR MALAM</i>	<i>LOKASI</i>
MBPJ	ADUN BUKIT LANJAN Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING	PASAR MALAM	KG SG KAYU ARA 1 (ISNIN) JALAN TSB 9, SG BULOH(SELASA)
			PRIMA DAMANSARA (SELASA) KG SG KAYU ARA , JLN 5(KHAMIS)
			KG SG KAYU ARA 2 (JUMAAT) DAMANSARA DAMAI, PJU 10/1(JUMAAT)
MBPJ	ADUN KOTA DAMANSARA Y.B PUAN HALIMATON SADIAH BINTI BOHAN	PASAR MALAM	LEMBAH SUBANG, PUTERA DAMAI (SELASA) SEKSYEN 3, KOTA DAMANSARA (JUMAAT)
MBPJ	ADUN DAMANSARA UTAMA Y.B CIK YEO BEE YIN	PASAR MALAM	JALAN SS2/60, SS2/61 & SS2/63 (ISNIN)
			JALAN SS4C, KELANA JAYA JALAN SS2/6, SS2/10 CHOW YANG(KHAMIS)
			JALAN SS24/8, TAMAN MEGAH(AHAD)
			KAMPUNG CEMPAKA, JALAN PJU 1(RABU)
MBPJ	ADUN KG. TUNKU Y.B TUAN LAU WENG SAN	PASAR MALAM	SUNGAI WAY, JALAN SS 3/39(ISNIN)
			JALAN SS 3/29, JALAN SS 3/64(SELASA)
			SEKSYEN 20/16(AHAD)
MBPJ	ADUN TAMAN MEDAN Y.B PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA	PASAR MALAM	TAMAN SRI MANJA , PJS 3/36(SELASA)
			TAMAN MEDAN, JALAN 9(RABU)
			TAMAN DATO HARUN (KHAMIS)
			TAMAN MEDAN, JALAN 9(AHAD)
MBPJ	ADUN SERI SETIA Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD	PASAR MALAM	PJS 6, KG LINDUNGAN(ISNIN)
			PJS 8/4, SUNWAY MENTARI(RABU)
			SS 5A FAM, KELANA JAYA(SABTU)
			TAMAN MEDAN(AHAD)
			PJS10/32, FARLIM(AHAD)
MBPJ	ADUN BUKIT GASING Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN	PASAR MALAM	SEKSYEN 17/1A(SELASA)
			SEKSYEN 5, PETALING GARDEN(RABU)
			SEKSYEN 51A, KG BAIDURI(JUMAAT)

### Lampiran 3 (MPK)

#### Senarai Kawasan Pasar Malam

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Hari</b>	<b>DUN</b>
1	Jalan Hulubalang, Tmn Sentosa, Klang	Jumaat	Seri Andalas
2	Jalan Dato' Dagang 40, Taman Sri Sentosa	Rabu	Seri Andalas
3	Taman Klang Jaya	Ahad	Seri Andalas
4	Taman Setia, Johan Setia	Rabu	Seri Muda
5	Dataran Era Bandar Putera, Klang	Ahad	Seri Muda
6	Jalan Kluang	Ahad	Sungai Pinang
7	Jalan Gudang Nenas, Klang	Sabtu	Sungai Pinang
8	Lebuh Enggang, Taman Eng Ann	Isnin	Sungai Pinang
9	Batu 8, Kg. Bukit Kapar	Selasa	Meru
10	Jalan Raja Mokhtar	Jumaat	Sementa
11	Jalan Susur, Jalan Dato' Tahir Manan, Tmn Intan Kapar	Selasa	Sementa
12	Lorong Seri Kerayong 9, Taman Seri Kerayong, Kapar	Selasa	Sementa
13	Batu 12, Jalan Kapar, Tok Muda	Isnin	Sementa
14	Kampung Delek, Klang	Jumaat	Selat Klang
15	Taman Wangi	Khamis	Selat Klang
16	Jalan Sungai Bertek	Jumaat	Selat Klang
17	Pangsapuri Sri Perantau	Isnin	Selat Klang
18	Simpang Empat, Sungai Udang, Klang	Ahad	Selat Klang
19	Bandar Sultan Sulaiman, Pel. Klang	Isnin	Sementa

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Hari</b>	<b>DUN</b>
20	Kelompok Camar, Bdr Sultan Suleiman, Pel. Klang	Khamis	Sementa
21	Jalan Pelasari, Tmn Chi Liung, Klang	Rabu	Kota Alam Shah
22	Lorong Jelutong, Tmn Selatan, Klang	Sabtu	Kota Alam Shah
23	Jalan Jambu Bol/Mengkuang, Klang	Selasa	Kota Alam Shah
24	Flat Sri Bayu, Bayu Perdana	Sabtu	Kota Alam Shah
25	Pandamaran Jaya, Pel. Klang	Khamis	Pelabuhan Klang
26	Taman Pendamar Indah, Pel. Klang	Selasa	Pelabuhan Klang
27	Kg. Nelayan Telok Gong	Sabtu	Pelabuhan Klang
28	Jalan Tengah Kastam, Pel. Klang	Rabu	Pandamaran
29	Jalan Mesra, Tmn Chi Liung	Isnin	Pandamaran
30	Jalan Petola, Kg. Raja Uda, Pel. Klang	Khamis	Pandamaran
31	Taman Kandis Permai	Isnin	Seri Andalas
32	Jalan Tun Sambathan, Taman Sri Andalas	Sabtu	Seri Andalas
33	Jalan Sri Sarawak 14, Tmn Sri Andalas	Selasa	Seri Andalas
34	Taman Maznah	Jumaat	Seri Andalas
35	Jalan Penghulu Abu Bakar	Selasa	Seri Andalas
36	Taman Bunga Melor	Isnin	Meru
37	Lorong Angsa, Taman Berkeley	Selasa	Batu Tiga
38	Jalan Landasan, Jln Bkt Kuda Klang	Ahad	Kota Anggerik
39	Jalan Kedah	Khamis	Meru

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Hari</b>	<b>DUN</b>
40	Jalan Teruntum	Ahad	Meru
41	Taman Sri Pekan	Jumaat	Meru
42	Kg.Sg. Pinang, Lorong Hj. Umar, Pulau Indah	Ahad	Pelabuhan Klang
43	Taman Kem, Pel. Klang	Khamis	Pelabuhan Klang
44	Kota Pendamar, Telok Gong	Rabu	Pelabuhan Klang
45	Kg. Telok Nipah, Pulau Indah	Sabtu	Pelabuhan Klang
46	Kg. Perigi Nenas, Pulau Indah	Khamis	Pelabuhan Klang
47	Bandar Armada Putra, Pulau Indah	Selasa	Pelabuhan Klang
48	Kg. Rantau Panjang/ Jalan Musran	Jumaat	Sungai Pinang
49	Kg. Bt 4, Jalan Kapar	Isnin	Sementa
50	Taman Klang Perdana	Selasa	Sementa
51	Taman Klang Utama	Khamis	Sementa
52	Taman Cempakasari	Rabu	Sementa
53	Jalan Pengasah 4, Bt. 3 1/2, Jalan Kapar	Ahad	Sementa
54	Taman Meru Indah	Rabu	Meru
55	Taman Meru 4	Sabtu	Meru
56	Taman Dato' Bandar(Meru Selatan)	Isnin	Meru
57	Kg. Meru (Jln Paip)	Ahad	Meru



## Senarai Kawasan Pasar Pagi

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Hari</b>	<b>DUN</b>
1	Taman Setia, Johan Setia	Ahad	Seri Muda
2	Jalan Sri Sarawak 18, Taman Sri Andalas	Ahad	Seri Andalas
3	Jalan Penghulu Abu Bakar	Ahad	Seri Andalas
4	Lorong Kawasari 4, Tmn Eng Ann, Klang	Ahad	Kota Anggerik
5	Kg. Meru (Jalan Paip)	Jumaat	Meru
6	Jalan Khoo Khek Kheng, Kapar	Sabtu	Meru
7	Jalan Seruling, Taman Klang Jaya	Setiap Hari	Seri Andalas
8	Lorong Sepat, Telok Pulai	Setiap Hari	Selat Klang
9	Taman Chi Liung	Setiap Hari	Kota Alam Shah
10	Flat Taman Chi Liung	Setiap Hari	Pelabuhan Klang
11	Lorong Sg. Puloh 13	Setiap Hari	Sementa
12	Jalan Papan, Pandamaran	Setiap Hari	Pandamaran
13	Lorong Kawasari 4, Tmn Eng Ann, Klang	Setiap Hari	Kota Anggerik
14	Jalan Kedah	Setiap Hari	Meru
15	Lintang Dato' Tahir 1	Setiap Hari	Meru

## Senarai Kawasan Pasar Malam/Pagi (FAMA)

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Lokasi</b>	<b>HARI</b>	<b>DUN</b>
1	Pasar Pagi	Pasar Tani Bandar Botanik Klang	Sabtu	Pelabuhan Klang
2	Pasar Pagi	Kampung Raja Uda	Ahad	Pandamaran
3	Pasar Pagi	Jalan Sri Sarawak 18, Taman Sri Andalas	Sabtu	Seri Andalas
4	Pasar Pagi	Taman Sg. Kapar Indah	Sabtu	Sementa

### Lampiran 4 (MPAJ)

PBT	DUN	Jenis Tapak (Usahawan, Bazar, Pasar Malam Dan Uptown)	Lokasi
MPAJ	Hulu Kelang	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Zon Penjaja</li> <li>➤ Carbootsales</li> <li>➤ Pasar Pagi</li> <li>➤ Pasar Malam</li> <li>➤ Bot</li> <li>➤ Gerai Upen</li> <li>➤ Gerai Statik</li> <li>➤ Kiosk</li> <li>➤ Pasar Tani</li> </ul>	<p>Taman Permata (Hadapan Giant</p> <p>Taman Melawati Jln Bandar 4</p> <p>Ampang Jaya</p> <p>Keramat Au5 – Jln Au5c/15 Keramat Au3 Keramat Permai Ukay Perdana Keramat Au4 Taman Melawati</p> <p>Keramat Permai</p> <p>Jalan Enggang 14 Jalan Au3/1 Jalan Au3/7 Jalan J9, Taman Melawati</p> <p>Keramat Permai</p> <p>Taman Melawati Ukay Perdana</p> <p>Taman Melawati</p>

	<p style="text-align: center;">Bukit Antarabangsa</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Zon Penjaja</li> <li>➤ Carbootsales</li> <li>➤ Pasar Pagi</li> <li>➤ Pasar Malam</li> <li>➤ Bot</li> <li>➤ Pasar Tani</li> <li>➤ Gerai Statik</li> </ul>	<p>Ukay Perdana – Jalan Up 1/8</p> <p>Jalan Kelab Ukay</p> <p>Ampang Jaya</p> <p>Taman Melawati</p> <p>Ampang Mewah</p> <p>Taman Dato' Ahmad Razali</p> <p>Jalan Kolam Air Lama</p>
	<p style="text-align: center;">Lembah Jaya</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Zon Penjaja</li> <li>➤ Baazar</li> <li>➤ Pasar Pagi</li> <li>➤ Pasar Malam</li> <li>➤ Bot</li> </ul>	<p>Bkt Indah – Jln Bkt Indah 5</p> <p>Lembah Jaya – Jln Lembah Jaya Selatan</p> <p>Baazar Hijrah – Jln Wawasan 2/5 Bdr Baru Ampang</p> <p>Kg Dato' Mufti Taman Watan</p> <p>Lembah Jaya Bandar Baru Ampang Taman Sri Watan Ampang Mewah Ampang Indah Desa Lembah Permai Lembah Jaya Flat</p> <p>Bandar Baru Ampang</p> <p>Bukit Indah</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Gerai Upen</li> <li>➤ Gerai Statik</li> <li>➤ Kiosk</li> <li>➤ Plb</li> </ul>	<p>Bukit Indah Jalan 1 Ampang Jaya</p> <p>Taman Kosas Taman Tasik Tambahan Taman Sri Baru Taman Tasik Permai Permai D Kg Tasik Tambahan Jalan Utama Lembah Jaya 10 A, Lembah Jaya Selatan</p>
	Teratai	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Zon Penjaja</li> <li>➤ Pasar Pagi</li> <li>➤ Pasar Malam</li> <li>➤ Bot</li> <li>➤ Gerai Upen</li> <li>➤ Gerai Statik</li> </ul>	<p>Pandan Perdana – Jln Pandan Perdana 4/5</p> <p>Taman Muda Tapak Ekspo Taman Putra Pandan Perdana</p> <p>Kg Cheras Baru Pandan Mewah Taman Maju Jaya Tasik Tambahan Taman Seraya Taman Muda</p> <p>Taman Muda Pandan Perdana</p> <p>Taman Putra Taman Melur</p> <p>Taman Putra</p>
	Cempaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Zoning/Penempatan Sementara</li> </ul>	<p><u>Pandan Indah</u> Jln Padan Indah 1/25 Jln Pandan Mewah Jln Padan Indah 4/1 Jln Padan Indah 3/3b</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pasar Pagi</li> <li>➤ Pasar Malam</li> <li>➤ Bot</li> <li>➤ Gerai Upen</li> <li>➤ Gerai Statik</li> <li>➤ Plb</li> <li>➤ Pasar Tani</li> </ul>	<p>Jln Kencana 15 Jln Pandan Muhibbah</p> <p>Sri Inai</p> <p>Cahaya Indah Pandan Jaya Pandan Indah Taman Dagang</p> <p>Lembah Maju Pandan Cahaya</p> <p>Jalan 8/8 Pandan Jaya Lrt Pandan Jaya</p> <p>Fasa 2b Pandan Indah 3/2 Pandan Indah</p> <p>3/10 Pandan Indah Jalan A, Kg Pandan Jalan F, Kg Pandan</p> <p>Kg. Pandan</p>
--	--	---	---

## LAMPIRAN 5

### SENARAI LOKASI BAZAR MALAM ( UPTOWN )

#### 1. Dun Kajang (N25) Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail

BIL	BAZAR MALAM	HARI OPERASI	CATATAN
1.	Bazaar Malam Reko Sentral	Selasa Hingga Ahad	Setahun

#### 2. Dun Bangi (N26) Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah

BIL	BAZAR MALAM	HARI OPERASI	CATATAN
1.	Bazaar Malam Taman Putra Kajang	Jumaat Dan Sabtu	Tempoh Percubaan 6 Bulan Oktober 2016 Hingga Mac 2017

#### 3. Dun Semenyih (N24) Tuan haji Hamidi Bin Abu Hassan

BIL	BAZAAR MALAM	HARI OPERASI	CATATAN
1.	Bazar Malam Taman Pelangi Semenyih	Jumaat Dan Sabtu	Tempoh Percubaan 6 Bulan Mei 2016 Hingga Oktober 2016

**SENARAI LOKASI PASAR MALAM****1. Dun Kajang (N25) Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail****Kawasan Kajang**

<b>BIL.</b>	<b>PASAR MALAM</b>	<b>HARI OPERASI</b>
1.	Tmn. KajangUtama	Ahad / Rabu
2.	Tmn. Bukit Mewah	Ahad
3.	Desa Jenaris	Ahad
4.	Tmn. Setia Sg. Chua	Isnin
5.	Hentian Kajang	Isnin / Jumaat
6.	Tmn. Asa Jaya	Rabu
7.	Tmn. Jasmin	Khamis
8.	Kg. Baru Sg. Chua	Khamis
9.	Prima Saujana	Khamis
10.	Tmn. Sri Langat	Selasa
11.	Taman Delima	Sabtu
12.	Sg. Jelok	Jumaat
13.	Taman Kenari, Kajang	Ahad
14.	Taman Kajang Perdana	Selasa



## 2. Dun Semenyih (N24) Tuan haji Hamidi Bin Abu Hassan

### Kawasan Semenyih

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Sek. 1 Bandar Tek. Kajang Sek. 3 Bandar Tek. Kajang	Isnin Khamis
2.	Sek. 1 Bandar Tek. Kajang	Sabtu
3.	Bandar Rinching	Isnin
4.	Taman Paling Jaya	Rabu
5.	Pekan Semenyih	Sabtu
6.	Taman Pelangi Semenyih	Ahad

### Kawasan Beranang

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Bandar Tasik Kesuma	Isnin/ Khamis

### 3. Dun Bangi (N26) Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah

#### Kawasan Bangi

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Sek. 7, B.B.Bangi	Khamis
2.	Sek. 16, Bdr. Baru Bangi	Sabtu / Selasa
3.	Sek. 4, Bdr. Baru Bangi	Rabu / Jumaat
4.	Pekan Bangi	Khamis
5.	Bandar Seri Putra	Sabtu / Selasa
6.	Sek. 9, Tmn Ind. Kecil & Sederhana B.B. Bangi	Rabu
7.	Bdr. Bukit Mahkota, Bangi	Jumaat

### 4. Dun Dusun Tua (N23) Y.B. Tuan Haji Razaly Bin Hassan

#### Kawasan Langat

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Taman Seri Nanding	Jumaat
2.	Sungai Serai Hulu Langat	Rabu / Ahad

**Kawasan Cheras Kanan**

<b>BIL.</b>	<b>PASAR MALAM</b>	<b>HARI OPERASI</b>
1.	Taman Rakan Batu 12	Isnin
2.	Taman Suntex Batu 9, Cheras	Ahad
3.	Taman Cuepacs Batu 8	Selasa
4.	Taman Koop Cuepacs Batu 12	Selasa
5.	Bandar Sungai Long	Selasa
6.	Taman Segar Perdana	Ahad
7.	Bandar Mahkota Cheras Jalan Laksamana	Sabtu

**5. Dun Balakong (N27) Y.B. Tuan Ng Tien Chee****Kawasan Cheras Kiri**

<b>BIL.</b>	<b>PASAR MALAM</b>	<b>HARI OPERASI</b>
1.	Tmn. Taming Jaya	Isnin / Sabtu
2.	Tmn. Tun Perak	Selasa
3.	Tmn. Impian Ehsan	Selasa / Khamis
4.	Tmn. Cheras Perdana	Rabu
5.	Tmn. Desa Serdang	Rabu
6.	Tmn. Damai Perdana	Rabu

<b>BIL.</b>	<b>PASAR MALAM</b>	<b>HARI OPERASI</b>
7.	Tmn. Megah	Khamis
8.	Tmn. Indah Bt 11, Cheras	Jumaat
9.	Tmn. Cheras Jaya	Rabu / Ahad
10.	Taman Harmoni Indah, Bukit Belimbing Balakong	Rabu / Jumaat

(Sumber daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : CUKAI TANAH**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan cukai tanah yang tertunggak di Pejabat Tanah Negeri Selangor sehingga kini mengikut setiap daerah Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Cukai tanah yang tertunggak sehingga 30 September 2016 mengikut Pejabat Daerah / Tanah di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH</b>	<b>30 SEPTEMBER 2016 (RM)</b>
1.	Petaling	169,094,854.85
2.	Klang	46,533,242.38
3.	Gombak	56,445,225.47
4.	Hulu Selangor	30,148,332.04
5.	Hulu Langat	32,621,508.93
6.	Sepang	8,007,982.54
7.	Kuala Langat	5,620,820.72
8.	Kuala Selangor	6,844,543.00
9.	Sabak Bernam	957,109.42
<b>JUMLAH</b>		<b>356,273,619.35</b>

*(Sumber: Laporan Akaun Belum Terima Cukai Tanah Negeri Selangor, e-SPHT)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN BENCANA**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana?
- b) Bagaimanakah kaedah pengagihan kepada mangsa bencana?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan khas melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor yang diurussetiakan oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Peruntukan daripada Tabung Bencana Khas Negeri Selangor tersebut pula disalurkan kepada sembilan (9) Tabung Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan sumbangan kepada mangsa bencana dalam bentuk kewangan dan pek makanan kering. Kadar sumbangan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana dengan kadar tertentu adalah seperti jadual berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kadar Maksimum (RM)</b>
1.	<b>Mangsa banjir</b> a. Banjir b. Banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa (pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air sahaja layak menerima bantuan kewangan)	<b>500.00</b> <b>250.00</b> (kadar maksimum setahun)
2.	<b>Mangsa kebakaran</b> a. Musnah keseluruhan b. Musnah sebahagian	<b>500.00</b> <b>250.00</b>
3.	<b>Mangsa tanah runtuh dan ribut</b>	<b>500.00</b>
4.	<b>Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia</b>	<b>1,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA SELANGOR**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai program dan permohonan pembangunan yang boleh dipohon oleh pihak pengusaha industri kecil dan sederhana.
- b) Berapakah bilangan pengusaha industri kecil sederhana di Selangor?
- c) Berapakah hasil yang dikutip daripada industri kecil sederhana Selangor sejak tahun 2013?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada peserta Program Hijrah Selangor seperti jadual di bawah:

<b>JENIS SKIM</b>	<b>PINJAMAN</b>	<b>BULAN</b>	<b>MINGGU</b>
<b>SKIM 1</b>	3,000 - 5,000	12	50
		24	100
		36	150
<b>SKIM 2</b>	6,000 - 10,000	12	50
		24	100
		36	150
<b>SKIM 3</b>	15,000 - 20,000	12	50
		24	100
		36	150

<b>SKIM 4</b>	30,000 - 50,000	12	50
		24	100
		36	150

Berikut merupakan senarai Program dan Latihan Keusahawanan yang telah diberikan kepada peserta Hijrah Selangor untuk meningkatkan perniagaan mereka adalah seperti berikut :

**Program 2016**

<b>NO</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>BILANGAN PESERTA</b>
1	Kursus Usahawan Hijrah: Anda Juara	2 & 3 April 2016	Sekinchan	40
2	Kursus Magnet Diri Usahawan Kaedah NLP	3-Apr-16	Oriental Crystal Hotel, Kajang	40
3	Kursus Motivasi Staf Hijrah	23 & 24 April 2016	Empress Hotel, Sepang	40
4	Modul kekeluargaan - Ibu bapa	30 April - 1 Mei 2016	Hotel Carlton, Shah Alam	40
5	Modul kekeluargaan - Ibu bapa	7 & 8 Mei 2016	Hotel Carlton, Shah Alam	40
6	Penyerahan Cek bersama YAB Dato MB Selangor	12 Mei 2016	Dewan JPS, Ampang	40
7	Modul Kekeluargaan- Ibu bapa	23 & 24 Julai 2016	Hotel Carlton, Shah Alam	40
8	Kursus Usahawan Hijrah: Anda Juara	23 & 24 Julai 2016	Hotel Alami, Shah Alam	40



9	Kursus Usahawan Hijrah: Anda Juara	6 & 7 Ogos 2016	Warisan Sembilang, Jeram	40
10	Kem Motivasi Diri	13 & 14 Ogos 2016	Hotel Alami, Shah Alam	40
11	Kursus Usahawan: Anda Juara	20 & 21 Ogos 2016	Oriental Crystal Hotel, Kajang	40
12	Kursus Usahawan: Anda Juara	3 & 4 Sept 2016	Hotel Alami, Shah Alam	40
13	Kem Motivasi Diri	17 & 18 Sept 2016	Kalumpang, Hulu Selangor	40
14	Kursus Usahawan: Anda Juara	24 & 25 Sept 2016	Hotel Alami, Shah Alam	40
15	Kursus Usahawan: Anda Juara	8 & 9 Oktober 2016	Hotel Alami , Shah Alam	40

- b) Sehingga ke hari ini Program Hijrah Selangor bergerak aktif di seluruh Negeri Selangor. Sehingga Oktober 2016, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan dan kelulusan pinjaman sehingga Oktober 2016 adalah seramai 25,562 orang peserta dengan jumlah pinjaman RM144,746,000.00.
- c) Program Hijrah Selangor tiada hasil yang dikutip daripada Industri Kecil Sederhana Selangor sejak tahun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERANAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan dan bidang kuasa Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)?
- b) Mohon statistik, penguatkuasaan dan pemeriksaan sungai, punca air, premis dan yang berkaitan sepanjang 2016 yang dilakukan oleh LUAS.
- c) Berapa ramai kakitangan LUAS dan berapa ramai penguatkuasa yang ada?

**JAWAPAN:**

- a) LUAS berperanan sebagai sebuah agensi sehenti dengan pendekatan pengurusan bersepadu bersama agensi-agensi lain yang berkaitan untuk menguruskan sumber air Negeri Selangor yang merangkumi air permukaan (c: sungai, kolam), air bumi dan pesisiran pantai sejauh 3 batu nautika. Fungsi dan bidang kuasa LUAS adalah berdasarkan kepada Seksyen 6(1) dan Seksyen 6(2) Enakmen LUAS 1999 seperti di LAMPIRAN 1.
- b) Bagi tahun 2016, sebanyak 13 premis tegar telah diambil tindakan melalui aktiviti penguatkuasaan LUAS.

Sejumlah 314 siasatan dilakukan sepanjang tempoh Januari 2016 sehingga Ogos 2016, dan sebanyak 281 notis serta 13 kompaun telah dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan di bawah Enakmen LUAS 1999.

Sejumlah 93 kali pemantauan berkala dilakukan ke atas Zon Perlindungan yang telah dan akan diwartakan serta operasi bersepadu yang telah dijalankan dan disertai bermula pada Januari 2016 sehingga Ogos 2016.

Sebanyak dua (2) kertas siasatan yang sedang dalam penyediaan untuk membawa kes dibicarakan di mahkamah bagi kesalahan pencemaran sumber air.

Tahun 2016	Jumlah Siasatan / Pemeriksaan	Jumlah Notis	Jumlah Kompaun	Rampasan dan Sitaan	Pendakwaan	Pemantauan Zon Perlindungan & Operasi Bersepadu
Januari	35	35	tiada	tiada	tiada	16
Februari	40	36	2	2	tiada	13
Mac	39	35	1	tiada	tiada	15
April	45	41	tiada	1	tiada	16
Mei	32	22	tiada	tiada	tiada	13
Jun	38	37	tiada	tiada	tiada	4
Julai	25	21	tiada	tiada	tiada	3
Ogos	60	54	10	tiada	1	13
JUMLAH	314	281	13	3	1	93

\*Satu kertas siasatan telah disediakan pada Oktober 2016

c) Sehingga 25 Oktober 2016, LUAS mempunyai kekuatan anggota kakitangan seramai 104 orang yang terdiri daripada 72 orang pegawai/kakitangan lantikan bertaraf tetap dan 32 orang pegawai/kakitangan lantikan bertaraf kontrak. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 14 orang pegawai/kakitangan terdiri daripada anggota penguatkuasa yang diperincikan seperti berikut:

1. Pegawai Penguatkuasa Gred N41 (1 orang),
2. Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29 (2 orang), dan
3. Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 (11 orang).

Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS Bil 2/2016 pada 20 September 2016 seterusnya telah meluluskan pengambilan 45 orang pegawai/kakitangan lantikan bertaraf kontrak baharu yang mana merangkumi 13 orang pegawai/kakitangan anggota penguatkuasa tambahan seperti berikut;

1. Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29 (1 orang), dan
2. Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 (12 orang).

Lantikan pegawai/kakitangan baharu ini akan dilakukan secara berperingkat bermula pada bulan Januari 2017 yang mana akan melibatkan 4 orang Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 untuk permulaan. Langkah berperingkat ini adalah

untuk memastikan ketersediaan ruangan kerja bagi pegawai/kakitangan baharu yang akan dilantik.

### FUNGSI LUAS

Seksyen 6(1), Enakmen LUAS 1999.

- a) Memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menjaga, memelihara dan memudahkan pembangunan mampan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air yang efisien bagi maksud awam;
- b) Membangun, melaksana dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelbagai fungsi;
- c) Mengatur dan mengawal pemindahan air antara lembangan di dalam negeri;
- d) Membangun dan melaksanakan panduan standard, prestasi cara-cara dan tatacara-tatacara berhubung dengan pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- e) Menyelaraskan perhubungan pelbagai agensi dalam negeri dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk kegunaan sumber-sumber air pelbagai fungsi;
- f) Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- g) Mengendalikan penyelidikan berhubung dengan pengurusan, penggunaan efisien, pembangunan dan pemuliharaan sumber-sumber air dan sumber-sumber di dalamnya;
- h) Menyediakan latihan dan mengadakan kemudahan untuk latihan berhubung dengan fungsi Lembaga;
- i) Menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan perisytiharan kawasan yang ditetapkan dan dilindungi serta merumus dan melaksanakan pelan pembangunan dan pelan pengurusan untuk kawasan-kawasan itu;
- j) Menjaga kepentingan negeri di dalam hal pembangunan, pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber air;

- k) Mengurus dan mengawal pemasangan, pengendalian dan penyelenggaraan tempat-tempat dan peralatan kepunyaan Lembaga;
- l) Menjaga kepentingan pengguna-pengguna air berhubungan dengan jumlah, kualiti dan harga yang hendak dikenakan untuk bekalan air;
- m) Menggalakkan penubuhan pertubuhan pemegang kepentingan untuk Lembaga dalam pembangunan dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- n) Memberikan lesen atas syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga kepada mana-mana pihak berkuasa awam atau orang bagi mengusahakan sebarang kegiatan yang berhubungan dengan sumber-sumber air dan untuk mengawalselia pemegang-pemegang lesen serta aktiviti-aktiviti mereka;
- o) Menswastakan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mana-mana pengusahaannya mengikut peruntukan Enakmen ini;
- p) Menyiasat sebarang kejadian, kesalahan atau kemalangan yang berlaku di atas atau berhubungan dengan suatu sumber air;
- q) Membuat apa-apa benda lain yang didapatinya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

## **BIDANG KUASA LUAS**

Seksyen 6(2), Enakmen LUAS 1999.

- a) Mengendalikan tinjauan, membuat kajian daya maju dan mengumpul maklumat untuk penyelidikan dan penyediaan pelan-pelan pengurusan serta pemuliharaan mana-mana sumber air;
- b) Merumus, meluluskan dan melaksanakan pelan-pelan pengurusan dan pembangunan untuk sumber-sumber air dan membuat sebarang kerja yang berhubungan dengannya;
- c) Merumus dan meluluskan caj dan fee untuk penggunaan sumber-sumber air dan sumber-sumber di dalamnya;

- d) Menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang penetapan sebarang kawasan sebagai kawasan yang ditetapkan atau zon terlindung untuk perlindungan, pengawalan dan pengurusan yang lebih rapi bagi kawasan itu;
- e) Mengatur dan mengawalselia mana-mana aktiviti pengubahan sumber dan tindakan seseorang atau badan berkenaan mana-mana sumber air;
- f) Menetapkan dan mengenakan fee dan apa-apa caj lain yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya di bawah Enakmen ini;
- g) Membina, menyelenggara, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan, atau kerja-kerja di dalam batasan mana-mana sumber air;
- h) Membina, menyelenggara, memperbaiki, memulih dan membaik pulih sebarang kerja-kerja di luar batasan sumber-sumber air seperti yang diperlukan untuk perlindungan kerja-kerja kepunyaannya di dalam batasan mana-mana sumber air;
- i) Mengawalselia pengeluaran lesen dan permit atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar untuk masuk kepada atau keluar daripada sebarang kawasan yang ditetapkan atau dilindungi, atau untuk pelaksanaan aktiviti pengubahan sumber di dalam batasan mana-mana sumber air dan untuk mengenakan bayaran fee bagi pengeluaran lesen atau permit itu;
- j) Menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubungan dengan pemindahan air dari, di antara dan di kalangan negeri- negeri;
- k) menyelaraskan kegiatan pihak berkuasa awam, pertubuhan pemegang kepentingan dan mana-mana orang berhubungan dengan pengurusan penggunaan efisien dan pemuliharaan sumber-sumber air;
- l) Melantik atau menggaji agen, penasihat teknikal, konsultan atau orang lain untuk mengendalikan apa-apa perkara atau memasuki kontrak bagi pelaksanaan apa-apa kerja, untuk perkongsian keuntungan atau usahasama dengan mana-mana orang atau badan;
- m) Memperolehi melalui pembelian, hadiah atau sebaliknya dan melupuskan atau berurusan dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga;

- n) Membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Lembaga sebagai perlu, bermanfaat atau suai manfaat untuk dilakukan atau dibuat di dalam pelaksanaan tugas-tugasnya atau untuk melaksanakan secara lebih berkesan tujuan-tujuan Enakmen ini; dan
- o) Melaksanakan semua fungsi dan kuasa dan menjalankan semua tugas yang diberikan atau diwakilkan kepadanya di bawah atau berkenaan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : JUMLAH PASANGAN-PASANGAN BERPOLIGAMI DI NEGERI  
SELANGOR**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan berpoligami telah diluluskan di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2015?
- b) Berapa ramai pasangan berpoligami telah bernikah di luar kawasan kemudian mendaftar di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor? Senaraikan mengikut tahun dari 2008 hingga 2015.
- c) Berapa jumlah denda telah dikumpulkan di sepanjang tahun 2008 hingga 2015? Senaraikan mengikut daerah.

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), sebanyak **1430** kes permohonan poligami telah didaftarkan di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **808** permohonan diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor. Data lengkap permohonan poligami adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Sebanyak **2278** kes permohonan pengesahan nikah poligami telah didaftarkan di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,589 kes diluluskan (disahkan) untuk didaftarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Data lengkap permohonan pengesahan nikah poligami adalah seperti di **Lampiran 2**.
- c) Jumlah denda terkumpul bagi semua jenis kesalahan jenayah syariah termasuk poligami tanpa kebenaran di Mahkamah Syariah Negeri Selangor sepanjang tahun 2008 hingga 2015 adalah sebanyak **RM35,366,147.97**. Maklumat terperinci sebagaimana di **Lampiran 3**.

**STATISTIK PENDAFTARAN DAN KELULUSAN KES PERMOHONAN POLIGAMI DI NEGERI SELANGOR BAGI  
TAHUN 2008 HINGGA 2015**

<b>Tahun/Kategori</b>	<b>Daftar</b>	<b>Lulus</b>	<b>Tolak</b>	<b>Buang/ Tarik balik</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2008</b>	120	37	2	81	240
<b>2009</b>	118	35	1	82	236
<b>2010</b>	155	80	4	71	310
<b>2011</b>	163	100	8	55	326
<b>2012</b>	212	138	6	68	424
<b>2013</b>	202	109	6	87	404
<b>2014</b>	225	152	5	68	450
<b>2015</b>	235	157	7	71	470
<b>Jumlah</b>	1430	808	39	583	<b>2860</b>

**STATISTIK PENDAFTARAN DAN KELULUSAN KES PENGESAHAN NIKAH POLIGAMI DI NEGERI SELANGOR  
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2015**

<b>Tahun/Kategori</b>	<b>Daftar</b>	<b>Lulus</b>	<b>Tolak</b>	<b>Buang/ Tarik balik</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2008</b>	75	35	4	36	<b>150</b>
<b>2009</b>	102	47	4	51	<b>204</b>
<b>2010</b>	124	85	5	34	<b>248</b>
<b>2011</b>	406	228	5	173	<b>812</b>
<b>2012</b>	375	259	10	106	<b>750</b>
<b>2013</b>	413	308	14	91	<b>826</b>
<b>2014</b>	392	329	10	53	<b>784</b>
<b>2015</b>	391	298	15	78	<b>782</b>
<b>Jumlah</b>	<b>2278</b>	<b>1589</b>	<b>67</b>	<b>622</b>	<b>4556</b>

## LAMPIRAN 3

**JUMLAH DENDA TERKUMPUL BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2015 MENGIKUT DAERAH**

<b>Nama Mahkamah (daerah)/Tahun</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Mahkamah Tinggi Syariah</b>	849,418.55	781,208.07	855,124.71	941,119.84	430,394.35	2,427,541.37	753,916.40	814,847.15	<b>7,853,570.44</b>
<b>MRS Daerah Ampang</b>	-	-	-	-	-	-	-	246,990.00	<b>246,990.00</b>
<b>MRS Daerah Gombak Barat</b>	134,699.70	332,153.00	188,209.00	169,657.00	257,541.45	98,080.00	305,144.77	266,719.00	<b>1,752,203.92</b>
<b>MRS Daerah Gombak Timur</b>	107,319.00	144,266.10	120,245.00	96,387.00	95,349.00	105,302.00	134,758.07	153,697.00	<b>957,323.17</b>
<b>MRS Daerah Hulu Langat</b>	422,092.00	512,856.30	710,769.75	452,260.00	385,191.00	564,784.00	730,351.00	407,255.00	<b>4,185,559.05</b>
<b>MRS Daerah Hulu Selangor</b>	51,674.00	72,879.00	163,479.00	200,336.00	193,420.00	232,737.00	339,690.00	182,002.60	<b>1,436,217.60</b>
<b>MRS Daerah Klang</b>	159,744.00	221,868.00	316,916.00	422,543.50	450,065.00	442,777.00	511,416.00	539,337.00	<b>3,064,666.50</b>
<b>MRS Daerah Kuala Langat</b>	127,793.00	90,420.00	89,239.00	146,346.00	192,405.00	202,518.00	299,205.00	316,105.00	<b>1,464,031.00</b>
<b>MRS Daerah Kuala Selangor</b>	82,845.70	162,715.70	121,940.55	101,082.40	214,419.60	133,095.60	295,267.00	211,177.25	<b>1,322,543.80</b>

<b>Nama Mahkamah (daerah)/Tahun</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>Jumlah</b>
<b>MRS Daerah Petaling Jaya</b>	451,284.67	632,385.60	724,046.00	467,105.00	561,373.00	963,080.00	829,568.00	891,042.00	<b>5,519,884.27</b>
<b>MRS Daerah Sabak Bernam</b>	125,459.00	233,602.00	192,095.35	168,405.65	194,892.20	146,733.00	177,483.00	178,389.70	<b>1,417,059.90</b>
<b>MRS Daerah Sepang</b>	120,914.00	105,720.32	152,400.00	101,263.00	139,051.00	82,599.00	187,000.00	383,503.00	<b>1,272,450.32</b>
<b>MRS Daerah Shah Alam</b>	473,730.00	801,241.00	732,849.00	508,676.00	492,524.00	641,530.00	681,513.00	541,585.00	<b>4,873,648.00</b>
<b>Jumlah</b>	<b>3,106,973.62</b>	<b>4,091,315.09</b>	<b>4,367,313.36</b>	<b>3,775,181.39</b>	<b>3,606,625.60</b>	<b>6,040,776.97</b>	<b>5,245,312.24</b>	<b>5,132,649.70</b>	<b>35,366,147.97</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : POTENSI TARIKAN PELANCONGAN**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk mengoptimumkan produk khusus mercu kejayaan Kerajaan Negeri iaitu Jambatan Ke-3 Klang untuk menarik pelancong?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membangunkan Pengkalan Batu sebagai produk pelancongan unik dengan gabungan Masjid DiRaja Klang dan Jambatan Ke-3 Klang?
- c) Apakah agensi yang berkaitan yang boleh membantu membangun sesebuah lokaliti sebagai destinasi pelancongan lokal?

**JAWAPAN:**

- a) Jambatan Ke 3 di Klang telah diberi peruntukan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM236,714,643.21 No. Kontrak : JKR/Sel/552/2014 yang bakal siap pada tahun 2017 akan menjadi produk khusus mercu kejayaan Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong. Di mana reka bentuk jambatan yang unik dan menarik ini bakal menarik ramai pelancong melihat keindahan pemandangan di kawasan sekitar Sungai Klang. Malah, jambatan ini bakal meredakan kesesakan lalu lintas yang amat teruk di Klang. Maka, secara langsung akan menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke tempat menarik di Klang.

Di samping itu, Jambatan Ke 3 ini boleh dijadikan tempat penggambaran filem dari dalam dan luar negara sebagai lokasi salah satu babak di dalam filem. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi di Klang nescaya akan menjadi lebih rancak selepas Jambatan Ke 3 ini disiapkan. Maka, secara tidak langsung akan menarik lebih ramai pelancong dan pelabur yang berpotensi di dalam atau di luar negara berkunjung ke Klang untuk mencari peluang pelaburan di kawasan Klang.

- b) Pengkalan Batu seluas 5.3 ekar merupakan satu destinasi tempat pelancongan yang menarik. Di mana pihak Majlis Perbandaran Klang telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan dek memancing, wakaf, alat permainan kanak-kanak, pelantar pemandangan yang indah, laluan pejalan kaki, pondok rehat dan tempat senaman untuk kemudahan masyarakat.

Dengan adanya gabungan Masjid DiRaja Klang dan Jambatan Ke 3 Klang yang dijangka siap pada tahun 2017 akan mewujudkan satu rangkaian perjalanan darat yang cukup menarik untuk para pelancongan sampai ke Klang.

Gabungan Masjid di Raja Klang, Jambatan Ke 3 Klang dan Pengkalan Batu boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan yang menarik dengan mewujudkan aktiviti air dan darat antara tempat-tempat ini. Untuk aktiviti air seperti memancing ikan, sukan air dan Klang River Cruise. Manakala untuk aktiviti darat seperti "explorace" mencari harta karun, aktiviti kayuhan basikal dan Larian DiRaja Klang boleh diketengahkan sebagai produk pelancongan unik di kawasan-kawasan ini. Tambahan pula, kawasan di Pengkalan Batu boleh dijadikan sebagai tempat pilihan "Wedding Photoshoot" pengantin-pengantin baru dari dalam dan luar negara.

- c) Agensi yang paling penting untuk membantu membangun sesebuah lokaliti sebagai destinasi pelancongan lokal ialah Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Klang. Namun demikian, rangkaian perhotelan yang boleh menawarkan harga yang murah dan perkhidmatan yang baik juga memainkan peranan yang penting. Di samping itu, sistem pengangkutan air, darat dan udara yang cekap akan membantu memberi kemudahan kepada para pelancong berkunjung ke sesebuah lokaliti. Tambahan pula, agensi-agensi seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Persatuan Sejarah dan Warisan Negeri juga boleh menyumbang membantu membangunkan lokaliti sebagai destinasi pelancongan lokal yang menarik dengan mengadakan pertunjukan acara-acara kebudayaan dan pameran barang-barang warisan di sesebuah lokaliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA DI SELANGOR**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Dasar dan Polisi Kerajaan Negeri amalkan semasa mempertimbangkan suatu permohonan projek lebuh raya yang melibatkan kawasan Selangor?
- b) Apakah proses kelulusan projek lebuh raya di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Pembinaan lebuh raya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan). Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam hal ehwal tanah dan pengurusan Kerajaan Tempatan (Jadual Kesembilan Senarai II – Senarai Negeri) serta pengimbangan kuasa antara Persekutuan dan Negeri dalam hal perancangan bandar dan desa (Jadual Kesembilan Senarai III – Senarai Bersama) .

Berdasarkan peruntukan kuasa yang diberikan, Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2015 bertarikh 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan supaya projek-projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek yang berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Sehubungan dengan itu, tatacara yang digunakan dalam mempertimbangkan dan meluluskan pembinaan lebuh raya di Selangor selepas tarikh tersebut dibuat melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Untuk makluman semua Y.B., pelaksanaan proses rundingan ini dibuat melalui penurunan kuasa oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) kepada



Jawatankuasa Teknikal – Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT-JPNS). JKT-JPNS akan menjalankan proses rundingan melalui arahan Kerajaan Negeri. Proses ini membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum dan menyelaras perkara-perkara dasar, peruntukan akta serta syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi sebelum projek berkenaan dilaksanakan. Hasilnya, pembangunan yang dicadangkan akan dilaksanakan berdasarkan kepada perancangan keseluruhan serta memudahkan kerja-kerja penyelarasan fizikal kelak.

Antara perkara-perkara yang diambilkira dalam rundingan adalah seperti berikut:

- (i) Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambilkira faktor *zoning*, guna tanah, koridor pembangunan, penjana ekonomi, kemudahsampaian, kesan kepada alam sekitar, kesan sosial dan pemilikan tanah; dan
  - (ii) Pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat teknikal semasa perancangan dan pelaksanaan projek.
- b) Proses kelulusan projek lebuh raya perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Setelah cadangan pembinaan diluluskan dan diperakukan oleh PBN, cadangan pembinaan perlu melalui proses-proses berkaitan dengan pemilikan atau pengambilan balik tanah serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh PBN dari semasa ke semasa.

Maka, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya semasa proses pembinaan berjalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR (BSS)**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini BSS mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah pengguna BSS pada tahun 2016.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Sejak perkhidmatan bas ini mula beroperasi pada 1 Julai 2015 sehingga 30 September 2016 di sebelas (11) kawasan pentadbiran PBT, 34 buah Bas Smart Selangor telah beroperasi dan jumlah penumpang yang dicatatkan adalah sebanyak 3,153,009 orang. Pecahan bas mengikut PBT adalah seperti di **Jadual 1**:

**Jadual 1: Jumlah Bas Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan**

	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH BAS BEROPERASI
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	4
2	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4
3	Majlis Perbandaran Klang	4
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	4
5	Majlis Perbandaran Kajang	4
6	Majlis Perbandaran Selayang	4
7	Majlis Perbandaran Sepang	2
8	Majlis Daerah Kuala Langat	2
9	Majlis Daerah Sabak Bernam	2
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	2
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	2
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>34</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBINAAN RUMAH SELANGORKU**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini Rumah Selangorku yang telah siap, telah dilancarkan dan masih dalam pembinaan mengikut daerah.
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan Rumah Selangorku siap mengikut jadual yang telah ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak Dasar Rumah Selangorku telah diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **86,122** unit Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Ia merangkumi sebanyak 22,494 unit rumah di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku manakala baki 63,628 unit lagi bukan di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku. Perincian status pelaksanaan Rumah Selangorku mengikut PBT adalah seperti berikut.

1. Projek di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku yang telah dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar.

PBT	Projek / Bilangan Unit				
	Siap Dibina	Sedang Dibina (Telah Ditawarkan)	Sedang Dibina (Belum Ditawarkan)	Belum Dibina	Jumlah Keseluruhan Projek / Unit
MBSA	1 (536)	1 (4,448)	1 (388)	-	3 (5,372)
MPK	-	3 (4,139)	1 (84)	-	4 (4,223)
MPKj	-	2 (1,584)	-	-	2 (1,584)
MPS	-	1 (488)	1 (198)	3 (5,449)	5 (6,135)

<b>MDKL</b>	-	-	2 (3,642)	-	2 (3,642)
<b>MPSp</b>	-	-	-	1 (376)	1 (376)
<b>MPSJ</b>	-	-	-	1 (1,162)	1 (1,162)
<b>JUMLAH</b>	1 (536)	7 (10,659)	5 (4,312)	5 (6,987)	18 (22,494)

2. Projek bukan di bawah Skim Insentif Rumah Selangorku.

<b>PBT</b>	<b>Projek / Bilangan Unit</b>			
	<b>Siap Dibina</b>	<b>Sedang Dibina</b>	<b>Belum Dibina</b>	<b>Jumlah Keseluruhan Projek / Unit</b>
<b>MBSA</b>	-	1 (104)	12 (5,300)	13 (5,404)
<b>MBPJ</b>	-	-	3 (732)	3 (732)
<b>MPAJ</b>	-	1 (42)	3 (406)	4 (448)
<b>MPSJ</b>	-	1 (408)	11 (8,135)	12 (8,543)
<b>MPK</b>	-	1 (306)	9 (3,390)	10 (3,696)
<b>MPKj</b>	-	5 (1,545)	34 (15,619)	39 (17,164)
<b>MPSp</b>	-	3 (1,630)	15 (5,777)	18 (7,407)
<b>MPS</b>	-	-	9 (14,205)	9 (14,205)
<b>MDHS</b>	-	2 (209)	3 (254)	5 (463)
<b>MDKS</b>	-	3 (2,294)	12 (2,816)	15 (5,110)
<b>MDSB</b>	-	-	1 (16)	1 (16)

<b>MDKL</b>	-	-	<b>1</b> <b>(440)</b>	<b>1</b> <b>(440)</b>
<b>JUMLAH</b>	-	<b>17</b> <b>(6,538)</b>	<b>113</b> <b>(57,090)</b>	<b>130</b> <b>(63,628)</b>

- b) Inisiatif Kerajaan Negeri mengambil untuk memastikan Rumah Selangorku siap mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan mengadakan pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Rumah Selangorku yang membincangkan perkara-perkara seperti berikut :-
- i. Melaporkan status pembangunan Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) daripada tahun 2010 sehingga kini khususnya yang masih belum mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang di PBT.
  - ii. Mengenalpasti isu-isu berbangkit yang mengakibatkan pemaju masih gagal mengemukakan pelan Kebenaran Merancang.
  - iii. Menyelaras dan memudahcara proses-proses kelulusan Rumah Selangorku di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi.
  - iv. Mengadakan lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kepada Jawatankuasa.
  - v. Memohon pemaju untuk mengemukakan Jadual Kemajuan Kerja di tapak setiap 6 bulan sekali.
  - vi. Mengesyorkan arahan pembekuan atau 'Stop Work Order' bagi pembangunan berkaitan sebelum diangkat untuk persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : CADANGAN SEBAHAGIAN HUTAN SIMPAN SG PUTEH DIKELUARKAN  
DARIPADA STATUS HUTAN SIMPAN**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini bantahan penduduk-penduduk terhadap cadangan Hutan Simpan Sg Puteh dikeluarkan daripada status hutan simpan?
- b) Bilakah pendengaran bantahan tersebut akan diadakan?
- c) Apakah asas-asas/petua Kerajaan pegang dalam mempertimbangkan bantahan-bantahan penduduk?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah siap menyediakan laporan analisa ke atas surat bantahan yang diterima daripada penduduk sekitar yang tinggal berhampiran dengan HS Bukit Sg Puteh. Daripada keputusan analisa mendapati bahawa terdapat sejumlah lapan (8) bantahan dan selainnya adalah surat bantahan secara berulang-ulang mengenai perkara yang sama.
- b) Penyiasatan Awan mengenai cadangan pengeluaran Hutan Simpan Bukit Sg. Puteh akan diadakan dalam masa terdekat atau sebelum penghujung tahun 2016.
- c) Secara dasarnya, Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengeluarkan sebahagian daripada kedua-dua Hutan Simpan Bukit Sg Puteh Utara dan Hutan Simpan Bukit Sg Puteh Selatan dengan keluasan lebih kurang 30.0 ha dan akan dibuat penggantian dengan Tanah Kerajaan yang dibeli oleh pihak konsesi projek Lebuhraya SUKE untuk dijadikan Hutan Simpanan Kekal dengan keluasan lebih kurang 52.0 ha. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengambil langkah proaktif dimana pewartaan keluar / masuk HSK dilakukan secara serentak. Disamping itu, penggantian kawasan HSK yang lebih luas sekaligus akan dapat meningkatkan jumlah keseluruhan HSK di Negeri Selangor.

Sebelum, pihak Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan untuk memberi kelulusan ke atas projek Lebuhraya SUKE, pihak Kerajaan Negeri telah memastikan bahawa ke semua peraturan dan syarat yang ditetapkan dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa akan terlebih dahulu dipatuhi oleh pihak pemaju projek yang meliputi pelbagai aspek seperti alam sekitar, bunyi, impak sosial, trafik, langkah-langkah mitigasi dan sebagainya.

Pada masa kini, projek-projek pembangunan yang melibatkan penggunaan / pengeluaran kawasan HSK, pihak Kerajaan Negeri Selangor hanya akan mempertimbangkan kelulusan bagi projek-projek pembangunan untuk kemudahan orang awam dan seterusnya banyak memberikan manfaat kepada orang awam secara keseluruhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : JETI-JETI PINGGIRAN PANTAI**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan perkembangan tindakan Kerajaan Negeri mengenakan cukai bayaran untuk jeti-jeti nelayan di pinggir pantai?
- b) Apakah rasional Kerajaan mengenakan tuntutan ini kerajaan menambahkan kos para nelayan?

**JAWAPAN:**

- a) Cadangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan caj RM600 setahun terhadap jeti nelayan oleh LUAS adalah di dalam peringkat semakan semula dengan mengambilkira pandangan para nelayan dan pihak-pihak yang berkepentingan semasa inventori dijalankan.
- b) Caj jeti pendaratan ikan dilaksanakan adalah bertujuan untuk ;
  - 1. Memudahkan proses urus tadbir jeti, di samping memberi kemudahan kepada nelayan melalui penyampaian bantuan oleh agensi berkaitan setelah jeti yang memenuhi kriteria didaftarkan dan diputihkan;
  - 2. Menyokong Kerajaan Negeri di dalam menjalankan program-program berkaitan perancangan dan pembangunan serta pemeliharaan sumber air terutamanya berkaitan aktiviti jeti yang sememangnya memerlukan kos dan perbelanjaan yang tinggi;
  - 3. Menyokong Kerajaan Negeri di dalam menjalankan kerja-kerja berkaitan infrastruktur yang melibatkan sumber air seperti pembaikan tebing, mendalamkan sungai, projek tebatan banjir dan pembangunan sumber air tambahan;
  - 4. Membantu dalam pelaksanaan aktiviti pengawalan dan pemantauan menggunakan kaedah kawalan dan kawalseliaan bagi memastikan persekitaran sumber air tidak mengalami kesan yang teruk akibat daripada aktiviti jeti ini; dan



5. Mewujudkan sikap/nilai tanggungjawab kepada pemegang lesen sekali gus mendukung aspek pengawalan dan pemantauan terhadap sumber air yang digunakan. Konsep "*Payment For Ecosystem*" ini telah digunapakai di seluruh dunia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : HARI SUKAN NEGARA 2016 (HSN2016)**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan penglibatan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan HSN2016.
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program sedemikian di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tidak dilibatkan secara langsung dengan Hari Sukan Negara 2016 yang telah diadakan pada 8 Oktober 2016 yang lalu oleh Kementerian Belia dan Sukan. Di Selangor, sambutan hanya dilaksanakan oleh jabatan-jabatan secara terhad di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan sahaja.
- b) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menjalankan program sukan Selangor Plus yang menjadi acara dan program tahunan kepada semua rakyat di Negeri Selangor. Sukan Selangor Plus ini diwujudkan adalah untuk menjadikan rakyat Negeri Selangor sebagai rakyat yang cergas dan cerdas dalam sukan selain ianya memupuk perpaduan antara kaum. Mekanisma program ini diadakan dengan menganjurkan kejohanan dengan beberapa sukan yang sinonim dengan rakyat tidak kira peringkat umur seperti sukan futsal, bola keranjang, bola jaring, dan lain – lain. Penganjuran Sukan Selangor Plus ini hanya dijadikan titik tolak untuk mencari atlet-atlet yang boleh menjadi wakil negeri ke peringkat yang lebih tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DI SELANGOR**

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di bandar-bandar?
- b) Apakah Kerajaan Negeri melakukan kajian untuk mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Isu kesesakan lalu lintas merupakan salah satu isu yang acap kali dibangkitkan terutama oleh penduduk di kawasan bandar. Menyedari perkara ini, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif:

Penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) sebagai satu dokumen asas ke arah mewujudkan perancangan pengangkutan awam yang komprehensif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) merupakan dokumen yang komprehensif dan lengkap untuk dijadikan panduan dan hujahan ke atas pendirian Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian iaitu 60:40 dan akan memberi lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat membantu merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.

Penyediaan pengangkutan awam secara percuma melalui perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula di kawasan bandar yang kemudiannya telah diperluaskan ke kawasan luar bandar. Perkhidmatan yang telah dilaksanakan bermula 1 Julai 2015 terus diyakini memberikan impak positif kepada rakyat Selangor berkaitan sistem perkhidmatan awam yang lebih dominan dan selesa. Pelaksanaannya telah membuahkan hasil dengan lebih 3 juta penumpang menggunakan perkhidmatan tersebut di seluruh negeri sehingga bulan September 2016 sejak ianya dilancarkan.

- b) Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) merupakan *outcome* kepada kajian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk

menyediakan perancangan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan awam terbaik kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : YAYASAN HIJRAH**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Yayasan Hijrah untuk membantu ekonomi masyarakat luar bandar?
- b) Nyatakan jenis dan jumlah bantuan kepada masyarakat luar bandar oleh Yayasan Hijrah.

**JAWAPAN:**

- a) Falsafah Program HIJRAH Selangor berteraskan konsep "Pinjaman Asas Simpanan". Maksudnya, pinjaman yang diberikan digunakan sebagai modal tambahan dalam urusan perniagaan. Berikut merupakan jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada peserta Program HIJRAH Selangor seperti jadual di bawah:

<b>JENIS SKIM</b>	<b>PINJAMAN</b>	<b>BULAN</b>	<b>MINGGU</b>
<b>SKIM 1</b>	3,000 - 5,000	12	50
		24	100
		36	150
<b>SKIM 2</b>	6,000 - 10,000	12	50
		24	100
		36	150
<b>SKIM 3</b>	15,000 - 20,000	12	50
		24	100
		36	150

<b>SKIM 4</b>	30,000 - 50,000	12	50
		24	100
		36	150

Sebagai fasa pertama pelaksanaan, Program HIJRAH Selangor menawarkan skim kepada usahawan HIJRAH Selangor

- a) Skim 1: RM3,000 hingga RM5,000
- b) Skim 2: RM6,000 hingga RM10,000

Usahawan-usahawan yang menunjukkan 'Disiplin Kredit' yang memuaskan dengan rekod bayaran balik pinjaman semasa yang baik akan ditawarkan Skim HIJRAH Selangor jangka panjang seperti berikut:

- a) Skim 3 (RM15,000 dan RM20,000)
- b) Skim 4 (RM30,000 hingga RM50,000)

Sehubungan itu, Hijrah Selangor juga telah memperkenalkan Program Pengembangan Usahawan 'Zero To Hero'. Program ini adalah perjanjian kerjasama antara HIJRAH Selangor dengan syarikat peneraju. Syarikat berkenaan bersedia dan bertanggungjawab untuk membekalkan barangan kepada usahawan program berkenaan. Pakej barangan yang dibekalkan adalah di dalam lingkungan RM1000.00 sehingga RM5000.00. Berikut adalah penambahan jadual bayar balik yang tidak terdapat di dalam sistem jadual bayar balik untuk dikemaskinikan seperti berikut :

<b>JENIS SKIM</b>	<b>PINJAMAN</b>	<b>TEMPOH PINJAMAN</b>
Sim Kad Telefon	1000.00	50 minggu
Kiosk Ayam Gunting	4,500.00	150 minggu
Jahitan	5000.00	150 minggu
Bakeri	5000.00	150 minggu
Burger	5000.00	150 minggu
Cetakan	5000.00	150 minggu
Urutan	5000.00	150 minggu

b) Senarai jenis bantuan adalah seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan a.

Berikut merupakan senarai aktiviti usahawan Program Hijrah Selangor mengikut daerah:

Daerah	Jenis Perniagaan						Jumlah
	Makanan	Pembekal	Pemprosesan	Ternakan	Perkhidmatan	Pertanian	
Gombak	1,179	1,496	41	23	592	36	3,367
Klang	1,239	1,530	87	26	856	62	3,800
Kuala Langat	644	592	21	50	385	38	1,730
Kuala Selangor	847	750	38	153	526	247	2,561
Petaling	1,865	2,536	106	29	1,239	77	5,852
Sabak Bernam	960	641	72	239	609	951	3,472
Sepang	550	458	27	25	370	43	1,473
Hulu Langat	737	705	29	21	348	33	1,873
Hulu Selangor	507	491	38	22	340	36	1,434
<b>Jumlah</b>	<b>8,528</b>	<b>9,199</b>	<b>459</b>	<b>588</b>	<b>5,265</b>	<b>1,523</b>	<b>25,562</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KERJASAMA PERTANIAN**

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perincian projek kerjasama pertanian yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan mutu pertanian di Selangor.
- b) Apakah kejayaan yang telah diraih daripada projek kerjasama pertanian ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membuat beberapa kerjasama pertanian bagi meningkatkan mutu pertanian di Selangor. Antaranya kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia bagi merangka pelan induk pertanian Selangor yang sedang berjalan ketika ini. Selain itu Jabatan Pertanian juga bekerjasama dengan Persatuan Pengeluar dan Pengeksport Buah-buahan Kuala Lumpur dan Selangor bagi pengeluaran dan pemasaran buah-buahan untuk dieksport. PKPS juga sedang berunding dengan syarikat Green World Genetics (GWG) yang beribu pejabat di Batu Arang untuk mengusahakan ladang jagung bijirin (grain corn) di tanah milik PKPS di Sungai Tengi untuk tujuan pengeluaran jagung bagi makanan haiwan.
- b) Dengan kerjasama ini, jumlah pengeluaran produk pertanian dapat ditingkatkan. Selain itu produk pertanian dapat dipasarkan dengan lebih luas hasil jaringan kerjasama dengan pemain industri yang mampu membawa produk pertanian Selangor ke peringkat antarabangsa.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : USAHAWAN DESA DAN KG. TRADISI**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah manfaat program pembangunan usahawan desa dan kampung tradisi?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan untuk menjayakan program ini dari tahun 2010-2015.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sangat komited untuk meningkatkan ekonomi penduduk kampung di Negeri Selangor. Bermula tahun 2008, pelbagai program dijalankan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan di bandar dan di desa khususnya. Melalui pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang diadakan pada tahun 2015, penglibatan daripada peserta adalah seramai 600 orang. Program ini pada dasarnya bertujuan untuk memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan melalui kerjasama dengan INPENS International College dan Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) pada bulan Ogos dan September tahun 2015. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM210,124.00.

Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Industri Komuniti Kampung pula telah dilaksanakan pada bulan November tahun 2015. Pada tahun 2016, program ini telah diteruskan pelaksanaan berdasarkan maklum balas positif yang diperoleh daripada para peserta. Pada dasarnya, program ini merupakan lanjutan Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang bertujuan memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Pada tahun 2015, program ini telah dihadiri oleh 95 orang peserta dengan jumlah peruntukan sebanyak RM793,300.00. Manakala pada tahun 2016, program ini telah disertai oleh 105 orang peserta yang melibatkan kos sebanyak RM992,500.00. Pada masa

ini hampir kesemua peserta bagi program Industri Komuniti Kampung telah memulakan perniagaan masing-masing dan memperoleh peningkatan pendapatan lebih 30%.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000.00 pada tahun 2015 untuk melaksanakan Program 1 Daerah 1 Inkubator. Program ini dicadangkan untuk memberdayakan ekonomi warga desa dan kampung tradisi. Program ini juga akan meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri. Inkubator yang disediakan adalah melibatkan kursus-kursus seperti berikut :

Daerah	Jenis Inkubator
Klang	Penyaman Udara & Pendawaian Elektrik
Kuala Langat	Pusat Kecantikan, Dandanan Rambut & Jahitan
Sabak Bernam	Bengkel Motosikal
Hulu Selangor	

- b) Untuk makluman, Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor mula dilaksanakan pada tahun 2015 melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM1,603,424.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN NELAYAN**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peserta yang mengikuti program pembangunan nelayan di Selangor.
- b) Nyatakan jumlah peruntukan untuk menjayakan program tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peserta yang mengikuti Program Pembangunan Nelayan di Selangor adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Bilangan penerima</b>	<b>Jenis Bantuan</b>
2012	Kuala Langat	19	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	
2013	Kuala Selangor	23	Enjin Sangkut & Peralatan Akuakultur
	Gombak/Petaling	3	Peralatan Akuakultur
	Hulu Langat	1	Peralatan Akuakultur
	Hulu Selangor	1	Peralatan Akuakultur
	Klang	3	Peralatan Akuakultur
	Kuala Langat	10	Peralatan Marin & Peralatan Akuakultur
	Sabak Bernam	1	Peralatan Akuakultur
<b>Jumlah</b>		<b>42</b>	
2014	Kuala Selangor	49	

	Sabak Bernam	556	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut, Alatan Keselamatan
	Kuala Langat	24	
<b>Jumlah</b>		<b>629</b>	
2015	Kuala Selangor	61	Sampan, Enjin Sangkut, Jaring, Peralatan Akuakultur
	Sabak Bernam	81	Sampan, Enjin Sangkut, Jaring, Penyejukbeku
	Kuala Langat	8	Sampan, Net hauler, Peralatan Akuakultur
		<b>150</b>	
2016	Sabak Bernam	17	Jaring
	Kuala Selangor	36	
	Klang	78	
	Kuala Langat/Sepang	212	
	Sabak Bernam	100	Global Positioning System (GPS)
	Kuala Selangor	100	
	Klang	100	
	Kuala Langat/Sepang	100	
	Sabak Bernam	44	Bantuan Nelayan Sungai Jaring, Kotak insulasi, lampu, jaket keselamatan
<b>Jumlah</b>		<b>787</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,627</b>	

- b) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Perikanan untuk membantu nelayan dan penternak akuakultur. Jumlah peruntukan yang disalurkan pada tahun 2012 sebanyak RM141,250, tahun 2013 sebanyak RM196,900, tahun 2014 sebanyak RM531,000, tahun 2015 sebanyak RM1,297,600 dan tahun 2016

sebanyak RM1,695,200.00. Peruntukan yang disalurkan kepada nelayan adalah bantuan peralatan menangkap ikan, sampan, enjin sangkut serta alatan keselamatan. Kerajaan negeri juga telah memberi bantuan kepada 44 orang nelayan darat yang berupa peralatan nelayan seperti jaring, kotak insulasi, lampu dan jaket keselamatan yang bernilai RM20,000.00.

Bagi penternak akuakultur berumur 18-65 tahun serta telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun, jenis bantuan yang diberikan adalah seperti sistem ternakan (sangkar, tangki), input operasi (benih, makanan, induk) dan peralatan mudah alih (pam, generator, kincir air dan lain-lain. Pada tahun 2015, seramai 7 orang penternak akuakultur telah menerima bantuan ini yang berjumlah RM120,000.00. Pada tahun 2016 pula, seramai 131 orang penerima dengan nilai bantuan RM630,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PREMIUM TANAH**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kaedah pengiraan premium tanah?
- b) Nyatakan jumlah kutipan tanah dari tahun 2010-2015 mengikut daerah.

**JAWAPAN:**

- a) Kaedah pengiraan premium tanah di Negeri Selangor adalah mengikut Peraturan 7, Kaedah Tanah Selangor (KTS) 2005 (Pindaan 2007). Pengiraan cukai premium tanah adalah seperti berikut:-
  - i. Bangunan kediaman untuk individu  
 $\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{luas tanah yang diluluskan} \times \text{nilai tanah} \times 99 \text{ tahun @}$   
bersamaan 23% daripada nilai pasaran
  - ii. Bangunan kediaman untuk syarikat  
 $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times \text{luas tanah yang diluluskan} \times \text{nilai tanah} \times 99 \text{ tahun @}$   
bersamaan 50% daripada nilai pasaran
  - iii. Bangunan industri dan perniagaan  
 $\frac{3}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{luas tanah yang diluluskan} \times \text{nilai tanah} \times 99 \text{ tahun @}$   
bersamaan 74% daripada nilai pasaran
- b) Jumlah kutipan cukai premium tanah di Negeri Selangor dari tahun 2010 – 2015 adalah sebanyak **RM5,418,682,888.77**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

**LAMPIRAN A****KUTIPAN HASIL PREMIUM TANAH NEGERI SELANGOR  
BAGI TAHUN 2010 – 2015**

<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Petaling	1,768,947,447.85
Hulu Langat	926,251,006.13
Gombak	539,628,584.75
Klang	597,698,093.51
Sepang	982,265,232.44
Kuala Selangor	198,697,595.92
Kuala Langat	227,158,069.45
Sabak Bernam	22,104,613.19
Hulu Selangor	155,932,245.53
<b>JUMLAH</b>	<b>5,418,682,888.77</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : WABAK ZIKA**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mencegah wabak Zika dari menular?
- b) Nyatakan SOP sekiranya terdapat kes Zika di negeri ini.

**JAWAPAN:**

- a) Usaha JKNS/ KKM bagi mencegah wabak Zika dari menular:

Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran terkini bertarikh 11 September 2016 bagi Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika kepada semua negeri. Justeru JKNS melaksana dasar dan usaha yang disyorkan termasuklah:

- i. Mengambil tindakan kesiapsiagaan bagi membendung penularan virus Zika dengan menjalankan Survelen klinikal untuk Zika di beberapa klinik Kesihatan dan hospital di Selangor dan terlibat secara langsung dengan program Survelan Makmal oleh MKAK untuk virus Zika. Selain itu, terdapat Survelan "Microcephaly" dan "Gullain-Barré Syndrome" dilaksana oleh pihak KKM bagi memantau kejadian kes;
- ii. Mengambil tindakan pencegahan dan kawalan oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri seperti garis panduan kawalan denggi jika terdapat kes yang dilaporkan;
- iii. Kesiapsiagaan dan Respons Pintu Masuk Antarabangsa Negara di Pintu Masuk Utama Negara di negeri Selangor;
- iv. Memanjangkan Zika Alert yang telah diumumkan oleh pihak KKM dan memaklumkan mengenai situasi virus Zika serta pelaksanaan pengurusan jangkitan virus Zika kepada fasiliti kesihatan kerajaan/swasta di Selangor;
- v. Memberi pendidikan kesihatan berterusan kepada masyarakat melalui pelbagai platform;
- vi. Pihak KKM mengeluarkan Kenyataan Akhbar secara berkala dari masa ke semasa mengenai status Zika bagi Malaysia;



- vii. Oleh kerana, vektor pembawa Virus Zika juga adalah *Aedes Aegypti*, bagi aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Zika (jika ada kes yang disyaki Zika) masih mengguna pakai strategi bagi penyakit denggi iaitu:
- Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi (2009-2013)
  - Hala Tuju Baru Untuk Kawalan Denggi 2014
    - Kes yang didaftarkan adalah kes yang telah disahkan dengan ujian makmal
    - Aktiviti *source reduction* ditingkatkan termasuk pemeriksaan premis
    - Aktiviti semburan ruang thermal (SRT) untuk kes positif.  
Fokus utama halatuju kawalan ini adalah mengurangkan risiko pembiakan nyamuk melalui aktiviti “source reduction” yang menjadi punca utama.
  - Pendekatan Ekosistem 2015
- b) JKNS akan menggunakan SOP Pengurusan Kes Zika yang telah dikeluarkan oleh KKM bertarikh 11 September 2016. Ia meliputi sistem pemantauan survelan kes dan juga aktiviti kawalan. Bagi Kes yang disahkan Zika, aktiviti kawalan adalah sepertimana aktiviti kawalan denggi dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DI PBT**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan keanggotaan dan tarikh mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam setiap PBT pada tahun 2014, 2015 dan 2016.
- b) Adakah teguran dan penemuan sebarang kelemahan, ketidakpatuhan serta pelanggaran prosedur ditambahbaik oleh pengurusan PBT masing-masing? Huraikan.
- c) Sejauh manakah tindakan diambil oleh PBT ke atas semua pihak yang buat tuntutan kerja palsu, resit palsu dan gambar palsu?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai keanggotaan dan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam setiap PBT pada tahun 2014, 2015, dan 2016 adalah seperti di Lampiran A.
- b) dan c)

Teguran dan penemuan sebarang kelemahan, ketidakpatuhan serta tindakan yang diambil oleh setiap PBT ke atas semua pihak yang membuat tuntutan kerja palsu, resit palsu dan gambar palsu adalah seperti di Lampiran B.

**SENARAI KEANGGOTAAN DAN TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT  
DI PBT BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

PBT	Tahun	Tarikh	Bilangan Mesyuarat	Keanggotaan
MBSA	2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 22 Mei 2014</li> <li>• 19 Jun 2014</li> <li>• 18 Ogos 2014</li> <li>• 13 November 2014</li> <li>• 29 Disember 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> <li>• 4/2014</li> <li>• 5/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Jaberi bin Ami – Pengerusi</li> <li>2. Encik Prakash Rao a/l Applasamy</li> <li>3. Puan Ng Li Li</li> <li>4. Encik Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai</li> <li>5. Encik Mohamad Jamil bin Abdul Rahim</li> <li>6. Encik Naim bin Jusri</li> </ol>
	2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 Mac 2015</li> <li>• 17 April 2015</li> <li>• 11 Mei 2015</li> <li>• 18 Jun 2015</li> <li>• 18 September 2015</li> <li>• 1 Oktober 2015</li> <li>• 26 November 2015</li> <li>• 29 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> <li>• 5/2015</li> <li>• 6/2015</li> <li>• 7/2015</li> <li>• 8/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YM Tengku Ahmad bin Tengku Kasim - Pengerusi</li> <li>2. Encik Prakash Rao a/l Applasamy</li> <li>3. Encik Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai</li> <li>4. Encik Mohamad Jamil bin Abdul Rahim</li> <li>5. Puan Ng Li Li</li> <li>6. Encik Awang bin Ibrahim</li> <li>7. Encik Noryzal bin Zainal Abidin</li> <li>8. Puan Anizan binti Othman</li> <li>9. Encik Mageswaran a/l Arumugam</li> </ol>
	2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 29 Februari 2016</li> <li>▪ 24 Mac 2016</li> <li>▪ 28 Jun 2016</li> <li>▪ 29 Julai 2016</li> <li>▪ 25 Ogos 2016</li> <li>▪ 8 September 2015</li> <li>▪ 27 Oktober 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> <li>• 4/2016</li> <li>• 5/2016</li> <li>• 6/2016</li> <li>• 7/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YM Tengku Ahmad bin Tengku Kasim - Pengerusi</li> <li>2. Encik Prakash Rao a/l Applasamy</li> <li>3. Encik Awang bin Ibrahim</li> <li>4. Encik Abdul Halim bin Omar</li> <li>5. Encik Foong Saik Hoong</li> <li>6. Encik Zulnizam bin Shahrani</li> <li>7. Encik Imran bin Satiman</li> <li>8. Encik Muhammad Shakir bin Ameer Mohideen</li> <li>9. Encik Noryzal bin Zainal Abidin</li> </ol>

PBT	Tahun	Tarikh	Bilangan Mesyuarat	Keanggotaan
MBPJ	2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 20 Mac 2014</li> <li>• 17 April 2014</li> <li>• 15 Mei 2014</li> <li>• 10 Julai 2014</li> <li>• 14 Ogos 2014</li> <li>• 11 September 2014</li> <li>• 8 Disember 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> <li>• 4/2014</li> <li>• 5/2014</li> <li>• 6/2014</li> <li>• 7/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Teh Chi-Chang</li> <li>2. Dr. Stream a/l Sinnasamy</li> <li>3. Jeyaseelen a/l T Anthony</li> <li>4. Cynthia Gabriel</li> <li>5. Azizi bin Ariffin</li> </ol>
	2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 12 Mac 2015</li> <li>• 16 April 2015</li> <li>• 14 Mei 2015</li> <li>• 16 Jun 2015</li> <li>• 9 Julai 2015</li> <li>• 13 Ogos 2015</li> <li>• 10 September 2015</li> <li>• 15 Oktober 2015</li> <li>• 12 November 2015</li> <li>• 16 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> <li>• 5/2015</li> <li>• 6/2015</li> <li>• 7/2015</li> <li>• 8/2015</li> <li>• 9/2015</li> <li>• 10/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Teh Chi-Chang</li> <li>2. Dr. Stream a/l Sinnasamy</li> <li>3. Jeyaseelen a/l T Anthony</li> <li>4. Cynthia Gabriel</li> <li>5. Azizi bin Ariffin</li> </ol>
	2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 Februari 2016</li> <li>• 13 Mei 2016</li> <li>• 18 Ogos 2016</li> <li>• 13 Oktober 2016</li> <li>• 14 Disember 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> <li>• 4/2016</li> <li>• 5/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tan Fui Koh</li> <li>2. Jeyaseelen a/l T Anthony</li> <li>3. Azizi bin Ariffin</li> <li>4. Shatiri bin Mansor</li> <li>5. Chan Kiet Fatt</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MPK</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 19 Mei 2014</li> <li>• 25 Jun 2014</li> <li>• 30 September 2014</li> <li>• 18 September 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> <li>• 4/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Y.A.D Dato' Setia Diraja Abdul Ghani Bin Pateh Akhir</li> <li>2. En. Nathan a/l M. Ganeswaran</li> <li>3. En. Sukumaran a/l A.Sundram</li> <li>4. En. Khoo Ghee Tat</li> <li>5. En. Kamal Batcha Bin Noor Mohideen</li> <li>6. En. Yugararajah a/l Palanisamy</li> <li>7. En. Mohd Salleh Bin Mohammed</li> <li>8. Pn. Nor'Ain Binti Eusoff</li> <li>9. En. Norhisam Bin Ali</li> <li>10. En. Tan Heng Kim</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 22 Januari 2015</li> <li>• 15 April 2015</li> <li>• 8 Julai 2015</li> <li>• 21 Oktober 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Y.A.D Dato' Setia Diraja Abdul Ghani Bin Pateh Akhir</li> <li>2. En. Abd Razak Bin Abdul Rashid</li> <li>3. En. Yugarajah a/l Palanisamy</li> <li>4. En. Khoo Gee Tat</li> <li>5. En. Sukumaran a/l Sundram</li> <li>6. Dato' Deepakaran a/l Karuppiah</li> <li>7. En. Sabastine Rao a/l Pragasam</li> <li>8. Pn Irene Wong</li> <li>9. Pn Shoba a/p Selvarajoo</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 26 Mei 2016</li> <li>• 21 Jun 2016</li> <li>• 25 Ogos 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Y.A.D Dato' Setia Diraja Abdul Ghani Bin Pateh Akhir</li> <li>2.Prof Madya Robert Choo Teck Keong</li> <li>3.Puan Ummi Jumaina Binti Mohd Jan</li> <li>4.Puan Ngian Yoke Mooi</li> <li>5.Tuan Haji Mohd Prasad Bin Hanif</li> <li>6.Encik Athi Saravanan A/L S. Rengiah</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MPAJ</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 Jun 2014</li> <li>• 11 Sept 2014</li> <li>• 13 Nov 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hassan</li> <li>2. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal</li> <li>3. Tn. Azlan bin Maddin</li> <li>4. Tn. Dr. Lai Fatt Sian</li> <li>5. Pn. Yogayswari a/p Ramalu</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 16 April 2015</li> <li>• 17 Jun 2015</li> <li>• 17 Sept 2015</li> <li>• 3 Nov 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hassan</li> <li>2. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal</li> <li>3. Tn. Azlan bin Maddin</li> <li>4. Tn. Dr. Lai Fatt Sian</li> <li>5. Pn. Yogayswari a/p Ramalu</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 Mac 2016</li> <li>• 2 Jun 2016</li> <li>• 8 Sept 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hassan</li> <li>2. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal</li> <li>3. Tn. Azlan bin Maddin</li> <li>4. Pn. Yogayswari a/p Ramalu</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MPSJ</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 06 Mac 2014</li> <li>• 18 Mac 2014</li> <li>• 08 Mei 2014</li> <li>• 03 Jun 2014</li> <li>• 03 Julai 2014</li> <li>• 04 Ogos 2014</li> <li>• 02 September 2014</li> <li>• 13 Oktober 2014</li> <li>• 04 November 2014</li> <li>• 02 Disember 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> <li>• 4/2014</li> <li>• 5/2014</li> <li>• 6/2014</li> <li>• 7/2014</li> <li>• 8/2014</li> <li>• 9/2014</li> <li>• 10/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh</li> <li>2. Encik Wan Hock Leong</li> <li>3. Puan Sazana Binti Isa</li> <li>4. Encik Rosharizan Bin Mohd Rozhan</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 04 Februari 2015</li> <li>• 10 Mac 2015</li> <li>• 07 April 2015</li> <li>• 14 Mei 2015</li> <li>• 11 Jun 2015</li> <li>• 04 Ogos 2015</li> <li>• 09 September 2015</li> <li>• 08 Oktober 2015</li> <li>• 12 November 2015</li> <li>• 08 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> <li>• 5/2015</li> <li>• 6/2015</li> <li>• 7/2015</li> <li>• 8/2015</li> <li>• 9/2015</li> <li>• 10/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh</li> <li>2. Encik Wan Hock Leong</li> <li>3. Encik Rosharizan Bin Mohd Rozhan</li> <li>4. Tuan Dr. Mahendran A/L Markandoo</li> <li>5. Encik Tan Pang Yeow</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 Februari 2016</li> <li>• 08 Mac 2016</li> <li>• 21 April 2016</li> <li>• 12 Mei 2016</li> <li>• 02 Jun 2016</li> <li>• 10 Ogos 2016</li> <li>• 08 September 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> <li>• 4/2016</li> <li>• 5/2016</li> <li>• 6/2016</li> <li>• 7/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuan Haji Jaber Bin Ami</li> <li>2. Encik Edwin Lim Hock Lee</li> <li>3. Encik Yap Kok Weng</li> <li>4. Encik Rosharizan Bin Mohd Rozhan</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MPS</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 Mac 2014</li> <li>• 3 Jun 2014</li> <li>• 4 September 2014</li> <li>• 13 November 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> <li>• 4/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuan Mohamad Azizul bin Abu Bakar</li> <li>2. Tuan Gunarajah a/l R. George</li> <li>3. Tuan Yew Jia Haur</li> <li>4. Tuan Mustafa Kamal bin Othman</li> <li>5. Tuan Ng. Wei Keong</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 30 Mac 2015</li> <li>• 28 Mei 2015</li> <li>• 11 September 2015</li> <li>• 10 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuan Mohamad Azizul bin Abu Bakar</li> <li>2. Tuan Ng. Wei Keong</li> <li>3. Tuan Amir Fazlee bin Khalid (P)</li> <li>4. Tuan Fok Wai Mun</li> <li>5. Puan Mazura binti Mokhtar</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 14 Jun 2016</li> <li>• 11 Ogos 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuan Ng. Wei Keong</li> <li>2. Tuan Amir Fazlee bin Khalid (P)</li> <li>3. Tuan Syarhan Humaizi Bin Halim</li> <li>4. Tuan Chua Wei Kiat</li> </ol>



PBT	Tahun	Tarikh	Bilangan Mesyuarat	Keanggotaan
MPKj	2014	<p>Tiada Mesyuarat dijalankan kerana tidak cukup minima kuorum.</p> <p>p/s :</p> <p>Pekeliling Jawatankuasa Audit &amp; Pengurusan Korporat menetapkan minima keahlian bagi jawatankuasa ini seramai 3 orang. Sehingga November 2014, ahli didalam jawatankuasa ini hanya 2 orang, dan bermula Disember 2014, baru mempunyai 3 orang.</p>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Mad Shahmiour Bin Mat Kosim (sehingga Ogos 2014)</li> <li>2. Encik Chan Koy Choon</li> <li>3. Tuan Hj. Mazwan Bin Johar (bermula Ogos 2014 – ganti En. Mad Shahmiour)</li> <li>4. Puan Tan Pang Yeow</li> </ol>
	2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 April 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 kali</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Arman Bin Ramli</li> <li>2. Tuan Hj. Mazwan Bin Johar (sehingga Ogos 2015)</li> <li>3. Encik Mphd Sany Bin Hamzan (sehingga Ogos 2015)</li> <li>4. Encik Chan Koy Choon</li> <li>5. Encik Raman A/L Elangovan</li> <li>6. Puan Hamsatul Azura Binti Hamzah (bermula Ogos 2015)</li> </ol>
	2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 April 2016</li> <li>• 18 Ogos 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuan Haji Ahmad Bin Yusof</li> <li>2. Encik Raman A/L Elangovan</li> <li>3. Encik Leong Chiew Sing</li> <li>4. Puan Lim Kim Eng</li> <li>5. Cik Young Shefura Binti Othman</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MPSp</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 23 April 2014</li> <li>• 1 Julai 2014</li> <li>• 28 Oktober 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj (OBD)</li> <li>2. Pn.Lau Weng Chan</li> <li>3. En. Kong Tuck Wah</li> <li>4. En. Lwi Kian Keong</li> <li>5. Puan Rohaya binti Datuk Mohd Shahir</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 Mei 2015</li> <li>• 17 Ogos 2015</li> <li>• 12 Oktober 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj (OBD)</li> <li>2. Pn.Lau Weng Chan</li> <li>3. En. Kong Tuck Wah</li> <li>4. En. Lwi Kian Keong</li> <li>5. Puan Rohaya binti Datuk Mohd Shahir</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 Mac 2016</li> <li>• 19 Mei 2016</li> <li>• 6 Oktober 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj (OBD)</li> <li>2. Puan Rohaya binti Datuk Mohd Shahir</li> <li>3. Puan Suziana binti Musa</li> <li>4. Encik Gun Chee Hui</li> <li>5. En. Nor Mohd Zulkarnain b. Abdul Yazid</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MDKL</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 03 Jun 2014</li> <li>• 23 September 2014</li> <li>• 11 November 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Puan Norlilah binti Abdullah</li> <li>2.Puan Rogayah binti Ibrahim</li> <li>3.Encik Khoo Chong Teck</li> <li>4.Encik Jalaraman a/l Suliarraju</li> <li>5.Encik Ravintheran a/l Kathirvel</li> <li>6.Puan Azaniah binti Hassan</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 12 Mac 2015</li> <li>• 8 Julai 2015</li> <li>• 11 November 2015</li> <li>• 16 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman</li> <li>2.Puan Azaniah binti Hassan</li> <li>3.Encik Haridass a/l Ramasamy</li> <li>4.Puan Rogayah binti Ibrahim</li> <li>5.Encik Khoo Chong Teck</li> <li>6.Encik Jalaraman a/l Suliarraju</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 April 2016</li> <li>• 8 September</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1.Encik Rizuan bin Rahmat</li> <li>2.Tuan Haji Kamaruddin bin Bakaron</li> <li>3.Encik Lim Tou Yih</li> <li>4.Encik Gan Yee Chin</li> <li>5.Encik Tiew Chee Hock</li> <li>6.Encik Fazly Faizal bin Mohamed Razally</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MDHS</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 Mac 2014</li> <li>• 22 Ogos 2014</li> <li>• 23 September 2014</li> <li>• 27 Januari 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> <li>• 4/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Law Say Hin</li> <li>2. Y.D.H Dato' Hj. Aman Shah Bin Mohd Shahr</li> <li>3. Encik Chng Boon Lai</li> <li>4. Encik Mohd Nizam Bin Mat Rahim</li> <li>5. Puan Leow Hsiad Hui</li> <li>6. Encik Azman Bin Dahlan (Wakil MDHS)</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 17 Febduari 2015</li> <li>• 12 Mei 2015</li> <li>• 11 Ogos 2015</li> <li>• 12 November 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Law Say Hin</li> <li>2. Y.D.H Dato' Hj. Aman Shah Bin Mohd Shahr</li> <li>3. Encik Chng Boon Lai</li> <li>4. Encik Mohd Hafiz Bin Idrus</li> <li>5. Puan Wan Nur Marsita Binti Ahmad</li> <li>6. Encik Kanagaraja A/I Allagasen</li> <li>7. Encik Mohd Nizam Bin Mat Rahim</li> <li>8. Encik Azman Bin Dahlan (MDHS)</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 Februari 2016</li> <li>• 23 Mei 2016</li> <li>• 9 September 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Encik Ong Thiam Hock</li> <li>2. Cik Iza Suraiya Binti Zainudin</li> <li>3. Encik Mohd Hafiz Bin Idrus</li> <li>4. Puan Wan Nur Marsita Binti Ahmad</li> <li>5. Encik Kanagaraja A/I Allagasen</li> <li>6. Encik Rajakumar A/I Batumalai</li> <li>7. Encik Mohd Nizam Bin Mat Rahim</li> <li>8. Encik Azman Bin Dahlan (MDHS)</li> </ol>

PBT	Tahun	Tarikh	Bilangan Mesyuarat	Keanggotaan
MDKS	2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 Jun 2014</li> <li>• 23 September 2014</li> <li>• 11 November 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> <li>• 2/2014</li> <li>• 3/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tn. Haji Roslan Bin Basri</li> <li>2. En. Wong Tak Seng</li> <li>3. En. Chee Kian Wah</li> <li>4. Pn. Wasanthee a/p Sinnasamy</li> <li>5. En. Saharuddin Bin Mohd Ajat</li> <li>6. En. Mohan a/l Ramasamy</li> </ol>
	2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 12 Mac 2015</li> <li>• 8 Julai 2015</li> <li>• 11 November 2015</li> <li>• 16 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tn. Haji Roslan Bin Basri</li> <li>2. En. Saharuddin Bin Mohd Ajat</li> <li>3. En. Chee Kian Wah</li> <li>4. En. Lee Bon Hong</li> <li>5. En. Anwar Bin Karison</li> <li>6. En. Wong Tak Seng</li> <li>7. En. Mohan a/l Ramasamy</li> <li>8. En. Sures a/l Manickam</li> </ol>
	2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 April 2016</li> <li>• 8 September 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. En. Tan Kik Meng</li> <li>2. En. Magesvaran a/l Arumugam</li> <li>3. En. Rosham Bin Mohammad</li> <li>4. En. Lee Lih Perng</li> <li>5. Tn. Haji Mohd Noor Bin Mohd Shahar</li> <li>6. En. Aanandan a/l Damodaran</li> <li>7. Pn. Nor Faizah Binti Ismail</li> <li>8. En. Koo Chin Min</li> <li>9. En. Lee Bon Hong</li> </ol>

<b>PBT</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Mesyuarat</b>	<b>Keanggotaan</b>
<b>MDSB</b>	<b>2014</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 31 Disember 2014</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2014</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yang Dipertua</li> <li>2. Setiausaha</li> <li>3. Semua Ketua Jabatan</li> </ol>
	<b>2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 31 Mac 2015</li> <li>• 25 Jun 2015</li> <li>• 28 September 2015</li> <li>• 22 Disember 2015</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2015</li> <li>• 2/2015</li> <li>• 3/2015</li> <li>• 4/2015</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yang Dipertua</li> <li>2. Setiausaha</li> <li>3. Semua Ketua Jabatan</li> </ol>
	<b>2016</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 Mac 2016</li> <li>• 30 Ogos 2016</li> <li>• 28 September 2016</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1/2016</li> <li>• 2/2016</li> <li>• 3/2016</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yang Dipertua</li> <li>2. Setiausaha</li> <li>3. Semua Ketua Jabatan</li> </ol>

LAMPIRAN B

PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
<p><b>MBSA</b></p>	<p>Bagi Tahun 2016, Bahagian Audit Dalam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengambil langkah yang proaktif dengan menjalankan auditan pematuhan dan prestasi. Usaha ini diambil berikutan Majlis telah memperuntukan perbelanjaan yang tinggi bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) perkhidmatan kutipan sampah</li> <li>ii) pembersihan kawasan</li> <li>iii) penyelenggaraan jalan</li> <li>iv) penyelenggaraan pokok</li> <li>v) penyelenggaraan lampu jalan</li> </ul>	<p>Berikut adalah di antara penambahbaikan yang telah diambil tindakan oleh pihak pengurusan MBSA berdasarkan teguran audit dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i- Mengambil tindakan yang tegas kepada kakitangan yang gagal mematuhi peraturan kewangan dan peraturan lain yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.</li> <li>ii- Memastikan tindakan <i>'corrective'</i> dan <i>'preventive'</i> diambil terhadap semua teguran audit agar kesalahan yang sama tidak berulang.</li> <li>iii- Mewujudkan prosedur dan garis panduan yang jelas serta dikemaskini dari masa ke semasa bagi setiap aktiviti yang dijalankan supaya kakitangan lebih bertanggungjawab dan dapat menjalankan tugas dengan lebih teratur.</li> <li>iv- Mewujudkan sistem <i>'check and balance'</i> atau mekanisme pemantauan yang berkesan bagi memastikan kelemahan pelaksanaan aktiviti dapat dikesan dari peringkat awal dan tindakan penyelesaian dapat diambil dengan kadar segera.</li> <li>v- Latihan dan kursus diberikan bagi meningkatkan kefahaman tentang peraturan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas serta memantapkan nilai-nilai murni dalam diri setiap kakitangan.</li> </ul>

PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
	<p>Sehingga bulan Oktober 2016, sebanyak tiga (3) laporan audit berkaitan auditan pematuhan dan enam (6) laporan auditan prestasi telah dikeluarkan. Berdasarkan kepada laporan audit yang telah dikeluarkan, terdapat beberapa penemuan berkaitan ketidakpatuhan serta pelanggaran prosedur telah dibentangkan kepada pihak pengurusan MBSA.</p>	<p>Di antara tindakan yang telah diambil oleh MBSA ke atas semua pihak yang membuat tuntutan kerja palsu, resit palsu dan gambar palsu adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i- Bagi kontraktor yang telah mengemukakan dokumen palsu untuk membuat tuntutan bayaran, pihak Majlis telah <b>menamatkan perkhidmatan</b> serta memberikan amaran supaya perkara ini tidak berlaku lagi.</li> <li>ii- Pihak pengurusan MBSA telah memberikan <b>surat amaran kepada 15 orang kakitangan yang bertanggungjawab sebagai penyelia kawasan</b> agar membuat semakan dengan lebih teliti supaya tidak wujud sebarang ruang berlakunya perkara seumpama ini.</li> <li>iii- Pihak pengurusan MBSA juga telah meminta agar <b>proses kerja yang melibatkan tuntutan bayaran daripada kontraktor disemak semula</b> oleh jabatan yang berkaitan supaya kelemahan proses sedia ada tidak dimanipulasi oleh pihak kontraktor.</li> <li>iv- Di samping itu juga, pihak Majlis telah mengemukakan laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di atas kesalahan memalsukan dokumen serta membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.</li> </ul>



PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
MBPJ	<p><b><u>Laporan Pengauditan Pengurusan Perolehan</u></b></p> <p>Terdapat perolehan secara pembelian terus didapati telah melebihi jumlah perbelanjaan tahunan RM20,000. Kurangnya pemahaman dikalangan kakitangan Majlis berkaitan Kaedah Perolehan Kerajaan.</p>	<p>Kursus Kaedah Perolehan Kerajaan telah diadakan pada 5-6 September 2016 yang dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Majlis, Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta kakitangan yang terlibat mengurus perolehan di jabatan/unit masing-masing. Ianya bertujuan memberikan pendedahan dan pengetahuan terhadap pemakaian 1PP.</p>
	<p><b><u>Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan</u></b></p> <p>Pembayaran kepada pembekal / kontraktor dibuat melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu 14 hari.</p>	<p>Senarai semak dibuat bagi memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari. Selain itu, Jabatan juga telah diminta untuk pastikan cop terima dibuat di setiap dokumen inbois yang dihantar oleh kontraktor.</p>
	<p><b><u>Laporan Pemeriksaan Mengejut Ke Atas Panjar Wang Runcit, Kutipan Tunai, Bilik Kebal dan Mesin Franking</u></b></p> <p>Kelewatan membuat rekupan sehingga menyebabkan baki di tangan kurang.</p>	<p>Kakitangan bertanggungjawab diberi tunjuk ajar agar senggaraan buku rekod dibuat dengan betul dan kemaskini.</p>
MPK	<p>Penerimaan dan pengeluaran stok dilaksanakan di dua lokasi stor yang berbeza.</p>	<p>Majlis telah menyelaras dan memusatkan penerimaan stok agar semua stok dapat diuruskan dengan baik</p>
	<p>Penyewa gagal membuat bayaran sewaan petak khas letak kereta pada tarikh yang ditetapkan dan terdapat penyewa yang menggunakan kaedah pembayaran secara pukal.</p>	<p>Majlis telah melaksanakan pembayaran penyewaan petak khas letak kereta mengikut sesi yang ditetapkan.</p>

PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
MPK	Jabatan tidak merekodkan daftar aset bagi pemindahan komputer.	Jabatan telah merekodkan pergerakan komputer bagi memastikan setiap rekod pergerakan disimpan dengan baik
MPAJ	<p><b>CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA OLEH (JKAPK) KE ATAS PRESTASI KERJA KONTRAKTOR PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (PPSP) DAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM (PPA) OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN (PBK)</b></p> <p>a. Laporan prestasi kerja kontraktor PPSP dan PPA akan dibentangkan oleh Jabatan PBK di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.12/2013.</p> <p>b. Kajian semula ke atas KPI yang digunakan bagi penilaian prestasi kontraktor PPSP dan PPA hendaklah dilakukan dengan mengambilkira faktor aduan pelanggan serta perbandingan KPI yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain.</p> <p>c. Penubuhan Skuad Anti Sampah (Anti Litter Squad) akan diselaraskan dengan keputusan Enakmen Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Selangor) 2013.</p>	<p>Mesyuarat Penuh Majlis telah mengambil maklum cadangan penambahbaikan yang dibangkitkan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) MPAJ. Jabatan PBK akan menyelaraskan tindakan bagi melaksanakan cadangan berkaitan. Jabatan PBK memaklumkan bahawa SOP dan spesifikasi standard bagi pengurusan PPA dan PPSP Negeri Selangor sedang dirangka oleh pihak kerajaan negeri yang mana MBSA diputuskan sebagai pihak berkuasa tempatan yang bertindak sebagai urusetia bagi satu bengkel yang akan diadakan bagi tujuan tersebut. Cadangan-cadangan penambahbaikan JKAPK berkaitan pengurusan PPA dan PPSP akan dibawa untuk perbincangan oleh jabatan di dalam bengkel tersebut.</p>

PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
	<p>d. Sesalanan Jadual Kerja Kontraktor mengikut laluan/'track' hendaklah diemelkan kepada setiap Ahli Majlis secara bulanan.</p> <p>e. Pemusatan Pejabat Urusan kontraktor PPSP dan PPA hendaklah dibincangkan kesesuaian pelaksanaannya dengan pihak kontraktor bagi memudahkan pemantauan oleh pihak Jabatan PBK.</p> <p>f. Jabatan PBK akan mengkaji dalam sasaran kerja tahunan 2014 tentang kesesuaian penggunaan teknologi yang sesuai seperti Sistem GPS / AVT (Automatic Vehicle Tracking) bagi memantau pergerakan lori-lori PPSP dan PPA.</p> <p>g. Penggunaan Buku Log bagi memantau prestasi kontraktor PPSP dan PPA di kediaman berstrata dan tempat-tempat yang difikirkan perlu seperti di sekolah akan dilaksanakan secara berperingkat oleh Jabatan PBK.</p> <p>h. JKAPK memaklumkan kualiti kerja kontraktor secara umumnya masih perlu diperbaiki kerana didapati masih kurang memuaskan. Keberkesanan peranan penyelia milik kontraktor perlu dikaji semula.</p> <p>i. Pengedaran 'pamplet' kebersihan juga dicadangkan dilaksanakan bagi membangkitkan kesedaran penduduk. Hebahan berkaitan</p>	

PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
	<p>kempen kesedaran kebersihan tersebut perlu lebih aktif dari pihak MPAJ. Program pendidikan melibatkan generasi muda berhubung perkara ini juga dicadang dilaksanakan.</p> <p>j. JKAPK mencadangkan agar perjumpaan antara pihak kontraktor PPA dan PPSP, JKP dan jabatan untuk membincangkan prestasi pengurusan sampah ikut keperluan diadakan dari masa ke semasa mengikut keperluan.</p> <p><b>PRESTASI PENGURUSAN CCTV</b></p> <p>(a) Cadangan penubuhan Jawatankuasa Khas Taskforce yang melibatkan beberapa orang Ahli Majlis bagi membantu Jabatan Perancangan Korporat MPAJ membincangkan penyelesaian masalah pengoperasian CCTV dan menilai semula kontrak berkaitan dengannya.</p> <p>(b) JKAPK mencadangkan agar kualiti rakaman melalui cctv dipantau keberkesanannya agar hasil rakaman tersebut dapat digunakan untuk tujuan pengecaman bagi pelbagai tujuan yang berkaitan.</p>	<p>Jawatankuasa taskforce berkaitan telah ditubuhkan oleh Majlis. Syarikat yang dilantik menguruskan CCTV majlis telah disyor untuk ditamatkan oleh pihak Majlis susulan kegagalan melaksanakan obligasi dalam kontrak. Penyelarasan lokasi baru CCTV dalam kajian Jabatan Perancangan Korporat MPAJ. JKAPK mengambil maklum berhubung pembentangan status hasil perbincangan Jawatankuasa Taskforce CCTV yang memaklumkan cadangan untuk tidak menyambung kontrak syarikat Netcess Berhad yang akan tamat 21 Ogos 2016</p>

PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
	<p><b>KAJIAN KOS EFEKTIF PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN MENGGUNAKAN SISTEM KONTRAK PANEL</b></p> <p>Lawatan ke MBSA telah diadakan pada 11 November 2014 membincangkan kaedah sistem kontrak panel bagi penyelenggaraan lampu dan lain-lain perkhidmatan. JKAPK meminta agar penemuan peluang penambahbaikan hasil dari lawatan tersebut didokumenkan dan dikemukakan kepada ahli JKAPK dan Yang di Pertua untuk pertimbangan perlaksanaannya mengikut kesesuaian.</p> <p><b>STATUS DAN PRESTASI PERLAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT.</b></p> <p>JKAPK meminta agar kekerapan mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat diadakan selaras dengan ketetapan yang telah diputuskan iaitu 4 kali setahun. Peruntukan yang diterima berhubung Program berkaitan perlu digunakan sepenuhnya dengan efektif. Kajian penentuan kawasan 'blackspot' perlu lebih jelas dan seterusnya dibuat kajian semula dari masa ke semasa mengikut keperluan dan data-data terkini</p>	<p>Syor pelaksanaan sistem kontrak panel telah dimaklumkan kepada pengurusan Majlis. Pihak pengurusan Majlis mendapati pelaksanaan sistem kontrak panel bagi lampu jalan masih belum sesuai dilaksanakan pada keadaan semasa.</p> <p>Jabatan Perancang Bandar selaku urusetia Mesyuarat tersebut telah mengambil maklum dan akan menyelaraskan tindakan ke atas cadangan penambahbaikan berkaitan.</p>



PBT	PENEMUAN/ TEGURAN	TINDAKAN
